

Bil. 5

**Isnin
14 Mac 2016**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti)</i>	(Halaman 21)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] – PBB
11. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] – UMNO
12. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
13. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO
14. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
15. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] - PBRS
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO

18. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
19. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
20. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
21. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
22. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
23. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
24. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
26. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
27. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] – UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
31. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
32. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
33. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] – UMNO
34. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak – *Senator*
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] – UMNO
36. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato’ Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan A/L Murugan [Tapah] – MIC
3. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO

5. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
6. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] – PBB
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Lee Chee Leong – *Senator*
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
9. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, (Kosong)
14. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan – *Senator*
15. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] – MIC
18. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
20. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
22. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun – *Senator*
24. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] – UMNO
26. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO

27. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki – *Senator*
28. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan Chong Sin Woon – *Senator*
29. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Masir Anak Kujat, P.P.B. [Sri Aman] – PRS
32. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
33. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] – SPDP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M., S.S.A.P., P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
10. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
18. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
19. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO
20. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K [Ranau] - UPKO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
23. “ Dato' Hasan bin Arifin, D.S.A.P. [Rompin] – UMNO

24. Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P [Kuala Pilah] - UMNO
25. " Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
26. " Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
27. " Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
28. " Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. " Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. " Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. " Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. " Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. " Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. " Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. " Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. " Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
38. " Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
39. " Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
40. " Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
41. " Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
42. " Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
43. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] – PBB
44. " Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. [Pagoh] - UMNO
45. " Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
46. " Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
47. " Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
48. " Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
49. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
50. " Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
51. " Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
52. " Dato' Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
53. " Dato' Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] – UMNO
54. " Datuk Seri Palanivel A/L K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
55. " Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO

56. Yang Berhormat Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
57. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
58. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
59. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
60. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
61. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
62. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
63. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
64. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
65. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
66. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
67. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
68. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
69. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
70. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
71. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
72. “ Dato’ Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
6. “ Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
10. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
11. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
12. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
13. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
14. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
15. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
16. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
17. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]

18. Yang Berhormat Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
19. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
20. “ Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]
21. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
22. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
23. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
24. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
25. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
26. “ Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
27. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
28. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
29. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]

26. Yang Berhormat Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

BEBAS

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S.,
D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

PARLIMEN MALAYSIA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Mohd Sazali bin Mohd Zin

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad

Suriyani binti Mohd. Noh
Yoogeswari A/P Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara
Siti Nasirah binti Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA
Isnin, 14 Mac 2016

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, kesesuaian Dasar Kepelbagaian Biologi 1998 dalam memacu usaha konservasi biodiversiti negara.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Raheem. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, tempoh pelaksanaan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 1998 yang berlandaskan pemeliharaan dan pemuliharaan telah berakhir pada 2015.

Dasar tersebut telah dilaksana dengan jayanya dalam tempoh tersebut. Antara pencapaian utama di bawah dasar tersebut adalah penubuhan institusi-institusi berkaitan pengurusan biodiversiti seperti berikut:

- (i) penubuhan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar pada tahun 2004;
- (ii) penubuhan Jabatan Taman Laut Malaysia 2007;
- (iii) Jabatan Bio Keselamatan 2008;
- (iv) *Sarawak Biodiversiti Corporation (SBC)* 1998; dan
- (v) *Sabah Biodiversity Centre* pada tahun 2000

Taman Negara juga telah berjaya mengekalkan liputan hutan melebihi 50 peratus. Pada masa ini memenuhi komitmen negara yang telah dibuat semasa Persidangan *Rio Earth Summit* pada 1992. Selain daripada itu mempunyai rangkaian kawasan perlindungan *terrestrial* sebanyak lebih kurang 13 peratus dan marin sebanyak 1.4 peratus. Strategi yang digaris dalam Dasar Kepelbagaian Biodiversiti Kebangsaan 1998. Umpamanya strategi yang kelima, memperkukuhkan dan mengintegrasikan program pemuliharaan sebagai program dan inisiatif diwujudkan di antaranya seperti inisiatif *the Heart of Borneo* ataupun HOB, projek *the Central Forest Spine (CFS)*, dan program-program penamaan pokok bakau dan pesisir yang disesuaikan di pesisiran pantai negara.

Yang kelima- mengintegrasikan perimbangan kepelbagaian biodiversiti di dalam strategi perancangan infrastruktur, mengarusperdanakan biodiversiti dalam perancangan fizikal negara di bawah elemen biodiversiti terkandung di dalam objektif RFN kedua iaitu mengoptimalkan penggunaan tanah dan sumber asli untuk mencapai pembangunan mapan dan pemulihan biodiversiti. Dasar RFN 23 telah menyatakan bahawa *Central Forest Spine* akan diwujudkan bagi membentuk tulang belakang rangkaian kawasan sensitif dan alam sekitar.

Pada 17 Februari 2016, Jemaah Menteri telah meluluskan Dasar Kepelbagaian Bio Kebangsaan 2016 hingga 2025. Dasar baru tersebut telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Februari 2016.

Dasar baru ini telah dibentuk bagi memenuhi keperluan pengurusan biodiversiti semasa negara yang semakin mencabar dan kompleks. Antara isu baru yang perlu ditangani adalah seperti akses kepada sumber biologi dan perkongsian kaedah, spesies asing berbahaya, *Invasive Alien Species* (IAS) dan penggunaan dan pengeluaran secara lestari, *sustainable consumption and production*.

Di samping itu dasar ini juga memenuhi obligasi negara di peringkat antarabangsa khususnya di bawah *United Nations Convention on Biological Diversity* ataupun CBD. Pernyataan dasar baru ini adalah Malaysia komited untuk memelihara sumber biologinya, menggalakkan penggunaan sumber biologi secara lestari serta memastikan kaedah yang terhasil daripada pengguna sumber biologi berkongsi secara adil dan saksama. Berbeza dengan dasar terdahulu, dasar baru ini menggariskan lima matlamat pengurusan biodiversiti- 17 sasaran kebangsaan serta 57 pelan tindakan untuk melaksanakan sepanjang 10 tahun pelaksanaan daripada 2016 hingga 2025. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya juga hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab sendiri soalan yang dikemukakan.

Soalan tambahan saya pada pihak kementerian, apakah pihak kementerian ada menjalankan kerjasama terutamanya dalam R&D bersama-sama dengan universiti-universiti awam sebagai usaha strategik untuk memelihara kepelbagaian biodiversiti ini dan bagaimanakah Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016 hingga 2025 ini dapat dipastikan, dapat dijalankan untuk mencapai sasaran terutamanya yang melibatkan kesejahteraan rakyat dalam tempoh 10 tahun yang akan datang. Terima kasih.

■1010

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerjasama antara kementerian menerusi agensi-agensi yang berkenaan umpamanya institusi FRIM, Jabatan Laut, Jabatan Alam Sekitar, NAHRIM berterusan dengan universiti-universiti tempatan dan juga universiti-universiti antarabangsa. Apa yang kita dapati dan produk yang kita keluarkan pada masa sekarang ini di bawah undang-undang yang ada pada kita pada sekarang ini, tidak boleh di pasar sendiri oleh agensi-agensi tersebut ataupun institusi-institusi tersebut. Itulah mengapa, apabila saya memasuki kementerian ini saya berhasrat untuk meminda undang-undang FRIM khususnya.

Jadi dengan kelulusan di bawa oleh Kabinet beberapa bulan yang lepas, *insya-Allah* Undang-undang FRIM ini akan kita bawa ke Dewan ini supaya kajian bersama dengan unit institusi-institusi pengajian tinggi sama ada tempatan atau pun antarabangsa akan kita teruskan. Dalam masa yang sama produk yang kita keluar yang sekarang ini pun sudah mempunyai tidak kurang daripada 50 jenis produk yang telah dikeluarkan oleh pihak FRIM tetapi belum boleh kita kongsi bersama dengan pihak-pihak lain dan mendatangkan hasil kepada kerajaan, ini juga ada dalam undang-undang FRIM ini. *Insya-Allah* bila undang-undang ini dibuat prosiding nanti dan telah dibawa ke dewan ini, mintalah disokong bersama oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu ke Dewan ini dari kajian-kajian universiti itu, apakah penghalang atau *obstacle* yang menjejaskan dasar ini. Adakah pembalakan besar-besaran secara haram juga salah satu sebab yang susah kita hendak capai dasar atau *target* yang kita dirancang. Terima kasih.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya biodiversiti Yang Berhormat sebenarnya merangkumi semua perkara Yang Berhormat di udara, di laut dan juga di darat. Jadi soalan Yang Berhormat itu tertumpu kepada persoalan kehutanan yang mana biodiversiti negara kita dianggap sebagai sebuah 12 buah negara di dunia yang mempunyai kekayaan biodiversiti yang tertinggi. Jadi dalam keadaan demikian pada masa sekarang ini ada dua, tiga perkara yang boleh dikatakan telah menjejaskan tetapi walau bagaimanapun saya masih mengambil tindakan dalam jurusan mengambil tindakan.

Pertama, memang saya bersetuju apa Yang Berhormat kata, apabila berlakunya pembangunan tidak boleh tidak, tidak dapat tidak bahawa soal hutan ini akan terkena. Apabila berlakunya pembangunan daripada sudut perladangan dan juga pertanian, ia juga menjejaskan hutan sedikit sebanyak,

Walau bagaimanapun, dalam dasar dunia di bawah COP21 bahawa ketika itu *United Nations Framework Convention on Climate Change* bahawa, hanya satu sahaja boleh dimaafkan iaitu untuk mengeluarkan barang makanan Yang Berhormat bukan daripada sudut ekonomi *per se*, boleh kita menebang hutan sebenarnya- itulah kita bawah ucapan Perdana Menteri di Copenhagen pada 2014 mengatakan, kita akan *retain* 50 peratus. Sebenarnya kita masih mempunyai 54 peratus sumber hutan sekarang.

Akan tetapi kekurangan hutan ini berlaku oleh sebab pembangunan perladangan dan pembangunan bandar dan sebagainya. Selain daripada itu yang tidak pernah orang sebut Yang Berhormat oleh kerana apabila kita membuat jalan, *utilities* dan *non-utilities project* ia juga menjejaskan mengikut garis panduan mengikut perangkaan yang telah kita dapati bahawa 86,000 hektar hutan telah terjejas oleh kerana *utilities and non-utilities project*. Jadi saya telah mengadakan perbincangan dengan semua pihak utiliti kementerian, agensi kerajaan dan *company* ini supaya membincangkan supaya mengelakkan dari menggunakan hutan simpanan, hutan *sanctuary* daripada terjejas apabila membuat utiliti ataupun *non-utility project*.

Saya juga akan menjemput Menteri-Menteri dari Sarawak dan Sabah dan juga Exco negeri dari Semenanjung untuk berbincang bersama, bagaimana kita boleh iaitu mengurangkan masalah terjejasnya hutan oleh kerana pembangunan pembinaan *utility company* dan perladangan, juga pertanian supaya kita boleh mempertahankan hutan kita, akhirnya kita mempertahankan biodiversiti yang dikatakan yang terkaya, salah sebuah yang terkaya di dunia ini.

Jadi di samping itu Yang Berhormat, itu satu pemuliharaan dan pemeliharaan tetapi produknya yang terhormat umpamanya perundangan, kita tidak membolehkan kerajaan walaupun kita telah membuat beberapa banyak penemuan tetapi penemuan ini tidak boleh kita niagakan. Akhirnya penemuan ini tinggal menjadi ilmu dan penemuan sahaja dan tidak mendatangkan hasil kepada kerajaan ataupun mana-mana pihak yang tertentu dengan cara berfokus.

2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan, senarai status aset dan liabiliti terkini institusi-institusi kewangan GLC ekoran pendedahan Bank Negara bahawa Tabung Haji tidak mempunyai aset yang mencukupi berbanding tanggungan liabiliti. Adakah kerajaan akan mengadakan audit awam terhadap Tabung Haji, jika tidak, kenapa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan tiga pertanyaan lain iaitu pertanyaan oleh Yang Berhormat Pokok Sena pada 29 Mac; Yang Berhormat Temerloh pada 6 April; dan juga Yang Berhormat Wangsa Maju pada 7 April 2016. Semua pertanyaan tersebut menyentuh mengenai surat Gabenor Bank Negara yang menegur Lembaga Tabung Haji, mohon izin.

Tuan Yang di-Pertua pertamanya ingin saya jelaskan bahawa Lembaga Tabung Haji bukanlah di bawah seliaan ataupun pemantauan secara langsung oleh Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, kebiasaan bagi Bank Negara Malaysia untuk memberikan surat nasihat yang bertujuan untuk memastikan keutuhan kedudukan kewangan setiap institusi bank dan bukan bank. Kandungan surat Bank Negara Malaysia mengambil maklum akan dasar rizab sedia ada Tabung Haji. Namun begitu, Bank Negara Malaysia menyarankan agar Tabung Haji merumuskan satu dasar rizab yang lebih komprehensif bagi mengharungi ekonomi yang tidak menentu dan juga menangani *expectation* pendeposit terhadap kadar bonus tinggi setiap tahun daripada Tabung Haji.

Bank Negara Malaysia pada 26 Januari telah mengeluarkan kenyataan media bersabit surat mereka. Bank Negara Malaysia telah memaklumkan bahawa Tabung Haji telah secara proaktif melalui inisiatifnya sendiri telah mengambil kira langkah-langkah sewajarnya untuk memperkukuhkan pengurusan risiko dan kedudukan kewangan Tabung Haji.

Maka Tuan Yang di-Pertua, perlu surat ini sama ada surat yang pertama Bank Negara 23 Disember 2015 dan juga kenyataan media Bank Negara pada 26 Januari 2016 harus diambil kira dan juga dilihat dan dibaca secara bersama.

Ini sebab surat yang kedua itu menjelaskan tentang Bank Negara mengambil maklum daripada Tabung Haji yang proaktif mengambil inisiatif dalam mengambil langkah-langkah untuk memperkukuhkan pengurusan risiko dan kedudukan kewangan Tabung Haji.

Bank Negara Malaysia dalam suratnya juga menyatakan nilai aset Tabung Haji hanya cukup untuk membayar 98 sen bagi setiap satu ringgit nilai liabiliti. Kenyataan Bank Negara tersebut hanya merujuk kepada sebahagian daripada aset Tabung Haji- bukan keseluruhan tetapi sebahagian daripada aset Tabung Haji iaitu aset yang tersedia jual, *asset available for sale*. Begitu juga Tabung Haji masih mempunyai aset-aset yang tidak dinilai samakan, *fair value*, sebagai contoh, aset pelaburan Tabung Haji dalam anak-anak syarikat bersekutu, syarikat kerjasama dan aset-aset hartanah yang diduduki oleh Tabung Haji bagi tujuan operasi.

■1020

Nilai keseluruhan aset-aset Tabung Haji yang dinilai samakan, *fair value*, dengan izin, adalah positif dan melebihi liabiliti Tabung Haji pada 31 Disember 2015. Oleh yang demikian, kenyataan dan perbandingan tersebut adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya penjelasan saya terhadap isu-isu berkaitan surat Bank Negara Malaysia tersebut dibangkitkan dalam pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut. Pertamanya ialah apakah aset Tabung Haji mencukupi berbanding liabiliti? Dimaklumkan nilai portfolio aset boleh direalisasi atau pun *realizable asset value* Tabung Haji pada 31 Disember 2015 adalah melebihi RM60 bilion. Manakala liabiliti adalah dana pendeposit itu sendiri sebanyak RM59.3 bilion. Ini jelas membuktikan nilai aset Tabung Haji berada pada tahap yang lebih tinggi berbanding liabilitinya. Perlu juga saya pertegas di sini bahawa Tabung Haji melalui Akta Tabung Haji 535, seksyen 18, Tabung Haji tidak dibenarkan meminjam kecuali dengan kelulusan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan.

Yang kedua, persoalan yang ditimbulkan juga ialah auditan awam terhadap Tabung Haji. Ahli Yang Berhormat perlu memahami bahawa penyata kewangan Tabung Haji diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak mula penubuhannya lagi iaitu 53 tahun yang terdahulu. Setiap tahun Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Tabung Haji juga dibentangkan di Mesyuarat Parlimen. Di dalamnya telah terkandung Sijil Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan Tabung Haji.

Penyediaan penyata kewangan tersebut adalah mematuhi piawaian perakuan yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) yang diselaraskan menurut prinsip-prinsip syariah. Manakala pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia.

Ketua Audit Negara pada 3 Februari 2016 dalam kenyataan medianya memperakui polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Tabung Haji adalah konsisten dan mematuhi konsep yang berhemat, *prudent*. Ini jelas menunjukkan Tabung Haji telah mempraktikkan tatacara penyediaan penyata kewangan yang baik serta mengikut standard pengauditan awam yang ditetapkan.

Ketiga, kedudukan kewangan Tabung Haji dan bayaran bonus. Kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji bagi tahun 2015 adalah kukuh walaupun mendapat surat teguran daripada Bank Negara Malaysia. Keuntungan Tabung Haji bagi tahun kewangan 2015 adalah keuntungan tertinggi sejak ditubuhkan pada tahun 1963.

Sehubungan itu, dimaklumkan bahawa jumlah keuntungan bersih dan jumlah bayaran bonus bagi tahun kewangan 1994 hingga 1999 berbanding tahun kewangan 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan Bersih (RM/ juta)	Bayaran Bonus (RM/ juta)
1994	2014	179
1995	225	236
1996	363	327
1997	569	440
1998	561	459
1999	459	543
2015	3,536 juta/3.536 bilion	3,220 juta/3.220 bilion

Oleh yang demikian, jika dibandingkan jumlah pembayaran bonus 2015 dengan tahun-tahun 1994 hingga 1999, jelas menunjukkan jumlah pembayaran bonus 2015 lebih tinggi. Jika dilihat purata pembayaran bonus di antara tahun 1994 hingga 1999 adalah di bawah RM550 juta. Manakala pembayaran bonus untuk 2015 ialah RM3.2 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada penyebaran surat Bank Negara Malaysia (BNM) tersebut melalui media termasuk media sosial, Tabung Haji telah dilemparkan dengan tuduhan-tuduhan rambang, analisa-analisa separuh masak dan andaian-andaian yang negatif oleh pelbagai pihak. Terdapat sebahagian daripada pendeposit Tabung Haji (TH) yang percaya akan fitnah-fitnah tersebut dan telah mengeluarkan wang mereka daripada simpanan di Tabung Haji.

Pendeposit Tabung Haji ini telah menjadi mangsa oleh hasutan daripada fitnah-fitnah tersebut dan ada di kalangan pendeposit telah kehilangan peluang untuk menikmati bonus yang diumumkan. Situasi ini juga menyebabkan imej dan reputasi Tabung Haji sebagai pengurus haji dan dana Islam yang cemerlang di Malaysia telah tercemar akibat daripada tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ini. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, kalau berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh beliau, adakah ini bermakna bahawa surat teguran oleh Bank Negara Malaysia adalah salah? Sekiranya salah apakah tindakan yang diambil ke atas Bank Negara? Ini kerana kalau kita lihat daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi tentunya bila kita lihat tentang liabiliti dan aset yang disebutkan ialah 98 sen oleh Bank Negara. Akan tetapi pihak kementerian telah menyatakan bahawa kita kena longgokan semua pegangan ekuiti dalam syarikat-syarikat bersekutu dan juga anak-anak syarikat. Akan tetapi ini saya rasa lari sedikit daripada amalan perakaunan. Ini yang pertama.

Kedua ialah tentang nilai aset semasa kerana apa yang penting ialah sama ada sesebuah organisasi itu *solvent* atau tidak, dengan izin. Sekiranya tidak ia akan menghadapi masalah daripada aliran tunai atau pun *cash flow*. So, di sini apakah kedudukan dari segi *solvency* nilai aset semasa yang dapat menghadapi atau pun menangani liabiliti. Saya percaya kerana kebanyakan liabiliti adalah dalam bentuk deposit. Maka, adalah perlu bahawa nilai aset semasa dapat menanggung jumlah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat tentang teguran yang dibuat oleh Bank Negara ini saya pun sudah perhatikan bahawa Peguam Negara telah dilantik menjadi seorang Ahli Lembaga Pengarah. Bermakna, ini adalah sesuatu yang amat luar biasa Tuan Yang di-Pertua kerana peguam negara sebelum ini tidak pernah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat yang lain.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, tidak pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Memandangkan ini adalah sesuatu yang baru dijalankan adakah Ahli-ahli Lembaga Pengarah baik daripada Ketua Audit Negara mahupun daripada Bank Negara juga akan dilantik untuk memberikan keyakinan bahawa semua urusan kewangan adalah dijalankan berdasarkan amalan-amalan yang betul. Itu sahaja kerana kita memang mahu lihat Tabung Haji teruskan reputasi seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Bagan. Soalan yang panjang lebar tadi. Saya menjangkakan soalan panjang ini kerana keprihatinan Yang Berhormat kepada pendeposit-pendeposit umat Islam yang menyimpan di Tabung Haji sebab Tabung Haji adalah merupakan institusi konglomerat kewangan daripada masyarakat umat Islam dan tentunya sebagai Ahli Yang Berhormat, saya nampak keprihatinan Yang Berhormat tanya soalan ini ialah untuk hendak menjaga kepentingan-kepentingan Tabung Haji dan juga umat Islam termasuklah harapan saya.

■1030

Yang Berhormat, berdasarkan kepada tadi Yang Berhormat katakan bahawa adakah ini disebabkan kerana pihak Tabung Haji mendapat surat daripada Bank Negara dan berdasarkan jawapan saya adakah salah surat yang dikeluarkan. Sebenarnya Yang Berhormat, tidak harus melihat secara objektif begitu salah dan benar.

Saya sebutkan daripada awal jawapan saya tadi, pihak Bank Negara memberikan teguran itu kerana yang pertama sekali saya sebut awal lagi, bahawa Tabung Haji bukanlah merupakan entiti di bawah Pusat Tanggungjawab Bank Negara.

Selain daripada itu juga Bank Negara dalam surat itu telah memberikan, dia kata kalau ada perkara-perkara yang tidak pasti untuk mendapat penjelasan, perlu mendapat penjelasan daripada pihak Bank Negara. Kita telah pun menjawab balas balik kepada Bank Negara tentang kedudukan kewangan kita dengan mengambil kira selain daripada apa Yang Berhormat sebutkan tadi. Bahawa kita hanya mendapat kita punya nilai saham kita hanya 98 sen daripada apa yang telah disebutkan.

Namun kita telah jelaskan balik kepada Bank Negara kerana Bank Negara tidak mengambil kira amalan yang sepatutnya yang telah kita lakukan iaitu termasuk daripada nilai-nilai aset, harta-harta yang dimiliki oleh anak-anak syarikat Tabung Haji, milik sepenuh Tabung Haji dan bersekutu termasuk syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Tabung Haji. Ini maknanya bukan soal salah dan juga tidak betul dan kita telah pun menjawab. Sebab itu hasil daripada jawapan kita kepada pihak Bank Negara, Bank Negara telah pun mengeluarkan satu surat jawapan, kenyataan akhbar yang bertarikh 26 Januari yang saya sebut awal tadi. Harus dibaca dan harus *dicomparekan*, dengan izin, secara bersama penjelasan di mana saya ulang sekali lagi Bank Negara telah memaklumkan bahawa Tabung Haji secara proaktif melalui inisiatifnya sendiri telah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memperkukuhkan pengurusan risiko dan kedudukan kewangan Tabung Haji.

Kita juga menjelaskan tentang kenapa Tabung Haji tidak memerlukan kepada rizab dan sebagainya. Ini kerana pada pengalaman dan juga pengurusan pihak Tabung Haji, kita melihat kita bukan institusi kewangan yang memberikan hutang kepada orang lain. Akan tetapi kita menggunakan wang tersebut untuk kita mengurusniagakan dalam bentuk hartanah, perniagaan yang berkaitan dengan untung dan rugi dan sebagainya ini. Ini yang termasuk beli bangunan, saham dan sebagainya.

Selain daripada itu Yang Berhormat berkaitan dengan Yang Berhormat menyebut kata mungkin kita telah lari daripada amalan. Sebenarnya inilah amalan Tabung Haji sejak ditubuhkan daripada 63 tahun dahulu iaitulah kita mengambil kira bahawa nilai-nilai aset kita termasuk semua apa yang dicampur tadi dengan liabiliti semasa. Oleh kerana kita tidak terikat dengan pinjaman-pinjaman ataupun kita tidak terikat dengan pemberian pinjaman kepada orang ramai. Jadi liabiliti yang kita tanggung boleh kita rumuskan bahawa daripada pendeposit-pendeposit dan kedudukan terkini yang sebagaimana yang saya sebutkan. Kita memiliki dana ataupun memiliki kewangan yang telah kita tanggung iaitulah yang keuntungan kita melebihi daripada RM60 bilion. Manakala liabiliti yang kita tanggung adalah daripada dana pendeposit RM59.3 bilion.

Ertinya, dibandingkan campur dan tolak ini kita tidak ada masalah di sudut nilai kita dan aset kita dibandingkan dengan pendeposit. Jadi, terima kasih sekali lagi prihatin Yang Berhormat dan mengharapkan penjelasan yang saya berikan memberikan pemakluman dan penjelasan kepada Yang Berhormat kepada perkara yang ditimbulkan. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua beri saya peluang.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Lembaga Tabung Haji yang telah mengumumkan pengisytiharan dan mengisytiharkan kepada umum pada 4 Februari yang lalu membayar dividen sebanyak 5 peratus dan juga 3 peratus bonus kepada mereka yang belum pergi haji lagi. Iaitu kepada sebanyak 8.85 'juta' pendeposit yang aktif yang berjumlah sebanyak RM3.23 bilion. Pengisytiharan ini sebenarnya telah melegakan banyak orang Islam di tanah air kita yang sedikit sebanyak telah diracuni pemikiran mereka sebenarnya oleh fitnah-fitnah yang disampaikan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Sebenarnya pembayaran ini adalah selaras. Pertamanya dengan Akta Tabung Haji Perkara 22 Akta Tabung Haji 1995 yang tidak membenarkan pembayaran dividen sekiranya aset Tabung Haji kurang daripada tanggungannya. Seterusnya ia telah mendapat pengisytiharan daripada *Auditor General* yang menyatakan bahawa Tabung Haji mempunyai kemampuan untuk membayar dividen kerana akaun yang baik.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, setakat manakah Tabung Haji terjejas dengan tuduhan-tuduhan negatif ini?

Ini kerana yang kita bimbang sekarang banyak daripada pendeposit-pendeposit terikut-ikut dan mengeluarkan wang mereka daripada Tabung Haji dan akhirnya mereka tidak dapat menikmati dividen dan juga bonus yang dikeluarkan. Seterusnya saya hendak tanya daripada Yang Berhormat Menteri, aset kita adakah berdasarkan daripada bukan sahaja pegangan kita semasa. Bahkan adakah dikira daripada harga yang pada ketika ini terus menaik terutamanya aset-aset kita yang mempunyai *value* yang cukup tertinggi. Selain daripada tersebut bagaimana dengan kedudukan rizab tunai kita yang telah digunakan untuk membayar dividen? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin yang jelas kita amat terima kasih kerana melihat secara begitu objektif dan memerhatikan mudah dan memberikan contoh yang baik ialah bila mana dividen dan bonus itu diumumkan maknanya dividen dan bonus tidak boleh diberikan kalau sekiranya kita menghadapi kerugian, tidak ada keuntungan.

Jadi secara mudah dan juga ringkas untuk kita fahami bahawa sebagaimana yang telah pun diumumkan oleh pihak Tabung Haji dan saya sendiri yang mengumumkan untuk dividen dan bonus untuk Tabung Haji pada tahun 2015 yang diumumkan pada 4 Februari ialah sebanyak keuntungan yang kita capai RM3.536 bilion dan kita telah menyerahkan RM3.20 bilion sebagai dividen dan bonus kepada pihak penyimpan ataupun pendeposit daripada Tabung Haji.

Saya ingin merakamkan juga beberapa makluman kepada Ahli-ahli Dewan. Sebenarnya sebelum daripada ini sudah timbul bahawa hasil daripada diviralkan dan di ruih rendahkan, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Bahawa kita punya nilai pegangan pada masa itu 98 sen dengan tidak mengambil kira yang saya katakan daripada syarikat-syarikat dan anak-anak syarikat termasuk syarikat bersekutu dan sebagainya yang berhubungan dengan Tabung Haji. Diviralkan dengan demikian menyebabkan ruih di luar sana, memohon benarkah tidak Tabung Haji sekarang ini, bukan hanya sekadar tidak boleh membayar dividen dan bonus bahkan menanggung kerugian dalam keadaan yang seperti itu.

Akan tetapi jawapan kita daripada jawapan balas kita berulang kali sehingga jenuh untuk kita hendak menjelaskan kedudukan. Sehingga kita beritahu kita akan umumkan bahawa apabila nanti waktu tiba dividen dan bonus. Namun ada orang sebut pula di sana dia kata biasanya tahun yang lalu kita umum awal.

Saya suka hendak maklumkan juga bahawa pengumuman awal dan lewat amat bergantung kepada surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara. Jabatan Audit yang diketuai oleh Tan Sri Ambrin Buang untuk supaya pemakluman bahawa semua auditan yang berkaitan Tabung Haji adalah selesai dan diperakui, barulah kita membuat pengumuman. Oleh sebab itu bila mana Jabatan Audit Negara mengeluarkan surat perakuan daripada pengauditan Tabung Haji, maka 3 hari bulan keluar, 4 hari bulan kita mengumumkan bonus dan dividen. Ini kedudukan supaya kita dapat fahami. Bukan soal Tabung Haji hendak *delay*, hendak cari ruang pembaikan dan sebagainya tetapi adalah kita menunggu surat kuasa daripada Jabatan Audit Negara. Kalau tadi Yang Berhormat Jasin tanyakan juga tentang yang berkaitan dengan kesan kepada Tabung Haji hasil daripada gambar gembur cerita yang separuh masak, yang tidak tepat dengan sebenarnya dan laporan yang tidak betul tadi.

Maka sebenarnya memang ada kesan-kesan, pandangan-pandangan, tohmahan-tohmahan, fitnah-fitnah yang berterusan kepada pihak Tabung Haji. Ini yang pada saya bukan soal Tabung Haji semata-mata tetapi yang lebih besar daripada itu Tuan Yang di-Pertua ialah masalah kepada pendeposit-pendeposit 8.8 juta orang yang hendak menunaikan ibadat haji khususnya.

■1040

Kita faham ada pendeposit yang menyimpan untuk menunggu mendapat dividen dan bonus daripada Tabung Haji kerana mereka lebih selesa dengan simpanan di Tabung Haji ini kerana yang pertamanya mendapat dividen yang agak tinggi, satu. Keduanya ialah syariah *compliance* dan telah pun selesai dibayar zakat daripada apa yang mereka simpan. Jadi mereka tidak perlu fikir banyak ke mana dan sebagainya, selesai tetapi pada kita ialah kerajaan melihat bukan soal pendeposit Tabung Haji semata-mata tetapi soal pendeposit. Bila dia dikeluarkan kerana termakan hasutan ini, dia dikeluarkan simpanannya, dia dikeluarkan semua sekali simpanan tersebut.

Satu, dia kehilangan ruang untuk mendapat dividen dan bonus di masa akan datang. Yang keduanya, dia juga mengeluarkan diri dia untuk dia menyimpan menunaikan ibadat haji. Jadi kalau dah ibadat haji dia dah *reserved* patah balik semula, kalau katakan contoh pada tahun depan, mungkin dia ditawarkan untuk pergi haji tetapi bila dia tarik diri, maknanya dia daftar semula balik selepas daripada dia sedar hakikat ini, itu pun kalau sedar. Maka nanti dia akan terpaksa menunggu pula lebih daripada 70 tahun.

Ini Tuan Yang di-Pertua, keadaan-keadaan yang menjadi kekangan kepada Tabung Haji bukan fasal masalah Tabung Haji semata-mata tetapi termasuk pendeposit-pendeposit yang menyimpan di Tabung Haji. Terima kasih.

3. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, berapakah jumlah import barangan seperti ayam, beras dan daging negara ketika ini, dan apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang mengenai usaha kementerian untuk mengurangkan import bahan makanan seperti mana yang diperkatakan sebelum ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan. Saya mohon jawapan ini dijawab bersekali dengan soalan Yang Berhormat Silam bertarikh 28 Mac; dan Yang Berhormat Nibong Tebal pada 5 April, kerana ia berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai kecaanaan Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan iaitu berkaitan dengan soal tentang berapakah jumlah barang-barang makanan ataupun import *food bill* kita dalam negara kita.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, walaupun pada keseluruhannya dari segi hasil pertanian kita lebih banyak eksport daripada import tetapi yang berkaitan dengan makanan, sebenarnya kita import adalah jauh lebih tinggi daripada yang kita eksport di mana jumlah import kita ialah sebanyak RM45.387 bilion pada tahun 2015 berbanding dengan nilai eksport kita sebanyak kira-kira RM27 bilion. Ertinya kita mengalami defisit sebanyak RM18 bilion.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa untuk mengurangkan defisit ini adalah merupakan satu tanggungjawab besar kepada negara khususnya di Kementerian Pertanian ini sendiri. Antara perkara yang menjadi *concern* ataupun menjadi kerisauan kita ialah aspek-aspek yang berkaitan dengan makanan ternakan yang menjadi asas kepada ketinggian nilai import negara iaitu kira-kira RM5 bilion kita mengimport makanan ternakan. Ini menjadikan stres kepada penternak-penternak kita kerana sebahagian daripada hasil ternakan itu berada dalam barang-barang kawalan seperti ayam dan sebagainya. Kita akan memikirkan suatu kaedah yang lebih besar untuk memastikan bahawa ternakan kita bertambah, kita dapat mempunyai kecukupan dari segi daging kambing dan sebagainya walaupun ayam boleh dikatakan kita menghasilkan jumlah yang mencukupi.

Akan tetapi semua ternakan ini memerlukan sistem rantaian nilai yang lebih besar termasuklah makanan bagi ternakan. Jadi ini adalah antara strategi besar yang akan dibangunkan dalam masa yang terdekat.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga nak ambil kesempatan untuk ucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri yang telah mengangkat kepentingan makanan itu, *not only for as a food security* tapi sebagai *food sovereignty* kerana saya percaya bahawa pendekatan ini akan memberikan suntikan kepada kementerian untuk meletakkan agenda memastikan cukup makanan dalam negara ini merupakan agenda yang cukup utama. Kedua, dah sudah pasti ia akan membuat kementerian lebih efisien dalam merangka program-programnya. Kedua juga hendak ucap tahniah kepada Menteri kerana berani untuk melupuskan ST15 yang telah melahirkan pelbagai persepsi di kalangan rakyat kepada kerajaan.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri ialah, hari ini kita tahu bahawa kita mempunyai hampir 120 ribu hektar tanah terbiar yang merupakan aset yang cukup baik. Bagaimana kerajaan hari ini dengan adanya kerajaan-kerajaan negeri yang sememangnya menjaga tanah ini di pusat, bagaimana kerajaan dapat berganding dalam satu jawatankuasa khas supaya tanah terbiar ini dapat kita pulihkan untuk membantu meningkatkan masalah makanan negara yang dimaklumkan oleh Menteri tadi. Kita sedar bahawa kerajaan membelanjakan import hampir RM8 bilion untuk makanan kepada, *animal feed* kepada import makanan ini. Jadi soalan saya, bagaimana Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri dapat menguruskan tanah terbiar ini dengan lebih baik.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih di atas soalan tambahan Yang Berhormat Kulim. Ia menggambarkan Yang Berhormat Kulim memahami tentang keseluruhan keperluan kita pada hari ini. Di mana saya ingin maklumkan yang apabila kita bercakap tentang soal *food sovereignty* sebagaimana disebutkan tadi ialah keupayaan negara akhirnya tidak bergantung dan kita dapat memutuskan keperluan kita sendiri. Selama ini kita tekankan kepada apa yang disebutkan SSL iaitu *self-sufficiency level* dalam semua jenis makanan. Ini termasuk beras, beras kita dah capai lebih kurang 70 peratus dan kita akan tingkatkan lagi melalui pelbagai program termasuk buka jelang dan mempertingkatkan kekurangan daripada *post harvest* ataupun kehilangan sewaktu penuaian dan sebagainya.

Ayam memang mencukupi, ikan mencukupi tetapi isu yang besar di sini ialah daging. Kita hanya mampu untuk mengeluarkan antara hanya sekitar 20 peratus. Begitu juga susu, kita mengeluarkan lebih kurang antara 20 peratus sekitar itu. Jadi ini antara perkara yang orang lihat, oleh kerana itu kita perlu tambahkan ternakan-ternakan ini. Sebagaimana Yang Berhormat Kulim ada sebutkan tadi, menambahkan ternakan bukan sekadar bilangan, misalnya lembu yang kita hendak buat tetapi yang besar ialah makanan lembu. Kita mencukupi dari segi pengeluaran ayam tetapi makanan ayam yang memerlukan jagung, kacang soya dan sebagainya hampir semua kita import. Jadi untuk tujuan itu, kita telah membuat suatu perkiraan.

Betul kita kata Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita kena tanam jagung kita sendiri. Ada beberapa isu sebelum ini untuk tanam jagung ialah tentang kesesuaian jagung itu kerana cuaca kita dikatakan agak lembap dan jagung tidak boleh dikeringkan dengan mudah. Kacang soya memang susah tetapi jagung boleh dibuat. Untuk tanam jagung dan juga mungkin rumput *napier* untuk makanan lembu tenusu sebagai contohnya, dikirakan ia memerlukan kira-kira 400,000 hektar tanah, mencukupi. Ertinya kira-kira sama besar dengan seluruh jelang padi yang kita ada, 400,000 hektar.

Jadi kalau kita katakan bahawa konsep penanamannya tidak boleh kata ada tanah terbiar di Kedah, berapa hektar kita tanam di sana, di Selangor berapa hektar kita tanam di sana, di Sarawak ada berapa hektar kita tanam di sana kerana ia memerlukan satu program yang berintegrasi kerana ia melibatkan soal membaja, soal penuaian, mestilah dibuat di suatu tempat yang luas supaya ia lebih efisien dan kita tidak bergantung pada buruh luar kalau kita hendak mekanisasi dan sebagainya. Jadi sebab itu program ini ialah satu program yang besar dan memerlukan kerjasama, mungkin kementerian ada program tersebut. Akan tetapi kalau kerajaan negeri, pejabat daerah dan agensi yang terlibat kerana tanahnya di peringkat itu, ia menjadi satu perkara yang susah.

■1050

Oleh sebab itu kalau dikirakan tadi, benar Yang Berhormat, terima kasih di atas ingatan. Kita ada 120,000 hektar tanah terbiar tetapi terbiar itu merata-rata tempat. Ertinya kalau perlunya penyusunan kembali dengan peringkat kerajaan negeri ia memerlukan sesuatu perbincangan yang teratur di mana kalau kita ada ternakan ayam, di situ kita tanam jagung. Di situ ada tempat memproses jagung tersebut dan menggunakan buangan daripada ayam untuk tujuan pembajaan dan sebagainya.

Begitu juga tempat ternakan lembu, di situ juga ditanam *napier* ataupun berdekatan dengan kelapa sawit yang boleh digunakan sebahagian daripada kelapa sawit itu sendiri, hasil daripada kelapa sawit untuk tujuan makanan dan sebagainya. Jadi ini juga memerlukan suatu perancangan yang menyeluruh untuk disetujui dengan semua peringkat. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dahulu kita pernah dengar satu projek yang dibuat pada tahun akhir 80-an iaitu Program Siswazah Tani dan saya mengharapkan supaya program ini sama ada berjalan ataupun tidak, ataupun berjalan cuma tidak diuar-uarkan kepada siswazah terutamanya kerana program ini penting terutama untuk kita hendak menggalakkan siswazah tani ataupun dalam program yang dibuat iaitu Program Agropreneur Muda yang melibatkan orang-orang muda.

Terutamanya apabila melibatkan siswazah ini sudah tentu kita tahu dia ada kelainannya mungkin ada *skill* yang tersendiri untuk mereka pertingkatkan dari segi pengeluarannya. Apa yang penting ialah supaya kalau boleh diadakan dan kalau sudah ada supaya jangan banyak sangat *red tape* terutama dalam soal untuk memberikan kemudahan kepada mereka dan bimbingan kepada mereka serta galakan dan benda ini boleh dibuat kerjasama terutama pelajar-pelajar pada tahun akhir untuk kita mengadakan satu *investor training* supaya mereka ini lepas daripada keluar *graduate* sama ada mereka bukan daripada *background* pertanian, sebaliknya mereka ini untuk terlibat terutama dalam konteks mahasiswa yang banyak menganggur pada hari ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang di atas keprihatinan. Memang kita akui sekarang ini satu cabaran yang terpaksa dihadapi bukan sahaja kerajaan kita, banyak kerajaan di dunia sekalipun ialah kurangnya penglibatan anak-anak muda untuk berada dalam dunia pertanian. Banyak sebab antaranya ialah pendidikan itu sendiri kerana ramai yang dididik hendak jadi doktor, hendak jadi *engineer* tetapi melihatkan bahawa sektor pertanian adalah sektor yang tidak mendatangkan pulangan yang besar kalau dibandingkan dengan sektor-sektor lain dan pelbagai lagi program yang lain.

Ini sebenarnya menimbulkan kebimbangan sekiranya kurang anak muda terlibat dalam sektor pertanian akhirnya keupayaan untuk menghasilkan makanan kita juga akan berkurangan pada masa yang akan datang. Oleh sebab itu program yang diadakan dengan menggalakkan usahawan-usahawan tani, saya sebutkan usahawan tani adalah berbeza sebab ramai orang kata meminta anak muda menjadi petani.

Menjadi petani mesti dikaitkan bukan soal dia bertani, dia tanam apa yang patut ditanam tetapi menjadikan dia usahawan tani. Itu penting kerana seorang usahawan bukan sekadar dia menghasilkan tetapi dia tahu bagaimana untuk respons kepada keperluan pasaran misalnya dan bagaimana untuk menjadi pasaran, bagaimana untuk mengurangkan kos, bagaimana untuk membuat pelaburan dan sebagainya. Keusahawanan itu adalah lebih penting berbanding dari pertanian itu sendiri.

Oleh sebab itu Agropreneur Muda adalah merupakan suatu program yang menjadi sebahagian daripada KPI Kementerian untuk meningkatkan golongan muda dan terdapat lagi program-program lain yang terus masuk ke kampus-kampus, misalnya MyAgrosis yang dipelopori, yang digerakkan oleh FAMA itu sendiri di mana buat masa sekarang ini di bawah program ini lebih kurang 22,000 mahasiswa/mahasiswi dalam kampus-kampus kita telah menjadi anggotanya di mana antara programnya memberikan pinjaman-pinjaman kecil supaya anak muda ini belajar untuk berniaga di peringkat kampus mereka sendiri dan keluar daripada kampus.

Jadi ini juga antara program-program yang kita buat dan *insya-Allah* MAHA yang akan datang, akan memberikan fokus yang besar kepada bagaimana untuk menggalakkan anak-anak muda kita terlibat dalam pertanian dan keusahawanan tani ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

4. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah tindakan kementerian dalam menzahirkan kebersamaan rakyat Palestin yang disaksikan semakin dizalimi oleh kuasa rakus Yahudi Zionis yang menembak orang-orang awam, wanita dan kanak-kanak Palestin. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan sidang Parlimen kali ini mengusulkan usul khas mengutuk perbuatan Yahudi Zionis.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok di atas soalan yang telah dikemukakan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan konsisten dengan dasar luarnya dalam menyokong perjuangan rakyat Palestin. Kebersamaan ini dicerminkan melalui sokongan padu kepada Palestin dan rakyatnya baik dari segi politik, ekonomi dan moral dan termasuklah juga menghulur pelbagai jenis bantuan.

Kerajaan Malaysia sentiasa mengutamakan kaedah dua hala ataupun bilateral dan juga pelbagai hala ataupun multilateral dalam membantu meringankan beban rakyat Palestin. Kebersamaan ini turut dizahirkan oleh kerajaan dengan bekerjasama rapat dengan *United Nations Relief and Works Agency (UNRWA)* sejak tahun 1978 lagi. Sebuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang dipertanggungjawabkan khusus untuk memberi perlindungan kepada pelarian Palestin.

Kerajaan Malaysia telah memberikan komitmen untuk membuat sumbangan kewangan tahunan kepada UNRWA berjumlah USD25,000 bagi tahun-tahun 2012 hingga 2017. Melalui Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pula, Kerajaan Malaysia komited membuat sumbangan tahunan kepada *Islamic Solidarity Fund (ISF)* yang berjumlah USD63,000 bagi membolehkan badan tersebut melaksanakan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza.

Sokongan ini juga ditunjukkan oleh kerajaan apabila Rejim Israel melaksanakan Operasi *Protective Edge* pada bulan Julai 2014 yang telah mengakibatkan kematian ramai rakyat Palestin dan kemusnahan harta benda di Gaza. Dana tambahan berjumlah USD 100,000 juga telah disalurkan kepada OIC dan UNRWA dalam membantu meringankan kesengsaraan rakyat Palestin.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpegang teguh kepada menyokong dasar aspirasi rakyat Palestin untuk mewujudkan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat. Dasar ini telah disuarakan di pelbagai peringkat. Pernah disoalkan di Dewan yang mulia ini melalui usul khas pada 2012 dalam perhimpunan-perhimpunan aman oleh rakyat Malaysia, menghantar memorandum demi memorandum kepada kedutaan dan juga *United Nations* dan yang lebih utama negara sebagai sebuah negara berdaulat yang menyokong kemerdekaan negara Palestin, Malaysia sentiasa menyuarakan pandangan-pandangan berkaitan perkara tersebut di pentas-pentas antarabangsa terutamanya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Sejak menduduki kerusi anggota tetap Majlis Keselamatan, Malaysia lantang menegah dan menegaskan pendirian tersebut di semua Majlis Keselamatan PBB termasuk debat berpenggal ataupun *periodical open debate* yang diadakan setiap tiga bulan. Seajar dengan pendirian itu saya juga turut berpeluang menyatakan pendirian Malaysia terhadap isu semasa *open debate* di Majlis Keselamatan PBB yang diadakan pada 22 Oktober 2015. Malaysia memberi peringatan tegas bahawa negara Israel yang telah ditubuhkan oleh PBB melalui Resolusi Perhimpunan Agung PBB wajar menjadi pendekatan yang sama juga untuk dilakukan kepada Palestin untuk diterima sebagai status negara merdeka melalui wadah PBB.

Dalam usaha menengahkan agenda Palestin di Majlis Keselamatan PBB, Malaysia dalam kapasitinya sebagai anggota tidak tetap majlis tersebut telah mempengerusikan satu mesyuarat tidak rasmi bersama dengan Jordan mengenai dengan situasi di Gaza pada 20 Julai 2015.

■1100

Mesyuarat yang lebih dikenali sebagai *Arria-Formula Meetings* ditaja secara bersama dengan negara Jordan yang telah disertai dengan hampir semua Ahli-ahli ataupun negara-negara yang terbabit dalam PBB. Ia memberi penekanan untuk perlu adanya kerjasama kolektif di negara anggota PBB, organisasi antarabangsa dan badan-badan bukan kerajaan untuk memastikan penyelesaian isu Palestin melalui penyelesaian dua negara secara aman, terangkum dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa komited dan mengulangi sokongan yang tidak berbelah bahagi di atas perjuangan dan hak-hak rakyat Palestin dan dalam mempertahankan serta melindungi Wilayah Palestin dan Al-Quds Al-Syarif seperti yang dijelaskan tadi. Dasar kerajaan adalah amat jelas dan kita perjuangkan di forum-forum antarabangsa terutamanya di PBB. Oleh itu pada waktu dan masa ini, ia merupakan pendirian yang berterusan dan sentiasa istiqamah daripada pihak Kerajaan Malaysia.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan yang panjang lebar. Sepatutnya seruan bukan setakat untuk mengiktiraf negara Palestin tetapi seruan kepada antarabangsa untuk mengharamkan negara Yahudi Zionis yang ditubuhkan secara haram.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita lebih mengenali Daesh ataupun IS berbanding dengan keganasan Yahudi Zionis ini dan kita lupa kepada pembantaian Muslim Uighurs di China. Begitu juga kita lupa kepada pembantaian Muslim di Selatan Thai. Kesemuanya ini adalah merupakan gambaran bahawa Islam itu bukan agama yang merencana dan merancang keganasan tetapi Islam yang tertindas dalam dunia pada hari ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian soalan tambahan.

Apakah saluran dan mekanisme yang kementerian ada untuk memberikan maklumat yang tepat dan *up-to-date* kepada rakyat dalam negara kita terhadap isu-isu keganasan terutama yang melibatkan masyarakat Islam Palestin. Kalau kita melihat dalam situasi pada hari ini, kita boleh tengok dalam media-media sosial ini bagaimana pembunuhan, tembakan kepada wanita-wanita, kanak-kanak yang jumlah mereka jauh lebih besar berbanding dengan isu-isu yang berlaku yang dikaitkan dengan keganasan Islam itu sendiri padahal mereka yang perlu diberi perhatian.

Jadi saya merujuk kepada *website* kepada Kementerian Luar Negeri. Belum saya melihat apa yang disebar dalam dua tiga hari lepas. Serangan terbaru daripada Yahudi Zionis ini terhadap masyarakat Islam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, soalan, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Jadi soalan saya, apa mekanisme dan juga saluran yang kementerian ada supaya orang boleh melihat dengan tepat dan jelas. Ini gambaran sebenar apa yang berlaku di negara Palestin supaya tidak lagi mereka mengangap dan juga menjauhkan daripada tanggapan dan juga Islam fobia itu sendiri. Sekian.

Dato' Seri Reezal Merican: Terima kasih kepada sahabat saya yang budiman daripada Bachok yang bertanya berkaitan dua soalan. Pertama, berkaitan dengan isu Palestin dan juga tentang pandangan bagaimana hendak menangani apa yang telah dilemparkan gambaran terhadap Islam.

Saya hendak jawab pertama sekali isu berkaitan dengan Palestin ini adalah satu isu yang amat-amat *complicated*. Benda ini sudah berlaku sejak hampir tujuh dekad daripada 1948. Kalau kita hendak mengatakan bahawa negara Israel terbentuk dalam keadaan yang tidak diakui oleh dunia adalah amat tidak benar kerana ia telah dibentuk di bawah Resolusi PBB 1947 dalam erti kata sepuluh tahun sebelum kita sertai. Malahan, banyak yang kita lalui. Bermacam-macam kita ada. *Annopolis Conference*, kita ada *Madrid Conference*.

Yang paling *monumental achievement* adalah *Oslo Accords* yang mana kita dapat saksikan perjanjian secara langsung antara PLO bersama dengan Israel yang disaksikan oleh Almarhum tokoh besar PLO pada waktu itu ialah Yasser Arafat yang membawa kepada perjanjian. Namun itu juga dicabuli.

Pada waktu ini, kita masih lagi memegang kepada bahawa *two-state solution* nya bukan kita terima membuta tuli tetapi kita beri penekanan dan saya sendiri menyuarakan ketika berada di Mesyuarat Majlis Keselamatan pada bulan Oktober tahun lalu bahawa perlu ada pasukan pengaman yang ditempatkan bagi memastikan segala semua yang diputuskan dalam resolusi-resolusi terdahulu dapat dituruti. Ini kerana kepada kita ialah kita hendak lihat sebuah negara berdaulat, merdeka dan akhirnya rakyat dapat hidup dengan penuh aman. Tadi disebut tentang apa yang ditanya tentang Islam. Islam menekankan keamanan. Sebab itulah hadis pertama bila mana Nabi sampai ke Madinah. Sebuah tempat yang akhirnya terbentuk Darul Islam. Dirwayatkan oleh Abdullah Ibnu Salam. Orang Yahudi pertama masuk Islam.

Nabi sebut perkara pertama adalah bila mana Abdullah Ibnu Salam bersabda... *[Berucap dalam bahasa Arab]* Yang aku dengar Nabi bersabda, perkara pertama adalah 'Absyussalam'. Sampaikanlah mesej kedamaian dan keselamatan dan keamanan. 'Waatimul tu'am'- berilah kecukupan makanan. Maknanya kena ada kestabilan politik dan kena ada juga kemakmuran ekonomi- 'Wasilu arham'. Kena wujud silaturahim. Maknanya *social unity*. Barulah wujudnya, terbentuknya sebuah negara yang mana. Atas prinsip itulah juga maka kita masih memperjuangkan negara berdaulat Palestin melalui *two-state solution* tetapi kita menekankan bahawa ia perlu ada pasukan pengaman sebagai mana yang diutarakan oleh Malaysia dan ruang yang digunakan selalunya ialah kita hebahkan melalui apa yang tadi Yang Berhormat dapat tengok di *website* Kementerian Luar Negeri.

Demikian juga melalui media-media elektronik dan media-media cetak dan demikian juga melalui sebaran-sebaran sosial *networking* yang lain seperti *Facebook*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Umum mengetahui sebenarnya antara perkara penting dalam isu Palestin ini ialah pertelagahan antara Hamas dengan Fatah yang bermula pada tahun 2006 selepas Hamas memenangi pilihan raya yang menjadikan Hamas menguasai Semenanjung Gaza manakala Fatah menguasai Tebing Barat. Kita hendak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada awal tahun 2013, semasa lawatan kemanusiaan beliau ke Gaza, beliau telah mengadakan rundingan damai antara kedua-dua pihak ini.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah perkembangan rundingan damai ini antara kedua-dua pihak antara Hamas dengan Fatah ini dan sejauh mana ia memberikan kesan kepada proses pencerobohan Israel ke atas Gaza? Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican: Yang Berhormat Sekijang dan Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan bahawa ini pun merupakan salah satu daripada perkara yang perlu dihadapi. Selain daripada kita melihat sokongan daripada negara-negara Arab, negara-negara Islam, badan-badan antarabangsa yang lain, keutuhan kesatuan antara Fatah dan Hamas juga menjadi peri penting dalam memastikan kewujudan negara Palestin yang berdaulat ini. Saya hendak maklumkan bahawa, pada tahun lepas, *unity government* yang terbentuk antara Fatah dan Hamas terlerai secara *unilateral* oleh Fatah. Ia memberi sedikit sebanyak masalah untuk kita capai sebarang bentuk rundingan bagi memastikan apa yang disebut *two-state solution* ini dapat dicapai.

Namun, mutakhir ini, perkembangan terkini, pada bulan Februari 2016 di mana terdapat rundingan *reconciliation* di antara Mahmoud Abbas bersama dengan wakil daripada Hamas menampakkan wujud semula *reconciliation* untuk diwujudkan semula *unity government* ini. Ini dapat digambarkan pada Deklarasi Jakarta yang diadakan pada minggu lalu yang memperlihatkan bahawa hubungan antara Fatah dan Hamas ini kembali pulih dan mudah-mudahan ini akan membawa kepada perkembangan yang lebih positif pada masa akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■ 1110

5. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah langkah-langkah kementerian untuk memperkasakan identiti Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Persekutuan.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia... [Mengucapkan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW]

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Tinggi, Putrajaya adalah bandar raya terancang dan terbaik di negara ini. Pelan induk Putrajaya membentuk *blueprint* bagi guna tanah dan reka bentuk perbandaran untuk mewujudkan satu imej dan identiti yang tersendiri sejak dari peringkat perancangan yang berteraskan kepada konsep bandar dalam taman dan bandar bestari. Ia disokong dengan beberapa pelan induk meliputi aspek pembangunannya, antaranya:

- (i) pelan induk teknologi maklumat bagi merealisasikan konsep Putrajaya sebagai sebuah bandar bestari;
- (ii) pelan induk pengangkutan untuk memastikan satu sistem pengangkutan yang efisien dan mesra alam di persekitaran bandar. Pertembungan jaringan jalan raya dan rel dalam koridor raya multimedia dan bahagian-bahagian lain di Malaysia; dan
- (iii) pelan induk pencahayaan yang akan mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan dan estetik bandar raya ini.

Bandar Pintar, dengan izin Tuan Yang di-Pertua ataupun *Smart City* dalam melaksanakan dan mempertingkatkan konsep bandar pintar di mana penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi adalah pemangkin utama, pelbagai usaha sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Putrajaya. Antaranya dengan memperbanyakkan perkhidmatan secara *online*, mewujudkan portal untuk komuniti, memperbanyakkan penggunaan *cashless*, memperbanyakkan data terbuka untuk orang ramai, mewujudkan pusat kawalan yang bersepadu, menggunakan platform media sosial dalam pembayaran maklumat, mewujudkan *single point call centre*, dengan izin, serta memperkasakan infrastruktur telekomunikasi.

Di samping itu, dalam memperkasakan aspek e-Kerajaan, pelbagai langkah penambahbaikan sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri sebagai digariskan menerusi Pelan Strategik ICT sektor awam 2016/2020 ke arah penggunaan ICT yang meluas dalam menyampaikan perkhidmatan yang berfokus rakyat, dengan izin, *citizen centric* dengan pendekatan keseluruhan kerajaan atau *the whole of the government*, seiring dengan agenda transformasi kerajaan ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Bandar Hijau atau *Green City*, dengan izin. Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Putrajaya telah menyediakan dokumen *Putrajaya Green City 2025* selaras dengan keperluan perancangan struktur Putrajaya 2025 untuk menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Putrajaya sebagai peneraju Bandar Teknologi Hijau di Malaysia di samping menyumbang kepada komitmen negara untuk mengurangkan kadar pelepasan karbon negara di peringkat perbandaran.

Antara inisiatif yang telah dijalankan ialah menyediakan inventori tahunan kadar pelepasan karbon Putrajaya selama empat tahun berturut-turut bermula dari tahun 2011, menambah baik infrastruktur pejalan kaki dan berbasikal ke arah menjadikan Putrajaya sebuah bandar, dengan izin, *walkable* dan, dengan izin, *bikeable* yang akan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian, menyediakan sistem pengangkutan bas awam yang mesra alam, menggunakan gas semula jadi dan bas elektrik bagi tahun 2016, merancang untuk mengadakan pusat pengumpulan semula sisa bersepadu ke arah mengurangkan pembuangan sisa pepejal keluar ke Putrajaya dan mengurangkan kadar pelepasan gas rumah hijau Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, pencahayaan bangunan. Perbadanan Putrajaya sentiasa memantau pencahayaan fasad bangunan-bangunan dan struktur di Putrajaya serta bekerjasama dengan pemilik bangunan-bangunan kerajaan dan swasta. Usaha-usaha ini bagi memastikan pencahayaan fasad bangunan sentiasa terkawal dan seragam selaras dengan Pelan Induk Pencahayaan Putrajaya diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2009.

Pelancongan, selain dikenali sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya juga semakin dikenali sebagai destinasi pelancong dunia dengan tersedianya pelbagai tarikan. Antaranya, bangunan-bangunan dan jabatan-jabatan ikonik, tasik dan taman awam serta fasiliti dan kemudahan persidangan antarabangsa. Pelbagai usaha dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan bagi mempromosi dan mempertingkatkan sektor ini di Putrajaya termasuk penambahan dan penambahbaikan produk-produk pelancongan serta penganjuran pelbagai acara bertaraf antarabangsa bagi memastikan pelancongan di Putrajaya berada di landasannya serta pelancongan terus diberi keutamaan dalam Teras Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2016-2020 iaitu menjadikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan unggul dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan perumahan mampu milik untuk penjawat awam ataupun PPA1M. Kerajaan turut menyediakan pembangunan perumahan mampu milik untuk penjawat awam atau PPA1M di sekitar Putrajaya sebagai langkah untuk menggalakkan penjawat awam mempunyai harta serta bekerja dengan selesa dan seterusnya memberi kualiti perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Rancangan struktur Putrajaya 2025, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Perbadanan Putrajaya juga telah merangka Rancangan Struktur Putrajaya 2025 bagi memperkasakan identiti Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

Terdapat tiga inisiatif yang disediakan dalam Rancangan Struktur Putrajaya 2025 di mana salah satu inisiatifnya menyatakan yang kerajaan akan membangunkan sektor kerajaan sebagai sektor maju melalui kewujudan pusat kecemerlangan dan khususnya dalam pentadbiran awam dan hubungan antarabangsa, membuka *precinct Enclave Diplomatic* sebagai salah satu lokasi berpotensi dari kerajaan antarabangsa dan pertubuhan bukan kerajaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bandar Putrajaya mempunyai kepelbagaian yang begitu nyata, bandar pentadbiran, bandar komunikasi, bandar pintar, bandar teknologi, bandar inovasi, bandar kreativiti futuristik, taman, bandar taman bunga, bandar taman air, bandar belon udara, bandar bunga api, bandar jambatan dan bandar bangunan-bangunan, bangunan bercahaya dan warna-warni, bandar sukan dan bandar rekreasi, bandar ilmu dan bandar pelancongan dengan potensinya.

Jadi banyak kepelbagaian dan tidak lupa juga bandar budaya dan warisan di mana inilah identiti yang perlu kita kekalkan. Jadi saya hendak bertanya kementerian, adakah kementerian mempunyai rancangan khusus untuk memastikan bangunan-bangunan seni bina yang dibina di masa hadapan akan memperkasa dan memperkukuhkan imej identiti Putrajaya sebagai pusat pentadbiran dan cerminan kepada budaya dan warisan kita. Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Tinggi. Yang sebenarnya itulah apa yang kita rancangkan dan insya-Allah di dalam pelan yang telah saya sebutkan tadi, kita akan memastikan bahawa ciri-ciri pembangunan di Bandar Putrajaya ini akan melambangkan identiti Malaysia. Terima kasih, sekian.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah langkah kerajaan ataupun kementerian untuk mengatasi masalah parkir kereta yang teruk dihadapi di Putrajaya khususnya di Hospital Putrajaya. Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Lumut yang mengambil perhatian terhadap masalah parkir di seluruh Putrajaya. Yang sebenarnya kita telah bangunkan banyak tempat penyediaan untuk diletak kereta. Seperti apa yang dilakukan di kawasan-kawasan tertentu di mana kita ada sistem *park and ride*, dengan izin.

Untuk makluman Yang Berhormat Lumut, kalau di dekat dengan hospital, banyak tempat yang telah disediakan khususnya di Putrajaya Sentral di mana banyak ruang meletak kereta telah disediakan. Masalah kita ialah rakyat kita ini dia suka bawa kereta dia dan letak, kalau boleh terdekat tempat yang mereka hendak berurusan, kalau dia duduk rumah pangsa, dia hendak naikkan kereta dengan lif dan kereta itu berdepan dengan rumah mereka. Jadi ini masalah.

Jadi kita sedang dalam rancangan untuk menukarkan atau pun mendidik minda rakyat Malaysia supaya mereka *at least*, dengan izin, berjalan sedikit ataupun menaik kenderaan-kenderaan awam yang telah disediakan di Putrajaya untuk mereka sampai ke destinasi. Sekian, terima kasih.

■1120

6. **Dr. Ko Chung Sen [Kampar]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah cukai langsung yang dipungut pada tahun 2015 dan dijangka pada tahun 2016, dan jumlah denda yang dipungut daripada audit cukai dan penyiasatan bagi 5 tahun yang lalu; dan
- (b) jumlah denda dijangka untuk tahun 2016, dan mengapa LHDN menasaskan doktor dan peguam untuk audit cukai tetapi bukan ahli politik.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kutipan cukai langsung yang merangkumi cukai pendapatan individu, syarikat, koperasi, cukai pendapatan petroleum, hulu, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi tahun 2015 dan jangkakan kutipan cukai langsung bagi tahun 2016 adalah masing-masing berjumlah lebih kurang RM111.8 bilion dan RM125.6 bilion. Jumlah jangkakan kutipan bagi tahun 2016 tersebut merupakan jumlah sasaran asal kutipan hasil cukai langsung bagi tahun 2016.

Selaras dengan pengubahsuaian Bajet 2016, jangkakan kutipan hasil cukai langsung bagi tahun 2016 adalah lebih kurang RM118.5 bilion. Dari segi jumlah denda atau penalti yang dikenakan oleh LHDN daripada aktiviti audit cukai bagi tempoh lima tahun yang lalu iaitu bagi tahun 2011 hingga 2015, ia berjumlah RM4.4 bilion iaitu 0.8 peratus daripada jumlah kutipan hasil cukai langsung bagi tempoh lima tahun tersebut. Sementara bagi jumlah denda atau penalti daripada aktiviti penyiasatan pula, jumlahnya adalah RM0.8 bilion iaitu 0.1 peratus daripada jumlah kutipan hasil cukai langsung bagi tempoh yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi jangkakan jumlah denda atau penalti yang boleh diperolehi dalam tahun 2016, ia tidak dapat dianggarkan. Ini kerana antara lain jumlah denda adalah bergantung kepada pencapaian tahap pematuhan itu sendiri di bawah sistem percukaian sistem taksir sendiri atau *self-assessment*, dengan izin, yang telah dilaksanakan mula tahun taksiran 2004 bagi individu, cukai pendapatan yang perlu dibayar adalah ditaksir sendiri oleh pembayar cukai dan dengan itu perlu diimbangi dengan aktiviti audit oleh LHDN.

Asas pemilihan audit ke atas pembayar cukai adalah berdasarkan sistem pengurusan risiko LHDN yang mengguna pakai penanda aras amalan baik dan prosedur operasi menurut piawaian antarabangsa sebagai langkah untuk menjamin pematuhan di kalangan pembayar cukai. Dari segi pemilihan kes audit cukai pendapatan, ia dijalankan melalui sistem komputer berasaskan kepada kriteria pengurusan penilaian risiko yang dijalankan dengan adil, telus dan saksama di kalangan pembayar cukai.

Pemilihan audit juga dilakukan berasaskan kepada pelbagai sumber maklumat yang diterima oleh LHDN. Antara lain daripada maklumat yang dibekalkan oleh majikan. Di bawah sistem taksir sendiri- *self-assessment*, aktiviti audit yang dijalankan oleh LHDN adalah menasaskan semua golongan pembayar cukai. LHDN akan sentiasa memastikan audit cukai dilaksanakan dengan teratur serta meneruskan program kesedaran dan pendidikan kepada semua golongan. Sekian, terima kasih.

Dr. Ko Chung Sen [Kampar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama, mendedahkan kepada awam penyata cukai pendapatan beliau pada setiap tahun. Dalam tahun 2014, beliau dan isteri beliau melaporkan pendapatan kasar sebanyak USD477,383. Mereka seterusnya membayar cukai pendapatan sebanyak USD93,362 iaitu 19.6 peratus daripada pendapatan mereka. Presiden Barack Obama dan isteri seterusnya menderma...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, berbalik kepada soalan Yang Berhormat.

Dr. Ko Chung Sen [Kampar]: [*Ketawa*] USD70,000 kepada 33 buah badan amal, iaitu 14.8 peratus daripada pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Presiden Barack Obama juga dilaporkan ada menerima sumbangan untuk kempen pilihan raya beliau pada tahun 2012. Di bawah undang-undang Amerika Syarikat, setiap sumbangan individu adalah terhad kepada USD2,500 sahaja dan sumbangan derma dari negara asing jelas melanggar undang-undang mereka. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Pekan adalah sangat sibuk dengan 1MDB sampai dia sendiri tidak boleh ingat dia ada berapa akaun dan berapa bilion dalam akaun-akaun dia... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat soalan mesti khusus kepada soalan tambahan.

Dr. Ko Chung Sen [Kampar]: Okey, adalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Selepas itu Yang Berhormat- Yang Berhormat Kapar dengar dahulu.

Dr. Ko Chung Sen [Kampar]: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Soalan tidak boleh menyentuh soal peribadi, Yang Berhormat. Soalan kepada soalan tambahan yang asal.

Dr. Ko Chung Sen [Kampar]: Ini bukan- ya, tambahan. Adakah pihak LHDN telah menerima dan mengaudit penyata cukai pendapatan Perdana Menteri dan juga isteri beliau untuk lima tahun yang lalu? Jikalau tidak, mengapa tidak, dan adakah di masa hadapan akan ada undang-undang yang memerlukan Perdana Menteri dan isteri beliau mendedahkan kepada awam penyata cukai pendapatan dan cukai yang perlu dibayar oleh mereka seperti rakannya Presiden Barack Obama? Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawab yang berkaitan dengan soalan asal.

Datuk Chua Tee Yong: Saya berharap semua Ahli Yang Berhormat ingat membuat *e-filing* terutamanya sebelum 30 April kerana kita semua pun perlu membayar cukai dan saya yakin semua akan membuat urusan ini dengan baik. Sebenarnya, kita semua sedia maklum, pendapatan Ahli Parlimen sama ada daripada Jemaah Menteri dan sebagainya adalah tertakluk dalam akta dan kita semua tahu mengenai gaji, elaun dan sebagainya. Itu sahaja yang saya hendak jawab. Sekian, terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: [*Bangun*]

Seorang Ahli: Susah pilih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tentang soal pembayar cukai.

Saya ingin bertanya, bagi golongan mereka yang cuba lari daripada cukai, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai golongan yang cuba mengelak daripada membayar cukai ini, adakah sebagai bentuk mekanisme dan juga akses yang cuba dilakukan oleh pihak kerajaan dalam memburu golongan rakyat ataupun profesional yang telah dikenal pasti sebagai kumpulan pengelak cukai yang memandangkan sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rekod hitam putih terutama sekali yang berkaitan dengan pendapatan bulanan? Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Sebenarnya kita semua sedia maklum tentang kebanyakan di setiap negara mempunyai isu dari segi orang yang mengelak dari membayar cukai. Ini dikenali sebagai *tax gap*. Di negara Malaysia selepas pelaksanaan GST, kita yakin ini dapat dikurangkan. Ini merupakan salah satu langkah yang diadakan untuk mengurangkan, boleh dikatakan *tax gap* ini.

Nombor dua, kita juga mengenai baru-baru ini melalui pengubahsuaian Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan tawaran pengurangan penalti dan penghapusan kenaikan cukai. Tujuan ini adalah untuk melonggarkan pengenaan penalti kepada pembayar cukai bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara suka rela melaporkan pendapatan tahunan kebelakangan mereka. Ini saya yakin akan tentu menolong dari segi usaha-usaha untuk identifikasi pembayar cukai.

Selain daripada itu, terdapat juga mereka yang enggan membayar cukai dan oleh itu terpaksa LHDN mengenakan di bawah seksyen 104, Akta Cukai Pendapatan 1967, di mana mereka disekat untuk ke luar negara. Dari segi statistik yang saya ada, pada 31 Disember 2014, jumlah yang disekat adalah sebanyak 173,000 orang yang disekat keluar ke luar negara kerana mereka telah tidak menjelaskan cukai mereka. Jumlah cukai adalah sebanyak RM4 bilion. Dengan usaha ini walaupun kita mendapat maklum balas yang negatif, kita sentiasa memperbaiki sistem ini, tetapi dengan adanya sistem ini dalam setahun kita telah berjaya mengutip semula RM1.3 bilion. Maka ini merupakan salah satu dari langkah-langkah yang diadakan.

■1130

7. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta Perdana Menteri menyatakan, adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah baik sistem pengangkutan awam darat yang lebih efisien terutamanya di kawasan luar bandar bagi membantu rakyat yang kurang kemampuan serta tidak memiliki kenderaan sendiri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Gerik yang bertanya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang pun komited dalam memastikan agar perkhidmatan pengangkutan awam darat dapat dicapai dan mampu digunakan oleh rakyat tidak kira sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Dalam hal ini, kita perlu menyedari dan mengambil maklum bahawa tahap keperluan jenis mod pengangkutan yang bersesuaian dan cara penyampaian adalah berbeza bagi kegunaan penumpang di kawasan bandar dan luar bandar ini. Sebagai contoh, sistem rel seperti LRT dan monorel merupakan mod pengangkutan yang sesuai di kawasan bandar dan berkepadatan tinggi namun buat pada masa ini, ia masih tidak praktikal dan tidak *feasible*, dengan izin, untuk dibangunkan dan dilaksanakan di kawasan luar bandar. Perkhidmatan bas henti-henti merupakan mod pengangkutan yang paling sesuai untuk dilaksanakan di kawasan luar bandar namun industri bas ini seperti mana mod pengangkutan awam yang lain mempunyai cabarannya yang tersendiri.

Kos operasi yang tinggi mendorong pengusaha bas henti-henti lebih memilih untuk hanya beroperasi di laluan yang mempunyai ramai penumpang dan yang menguntungkan. Akhirnya perkhidmatan bas henti-henti hanya bertumpu dan ditawarkan di kawasan berkepadatan tinggi yang selalunya berada di bandar. Ini secara tidak langsung menjadikan perkhidmatan ini tidak ditawarkan di kawasan-kawasan luar bandar yang kebanyakannya tidak menguntungkan. Walaupun terdapat permintaan namun ia adalah terlalu rendah dan menyukarkan pengusaha untuk bukan sahaja mendapatkan keuntungan malah terpaksa menanggung kerugian ekoran penumpang yang sedikit tidak dapat menampung kos operasi di laluan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari perkara ini dalam memastikan agar perkhidmatan bas henti-henti diteruskan di kawasan yang mempunyai perkhidmatan tetapi sedikit dan tidak menguntungkan atau lebih dikenali sebagai laluan sosial, kerajaan melalui SPAD iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat telah melaksanakan inisiatif dana sokongan sementara bas henti-henti atau lebih dikenali sebagai *Interim Stage Bus Support Fund* ataupun ISBSF.

Di bawah skim ini, pengendali bas akan dibayar perbezaan di antara kos operasi dan kutipan tambang di suatu laluan. Saluran dana yang telah diluluskan sejak tahun 2011 ini adalah bertujuan untuk memastikan perkhidmatan bas henti-henti tetap diberikan walaupun di laluan-laluan sosial dan memberi manfaat kepada pengguna khususnya di kawasan luar bandar. Akhir sekali untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga penghujung tahun 2015, sejumlah RM467 juta dana ISBSF telah disalurkan. Sekian, terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.34 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Selasa 15 Mac 2016.”

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak merujuk kepada surat yang diberikan kepada saya daripada Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia sebagai Speaker Dewan Rakyat berkaitan dengan permintaan saya yang mempersoalkan mengapa soalan saya ditolak kononnya kerana ia adalah satu sangkaan. Saya tak mahu rujuk tentang status soalan lain yang saya telah bangkitkan, saya hanya hendak rujuk kepada soalan yang berkaitan dengan kenyataan oleh Peguam Negara Switzerland yang mempersoalkan ataupun skandal USD4 bilion dan ini bukanlah satu sangkaan, Tuan Yang di-Pertua kerana ini datang daripada Peguam Negara, kenyataan yang dibuat oleh beliau.

Surat ini adalah pada 14 Mac 2016, ia adalah sebab jawab lisan saya ditolak kerana ia dianggap sebagai satu sangkaan oleh itu tidak dapat dibenarkan. Ia bukan satu sangkaan, dengan izin, *this is an official statement from the Attorney General of Switzerland*. Ini bukan sembarangan orang, dia adalah Peguam Negara Switzerland. So saya harap bahawa perkara ini boleh diberikan perhatian kerana ini isu penting. Kita mahu akauntabiliti tentang skandal 1MDB, mahu satu jawapan tentang mana pergi USD4 bilion berkaitan dengan skandal 1MDB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya juga melihat surat yang dihantar oleh Yang Berhormat Tan Sri Speaker kepada Yang Berhormat Bagan. Kita harus maklum bahawa apa juga yang diputuskan oleh Speaker tidak boleh diubah, dirujuk kecuali melalui usul. Saya tidak ada keputusan yang lain daripada itu Yang Berhormat selain daripada mengakui bahawa itu adalah keputusan Yang Berhormat Speaker.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, Saya tak mahu buat satu *substantive motion* kerana saya hormati Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tetapi saya ingin minta bahawa kerana ia jelas sekali bukanlah satu sangkaan.

Saya harap bahawa perkara ini boleh dipertimbangkan semula dan saya harap sekiranya oleh, saya terpaksa membawa ini kepada Dewan yang mulia ini kerana ini satu isu penting. So, saya harap bahawa perkara ini boleh dipertimbangkan dan kalau hendak buat satu *substantive motion* saya rasa, ia pun tidak akan pergi mana-mana dan ini bukanlah satu cabaran ke atas Speaker.

Ini ialah untuk membolehkan Dewan yang mulia ini memainkan peranannya dan sekiranya daripada seorang Peguam Negara Switzerland, ia bukanlah sangkaan kecuali Malaysia hendak putus hubungan diplomatik dengan Switzerland. Kalau tidak, saya rasa tak boleh dianggap sangkaan dan saya harap Speaker bolehlah arahkan pihak kementerian jawab, tunjuk mereka tak ada apa-apa yang mereka hendak tutup, cari sampai lubang cacing. Saya rasa itu yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cuma dalam Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan dan bertulis Yang Berhormat, ada *guideline* yang perlu dipatuhi umpamanya sangkaan, tuduhan dan sebagainya itu adalah kriteria yang ditimbangkan oleh Speaker untuk menentukan sama ada satu-satu soalan itu dibenarkan untuk dijawab ataupun tidak tetapi dari sudut yang lain, isu Yang Berhormat bawa ini boleh dibawa dalam perbahasan dan tentu sekali ia akan mendapat respons daripada kementerian.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah sekiranya ia dibawa dalam perbahasan, kita boleh dapat jawapan kerana sekiranya kita lihat jawapan ini, ia sangkaan, tak perlu dijawab dalam pertanyaan dan dalam perbahasan pun tak akan dijawab kerana dianggap sangkaan. Sekiranya ia boleh dijawab dalam perbahasan, ini bermakna ada *double standard*, ada *inconsistency*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada *guideline* dalam Q&A. Sangkaan, pandangan tidak boleh ditanya Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: So, saya harap sekiranya ia dibawa dalam perbahasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya tidak melihat sebarang- kecuali ada kes mahkamah.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Speaker akan arahkan bahawa perkara ini dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kecuali ada kes mahkamah dan sebagainya yang boleh menghalang, itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ya, kalau sebut ia ada *sub judice*, saya terima tetapi di sini bukan *sub judice*, sangkaan dan saya harap pihak kementerian jangan main-main isu ini. Tolonglah, tolonglah jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tolonglah jawab, saya rayu tolonglah jawab. Bukan untuk saya tetapi bagi pihak rakyat Malaysia. Mereka sudah mahu kebenaran, itu penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat ya.

■1140

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Itu penting. Itu penting, jangan main-main.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas”. **[10 Mac 2016]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sebelum Yang Berhormat Parit Sulong menyambung perbahasan, saya ingin maklumkan bahawa had masa mulai hari ini tidak melebihi 20 minit untuk seorang. Selepas Yang Berhormat Parit Sulong, sebab Yang Berhormat Parit Sulong sudah *halfway*.

11.40 pg.

Dato’ Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan *halfway* pun, baru *Bismillaahir...*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya hendak mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Tuanku di dalam Dewan yang mulia ini.

Jadinya Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik apabila mendengar Titah Tuanku yang mana Baginda ada menyebut tentang harapan agar Malaysia terus kompetitif dalam pasaran ekonomi global dengan memperluas jaringan pasaran bagi memastikan peningkatan dagangan eksport yang berterusan.

Jadi, Malaysia telah berdagang dengan lebih 230 buah negara dan menjadikan Malaysia ini sebagai negara perdagangan yang ke-24 dunia. Malaysia juga kini merupakan negara pengeksport ke-23 dunia. Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan positif dalam eksport ke negara ASEAN iaitu peningkatan sebanyak 4.8 peratus daripada RM17.53 bilion pada Januari 2015 kepada RM18.38 bilion pada Januari 2016, berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 1.8 peratus daripada RM17.21 bilion pada Januari 2014 kepada RM17.52 bilion pada tahun 2015.

Kita maklum juga bahawa Perjanjian Perkongsian Trans-Pacific ataupun TPPA yang telah ditandatangani dan kita menjangka ianya akan merancakkan lagi sektor ekonomi negara kita. Jadi, saya berharap pelbagai aktiviti perdagangan akan diaturkan oleh pihak kerajaan, terutamanya dalam bidang industri halal.

Bercakap mengenai industri halal, nilai pasaran global bagi makanan halal dijangka bernilai USD1.6 trilion menjelang tahun 2015. Ini satu data yang dilaporkan oleh *Dubai Chamber of Commerce*. Ini bermakna penerimaan produk halal di peringkat antarabangsa ini telah diterima dan kerana produk halal ini dikategorikan sebagai produk yang selamat, suci dan terjamin dan dilihat sebagai produk premium di peringkat global. Jadinya, keuntungan di peringkat Malaysia ini adalah Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai ekosistem yang komprehensif untuk agenda pembangunan industri halal ini, termasuklah sistem pensijilan halal itu sendiri, piawaian, infrastruktur, insentif modal insan, dan perbankan Islam yang disokong oleh rangka kerja kerajaan yang berkesan.

Juga bercakap mengenai industri halal ini, saya hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah mewujudkan Majlis Halal Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Bagan Datok. Diharapkan melalui penubuhan ini akan dapat memperkasakan lagi industri halal negara dan memperkembangkan industri halal ini ke peringkat antarabangsa. Setakat tahun 2015, ini satu sumber yang saya dapat daripada JAKIM, sebanyak 7,769 syarikat telah mendapat persijilan halal.

Daripada jumlah ini, 3.29 peratus adalah milik bumiputera, manakala 67 peratus adalah milik bukan bumiputera. Jadi, daripada jumlah ini menunjukkan bahawa hanya 11 peratus pula adalah daripada syarikat PKS bumiputera iaitu bersamaan dengan jumlah 902 buah syarikat. Jumlah ini saya lihat agak rendah, apa lagi apabila kita berkata dengan sesuatu yang berkaitan dengan industri halal yang memang berkait rapat dengan bumiputera.

Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan untuk menyatakan apakah sebenarnya inisiatif kerajaan dalam meningkatkan penambahan usaha bumiputera dalam industri halal ini, terutamanya dalam usaha menembusi pasaran eksport. Seterusnya, dalam usaha untuk memperkasakan bumiputera dalam industri halal ini. Saya juga memohon pihak kerajaan untuk menyediakan kemungkinan mempertimbangkan satu *Facility Green Lane* bagi mendapatkan sijil halal ini bagi syarikat-syarikat kepunyaan 100 peratus Islam agar usahawan-usahawan ini dapat berniaga dengan lebih kompetitif di dalam negara ini.

Dalam memperkasakan syarikat-syarikat halal IKS di Malaysia ini, apakah ataupun adakah pihak kerajaan mempunyai cadangan untuk meletakkan semula pengiktirafan pensijilan halal ini kembali kepada HDC. Memandangkan HDC ini Tuan Yang di-Pertua, memang diberi peranan untuk menyelaras pembangunan industri halal di Malaysia. Saya mencadangkan ini kerana ia memudahkan penyelarasan ke usaha untuk mengantarabangsakan halal Malaysia ini.

Seterusnya, saya juga hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian, sama ada pihak kementerian ada cadangan untuk menambah kepakaran mereka yang pakar-pakar yang berkaitan dengan pensijilan halal ini agar proses pensijilan ini dapat disegerakan memandangkan itu adalah isu utama yang sering diutarakan oleh mereka, terutamanya pengusaha-pengusaha di tanah air ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang tinggi persaingannya, kita tidak seharusnya hanya mengharapakan pelaburan langsung asing semata-mata untuk melonjakkan ekonomi kita melalui penyediaan peluang pekerjaan dan pemindahan teknologi. Kita sudah semestinya harus belajar daripada pengalaman negara lain seperti Korea Selatan untuk meningkatkan daya saing negara dengan menjadikan sains, teknologi dan inovasi ataupun STI sebagai satu teras untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam lestari di masa akan datang.

Tuan Seri Paduka Baginda juga menyentuh mengenai perkara yang sama dalam Titah Baginda, di mana Baginda telah menitahkan supaya negara memastikan minat dan kecenderungan pelajar terus dikekalkan untuk memilih bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik supaya pembangunan modal insan tidak terencat dalam usaha untuk mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan serta inovasi berimpak tinggi negara.

TPPA yang ditandatangani baru-baru ini memberi peluang sebenarnya untuk kita menembusi pasaran-pasaran besar seperti USA, Canada, Mexico dan Peru dan harus kita manfaatkan sebaiknya dan secepat mungkin. Kita juga harus belajar dari pengalaman negara maju yang lebih awal menggunakan bidang sains, teknologi dan inovasi untuk pertumbuhan ekonomi mereka.

Seperti juga yang kita maklum, Jepun adalah negara yang bangkit dari kemusnahan Perang Dunia Kedua untuk menjadi negara perindustrian dan negara maju semasa tahun 70-an dan 80-an. Mengikut statistik, Jepun mempunyai pertumbuhan ekonomi dua angka yang mengagumkan sepanjang beberapa dekad selepas Perang Dunia Kedua. Menurut *The Economist*, KDNK Jepun adalah 40 hingga 50 peratus di bawah paras yang diramalkan penganalisa ekonomi pada tahun 1991 ketika itu. Jadinya Tuan Yang di-Pertua, tahun 2016, kita sekarang ini berhadapan dengan persekitaran dan persaingan global yang sangat sengit.

Negara-negara seluruh dunia berlumba-lumba untuk mendapatkan pelaburan langsung asing untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya. Akan tetapi apa yang ingin saya cadangkan kepada pihak kerajaan ini adalah mungkin kita boleh juga menumpukan kepada bidang STI ini sebagai salah satu sumber utama pendapatan negara di masa akan datang.

Saya maklum bahawa penjaan ekonomi berasaskan sains, teknologi dan inovasi adalah merupakan salah satu MKRA ataupun *Ministerial Key Results Area* bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun MOSTI. MOSTI juga telah menganjurkan beberapa program seperti *Malaysia Commercialization Year 2014*, dengan izin, dan juga pada tahun 2016 menyediakan dana-dana seperti Dana Sains, Dana Inno dan juga Dana Tekno untuk merangsang dan membiayai penyelidik dalam bidang STI dan mewujudkan budaya inovatif dan kreatif dan kesedaran dan peningkatan kesedaran, penghayatan dan aplikasi dalam bidang STI.

Akan tetapi saya berpendapat, usaha kita masih lagi belum mencukupi untuk menjadikan negara kita sebagai negara yang boleh menghasilkan teknologi baru yang dicipta dalam negara dan seterusnya menjana pendapatan bagi negara kita.

■1150

Kita telah menghantar beribu-ribu orang pelajar ke luar negara untuk mempelajari pelbagai teknologi dari negara maju tetapi kita masih lagi mencipta pekerja-pekerja mahir dan bukannya mencipta teknologi baru untuk memacu dan menjana teknologi kita. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk kembali melihat bidang STI ini dengan lebih teliti dan juga merancang program-program pembangunan yang menghasilkan pencipta-pencipta baru teknologi dunia dalam negara kita dan bukan hanya pekerja-pekerja mahir di dalam bidang STI ini. Kita harus mengambil pengalaman Korea Selatan dalam inisiatif dan usaha memacu ekonomi jangka panjang dan program penyelidikan dan pembangunan dalam bidang STI.

Jadinya saya juga nak membangun penjelasan pada pihak kementerian mengenai apakah sebenarnya perancangan yang hendak diwujudkan oleh pihak kementerian untuk mewujudkan satu perancangan komprehensif untuk membuat satu model inisiatif dalam merangka kestabilan ekonomi berdasarkan model kejayaan negara-negara seperti Jepun dan Korea ini. Apakah perancangan kerajaan dalam usaha membangunkan modal insan yang mampu berdaya saing dalam pelan pengukuhan pembangunan dan penyelidikan bagi memastikan kepakaran Malaysia tidak ketinggalan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, cara menjalankan perniagaan zaman ini adalah berbeza, sudah berbeza kalau kita bandingkan dengan menjalankan perniagaan secara tradisional. Kita sedar bahawa internet dan eUsahawan telah merevolusikan cara kita menjalankan perniagaan, pembayaran dan membuat tempahan. Internet juga telah menyumbang kepada pembangunan teknologi kewangan antaranya adalah penyediaan dana masyarakat melalui ekuiti atau pun *equity crowdfunding*.

Saya hendak mengambil kesempatan ini nak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah memperkenalkan eRezeki dan juga eUsahawan serta sedia untuk menyediakan kemudahan Internet jalur lebar berkelajuan lebih tinggi dengan sasaran 95 peratus penetrasi menjelang tahun 2020. Dalam waktu yang sama telah meluluskan dan mengeluarkan garis panduan di bawah seksyen 34, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015 dengan memperkenalkan keperluan baru bagi pendaftaran platform pendanaan masyarakat melalui ECF ini dan juga secara tidak langsung ia menyediakan aturan tadbir urus bagi pengendali platform tersebut.

Melalui cara *crowdfunding* ini, dengan izin, usahawan muda dapat melihat aktiviti ini sebagai satu peluang untuk menjana pendapatan melalui perniagaan *online* dan *crowdfunding* ini juga memberi peluang kepada usahawan baru untuk mendapatkan modal permulaan atau pun *start up capital* bagi menjalankan perniagaan. Pada Jun 2015, Suruhanjaya Sekuriti telah mengiktiraf enam pengendali ECF ini iaitu *Alix Global*, *Crowdonomic*, *Eureeca*, *pitchIN*, *Propellar Crowd+*, dan *Ata Plus*.

Saya hendak memohon penjelasan daripada pihak kementerian, saya juga nak mencadangkan agar pihak kementerian untuk memberi fokus kepada program-program dan kesedaran dan pendedahan mengenai kebaikan platform *crowdfunding* ini sebagai alternatif selain memohon geran dan pinjaman untuk memulakan sebarang perniagaan.

Seterusnya saya juga hendak memohon maklum balas pada pihak kementerian mengenai apakah status syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen untuk mengendalikan ECF di Malaysia ini dan berapakah jumlah dana yang telah terkumpul sejak mereka ini diperkenalkan kepada umum.

Tuan Yang di-Pertua, pada Januari yang lalu, eUsahawan, anak muda Malaysia, TheLorry.com iaitu sebuah syarikat setaraf telah menawarkan khidmat menempah lori secara *online* yang telah berjaya mendapat pelaburan pusingan series "A" sebanyak USD1.5 juta daripada *KK Fund* dan *SPH Media Fund* untuk mengembangkan perniagaan mereka ke peringkat rantau ASEAN. Jadinya pusingan siri A ini adalah fasa pelaburan yang melibatkan nilai pelaburan dalam lingkungan USD1 juta hingga USD5 juta untuk 15 sehingga 20 peratus ekuiti syarikat. *KK Fund* pula adalah satu firma *venture capital* daripada Singapura juga yang banyak melabur untuk syarikat setaraf Malaysia seperti contohnya mereka telah melabur dengan BeMalas, Hostel Hunting, Kaodim dan dalam jangka masa panjang pelaburan ini juga sebenarnya akan mengakibatkan *capital outflow* kerana pulangan ini akan dipulangkan semula kepada pelabur.

Jadinya saya hendak minta beberapa penjelasan daripada pihak kementerian. Saya mohon pihak kementerian nyatakan sama ada, ada tidak satu inisiatif pihak kerajaan untuk menggalakkan lagi *venture capital firm* tempatan ini untuk melabur dengan syarikat setaraf tempatan untuk ke pusingan siri "A", "B" dan juga "C" kerana syarikat yang disebutkan tadi tidak mendapat pelaburan daripada firma *venture capital* tempatan melainkan mendapat satu pelaburan daripada *Cradle Fund*, itu sahajalah satu-satunya syarikat dari dalam negara.

Seterusnya saya juga nak memohon daripada pihak kerajaan untuk menyatakan adakah pihak kerajaan mempunyai satu *database* bagi syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dalam urusan seperti ini memandangkan kejayaan mereka ini boleh kita jadikan sebagai *success story* negara.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyasarkan 41 peratus sumbangan KDNK negara pada tahun 2020 ini adalah melalui perusahaan mikro berbanding 32 peratus pada tahun 2010. Jadinya sasaran ini sebenarnya banyak tercapai sekiranya usahawan mikro menggunakan ICT sebagai satu mekanisme dalam perniagaan mereka kerana lebih banyak terbukti bahawa ICT dapat membantu meningkatkan perolehan sebuah syarikat mikro memandangkan Internet jaur lebar ini memainkan satu peranan yang sangat penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi.

Usahawan mikro terutama bumiputera mestilah melangkaui sempadan mereka dan juga meningkatkan literasi ICT dalam meneroka kehebatan menerusi blog. Saya juga mengambil maklum bahawa kerajaan pernah memperuntukkan geran sebanyak RM1,000 melalui jumlah peruntukan RM50 juta di bawah SKMM untuk program *Get Malaysian Business Online* atau pun GMBO, pada tahun 2013 di mana ia boleh membantu usahawan SME memasarkan pasaran, SME dan juga mikro memasarkan pasaran mereka atas talian. Ianya telah membantu lebih kurang 700,000 orang usahawan SME di seluruh negara.

Walau bagaimanapun, saya hendak meminta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai data sama ada pihak kementerian akan mewujudkan semula peruntukan untuk program seperti ini. Seterusnya saya hendak memohon agar pihak kementerian untuk menyatakan apakah dia, atau semua program kerajaan yang berkaitan dengan penggalakan penggunaan perniagaan atas talian dan seterusnya daripada jumlah ini, berapakah jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan dan hasil kejayaan platform program-program ini. Ini kerana kita telah dengar banyak yang telah diwujudkan oleh pihak kerajaan melalui kementerian yang berasingan.

Walau bagaimanapun, kita tidak mendapat fakta yang terkini mengenai berapa sebenarnya jumlah yang telah diwujudkan, yang telah diberikan, diperuntukkan oleh pihak Kementerian.

Jadinya, seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai wanita. Sumbangan wanita ini memang sangat penting untuk perkembangan sebuah institusi dan juga saya tertarik dengan titah tuanku yang ada menyebut mengenai penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan yang perlu dipertingkatkan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Ada satu laporan, Laporan Pembangunan Manusia Malaysia 2013, ianya menyatakan bahawa bilangan wanita yang bekerja dalam bidang formal masih rendah ketika itu iaitu di bawah 50 peratus. Walau bagaimanapun baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada juga mengumumkan bahawa kita telah mencapai 54 peratus penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan.

Namun angka ini masih lagi rendah kalau kita, memang agak tinggi tetapi masih lagi rendah kalau kita bandingkan dengan negara-negara jiran yang lain seperti Thailand, dia sudah sampai 69.9 peratus dan Indonesia 53.3 peratus sedangkan jumlah mereka mendapat pendidikan, apabila saya kata ini ,mengenai golongan wanita ini adalah sangat tinggi di Malaysia ini. Jadinya mungkin faktor menjadi kekangan ini termasuklah apabila mereka perlu menjaga keluarga dan lain-lain. Soalan yang hendak saya tanyakan kepada pihak Kementerian ini adalah bagaimanakah sebenarnya Kementerian ini memantau keberkesanan polisi yang telah diwujudkan dan bagaimanakah Kementerian boleh memastikan semua dasar kerajaan ini mencapai sasaran.

■1200

Dalam waktu yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya tengok masih ada lagi wujud perbezaan gaji antara pekerja wanita dan juga pekerja lelaki di Malaysia ini. Ini saya katakan berdasarkan statistik yang disiarkan baru-baru ini dalam *Time Out Kuala Lumpur*, terdapat perbezaan jurang gaji antara pekerja wanita dan juga pekerja lelaki dari 4.5 peratus pada tahun 2015 kepada 5.8 peratus pada tahun 2014 dalam sektor swasta. Jadi mengambil kira purata gaji seseorang pekerja lelaki adalah sebanyak, kalau sekiranya RM1,600, kalau perempuannya RM1,500. Jadi saya ingin meminta penjelasan daripada pihak Kementerian mengenai kebenaran maklumat ini dan sekiranya benar, mengapakah ada perbezaan ini dan adakah apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak Kementerian untuk memastikan perkara ini tidak berlaku. Jadi, isu berkaitan ini perlu kita tangani agar ia tidak akan berlaku di masa akan datang.

Lagi satu mengenai program pengarah, kerajaan sudah melaksanakan pelbagai program iaitu Program Pengarah Wanita ataupun *Women's Director Development Program* semenjak tahun 2012. Memang banyak kali saya bertanyakan mengenai perkara ini. Program ini memang tujuannya sangat baik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal, melaksanakan peranan sebagai ahli lembaga pengarah dan sebagainya. Kita dimaklumkan sehingga 31 Disember 2014, seramai 974 orang wanita yang telah dipilih. Akan tetapi soalan yang saya hendak tanyakan kembali kepada pihak Kementerian ini, adalah berapakah daripada jumlah yang telah dilatih ini sebenarnya mendapat *placement*, dengan izin, di tempat-tempat dan juga di syarikat-syarikat swasta.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, hari ini seluruh klinik kesihatan di Malaysia ini giat menjalankan kempen penyusuan ibu secara eksklusif selama enam bulan dan diteruskan sehingga umur bayi mencecah dua tahun. Jadi mungkin kempen ini bertujuan untuk menggalakkan seluruh kaum ibu untuk menyusukan anak dengan susu badan selama dua tahun dan melawan tradisi masyarakat yang selama ini memberikan anak susu tepung ataupun susu formula. Kempen ini dijalankan secara berterusan.

Walau bagaimanapun, kalau kita tengok tempatnya tidak kondusif dan tidak berapa selesa dan kebanyakan ibu-ibu yang bekerja ini dia menyusukan anak pada hari ini melakukan sesi pemerahan susu di surau pejabat yang tidak dilengkapi dengan singki dan juga peti ais untuk kegunaan sesi laktasi selain perlu mungkin sesetengahnya menggunakan surau yang kadangkala boleh mengganggu keselesaan pengguna yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong ringkaskan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, jadi saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, sama ada pihak kerajaan mempunyai cadangan untuk mempertimbangkan agar setiap bangunan kerajaan ini dapat menyediakan ruang laktasi untuk kegunaan ibu menyusu ini kerana sekali gus dapat mewujudkan kempen yang baik bagi pihak swasta untuk terus mengikut jejak langkah kerajaan.

Jadi itu sahajalah yang dapat saya utarakan dan bahaskan pada kali ini Tuan Yang di-Pertua dan saya berharap apa yang saya bangkitkan ini mendapat perhatian daripada pihak kementerian dan mungkin dapat dipertimbangkan untuk dilaksanakan bagi kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Kapar tidak bagi laluan kepada bos kah? Sila Yang Amat Berhormat Gombak.

12.04 tgh.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kapar. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa menjadi tanggungjawab saya dan rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Rakyat pada pagi ini untuk terlibat secara langsung membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tatkala Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Yang Ketiga Belas, baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kita mengambil maklum bahawa kita bersidang pada kali ini dalam keadaan ekonomi negara sedang dalam keadaan yang amat muram. Kita juga menyaksikan bagaimana rakyat di dalam negara kita di setiap negeri dan daerah sedang terbeban dengan kos sara hidup yang begitu tinggi dan pada masa yang sama, kita juga sedang menyaksikan ketidakadilan dan kecurangan pengurusan ekonomi yang semakin hari semakin berleluasa.

Keadaan ini bertambah parah apabila kita melihat tidak ada langkah-langkah yang berani ataupun *political will* dari Putrajaya untuk melakukan reformasi ekonomi secara menyeluruh ataupun *structural change* dan mengembalikan urusan tadbir yang mantap supaya kita dapat mengembalikan keyakinan pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur-pelabur dari luar negara.

Dewan yang mulia ini telah berulang kali mengingatkan Putrajaya supaya sumber pendapatan negara yang baru harus diterokai dan kita tidak boleh terus bergantung kepada hasil daripada petroleum semata-mata. Hari ini kita telah melihat kesannya, apabila harga minyak mentah menjunam daripada USD110 satu tong kepada kurang USD30 satu tong menyebabkan banyak projek pembangunan terkesan, dan ini memberikan kesan yang amat negatif kepada pembangunan negara dan masa depan rakyat di negara ini. Kita juga telah menyaksikan bahawa harga petroleum telah berkurangan dengan begitu ketara, lebih daripada separuh, kira-kira 40 peratus pada tahun 2009 kepada kira-kira 18 peratus pada tahun yang lalu.

Kita mengambil maklum bahawa Perdana Menteri baru-baru ini telah menyemak semula Belanjawan 2016 yang dibentangkan sebelum ini tetapi oleh sebab Putrajaya terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada petroleum semata-mata, menyebabkan negara kita menghadapi suasana ekonomi yang amat malap dan kita tidak mampu untuk bersaing dengan ekonomi global pada hari ini. Kita juga sedang menyaksikan bagaimana penyusutan nilai Ringgit dan ketidakstabilannya terus melanda negara kita dan rizab antarabangsa negara telah melepasi *psychological barrier* daripada USD100 bilion kepada USD95.1 bilion pada 15 Januari 2016.

Keadaan bertambah parah apabila kita menyaksikan para pelabur asing telah meninggalkan ekuiti dan sekuriti hutang mereka dan menggerakkan portfolio kembali ke arah aset Dolar Amerika dan ini turut disertai oleh beberapa buah syarikat dan individu Malaysia yang akan menyumbang kepada modal ini dengan membeli aset di luar negara untuk mendepani prestasi nilai Ringgit yang semakin lemah.

Sekali lagi saya ingin mengulangi bahawa, segala kegawatan ini hanya akan dapat dipulihkan apabila Putrajaya mempunyai *political will* dan *moral courage* untuk melakukan *structural change*, perubahan struktur ekonomi untuk memulihkan keyakinan komuniti antarabangsa khususnya para pelabur.

Dan yang lebih penting lagi, Putrajaya harus bersedia untuk melaksanakan urus tadbir yang mantap serta dasar-dasar ekonomi yang telus, adil dan bertanggungjawab untuk mengembalikan keyakinan dan membuka kembali ruang untuk negara melakar kecemerlangan.

Salah satu perkara yang harus diberi perhatian ialah soal pendidikan Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana saya percaya kita semua yakin pendidikan merupakan satu pelaburan sumber daya manusia atau modal insan untuk kemajuan serta kesejahteraan masa depan dan ini sebenarnya adalah prasyarat dalam pembinaan sesebuah tamadun. Malangnya, hari ini kita melihat sektor pendidikan negara masih belum mendapat perhatian yang serius dari Putrajaya. Baru-baru ini ketika belanjawan dibentangkan oleh Perdana Menteri bagi tahun 2016, sektor pendidikan negara telah mengalami pemotongan sebanyak RM2.4 bilion ataupun 15 peratus untuk tahun 2016.

■1210

Bagaimana mungkin kita dapat mengangkat martabat sektor pendidikan negara apabila peruntukan bagi satu sektor yang amat penting ini dipotong dan tidak diberikan perhatian yang serius. Sudah tentulah keputusan ini akhirnya akan memberi kesan yang amat besar bukan sahaja kepada para mahasiswa dan institusi pengajian tinggi tetapi ia akan melihat bagaimana kajian-kajian akademik tidak dapat diteruskan dan gagal untuk memartabatkan universiti sebagai *centre of excellent*.

Saya ingin merujuk Dewan yang mulia ini kepada beberapa fakta dan juga statistik yang dibentangkan oleh beberapa dapatan untuk menjadi rujukan kita dalam menentukan hala tuju falsafah pendidikan negara. Saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini supaya pendidikan vokasional dan teknikal harus diberikan penekanan supaya kemahiran yang boleh diguna pakai dalam kehidupan seharian dan menggalakkan pendidikan sepanjang hayat dapat menjadi teras pendidikan negara.

Saya ingin bertanya kepada kementerian kerana sebelum ini ada kenyataan yang dikeluarkan bahawa kerajaan berhasrat untuk mendedahkan pelajar-pelajar bagi mengikuti aliran vokasional dan teknikal ini lebih awal selepas UPSR. Rancangan Malaysia Kesepuluh juga ingin memastikan 20 peratus daripada pelajar mengikuti aliran vokasional berbanding kurang daripada 10 peratus pada hari ini. Akan tetapi apakah status sebenarnya hasrat dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Apabila kita melihat peruntukan bagi kementerian itu telah dipotong dengan begitu besar. Apakah mungkin kita dapat mencapai sasaran yang telah dinyatakan.

Saya juga ingin menarik kepada *Malaysian Education Blueprint* yang telah dikeluarkan oleh kerajaan yang menunjukkan bahawa hanya 72 peratus daripada pelajar-pelajar sekolah menengah menyempurnakan persekolahan mereka di peringkat menengah dalam tahun 2008. Kalau ini berlaku, maka sudah tentulah kementerian bertanggungjawab untuk meneliti semula kurikulum dan sistem pendidikan di negara kita kerana ianya akan memberi kesan kepada tenaga kerja di masa yang akan datang. Kita juga ingin maklum bahawa belia-belia di dalam negara kita mewakili 62.8 peratus daripada *workforce* di Malaysia. Akan tetapi, amat malang sekali 70 peratus daripada tenaga kerja di Malaysia adalah mereka yang tidak mempunyai kemahiran ataupun *semi-skilled*.

Ada dua perkara yang harus diberi perhatian di sini. Sekiranya hanya 70 peratus daripada tenaga kerja di Malaysia mempunyai kemahiran ataupun tidak mempunyai kemahiran dan 72 peratus daripada *student* kita menyempurnakan persekolahan mereka, maka pastinya ia akan memberikan kesan kepada ekonomi negara. Kalau kita melihat kepada statistik negara-negara OECD, lebih 50 peratus daripada anak-anak yang berada di alam persekolahan memilih *vocational education and training* ataupun VET ini dan peluang ini sebenarnya memberikan kemudahan kepada anak-anak kita dan menyediakan pilihan belia-belia kita memajukan karier mereka dan meningkatkan lagi kualiti kehidupan keluarga masing-masing.

Kalau kita melihat *vocational enrollment rate* di negara-negara jiran. Di Singapura 25 peratus, di Indonesia 53 peratus dan di Thailand 45 peratus tetapi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kadar kemasukan atau pendaftaran dalam pendidikan vokasional pada hari ini hanya pada tahap 5 peratus sahaja. Bagaimana negara kita boleh menyiapkan tenaga kerja yang mahir, yang berketerampilan untuk mencapai tahap negara maju dan berstatus tinggi kalau sistem pendidikan negara kita tidak menyediakan kemudahan-kemudahan ini untuk memajukan karier generasi muda di masa yang akan datang.

Ini sekali lagi membuktikan bahawa pendidikan vokasional bukanlah satu pilihan yang menarik di kalangan belia-belia di Malaysia kerana kemudahan dan peruntukan yang disediakan oleh Putrajaya amat lemah dan tidak memberikan perhatian kepada perkara ini.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada statistik yang ada di tangan saya yang menunjukkan sebahagian besar daripada negeri-negeri di Malaysia ini merupakan *young state* ataupun negara yang muda dengan *median age* lebih kurang 27 tahun begitu dan *the working age population* sebenarnya mewakili lebih 70 peratus daripada populasi negeri dan negara kita. Ini bermakna bahawa kita mempunyai satu demografi yang amat baik untuk melihat potensi *output per capita* dan juga mempunyai peluang cukup baik untuk pembangunan ekonomi kerana tenaga kerja kita muda dan mereka berpotensi untuk membantu pembangunan negara dan negeri.

Namun, kita menghadapi masalah seperti yang saya sebut tadi, bidang teknikal dan vokasional ini tidak diberikan perhatian oleh Putrajaya khususnya kementerian sendiri dari segi belanjawannya, dari segi kurikulumnya dan tenaga pengajarnya yang menyebabkan negara tidak dapat *produce* ataupun mengeluarkan graduan-graduan di kalangan tenaga-tenaga yang terlatih untuk memenuhi pasaran pada hari ini.

Sebab itu saya berharap kementerian dapat meneliti semula perkara ini dan memberikan perhatian yang serius terhadap pendidikan yang berkualiti berteraskan vokasional dan teknikal kerana inilah juga yang telah dilakukan di negara-negara maju khususnya di negara-negara yang melihat pembangunan industri itu merupakan sumber pendapatan utama negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada satu perkara yang sering kali kita bincang dan bahaskan dalam Dewan yang mulia ini tetapi masih belum mendapat perhatian daripada pimpinan Putrajaya iaitu soal *federalisme* dan pengagihan yang adil. Saya ingin mengingatkan bahawa falsafah keadilan dalam pengagihan atau *distributive justice* ini menuntut Putrajaya untuk memahami konsep *federalisme* dalam konteks yang lebih komprehensif.

Federalisme ini bermakna *equitable status* ataupun kesaksamaan dari status persekutuan dan negeri supaya khususnya dalam aspek pengagihan hasil pendapatan negara itu dapat diagihkan secara adil dan saksama. Saya ingin tegaskan sekali lagi kepada Putrajaya bahawa Selangor masih kekal negeri yang menjadi penyumbang terbesar KDNK negara pada hari ini. Statistik yang terbaru membuktikan bahawa hampir 25 peratus daripada KDNK negara adalah disumbangkan oleh negeri Selangor.

Walau bagaimanapun rakyat negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor hari ini dihukum oleh Kerajaan Persekutuan dengan tidak mendapat semula daripada apa yang telah disumbangkan rakyat negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan. Tanpa sumbangan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan rakyat negeri Selangor, pastinya ekonomi negara akan lebih parah dan lumpuh pada hari ini. Kalau kita lihat statistik dikeluarkan oleh MIDA dua minggu yang lalu telah menyaksikan bagaimana Selangor kini berada di tangga yang kedua selepas Kuala Lumpur bagi sektor perkhidmatan *services sector*.

Manakala bagi sektor pembuatan Selangor terus unggul di tangga yang ketiga dibanding dengan negeri-negeri yang lain. Daripada segi jumlah pelaburan yang telah diluluskan pula Selangor berada di kedudukan yang kedua. Ini membuktikan bahawa Selangor masih lagi menjadi destinasi pelaburan yang utama di Malaysia. Kita mendapat pelaburan yang begitu besar bukan sahaja daripada negara-negara China, Taiwan, Jepun, dan Korea tetapi negara Timur Tengah.

■1220

Minggu yang lalu, salah seorang Putera Diraja Saudi telah datang ke Selangor untuk menyatakan minat mereka melabur dalam sektor pendidikan. Mereka datang dengan delegasi yang besar, bukan tujuan untuk memberikan derma ataupun *donation* dan kita tidak menerima *donation* tetapi mereka menyatakan minat mereka untuk melabur di Selangor kerana melihat pentadbiran yang telus, bertanggungjawab dan suasana yang kondusif bagi mereka untuk melabur dengan jumlah yang begitu besar dalam sektor pendidikan.

Namun pada pagi ini, saya ingin menegaskan supaya Putrajaya lebih bertanggungjawab memastikan pengagihan yang lebih adil daripada sumber pendapatan negara itu ke negeri-negeri. Bukan sahaja Selangor tetapi negeri-negeri yang lain berdasarkan sumbangan yang telah diberikan oleh negeri yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada Yang Berhormat Menteri berminat untuk membuat pencilan. Jadi terpulung kepada Yang Berhormat Gombak.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Biasanya tidak berlaku, tetapi...

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]: Sekali sekala boleh.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Saya panggilah soalan ini dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat berkaitan dengan konsep *federalisme* tadi. Mengikut tanggapan saya, Yang Berhormat berpendapat bahawa oleh kerana Selangor merupakan negeri yang paling banyak menyumbang kepada KDNK dan banyak menyumbang juga pelaburan, saya akui kerana infrastruktur di Selangor dan wilayahnya dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional begitu lama. Maka di Selangor ini, infrastrukturnya hebatlah, Pelabuhan Klang, KLIA, itu pelaburan besar Kerajaan Pusatlah. Maka itu sebabnya kenapa Selangor mempunyai infrastruktur yang baik. Kita bukan hendak ungkit tapi itu realiti, kita mengakuinya.

Akan tetapi *federalisme* ini, adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa setiap negeri yang menyumbang kata 30 peratus KDNK, Kerajaan Pusat harus menyalurkan 30 peratus juga peruntukan negeri tersebut. Kalau begitu apa halnya dengan negeri miskin. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa *federalisme* juga bermakna bahawa kita satu keluarga, satu negara, ada Kelantan, ada Perlis apa semua. Kalau macam itu mungkin beberapa negeri yang tidak berapa *viable* dalam negara kita ini kalau berdasarkan konsep Yang Berhormat ya.

Jadi ini fahaman Yang Berhormat tentang *federalisme* ini satu fahaman yang saya rasa amat tidak bertepatan dengan realiti Malaysia di mana konsep kita, *federalisme* kita boleh bahas apa konsep *federalisme* ini tapi yang penting pada saya ialah konsep ini bermaksud bahawa yang kaya harus mempunyai kesanggupan untuk membantu negeri-negeri miskin. Itu *federalisme* yang kita maksudkan, yang kita laksanakan di Malaysia. Bukan ikut Yang Berhormat, maknanya negeri Selangor sumbang 20 peratus, maka Kerajaan Pusat wajib untuk memperuntukkan 20 peratus. Apa halnya negeri-negeri yang miskin di negara kita. Adakah *federalisme* itu kita maksud adakah kasih sayang, ihsan di mana kita membantu negeri-negeri yang kurang maju.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli dan juga beliau seorang yang Yang Berhormat Menteri Kabinet yang kanan pada hari ini, esok belum tentulah. Saya hendak menarik perhatian kepada dua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Pertama, ini skrip yang sering kita dengar Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Bila kita sebut negeri Pulau Pinang maju, negeri Selangor maju dan terus maju. Sebelah sana akan menjawab ini semua hasil daripada Kerajaan Barisan Nasional yang telah meletakkan asas dan infrastruktur. Itulah skrip mereka.

Ya, kalau betul pun, infrastruktur di Selangor ini mungkin telah diletakkan dan dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional tapi kebanyakannya dibina oleh Tun Dr. Mahathir sebelum ini...

Beberapa Ahli: *[Bersorak]*

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sebab itu kita tandatangi Deklarasi Rakyat baru-baru ini sebab Perdana Menteri yang sekarang saya tidak nampak, tidak ada langsung kerjasama dan sumbangan kepada rakyat negeri Selangor kerana sistem yang ada di Putrajaya hari ini amat tidak adil. Itu berbalik kepada soalan Yang Berhormat Menteri yang kedua.

Saya tidak langsung mencadangkan dalam perbahasan saya sekiranya Selangor menyumbang 24 peratus, maka Persekutuan akan kembalikan 24 peratus. Tidak ada. Saya sebut supaya ada pengagihan yang adil dan saksama. Adil dari segi persetujuan, kebersamaan, perbincangan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri di manakah bidang-bidang yang perlu diberikan perhatian.

Saya setuju supaya apa juga yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Selangor itu kepada Kerajaan Persekutuan akan digunakan dengan adil dan saksama bukan saja untuk Pulau Pinang dan Selangor tetapi harus adil dan saksama kepada seluruh negara khususnya Sabah dan Sarawak. Akan tetapi malangnya, dua Menteri dan seorang... wah! Hebat saya. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menggulung nantilah mewakili Perdana Menteri selepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Gombak, saya percaya bahawa ini satu penghargaan selaku Yang Berhormat Gombak dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Sebab itu Yang Berhormat Menteri berminat. Jadi tidak menjadi kesalahan. Terpujang kepada Yang Berhormat Gombak.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu saya berterima kasih kerana itu satu penghormatan yang cukup besar. Jadi untuk menjimatkan masa, lebih baik bagi saya menggulung terus minggu depan. Kalau boleh bagi kami duduk sebelah sanalah Tuan Yang di-Pertua, senang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Cuma saranan daripada Yang Berhormat Jeli dan Yang Berhormat Menteri tadi sebenarnya saya ada *point* yang ketiga di mana saya minta supaya apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jeli tadi, saya boleh terima di mana tidak semestinya jumlah sumbangan yang diberikan oleh sesebuah negeri itu mesti dikembalikan balik dalam jumlah yang sama. Saya hendak sarankan supaya kita mengkaji daripada pengalaman Jerman, sebuah negara yang maju dan amat kuat ekonomi dan industrinya tetapi pada masa yang sama Kerajaan Persekutuan di Jerman ada satu mekanisme yang amat adil dari segi pengagihan dan perkongsian pendapatan di antara Kerajaan Persekutuan dan di peringkat negeri dan juga kerajaan tempatan.

Jadi saya ada cadangan untuk melihat mekanisme ini supaya konsep dan prinsip *federalisme* itu dapat diterjemahkan dalam pentadbiran di Putrajaya pada hari ini.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Gombak, saya cadangkan Yang Berhormat buat kajian konsep *federalisme* ini. Dia banyak ya. Di situ sebabnya saya mahu maksud Yang Berhormat *federalisme* ya. Terima kasih Yang Berhormat sudah mengakui. Dalam ucapan Yang Berhormat seolah-olah Yang Berhormat mahu 24 peratus sumbangan Kerajaan Negeri Selangor, maka itulah dalam ucapan. Akan tetapi terima kasih Yang Berhormat mengakui bahawa dalam konsep di Malaysia ini kita harus lihat negeri-negeri yang kurang maju.

Jadi dalam *federalisme* Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum, kita ada *federalisme* di mana kerajaan-kerajaan negeri dan *local authorities* memungut cukai yang besar. Kita ada di mana pendidikan umpamanya merupakan tanggungjawab *local authority* negeri. Jadi *federalisme* ini macam-macam konsep dia. Jadi saya cadangkan yang pertama Yang Berhormat buat kajian. Yang kedua bangkitlah hal-hal ini dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara, Yang Berhormat juga menjadi ahlinya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kita boleh bangkitkan, di sini pun apa masalahnya dibangkitkan, salah kah?

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bangunlah Yang Berhormat Arau. Dulu Menteri jaga Parlimen tapi tidak faham undang-undang. Kalau hendak tanya soalan tambahan, bangun, minta kebenaran Tuan Yang di-Pertua, tanya. Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi, saya boleh bagi. Sebab itu kena *drop*, kena *demoted*. Okey, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan, okey kalau Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Arau bangun. Ya *mike*, ya Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oh dia suruh saya tarik balik. Bukan *demotion* tapi *promotion*. Akan tetapi bidang kuasa sudah tidak ada. Kasihan juga Yang Berhormat Arau. Itulah, tidak apa. Yang Berhormat...

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Gombak, boleh.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Penampang.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dikata oleh Yang Berhormat Jeli bahawa *federalisme* banyak konsep. Di Malaysia, ia adalah di Persekutuan Malaysia, *the Federation of Malaysia*.

■1230

Dalam Persekutuan Malaysia ini, ada satu bahagian dikenali sebagai Jadual 10 di mana Sabah sepatutnya diberikan balik 40 peratus daripada *net revenue of the collection tax* dari Sabah. Hingga ke hari ini, angka ataupun *the amount*, dengan izin, yang dikembalikan kepada Sabah hanya RM26.7 juta setiap tahun. Ini tidak masuk akal sebab kutipan *tax* di Sabah pun sudah berbilion. Baru-baru ini *Custom Department* telah mengumumkan dalam masa dua bulan kutipan GST di Sabah sahaja sudah sampai RM397 juta. *So, it is impossible* Yang Berhormat Gombak, bahawa ada *fairness* dalam *federalisme* ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Penampang. Sebab itu bila merujuk kepada perkara yang membangkitkan Yang Berhormat Jeli tadi kalau saya tengok balik nota perbahasan saya, saya langsung tidak pernah mencadangkan jumlah yang sama dipulangkan. Saya sebut di sini tentang maksud *federalisme* bermakna *equitable status* persekutuan dan negeri khususnya terhadap aspek pengagihan hasil pendapatan negara yang adil dan saksama. Adil sebab itu kita ada Parti Keadilan Rakyat dan saksama dan itulah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penampang.

GST sahaja telah disumbangkan oleh rakyat negeri Sabah, industri Sabah, pengusaha Sabah hampir RM400 juta dalam tempoh dua bulan. Yang Berhormat Menteri boleh saya habiskan dulu...

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Yang terakhir.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Penggulangan saya.

Dato' Sri Mustapa Mohamed: Ya, lepas itu dia hendak keluar dah. Yang Berhormat Penampang, dengan izin Yang Berhormat Gombak dengan Penampang. Angka-angka ini, dengan izin, boleh di *massage*. Jadi, angka-angka dari Yang Berhormat Penampang ini tidak masuk pendidikan, kesihatan, tentera. Jadi, kita harus berlaku adil. Jadi, kalau kita hendak *selective*, dengan izin, maka macam-macam cerita boleh kita putar belitkan.

Realitinya, mengikut angka-angka yang ada pada kita, Kerajaan Pusat banyak membantu. Sudah pasti tidak cukup. Saya tahu negeri-negeri ini semua hendak lebih lagi. Kita tengok Sabah, Sarawak, Kelantan dan khususnya negeri-negeri yang pendapatannya kurang. Perlembagaan Pusat lebih daripada cukai. Saya hendak sebut Kelantan umpamanya.

Bagi setiap Ringgit yang Kerajaan Pusat kutip kita ada *income tax, custom and* lain-lain kita pulangkan balik RM10 kerana kita ambil kira pendidikan, kesihatan, tentera dan lain-lain. Jadi, saya tidak mahu berbahas ini kerana ini pentas Yang Berhormat Gombak. Terima kasih Yang Berhormat Gombak bagi peluang kepada saya, terima kasih. *Assalamualaikum*.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Cuma- duduk Yang Berhormat Jeli [*Ketawa*]

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dengarlah ulasan saya sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sebenarnya...

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sekejap sahaja. Akan tetapi Yang Berhormat Jeli...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, selepas ini boleh gulung ya. Selepas jawab ini boleh gulung.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih. Saya gulung untuk semualah.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak sedikit.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, Yang Berhormat Jeli tetapi Yang Berhormat Jeli kena ingat soal tentera, soal polis, ini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Ini tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kesihatan, pendidikan, keselamatan. Ini bukan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Ini adalah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang termaktub dalam perjanjian dan Perlembagaan.

Yang kita minta ini supaya diberikan secara adil dan saksama untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di negeri itu yang telah menyumbangkan satu jumlah yang besar kepada Kerajaan Persekutuan. Kita mahu pengagihan itu dibuat secara adil dan saksama kepada negeri yang berkenaan, tidak semestinya dalam jumlah yang sama kerana kita juga mengambil maklum tentang keperitan dan kesusahan negeri-negeri yang lain.

Sebagai contoh di Sarawak yang memperjuangkan supaya royalti minyak ini dinaikkan kepada 20 peratus adalah Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan. Barisan Nasional tidak pernah pun bincang tentang keperluan negeri Sarawak. Hari ini baru hendak pilihan raya negeri baru sibuk hendak naikkan royalti minyak dan ini sebenarnya peranan dan dasar yang telah dimainkan oleh Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan bagi memastikan kemakmuran negeri itu dipertahankan dan kesejahteraan rakyat itu juga dapat pembelaan yang adil dan saksama.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Gombak, Gombak sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oh ya.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih. Setujukah Yang Berhormat Gombak bahawa asas dalam menepati konsep federalisme ini Kerajaan Pusat sepatutnya mengembalikan 5 peratus hak royalti kepada Kelantan. Kalau 5 peratus yang sudah ada dalam perjanjian itu pun tidak diberikan, maka manakah konsep federalisme yang dilaung-laungkan itu?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya, Yang Berhormat Bachok saya hendak masukkan itu juga dalam perbahasan saya. Memang tidak ada keadilan langsung. Kelantan tidak meminta 100 peratus tetapi 5 peratus yang telah dipersetujui pun tidak diberikan. Sedangkan Yang Berhormat Jeli, Jeli itu dalam negeri Kelantan.

Patutnya Yang Berhormat bersungguh-sungguh lawan dengan Yang Berhormat Pekan lawan dengan Yang Berhormat Bagan Datok supaya hak rakyat negeri Kelantan akan terbela kerana kemenangan Yang Berhormat Jeli bukan ditentukan oleh Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Bagan Datok. Kemenangan dan Kerusi Yang Berhormat Jeli itu ditentukan oleh rakyat negeri Kelantan dan rakyat Jeli yang telah dianaktirikan bertahun-tahun oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Keduanya, kita juga menyaksikan bila diberikan pun balik kepada kerajaan negeri dia tidak melalui saluran yang telus dan terbuka. Diberi kepada ketua-ketua UMNO bahagian, diberi kepada jentera politik. Bagaimana pengurusan kewangan ini dapat dibuat secara baik dan terbuka dan telus kalau pemimpin UMNO yang menguruskannya? Jadi, saya harap perkara ini tidak berulang lagi dan kita mahu satu mekanisme dan kajian yang menyeluruh dijalankan supaya konsep dan prinsip federalisme ini dapat dihormati dan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Penjelasan.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*] [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jeli. Saya hendak tanya apa berlaku kepada *backbenchers* UMNO dan Barisan Nasional ini? Mengapa mereka membenarkan menteri-menteri kena serang pada pagi ini?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak. Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Maknanya dia orang ini tidak setia kepada Menteri-Menteri mereka.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Gombak...

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Patutnya *backbenchers* punya peranan pertahankan dasar kerajaan mereka.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, ini hendak pertahankan dasar. Ini pun bekas presiden *backbenchers*.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Mana *backbenchers* kamu?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Masa Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Gombak, ini proses peralihan.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ha!

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Masa peralihan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Masa Yang Berhormat menjadi Setiausaha Sulit Menteri...

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oh! Proses peralihan. Okey, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Semasa Yang Berhormat jadi Setiausaha Sulit dahulu saya Pengerusi Presiden *Backbenchers* di Parlimen ini, okey. Yang Berhormat, saya hendak tanya supaya Yang Berhormat tidak meneruskan pemikiran memperjuangkan secara kosong untuk negeri-negeri mengenai royalti Petronas.

Yang Berhormat cerita pada saya, apakah telaga minyak itu ditentukan berdasarkan kepada sempadan negeri ataupun berdasarkan kepada berada di kawasan yang bertentangan dengan negeri? Yang Berhormat sedia maklum bahawa semua telaga minyak berada di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif. Jadi, kalau itu berada dalam Zon Ekonomi Eksklusif, Perlis pun layak.

Akan tetapi semasa saya bantangan dalam Majlis Kewangan Negara dahulu, Menteri Kewangannya, Yang Berhormat menjadi Setiausaha kepada Menteri Kewangan. Menteri Kewangan sendiri, Menteri Kewangan Yang Berhormat jadi Setiausaha Sulit Kanan, Menteri Kewangan tidak menerima.

Saya kata, "*Perlis juga layak untuk mendapat 5 peratus royalti seperti negeri-negeri yang lain*" tetapi Menteri Kewangan tolak pada masa tersebut. Yang Berhormat menjadi Setiausaha Sulit Kanan. Akan tetapi sekarang ini Yang Berhormat hendak menjadi hero hendak memperjuangkan.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dalam Majlis Kewangan Negara saya bantangkan.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, sudah? Okey, saya tidak tahulah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau itu betul atau tidak sebab kita boleh semak rekod tetapi dalam konteks Kelantan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bachok tadi jelas sudah ada perjanjian yang dimeterai 5 peratus mesti diserahkan kepada rakyat Kelantan. Kalau perjanjian yang telah dimeterai pun boleh dikhianati dan dicabuli oleh Yang Berhormat Arau dan rakan-rakan mereka, bagaimana rakyat hendak letakkan keyakinan kepada kerajaan yang ada sekarang? Oleh sebab itu...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sekejap, sekejap, saya belum habis. Tahu tidak peraturan Dewan?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tahu, tahu.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Bila Yang Berhormat Menteri jawab, BBC kena duduk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya dan sekarang Menteri bertanya. Duduk [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Menteri dalam transisi hendak jadi *backbenchers*- BBC. Jadi, duduk dahulu. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagilah.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sebab itu saya sebut di awal tadi bagaimana kita hendak pulihkan ekonomi kita. Bukan lagi soal harga minyak atau pun pasaran saham. Yang paling mencabar hari ini ialah soal keyakinan. Pelabur dalam negara tidak yakin, pelabur asing tidak yakin kerana inilah watak-watak yang ada dalam Jemaah Menteri Kabinet.

■ 1240

Perjanjian boleh dicabuli. Dengan rakyat sendiri pun berbohong tetapi kerana perjuangan Melayu! Hidup Melayu! Melayu apa, di Kelantan itu 100 peratus Melayu Islam tetapi yang khianat Melayu di Kelantan adalah UMNO dan Barisan Nasional itu sendiri, bertahun-tahun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oleh sebab itu hari ini Yang Berhormat Arau marilah tandatangani...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Deklarasi rakyat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya ajak Yang Berhormat Arau ayuh kita tanda tangan deklarasi rakyat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey Yang Berhormat sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Supaya Yang Berhormat tidak bersekongkol dengan rasuah dan penyelewengan yang saya hendak masuk bab selepas ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit sahaja sedikit sahaja.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak teruskan perbahasan saya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: *Last one, last one.* Ini sebab Yang Berhormat menjadi Setiausaha Sulit Kanan kepada Menteri Kewangan kan, bekas Yang Berhormat Permatang Pauh. Yang Berhormat perjanjian 5 peratus ini dibuat pada semua negeri, bukan sahaja Kelantan tetapi semua negeri. Bahawa royalti minyak dibahagi sekalian minyak didapatkan di kawasan negeri yang berkenaan. Permasalahan sekarang ini ialah sempadan negeri ialah tiga batu nautika dan minyak kita berada di tempat yang jauh. Jadi saya telah bantah kepada Menteri Kewangan pada masa tersebut. Yang Berhormat Setiausaha Sulit Kanan, Menteri Kewangan menolak. Menteri Kewangan pada masa tersebut adalah Yang Berhormat Permatang Pauh. Jadi maksud dia bukan tolak Perlis dia tolak Kelantan.

Akan tetapi hari ini Yang Berhormat bercakap Yang Berhormat hendak jadi hero tidak baik macam itu Yang Berhormat. Kita akan berjuang di akhirat nanti tahu itu yang penting, di dunia sekejap sahaja Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak sebenarnya masa sudah banyak, terlebih makan masa Yang Berhormat yang lain.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oleh kerana yang mengganggu ini menteri saya kena diberi masa tambahanlah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak rumuskan sebab andaian Yang Berhormat Arau tadi adalah tidak berasas sama sekali. *I want to put on record* dalam Dewan ini.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: *I want to put on record also in this Dewan...*

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Nanti, nanti, nanti. Sebab sebelum sebarang perjanjian ditandatangani sudah tentulah perinciannya telah diteliti.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, Yang Berhormat ...

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Berapa batu nautika, sama ada di daratan, sama ada perairan, kalau perairan berapa. Itu semua telah ditentukan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Oleh sebab itu macam di Selangor kita tidak menuntut sebab Selangor tidak ada minyak.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Kami- minyak sahaja dengan UMNO Barisan Nasional.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Petronas ditandatangani oleh semua negeri.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi di Kelantan, di Terengganu sudah jelas ...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Petronas tandatangan dengan semua negeri.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Digali di situ tetapi UMNO tidak menghormati perjanjian yang telah ditandatangani.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat dahulu Barisan Nasional.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akhirnya Tuan Yang di-Pertua ...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: ...PAS, Yang Berhormat ingat itu. Yang Berhormat- Barisan Nasional tolak PAS. Hari ini Yang Berhormat hendak jadi hero kepada PAS tidak betul ini Yang Berhormat, tidak baik. Awak ini orang bagus, *handsome* tetapi mulut ada tidak betul.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: PAS pun tidak percaya UMNO hendak sokong mereka.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Dahulu Yang Berhormat Menteri Barisan Nasional.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jangan bersungguh-sungguhlah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang menolak.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak apa, tidak apa.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau tidak, fasal apa hendak tolak, tolak dahulu itu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa itu makcik? Kamu cakap apa ini? Saya cakap dia.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tarik balik ini tidak menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak saya bercakap dengan Yang Berhormat Gombak hendak tarik apa?

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Makna dia memang tidak...

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak apa tidak apa sudahlah. Malu tengok pegawai semua gelak dekat Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Pegawai pun gelak dekat *you*. Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Sulit Menteri Kewangan yang tolak 5 peratus bukan sahaja tolak hak Perlis termasuk tolak hak Kelantan zaman dahulu. Fasal apa Yang Berhormat kata hendak jadi hero tidak payah macam itu.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ini sebab...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekarang ini Yang Berhormat sebut sini sahaja...

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Maklumat Yang Berhormat Arau itu tidak betul.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami mohon supaya kerajaan mempertimbangkan itu betul sebab dahulu saya Menteri Besar dalam...

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Kewangan negara saya pohon supaya semua negeri dapat 5 peratus, Menteri Kewangan tolak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat menteri, Yang Berhormat Gombak saya kira masa sudah terlalu lama ambil masa.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak tutup sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya tutup ya.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bila saya sebut dia hendak masuk topik ini sebab itu Yang Berhormat Arau kacau supaya saya tidak boleh sebut perkara ini iaitu tentang perkara yang telah dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Amat Berhormat daripada Bagan sebentar tadi.

Ada soalan beliau yang telah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua berhubung kenyataan rasmi yang telah dibuat oleh Peguam Negara Switzerland tentang skandal RM4 bilion yang telah dibuat secara rasmi. Yang Amat Berhormat Bagan ingin mengetahui tentang pendedahan yang dibuat oleh Kerajaan Switzerland tentang perkara skandal RM4 bilion ini. Malangnya soalan ini ditolak tanpa asas yang kukuh kerana alasan diberikan soalan ini merupakan satu sangkaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua perkara ini penting kerana ianya menjadi rekod dalam Dewan yang mulia ini. Bagaimana Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh memberikan jawapan sedemikian rupa walaupun itu bidang kuasa Tuan Yang di-Pertua untuk menerima ataupun menolak. Akan tetapi penolakan sesuatu soalan ataupun usul mesti dibuat atas asas yang kukuh peraturan yang telah ditetapkan. Ini bukan satu sangkaan oleh Yang Amat Berhormat daripada Bagan. Ini adalah satu kenyataan rasmi di mana Peguam Negara Switzerland memohon untuk perkara ini disiasat dan diperincikan. Oleh sebab itu bagi saya, saya mohon dan bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Bagan perkara ini mesti dijawab oleh pihak kerajaan dalam perbahasan yang saya lakukan pada pagi ini dan diberikan perincian. Mengapa perkara ini ada halangan?

Kita lihat baru-baru ini saya dimaklumkan pihak SPRM juga belum lagi menutup kes pemberian sumbangan ataupun derma ataupun *donation* RM2.6 bilion. Ini kerana apa yang kita dimaklumkan SPRM masih mahu meneruskan siasatan termasuk memohon Kerajaan Putrajaya melalui Peguam Negara membenarkan MLA dibuat terhadap Kerajaan Singapura dan juga Kerajaan Switzerland iaitu *Mutual Legal Advice*. Ini kerana apa yang telah dinyatakan oleh SPRM siasatan sedang berjalan ada pihak yang telah mengaku memberikan sumbangan tetapi yang lebih penting lagi bukan sekadar pengakuan beberapa individu yang telah memberikan derma ataupun sumbangan kepada Perdana Menteri dan dimasukkan dalam akaun peribadinya. Akan tetapi yang lebih penting bagi SPRM ialah untuk menyasiat *the origin* ataupun *the source of the donation* itu.

'A' boleh mengaku dia beri kepada 'B' tetapi pihak *authority*, pihak yang bertanggungjawab ingin menyasiat daripada mana akaun 'A' ini diperolehi untuk memberikan sumbangan kepada 'B'. Oleh sebab itu ada permohonan yang telah dibuat oleh pihak SPRM kepada Jabatan Peguam Negara supaya MLA ini dikeluarkan terhadap Jabatan Peguam Negara Singapura dan juga Jabatan Peguam Negara Switzerland supaya mereka boleh melengkapkan penyiasatan dan melihat *the origin* ataupun *the source of the donation*. Apa statusnya? Mengapa perkara ini tidak dibenarkan?

Kalau benar ada pihak yang menghalang daripada MLA ini dikeluarkan, Dewan yang mulia ini bertanggungjawab untuk mendengar penjelasan daripada kerajaan, mengapa ini berlaku. Oleh sebab itulah apabila ada kenyataan yang menyatakan kemungkinan MLA yang dipohon ini akan dihalang maka Kerajaan Switzerland mengambil langkah yang proaktif untuk memohon dan menyatakan pendirian mereka supaya siasatan ini dapat diteruskan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita berpandangan bahawa pegawai-pegawai kerajaan, kementerian, jabatan dan agensi termasuk Jabatan Peguam Negara, termasuk SPRM, jangan tunduk dengan mana-mana mereka yang melakukan rasuah dan salah guna kuasa. Mereka bertanggungjawab untuk tampil dengan berani menyatakan kebenaran dan memberikan fakta kerana ini bukan soal politik, bukan soal individu, ini soal kecurangan, pengurusan ekonomi yang boleh meruntuhkan tamadun negara Malaysia pada hari ini. Oleh sebab itulah saya mengajak Ahli-ahli Parlimen khususnya daripada Barisan Nasional dan UMNO. Mereka mesti mempunyai *conscience* yang jelas menyelamatkan negara Malaysia, memulihkan ekonomi dan jangan bersekongkol dengan rasuah...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Dan perompak dalam negara pada hari ini. Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gombak.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua mesti mengarahkan kementerian ataupun menteri yang berkenaan memberikan penjelasan yang jelas terhadap soalan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Bagan.

■1250

Bagaimana soalan yang begitu terang dan nyata dengan fakta yang jelas telah dihalang untuk diberikan jawapan. Begitu juga permohonan saya untuk melihat apakah status MLA yang telah dipohon untuk dikeluarkan terhadap Kerajaan Singapura dan Switzerland yang sehingga hari ini belum ada berita. Saya percaya dengan pendedahan ini, dengan fakta yang dikemukakan, *insya-Allah* rakyat Malaysia akan bangkit dan bangun dan menolok UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang. Terima kasih...
[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Gerik.

12.50 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama-sama untuk membahaskan Titah Diraja, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Perkara yang pertama yang saya ingin saya sentuh ialah saya amat tertarik di mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh untuk mendaulatkan Islam sebagai agama persekutuan dan agama-agama lain bebas diamalkan. Secara tidak langsung, Titah Tuanku pada kali ini menyedari bahawa sudah ada permasalahan soal agama Islam sebagai agama persekutuan, di mana pandangan Seri Paduka Baginda ini perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri, JAKIM di mana kita ingin melihat Mahkamah-mahkamah Syariah terus diperkasakan di tiap-tiap negeri.

Apa yang berlaku pada hari ini ialah antara negeri-negeri sendiri nampak ada perbezaan dari segi keputusan, denda yang dikenakan, hukuman yang dikenakan, maka bila Titah Seri Paduka dibuat, secara tidak langsung bukan soal kita hendak menyentuh kuasa raja-raja tetapi pihak JAKIM dan juga Jabatan Perdana Menteri mestilah menjadi satu badan penyelarasan mengkaji semula, melihat dan memperkasakan bagaimana Mahkamah Syariah, Jabatan Agama Islam di tiap-tiap negeri ini dapat diperkasakan dengan sepenuhnya.

Kita melihat soal perkahwinan, selepas perkahwinan, bagaimana berlaku perceraian, bagaimana kadang-kadang keputusan-keputusan antara mahkamah agak lambat menyebabkan suasana masyarakat Islam menjadi tidak baik. Di sinilah saya rasa peranan JAKIM bersama dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri melihat semula soal tersebut.

Masyarakat Islam di seluruh negara terpaksa pergi ke Jabatan Agama, Mahkamah Syariah soal menyelesaikan pelbagai perkara. Saya merasakan sudah tiba masanya pihak JAKIM menyediakan satu pelan jangka panjang untuk menyelaraskan kesemua Mahkamah Syariah dan juga Jabatan Agama dan dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja supaya masyarakat Islam terus meyakini dapat berhubung di pihak Mahkamah Syariah. Hari ini pun masyarakat di kampung, di luar bandar...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat Pasir Puteh dan Yang Berhormat Kota Bharu.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Pasir Puteh boleh.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya tertarik dengan penyelarasan yang ingin dicadangkan oleh pihak Yang Berhormat Gerik kepada JAKIM supaya semua mahkamah syariah di negeri itu selaraskan hukuman atau keputusan yang dibuat oleh mahkamah. Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Gerik sedar bahawa kuasa di setiap negeri itu diberikan kepada Raja dan Majlis Agama di tiap-tiap negeri. Tiap-tiap negeri mempunyai muftinya sendiri dan ulama-ulamanya yang sendiri. Maka ini memberi peluang kepada negeri-negeri itu mempunyai hukum yang berbeza-beza di antara satu sama lain.

Islam memberi keselarasan itu untuk perbezaan ini. Khilaf ini atau ikhtilaf di antara ulama-ulama ini adalah juga rahmat yang mana sepatutnya kita tidak boleh menyamakan semua hukum di Mahkamah Syariah itu biar sama semua, itu sesuatu yang saya rasakan bercanggah dengan ajaran syariah Islam itu sendiri. Apa pendapat Yang Berhormat Gerik. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Boleh sentuh sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga sebagaimana Yang Berhormat Pasir Puteh, saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Gerik mengenai Titah Tuanku Agong untuk kerajaan memperkasakan mahkamah atau sistem kehakiman Mahkamah Syariah.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Gerik, adakah Yang Berhormat Gerik bersetuju saranan daripada Titah Tuanku Agong itu adalah amat-amat tepat dan dipanggil dalam bahasa Inggeris- *very timely*, makna sudah sampai masanya kerana kalau kita lihat di Mahkamah Syariah seluruh negara sekarang ini yang mana akta yang terlibat dari segi hukuman atau bidang kuasa jenayahnya adalah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang mana memperuntukkan bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah ini hanyalah tiga tahun penjara, RM5,000 denda, enam rotan sebatan sahaja.

Itu dari segi hukuman bidang kuasa jenayah. Sedangkan mengikut Akta Mahkamah Rendah ataupun *Subordinate Court Act*, dengan izin, bidang kuasa Mahkamah Majistret, mahkamah yang paling rendah sekali dalam sistem sivil ini, majistret yang baru keluar daripada universiti jadi majistret, bidang kuasanya 5 tahun penjara- hukuman bidang kuasa jenayah, RM10,000 denda dan 12 kali rotan. Maknanya kalau Hakim Mahkamah Tinggi Syariah yang paling tinggi pun, bidang kuasanya lebih rendah daripada majistret. Oleh itu wajar ia diperkasakan. Apa pandangan Yang Berhormat Gerik. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh dan juga Yang Berhormat Kota Bharu. Sebenarnya maksud saya begitulah walaupun saya menyedari pandangan Yang Berhormat Pasir Puteh, perbezaan hukuman di antara negeri-negeri sebenarnya kerana ada mufti, hakim, pengarah agama sendiri tetapi alangkah manisnya kalau JAKIM dapat menyelaraskan lebih baik.

Kemudian berbalik kepada Yang Berhormat Kota Bharu, sebenarnya kita melihat seolah-olah Mahkamah Syariah ini berada di bawah. Hakim di peringkat negeri, Ketua Hakim Mahkamah Syariah peringkat negeri tidak sampai 54. Bermakna di sinilah yang kita minta JAKIM dan juga Kerajaan Persekutuan perlu membayar gaji dan letakkan standard mereka di tempat yang paling tinggi di seluruh negara. Kalau tidak nanti pandangan, perbalahan dan juga pandangan rendah daripada Mahkamah Sivil kepada Mahkamah Syariah dan juga Jabatan Agama.

Saya suka hendak mencadangkan kepada pihak Jabatan Perdana Menteri kalau boleh kita tubuhkan satu pusat dakwah untuk orang Asli di Gerik di mana saya bersedia untuk membantu menyediakan tapak bagi memastikan orang Asli yang telah memeluk Islam lebih daripada 20 tahun tetapi saya berterima kasih kepada Jabatan Agama Islam kerana di dua buah surau RPS Banau dan juga RPS Kemar dalam tempoh setahun ini kita telah berjaya mendirikan solat Jumaat. Selama ini dah berpuluh-puluh tahun mereka memeluk Islam tetapi tidak ada solat Jumaat didirikan.

Jadi ini satu tindakan yang dijalankan oleh Jabatan Agama yang baik dan kerana itu sebenarnya saya amat tertarik bila Tuan Guru membahaskan dan ucapan memperkasakan tentang agama Islam dulu memberi satu pendedahan kepada kita untuk sama-sama memperkasakan agama Islam dalam negara kita.

Beralih kepada isu kedua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Saya melihat Kementerian Pendidikan memang berjaya dari segi soal kecemerlangan setiap anak-anak yang ada dalam negara.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Yang Berhormat, pertama sekali kita akan menyokong permohonan Yang Berhormat dan saya percaya NGO juga akan menyokong permohonan Yang Berhormat berhubung dengan Orang Asli.

Cuma saya hendak sentuh tentang perkara ini, Malaysia ini agama Islam Sunah Waljamaah. Semua Yang Berhormat ini tahu bahawa agama Islam Sunah Waljamaah. Apakah Yang Berhormat ingin bertanya kepada kerajaan bagaimanakah persamaan Islam Sunah Waljamaah ini kita tidak membezakan ulama-ulama Sunah Waljamaah itu untuk berdakwah di mana-mana negeri.

Jadi, apakah Yang Berhormat hendak cadangkan supaya undang-undang untuk menyekat mana-mana ulama ahli Sunah Waljamaah itu boleh berceramah di semua negeri dan tidak boleh disekat atau ditangkap dan sebagainya. Kalau tidak, kita menyebut agama Islam Sunah Waljamaah tetapi ada ulama-ulama yang tidak ada kesalahan, dia bukan Syiah, dia bukan ini tiba-tiba dia tidak dibenarkan untuk berceramah di mana-mana negeri tertentu...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Disokong ya.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sebenarnya kita dalam Islam dah terima had mana fahaman ahli Sunah Waljamaah walaupun fahaman baru, Wahabi kah sekalipun, itu adalah ahli Sunah Waljamaah. Kalau Syiah memang terkeluar daripada ajaran Islam. Jadi yang menjadi masalah saya rasa di mana-mana pun yang ada ilmu tadi bagilah ilmu. Yang tidak kena ini bila pusing cerita, cerita fasal politik, memecahbelahkan perpaduan masyarakat di kampung. Itu yang tidak betul. Akan tetapi kalau cerita cara yang betul, *insya-Allah* dalam kita memberikan ilmu, menyedarkan masyarakat, mendidik masyarakat, *insya-Allah* di mana-mana pada saya tidak perlu kita hendak takut kepada ulama-ulama yang berpegang kepada fahaman ahli Sunah Waljamaah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gerik, dah melepasi jam 1. Kita sambung jam 2.30 petang ya.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Hendak mencelah boleh? Selepas 2.30 mencelah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terpulang kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah difahamkan oleh Timbalan Yang di-Pertua bahawa tadi pagi masa daripada 30 minit itu telah dikurangkan kepada 20 minit yang saya juga persetujuan. Yang Berhormat Gerik, ada tinggal lagi sepuluh minit.

2.33 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya mengalu-alukan kedatangan pensyarah-pensyarah daripada IPG Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis. Selamat datang ke Parlimen... *[Tepuk]*

Saya ingin menyambung seperti yang telah saya katakan tadi Pelan Pembangunan Pendidikan untuk Kementerian Pelajaran di mana saya beritahu dalam Dewan pagi tadi kecemerlangan pelajar-pelajar kita baik di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah telah kita peroleh dengan jayanya. Dalam masa yang sama, kita melihat pengisian modal insan terutamanya kepada pelajar-pelajar Islam kita melihat masih boleh dipersoalkan.

Bila mereka ditemu duga, kadang-kadang ada yang tidak boleh membaca Al-Fatihah dan tidak mengetahui tentang Rukun Islam, sedangkan sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah, ada subjek mata pelajaran Islam. Bagaimana subjek tersebut, pihak kementerian perlu perkasa. Kalau kita tengok di kebanyakan negeri, untuk memenuhi mata pelajaran agama terpaksa diwujudkan kelas KAFa sedangkan sekolah sudah ada subjek agama Islam, sudah ada guru j-QAF.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian bagaimana kita boleh memperkasakan pelajar-pelajar yang telah cemerlang daripada segala segi ini untuk diperkasa dalam mata pelajaran Islam sesuai untuk perkembangan diri mereka apabila keluar daripada alam persekolahan.

Dalam masa yang sama, persekolahan dia ada tiga komponen utama. Guru, ibu bapa dan juga pelajar-pelajar. Kita lihat kejayaan sesuatu sekolah, ketiga-tiga komponen ini mesti ada saling rapat dan juga bekerjasama dengan baik. Maka ada pandangan mengatakan bila Mesyuarat Agung PIBG, satu-satunya mesyuarat yang paling penting untuk ibu bapa mengetahui dan meluahkan pandangan bagi kepentingan anak-anak mereka di sekolah sama ada di sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya Mesyuarat Agung PIBG ini kepada mereka, kakitangan kerajaan dan swasta diberi kelulusan khas untuk menghadiri Mesyuarat Agung PIBG. Pertama.

Kedua, bagi memperkasakan Pengerusi PIBG, maka kita minta Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mengiktiraf Pengerusi PIBG boleh mendapat cap untuk membuat pengesahan sebagai pemimpin masyarakat di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Dalam pada itu, saya juga berharap supaya dalam kawasan saya dalam Parlimen Gerik ada beberapa buah sekolah yang nampak daif diberi perhatian untuk ditingkatkan pembangunannya. Antara sekolah yang saya minta tolong daripada Kementerian Pendidikan ialah Sekolah Kebangsaan Plang di mana bangunan yang ada harapkan masa wakil rakyat sebelum ini membina dengan kaedah peruntukan gotong-royong.

Seterusnya saya masuk kepada tajuk yang seterusnya iaitu komuniti utama...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Minta penjelasan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat. Sama-sama Barisan Nasional. Okeylah itu. Yang Berhormat menyebut tadi supaya Pengerusi PIBG diberi- Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi PIBG diberi kuasa untuk pengesahan dan sebagainya. Sekarang ini kita bagi kepada JKK. Pada pandangan saya, Yang Berhormat, elok di *maintain* kepada JKK dan PIBG dia urusan sekolah. Pengesahan itu biar JKK sebab dia melibatkan ibu bapa dan juga penuntut-penuntut.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Jawab kepada itu sahaja. Saya memohon maaf kepada Yang Berhormat Menteri. Lain kali kalau ada pencelahan dan penjelasan seperti itu, secara konvensyennya Yang Berhormat Menteri tidak boleh minta penjelasan kerana tugas Yang Berhormat Menteri adalah memberi jawapan. Sila, jawab itu dulu. Lain kali saya tidak benarkan lagi dari mana-mana Menteri untuk meminta penjelasan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu kerajaan mengiktiraf JKK, pengerusi-pengerusi taman dan juga ketua kampung baru. Akan tetapi kita kena tengok suasana yang ada. Di kawasan taman perumahan yang besar, itu yang saya mencadangkan perkara tersebut. Saya teruskan.

Saya ingin melihat soal harga komuniti yang dititahkan oleh Tuanku di mana Seri Paduka Baginda amat peka dan sensitif juga menyedari masalah rakyat luar bandar ekoran daripada kejatuhan harga minyak dan komuniti utama. Saya lebih khusus tertumpu kepada getah.

Sehingga hari ini, kita merasakan kaedah yang dibantu oleh pihak kerajaan masih belum dapat membantu penoreh-penoreh getah di kawasan luar bandar kerana penoreh getah ini ada dua. Satu, penoreh getah yang mempunyai kebun dan satu lagi ialah penoreh getah yang menoreh kebun orang lain dengan harga yang rendah walaupun dalam Bajet 2016, kerajaan meletakkan kalau bawah daripada RM2.20, maka akan dibayar sedikit tambahan. Kaedah yang dibayar oleh pihak Lembaga Getah sehingga hari ini sebenarnya menyusahkan orang kampung. Adalah lebih baik kita cari satu mekanisme yang lebih baik di mana kesemua pihak boleh mendapat dengan cara yang mudah. Mana mungkin mereka yang di luar bandar hendak menyimpan resit. Terpaksa cari pejabat Lembaga Getah untuk membuat tuntutan tambahan tersebut.

Ambil contoh Parlimen saya, Gerik. Dari Pengkalan Hulu ke Gerik, mengambil masa 40 minit. Pejabat Lembaga Getah cuma ada di Gerik. Di Pengkalan Hulu tidak ada. Jadi kita rasa kalau pembeli-pembeli getah juga berdaftar dengan Lembaga Getah, apa salahnya kerajaan bila melihat harga getah tadi yang perlu diberi subsidi, bayar kepada pembeli-pembeli getah yang berdaftar. Kita ajar kepada penoreh-penoreh getah supaya menjual getah kepada pembeli-pembeli yang berdaftar dengan Lembaga Getah, itu satu.

■1440

Kedua, sejauh mana kerajaan memikirkan untuk menambah pendapatan penoreh-penoreh getah dengan kaedah membantu menambahkan pendapatan dengan cara yang lain. Begitu juga seperti pihak RISDA memberi apa-apa bantuan, ternakan, industri berasaskan tani, kampung dan pelbagai lagi. Dalam masa yang sama, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya tidak menyusahkan pekebun-pekebun kecil penoreh getah ini supaya kita buat macam nelayan.

Sebulan kita bagi kepada penoreh-penoreh yang berdaftar ada keluar kad tadi RM200. Walaupun kewangan kerajaan teruk tetapi sekurang-kurangnya kita kena ambil kira kesusahan masyarakat penoreh getah.

Begitu juga dengan Kementerian yang menjaga komoditi utama ini mesti memikirkan bagaimana untuk meningkatkan harga getah dengan kaedah kita meningkatkan penggunaan getah ini dalam negara. Kalau dilihat penoreh getah hari ini semua buat getah sekerap, mereka tidak akan buat *latex*. Sedangkan kalau buat kaedah menoreh kutip susu getah dia boleh menambahkan pendapatan lagi. Akan tetapi cuba kita lihat sehingga hari ini kerajaan belum lagi menggunakan getah untuk membuat jalan raya. Sehingga hari ini kita sudah berpuluh tahun mengeluarkan getah. Tayar setakat *Goodyear*, kalau *Michelin* kita lihat negara jiran kita yang mengeluarkan tayar *Michelin*. Apa salah kita buat satu kajian cari tayar-tayar yang mahal untuk memastikan harga getah tadi dapat dinaikkan dan boleh memberi pulangan yang lebih baik kepada penoreh-penoreh getah di kawasan luar bandar.

Seterusnya, saya beralih kepada tajuk lain iaitu potensi sektor agropelancongan. Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani dalam kenyataannya telah menyatakan bahawa kita kekurangan dari segi bahan daging. Sama ada daging lembu, daging kerbau, ayam. Cuma kita mampu memenuhi keperluan negara dalam 20 peratus dan pendekatan yang dibuat oleh Kementerian ialah hendak buat skala yang besar. Pada pandangan saya, selagi kita tidak boleh menggerakkan rakyat dalam negara untuk menjadi seorang yang minat kepada usahawan pertanian ini sama ada hendak tanam sayur, ternakan dan sebagainya, tidak mungkin kita boleh melahirkan petani-petani yang berjaya.

Kalau kita berjalan ke luar negara, yang paling dekat Indonesia, kita pergi ke Padang naik ke Bukit Tinggi. Kita melihat petani-petani sana ramai tetapi mereka menanam sayur-sayuran dan pelbagai lagi dalam skala yang kecil yang kita rasakan mereka lebih mahir. Tanam dalam tanah setengah ekar, suku ekar yang akhirnya memberi pulangan seperti contoh kita tanam jagung. Saya boleh *check* di kawasan saya, modal RM1,000 mereka boleh untung lebih kurang RM3,000 ke RM4,000.

Maka, saya berharap pendekatan Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani dua-dua sekali. Dalam skala yang lebih besar dan juga dalam skala yang lebih kecil. Saya percaya kalau kita betul-betul memberi tumpuan, maka hasil makanan tadi boleh dikeluarkan dalam peringkat negara dan boleh memberi tambahan pendapatan kepada kita punya petani.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi, Yang Berhormat.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Masa mengejar saya. Saya juga melihat pendekatan Pejabat Pertanian. Kalau kita hendak buat benda baru, agak sukar. Kawasan Parlimen Gerik saya melihat banyak pokok durian tetapi pokok durian ini kualiti dia rendah, tidak sedap. Jadi, di kawasan saya ada satu kekuatan iaitu kalau ditanam durian Musang King, ia akan tumbuh dengan baik. Saya mencadangkan kepada pihak Kementerian mencari satu usaha mencantum, kita kata buat tut, pokok yang besar tadi kita tumbuhkan ia kemudian terbang, ia akan naik Musang King, tiga tahun kemudian kita boleh menghasilkan durian Musang King. Durian Musang King, ia akan menghasilkan dengan cara tut dalam tempoh tiga tahun, *insya-Allah*.

Jadi, saya berharap benda tersebut dapat diberi pertimbangan oleh kementerian, soal padang ragut boleh membiak lembu, rusa dan juga kerbau. Kawasan saya, saya sudah mula gerakkan kesemua padang ragut untuk ditanam dengan rumput *napier* dan menggerakkan masyarakat secara berkelompok untuk ternak lembu, kerbau dan juga rusa. Kita harap satu masa, Parlimen saya boleh membekalkan lembu-lembu dan juga kerbau serta rusa. Seperkara lagi yang saya ingin sentuh mengenai kualiti hidup masyarakat Asli.

Kawasan saya ada dua, tiga tempat perkampungan Orang Asli, RPS Skema, RPS Banun, RPS Bukit Asu, RPS Hulu Gerik. Walaupun mereka berada jauh di pedalaman dan saya yakin banyak pembangunan dan projek-projek telah dibawa. Sehingga hari ini, saya masih tidak berpuas hati dengan bekalan air terawat kepada masyarakat Orang Asli. Walaupun kerajaan buat pelbagai rancangan tetapi saya melihat indah khabar daripada rupa. Kita binakan takungan-takungan tetapi tidak memenuhi dan akhirnya Orang Asli tidak mendapat sebenarnya kualiti air dirawat.

Sehubungan dengan itu, kalau ada permohonan-permohonan daripada pihak JAKOA dalam kawasan saya, saya mohon perkara tersebut diberi pertimbangan dan dapat dijayakan kerana mereka juga sebahagian daripada masyarakat Malaysia.

Orang Asli bukan masyarakat kelas ketiga atau kelas keempat, mereka sama macam orang Melayu, sama macam orang Cina, sama macam orang India, sama macam orang Siam dan sepatutnya mereka juga dapat nikmat seperti kita masyarakat yang lain. Saya memahami, Tuan Yang di-Pertua mengatakan ada tiga minit lagi.

Oleh sebab itu satu yang *last* sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap ialah kemudahan kesihatan iaitu di Pengkalan Hulu. Saya sudah bangkit beberapa kali, di mana Pusat Kesihatan yang besar telah dibina tetapi katil bersalin ada dua. Ada kes-kes yang besar, perempuan-perempuan yang hendak bersalin terpaksa dibawa ke Baling. Akhirnya, saya menghadapi satu masalah, anak yang dilahirkan di Baling menjadi warganegara Kedah, dia tidak menjadi warganegara Perak. Masalahnya di *border* ini sempadan. Saya mintalah carilah satu jalan oleh Kementerian Kesihatan membolehkan ibu-ibu bersalin yang sedikit-sedikit ada masalah pun terus bersalin di Pengkalan Hulu.

Perkara yang kedua saya hendak minta supaya Pusat Hemodialisis diwujudkan di Pusat Kesihatan Pengkalan Hulu. Setakat ini di Gerik ada tetapi hubungan Gerik dengan Pengkalan Hulu kalau bawa kereta lebih kurang 40 minit. Maka, saya amat berharap supaya perkara tersebut diberi pertimbangan yang sewajarnya. Oleh kerana hari ini kita berhadapan dengan ramai pesakit-pesakit cuci darah ini yang mana mereka yang menghidap penyakit cuci darah ini, hemodialisis ini memerlukan belanja yang tinggi.

Seminggu tiga kali hendak cuci, jadi kalaulah kita beri sedikit perkhidmatan seperti ini macam ada di Pengkalan Hulu, ada di Gerik, ada di Lenggong, sedikit sebanyak mereka sudahlah harga getah jatuh, pendapatan kurang. Harapkan bantuan *welfare* dan juga bantuan daripada Baitulmal tetapi inilah masalahnya. Maka, kalau boleh diwujudkan, saya percaya khidmat kerajaan ini dihargai sampai bila-bila oleh masyarakat Gerik. Tadi saya sebut tadi cantuman tunas muda.

■1450

Jadi minta tolonglah pihak kementerian ini, Kementerian Pertanian membantu bukan setakat di Gerik, tempat-tempat lain kalau ada isu yang sama difikirkan kaedah tersebut dan dengan ini, saya menyokong Titah Tuanku dalam sidang yang keempat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, PJ Utara.

2.50 ptg.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia hari ini dilanda dengan satu keadaan *crisis of confidence*. *Crisis of confidence* bukan sahaja di dalam negeri tetapi *crisis of confidence* antarabangsa. Tidak pernah Malaysia, sebuah negara yang mungkin agak kecil dalam peranan antarabangsa mendapat keprihatinan yang begitu padat daripada media-media antarabangsa. Sehingga media dari Australia datang mengejar Yang Amat Berhormat Pekan ke Kuching untuk mendapatkan ulasan daripada beliau. Malangnya ulasan tak boleh dapat, pihak media pula ditahan oleh polis.

Ini hanya akan menjejaskan lagi imej Malaysia sebagai sebuah negara yang langsung tidak menghormati kebebasan media dan juga akan meruntuhkan nilai nama baik Malaysia di peringkat antarabangsa.

Rakan-rakan saya sebelum ini telah pun banyak membangkitkan isu *donation*. *Donation* yang dikatakan dari orang Arab USD681 juta ataupun lebih kurang RM2.6 bilion. Saya tak sentuh USD681, sebab rakan-rakan saya sudah bangkitkan. Saya hendak sentuh tentang RM42 juta yang telah diketahui keluar dari SRC International melalui anak syarikatnya Gandingan Mentari. Selepas itu masuk ke dalam sebuah syarikat luar, Ihsan Perdana dan selepas itu disalurkan RM42 juta ke dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kenapa perkara ini tidak ada satu jawapan yang jelas? Bukan sahaja tidak ada daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tetapi juga tidak ada daripada Peguam Negara.

Bila ditanya oleh pihak wartawan, Peguam Negara hanya sebut bahawa Yang Amat Berhormat tidak tahu wang itu masuk ke dalam akaunnya. Mana boleh RM42 juta masuk ke dalam akaun beliau, peribadi beliau dan beliau kata, "*Saya tak tahu*".

Selepas itu Peguam Negara memberikan alasan bahawa mungkin Yang Amat Berhormat fikir wang itu datangnya daripada derma orang Arab yang sebelum itu, oleh sebab itu tak perasan bahawa datangnya daripada SRC.

Alasan itu langsung tidak munasabah kerana kita sudah tahu bahawa Peguam Negara sebut wang daripada orang Arab yang tidak digunakan telah pun dipulangkan balik pada akhir tahun 2013 tetapi wang RM42 juta ini hanya masuk dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antara bulan Disember 2014 sehingga Mac 2015. Selepas satu tahun, masih ada wang Arabkah dalam akaun peribadi beliau?

Bukan itu sahaja, sekarang kita dapat tahu bukan sahaja RM42 juta yang masuk ke dalam akaun peribadi yang berpunca daripada SRC International. Kita sekarang tahu ada RM27 juta lagi, yang masuk bila? Masuk sebelum itu pada bulan Julai 2014, RM27 juta. Ini bukan asas desas-desus daripada orang luarkah, media asingkah apa-apa. Maklumat ini datangnya daripada Peguam Negara sendiri yang memaknakan carta ini kepada pihak wartawan.

Apa yang ditunjukkan dalam carta yang ditunjuk oleh Peguam Negara? SRC International masuk pada 8 Julai, RM35 juta ke dalam Syarikat Putra Perdana Construction, selepas itu RM35 juta disalurkan kepada anak syarikatnya Permai Binaraya. Selepas itu jumlah RM27 juta disalurkan ke dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari yang sama, semua pada hari yang sama. Selepas itu terus pada hari yang sama, disalurkan kepada akaun-akaun lain Yang Amat Berhormat Pekan, termasuk pembayaran untuk kad kredit, *visa* dan *master card*, jumlah RM3.2 juta. Ini ditunjuk oleh Peguam Negara.

Sampai hari ini kita tanya, masih tidak ada penjelasan kenapa wang yang berpunca daripada *SRC International* digunakan untuk bayar kad kredit Yang Amat Berhormat Pekan. Ini jelas, ini bukan bukti yang saya bawa. Ini bukti yang Peguam Negara tunjuk kepada pihak media, bukan rekaan daripada saya.

Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Azalina, Yang Berhormat Pengerang yang saya terima minggu lalu berkaitan kes *SRC International*. Pihak SPRM telah menyatakan bahawa hasil siasatan mereka tidak menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan sebarang perbuatan rasuah.

Ini menunjukkan kerana pada 26 Februari, lebih kurang dua minggu lalu sahaja *that MACC oversight panel* telah pun mengeluarkan satu kenyataan rasmi bahawa siasatan daripada SPRM belum muktamad, belum habis, belum lengkap. Mereka meminta supaya MACC berhubung dengan Peguam Negara untuk mendapat kebenaran mendapat bantuan daripada penguat kuasa-penguat kuasa asing untuk menentukan sumber-sumber wang yang masuk ke dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan. So, jelas belum habis. Kenapa Menteri kata sudah habis? Adakah ini merupakan satu kenyataan yang telah pun mengelirukan Dewan? Kita hendak jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Okey, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya daripada PJ Utara. Yang Berhormat PJ Utara, saya ingin bertanya satu soalan sahaja.

Adakah Yang Berhormat PJ Utara sedar di bawah seksyen 25, seksyen 2 Akta SPRM ini menyatakan bahawa kewajipan untuk melaporkan transaksi penyogokan. Saya bacakan, "*Mana-mana orang yang diberikan, dijanjikan, ditawarkan apa-apa suapan...*" dan definisi suapan di bawah seksyen 2, Akta SPRM termasuk derma yang melanggar mana-mana peruntukan hendaklah melaporkan dan kalau tidak laporkan kepada SPRM, dia boleh denda tidak lebih daripada RM100 ribu dan tidak kurang daripada 10 tahun penjara. Apa komen daripada Yang Berhormat?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya setuju dan saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri kena jawab dan pihak Peguam Negara perlu jawab dalam Parlimen ini. Saya hendak tanya lagi, dalam carta yang sama yang dipamerkan oleh Peguam Negara, bukan sahaja RM35 juta disalurkan pada 8 Julai, ada lagi, RM105 juta disalurkan pada 14 Julai dan RM30 juta disalurkan pada 8 Ogos ke Putra Perdana Construction yang disalurkan kepada anak syarikatnya, Putra Perdana Development. Bulan Ogos, jumlah RM140 juta lagi disalurkan kepada Putra Perdana. Akan tetapi yang peliknya, RM140 juta ini telah pun dipulangkan pada bulan Disember. Masuk balik ke SRC. *This is a very odd transaction.*

Adakah perkara ini telah pun menyalahi apa yang SRC dibenarkan untuk buat? Adakah SRC memberikan pinjaman kepada Putra Perdana untuk menyelamatkan Putra Perdana? Adakah Putra Perdana ini mengalami krisis kewangan dan memberikan bantuan kepada SRC untuk menyalurkan wang kepada pihak akaun Yang Amat Berhormat Pekan, selepas itu SRC berikan pinjaman *emergency* kepada Putra Perdana? Siapa Putra Perdana ini? Putra Perdana merupakan anak syarikat kepada Putrajaya Perdana Berhad.

Mana datangnya Putrajaya Berhad? Putrajaya Perdana Berhad diambil alih oleh syarikat yang dimiliki oleh Low Taek Jho pada tahun 2008. Selepas itu dijual kepada UBG Bhd. di mana Jho Low mengambil alih lebih kurang setengah daripada saham di UBG Berhad dan selepas itu UBG Berhad dijual kepada PetroSaudi. Akan tetapi PetroSaudi ini adalah PetroSaudi yang tak sama daripada PetroSaudi 1MDB. PetroSaudi ini ditubuhkan di Kepulauan Seychelles. So, ini cukup aneh, cukup ganjil.

■1500

Selepas diambil oleh PetroSaudi, syarikat Putrajaya Perdana pula dijual sekali lagi kepada pihak ketiga. Bila saya cek rekod SSM, siapakah pemilik Putra Perdana ataupun Putrajaya Perdana sekarang, tidak tahu. Kesemua pemiliknya diletak di bawah Ambank *Nominees*, maksudnya, nama sebenar pemilik saham bagi Putrajaya Perdana kita sekarang, tidak tahu. Akan tetapi walaupun tidak tahu, kita hendak tanya, kenapakah syarikat ini tidak melaporkan laporan kewangan mereka ke SSM?

Saya telah pun mendapat jawapan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan mereka mengesahkan bahawa Putra Perdana Construction telah gagal menyerah simpan penyata kewangan, 2015 dan lewat membentangkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dalam mesyuarat agung tahunan dalam tempoh yang ditetapkan. So, jelas syarikat ini mempunyai masalah daripada segi pentadbirannya.

Akan tetapi paling aneh, pada hujung tahun 2014, ada satu pengumuman yang dibuat di media massa di mana Lembaga Tabung Haji telah pun mengambil alih sebahagian saham dalam syarikat Putrajaya Perdana. Kita tahu bahawa Lembaga Tabung Haji CEOnya merupakan juga pengarah dalam 1MDB. Macam semua ada kaitan tetapi tidak ada jawapan daripada pihak kerajaan.

Kita hendak kerajaan jelaskan apakah pelaburan yang telah pun dibuat oleh Lembaga Tabung Haji dalam syarikat Putrajaya Perdana? Berapa juta yang telah pun disuntik ke dalam syarikat ini yang terbabit dalam perkara di mana RM27 juta telah pun disalurkan ke dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga menerima sebanyak RM140 juta lagi daripada SRC yang merupakan macam pinjaman.

Adakah pinjaman itu dipulangkan balik hanya selepas Tabung Haji membeli saham daripada pihak syarikat Putrajaya Perdana? So maksudnya Tabung Haji telah pun berikan wang kepada syarikat Putrajaya Perdana untuk memulangkan wang ini balik kepada SRC *International*.

Saya tanya dalam soalan kepada Menteri Kewangan minggu lalu dan saya menerima jawapan bahawa, RM170 juta ini yang diberikan dari SRC kepada Putra Perdana adalah untuk satu *turnkey contract* dan wang itu dipulangkan kerana *turnkey contract* itu telah pun dibatalkan? *What type of answer is that, dengan izin?* Kalau ada *turnkey contract*, berilah maklumat, apa *turnkey contract* itu? Pembinaan untuk bangunan RM1 billionkah, jalan rayakah, pelaburankah? Kita tidak tahu. Berikan bukti supaya kita tidak ada- *nothing to suspect*.

Akan tetapi kita tidak pernah ada kontrak besar yang ditawarkan oleh SRC *International*. RM170 juta kalau dibayar, memerlukan bayaran awalan. Maksudnya projek itu mungkin sepuluh kali lebih besar, RM1.7 bilion, tidak pernah Putrajaya Perdana mengumumkan bahawa mereka dapat projek RM1.7 bilion. Apa yang kita tahu hanya pada tahun lalu bulan April, selepas pelaburan dari Lembaga Tabung Haji, mereka mengumumkan bahawa mereka telah pun mendapat kelulusan dari Pejabat Perdana Menteri (PMO) untuk membina *highway* yang baru, konsesi yang baru, *SUKE Expressway*. Satu kontrak yang cukup besar tetapi Putrajaya Perdana langsung tidak berpengalaman untuk membina *highway*.

So, saya hendak tanya kepada pihak Kementerian Kewangan ataupun pihak Pejabat Perdana Menteri, kenapa UKAS menawarkan kontrak begitu besar kepada satu syarikat yang tidak pernah membina *highway*? Adakah semua ini berkaitan dengan transaksi-transaksi yang saya telah pun senaraikan sebelum ini?

Saya juga ingin menyebut bahawa SRC *International*, ia punya tujuan ataupun matlamat ialah untuk melabur dalam sektor-sektor strategik di bidang *mining and energy*, di luar negara. Itu adalah jawapan yang diberi oleh pihak Menteri sebelum ini, apakah peranan SRC? *It is to get natural resources overseas*. Apanya kaitan dengan sebuah syarikat pembinaan Putra Perdana *Construction* di negara tempatan? *There is no relation at all. So is there an abuse of public funds in SRC International?...* Saya ada lima minit.

Tuan Yang di-Pertua: *Five minutes.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Five minutes?*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Okey. Saya mempunyai dua soalan yang sebelum ini telah pun ditolak oleh Dewan, dan saya rasa soalan-soalan ini sepatutnya dijawab oleh pihak Menteri.

Pertamanya, saya telah pun meminta Jabatan Perdana Menteri untuk menjelaskan apakah permintaan yang telah pun dibuat oleh pihak Peguam Negara (*Attorney General*) Switzerland mengenai USD4 juta yang telah pun dikatakan diselewengkan daripada 1MDB? Alasan yang telah pun diberi untuk menolak soalan itu adalah ini merupakan satu tohmahan ataupun sangkaan. Ini merupakan kenyataan rasmi yang datangnya daripada Peguam Negara Switzerland. Kalau Peguam Negara Switzerland telah pun mengeluarkan kenyataan tersebut, kita tentu sudah tahu apa yang diminta oleh pihak Peguam Negara Switzerland dan kita berhak untuk bertanya dengan Parlimen untuk mendapatkan satu jawapan daripada pihak Menteri.

On top of that, saya ada satu soalan lagi yang telah pun ditolak iaitu kita mendapat tahu bahawa selain daripada USD681 juta yang dikatakan sebagai *donation* dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan pada Mac 2013. Sebelum itu, pada bulan November 2011, ada lagi satu bayaran ke dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan yang berjumlah USD170 juta yang berasal daripada satu syarikat yang bernama *Blackstone Asia Real Estate Partners*. Siapakah *Blackstone Asia Real Estate Partners*? *Blackstone*, nama ini merupakan satu nama yang terkemuka dan terkenal. Ia merupakan satu *investment fund* yang antara terbesar di seluruh dunia. *Okay, so it is a very famous investment manager*. Akan tetapi dalam kumpulan *Blackstone*, tidak ada satu syarikat yang bernama *Blackstone Asia Real Estate Partners*. *Blackstone Asia Real Estate Partners* pula merupakan satu syarikat, a company yang ditubuhkan di *British Virgin Island*.

Soalan saya kepada Menteri adalah, adakah pihak Peguam Negara menyiasat tentang perkara ini sama ada wang ini merupakan *donation* juga ataupun wang ini ada bersalah ataupun wang ini wujud ataupun tidak? Soalan saya senang sahaja, ada atau tidak siasat?

Akan tetapi soalan ini ditolak. Saya rasa perkara ini perlu dijawab oleh pihak Menteri. Kalau tidak bangkit atau tidak wujud, katalah tidak wujud. Saya terima, saya tidak bantah. Kalau ada wujud, ada siasat atau tidak? Itu sahaja.

So saya harap pihak Menteri dapat bertanggungjawab dan menjawab soalan-soalan asas ini kerana keengganan pihak Menteri untuk memberikan jawapan yang panjang lebar, yang khusus, yang spesifik kepada soalan-soalan yang telah pun dibangkitkan di sebelah sini, hanya akan membangkitkan lebih lagi *curiosity*, lebih lagi kesyakan kepada apa sebenarnya yang berlaku. *The refusal, dengan izin, by the Prime Minister to answer questions directly, is causing the 'crisis of confidence' in Malaysia.* Saya rasa perkara-perkara ini perlu dijawab oleh pihak Menteri dan saya akan hadir untuk mendengar jawapan-jawapan dan saya harap jawapan-jawapan ini adalah jawapan yang penuh dan bukan jawapan yang hanya bersebut bahawa, "*Oh, we are under attacked by Jews, we are under attacked by foreign media*".

■1510

Semua ini tak penting. Yang penting kalau tak wujud bayaran ini, kata tak wujud kalau wujud kata ada wujud dan berikan sebab kenapa ada USD170 juta dan juga USD681 juta yang masuk ke dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Pasir Gudang.

3.10 ptg.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, saya bersyukur kerana diberi peluang oleh Tan Sri Speaker untuk turut serta dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tidak dapat dinafikan lagi, sungguhpun terdapat pelbagai pencapaian yang dikecap oleh Malaysia, kini negara ini sedang berada di dalam tempoh yang mencabar serta menguji keampuhan ekonominya.

Bancian *iMoney National Budget 2016 Sentiment* yang mengambil sampel seramai 2,000 rakyat Malaysia mendapati bahawa peningkatan kos sara hidup dan juga kesan domino kepada harga barang serta kemampuan memiliki perumahan merupakan antara kebimbangan utama rakyat. Rumusan daripada kaji selidik yang sama kira-kira 65 peratus daripada responden menyatakan bahawa GST menjejaskan kewangan mereka dan berpendapat bahawa kekurangan pelaksanaan GST adalah kurang efisien. 68 peratus responden mahu pihak berkuasa untuk meningkatkan peraturan harga untuk menghalang peniaga daripada terus menipu serta meningkatkan harga mereka secara sesuka hati dengan menggunakan GST sebagai alasan.

Masalah penguatkuasaan ini di dalam pelaksanaan GST sememangnya telah dijangka. Hal ini telah menjadi kerisauan kepada setiap Ahli Yang Berhormat sejak di dalam perbahasan Rang Undang-undang GST lagi. Antara perkara yang dibangkitkan dahulu ialah adakah kerajaan mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk penguatkuasaan dan apakah strategi kerajaan untuk menghalang peniaga daripada meningkatkan harga barang dan perkhidmatan secara berleluasa selepas pelaksanaan GST. Mengikut tinjauan yang dilakukan oleh Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), terdapat peniaga dan pasar raya yang menaikkan harga barang sebanyak 20 peratus hingga 30 peratus berbanding harga barang yang di dalam buku panduan pengguna yang dikeluarkan oleh KPDNKK. Hal ini menunjukkan pemantauan dan penguatkuasaan daripada kementerian terlibat masih lagi perlu diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedang sekarang ini harga minyak banyak kali telah pun turun tetapi tidak ada sekalipun petanda-petanda barang-barang yang dinaikkan dulu, kini diturunkan harganya, servis-servis yang diberikan kalau dulu kerana alasan penglibatan harga minyak tetapi barang-barang ini masih terus berada di harga yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal gaji minimum. Gaji minimum ini sejak diperkenalkan pada 2012, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerja prihatinnya dengan memberi gaji minimum melalui pembentangan bajet yang lepas.

Paras gaji minimum telah dinaikkan RM1,000 kepada pekerja swasta dan RM1,200 kepada penjawat awam tetapi terdapat sedikit kebimbangan dan kesedihan di kalangan pekerja-pekerja industri dengan perbezaan nilai ini kerana sama ada mereka ini penjawat awam ataupun pekerja swasta, harga yang mereka perlu bayar apabila makan di luar, beli barang di luar adalah sama. Dengan itu, adalah tidak wajar jika terdapat perbezaan yang terus ketara di antara gaji minimum sama ada di pihak kerajaan ataupun di pihak swasta. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meminta pihak kerajaan berbincang secara rasional dengan pihak-pihak tertentu bagi kedudukan gaji minimum ini disamakan dengan pekerja swasta juga penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat objektif kerajaan adalah untuk membantu rakyat. Sehubungan dengan itu, saya juga ingin menyentuh soal muflis ini Tuan Yang di-Pertua. Setiap hari kita dengar pada tahun 2012, kita menganggarkan seramai 60 orang diisytiharkan muflis setiap hari. 2014 kepada 68 orang setiap hari diisytiharkan muflis.

Sehingga November 2015, seramai 140,000 pelanggan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), satu lagi usaha Barisan Nasional untuk membantu rakyat jelata yang harus dihargai tetapi persoalannya 80 peratus daripada punca muflis ini adalah kerana pemegang-pemegang kad kredit yang tidak membayar penggunaan kad-kad kredit mereka.

Sehubungan dengan itu, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mencadangkan agar Bank Negara melihat secara teliti kaedah pemasaran yang dilaksanakan oleh bank-bank untuk menawarkan kad-kad kredit kepada pengguna-pengguna. Kalau sekarang ini kalau tak silap sayalah, RM2,000 ke RM2,500 *at least* minimum gajinya. Apa kata kita naikkan kepada golongan B40 ini supaya mereka ini tidak layak menggunakan kad kredit.

Kebanyakan yang menggunakan kad kredit adalah orang-orang yang baru bekerja yang sememangnya mereka menggunakan kad kredit ini untuk tujuan-tujuan tertentu terutama sekali bila dia ambil duit pinjaman itu, mereka tak akan bayar akhirnya apabila mereka dijatuhkan muflis, kehidupan mereka yang seterusnya akan menjadi teruk. Mereka tak boleh hendak beli itu, tak boleh hendak beli ini dan sebagainya. Bagaimana mereka hendak memulakan keluarga mereka. Jadi sewajarnya Kementerian Kewangan dan Bank Negara mengambil serius perkara ini supaya kita dapat mengurangkan- mereka yang di usia muda dimufliskan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian soal rumah lelong ini. Bank ini kalau dia hendak kasi pinjam duit memang kata orang lembut gigi daripada lidah tetapi bila sudah dapat pinjaman, orang sudah susah, lepas tiga bulan dia tarik tak bayar, terus kadang-kadang rumah mula disita atau sebagainya dan akhirnya rumah ini dilelong. Persoalannya kita tidak boleh membiarkan keadaan ini berterusan kerana hendak beli rumah ini kadang-kadang susah. Saya ada beberapa kes seperti yang pernah saya suarakan sebelum ini. Baru-baru ini sahaja ada salah seorang pengundi saya, dia kematian suaminya.

Isteri tak ada pendapatan, dia jumpa saya dan dia kata puan, macam mana Tuan Yang di-Pertua, dia hendak bayar duit sewa rumah dia, duit bank dia RM650 sehingga suaminya, arwahnya ini masalah EPF semua dapat diselesaikan kerana perkara ini tak dapat diselesaikan dalam masa sebulan. Jadi, persoalannya kalau rumahnya terus disita selepas tiga bulan atau empat bulan kerana tidak membayar, ke mana mereka hendak pergi. Jadi saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Kewangan dan Bank Negara juga mengambil sikap, mengambil inisiatif untuk membela mereka ini dengan memanjangkan tempoh sekurang-kurangnya selepas enam bulan ke, selepas lapan bulan ke mereka tak bayar barulah tindakan seterusnya. Kadang-kadang tanpa notis, mereka ini rumahnya telah disita.

Soal pembelian rumah-rumah lelong. Saya juga ingin menegur. Walaupun ini soal kebebasan tetapi kita harus sebagai pemerintah, kita kena tengok perkara ini dengan teliti. Bila kita tengok dekat surat khabar rumah-rumah lelong ini banyak sangat tapi yang menjadi persoalannya kawalan pembeli, Tuan Yang di-Pertua. Ada syarikat-syarikat realiti, agensi ini mereka ini yang kaya raya kerana mereka dibenarkan membeli rumah banyak-banyak yang dilelong, harga jadi mahal dan orang-orang lain tak boleh hendak beli.

Jadi mereka yang beli, dia beli, dia *renovate*, dia jual rumah jadi mahal. Patutnya kan kita tolong rakyat kita. Rumah itulah satu, sudah duduk dekat rumah itu 20 tahun tetapi kerana hilang punca pendapatan menyebabkan kadang-kadang mereka tak boleh bayar. Mana ada orang suka-suka tak bayar rumah kecuali keadaan terpaksa. Jadi kita mintalah Bank Negara dan Kementerian Kewangan melihat perkara ini dengan teliti.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, ini masalah harga rumah naik tak menentu ini Tuan Yang di-Pertua. Kita mintalah kementerian sama ada KPKT ke Kementerian Kewangan kah Bank Negara kah, kita kena lakukan sesuatu. Kita kena capak kepada pembina-pembina rumah ini, pemaju-pemaju ini supaya rumah dijual dengan harga yang agak logik. Di Johor sebagai contoh, di bawah kepimpinan Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor telah mengarahkan rumah-rumah mampu milik negeri Johor dibina. Boleh bina RM150 ribu, boleh bina rumah RM200 ribu di negeri Johor. Usaha nampak dengan jelas Kerajaan Negeri Johor membantu rakyat untuk memiliki rumah kerana ini kepentingan.

■1520

Kalau tak ada rumah, hendak duduk dekat mana? Takkan selama-lamanya hendak menyewa. Kaedah-kaedah sewa beli boleh difikirkan, tetapi harga mestilah di dalam kawalan supaya rumah yang dahulu harga RM100,000 lebih di kawasan saya sudah jadi RM400,000. Rumah yang RM300,000 ada rumah Tuan Yang di-Pertua tidak laku dahulu sekarang sudah naik sampai tiga kali ganda. Kita tidak boleh alasan *market forces*. Kita sebagai pengawalannya, dengan izin, kita mesti tahu bahawa harga ini patut tidak patut. Kalau dalam kilangnya, saya dahulu orang swasta, kita sentiasa ada QS. Kita tengok bajet ini logik tidak logik kalau hendak buat sesuatu itu dengan bajet yang ditentukan. Kalau dia hendak *plus-plus* macam kereta, kalau ada *accessories*, dia bolehlah tambah-tambah. Akan tetapi bukanlah buka terus harga dengan sangat mahal.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan perjanjian TPPA, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini bahawa pertumbuhan ekonomi yang positif dari TPPA, saya kira terdapat beberapa perkara berkaitan dengan sumber manusia yang perlu diberikan perhatian. Seperti yang kita tahu TPPA tidak mempunyai sebarang peruntukan berhubung dengan kemasukan pekerja asing secara bebas. Kerajaan masih akan mengawal dan selia secara sepenuhnya proses kemasukan pekerja asing. Jadi perkara ini kita mesti hebahkan kepada orang ramai, kepada rakyat jelata bahawa dia masih dalam kawalan. Jangan dimomokkan rakyat-rakyat dengan cerita-cerita apabila TPPA orang hendak bekerja suka-suka boleh masuk.

Jadi kita kena lakukan sesuatu supaya informasi ini akan sampai ke bawah. Saya juga ingin menyeru kepada kerajaan untuk menyediakan strategik bagi mempersiapkan tenaga buruh tempatan dengan ilmu dan kemahirannya yang bertepatan dengan tuntutan atau kehendak pasaran industri supaya dapat bersaing dengan tenaga kerja dari luar negara. Mungkin ada beberapa perkara yang kita perlu ubah terutama dari sudut teknikal. Dahulu saya bekerja di sebuah syarikat membuat bot mewah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi ada beberapa ilmu di mana mereka *design* menggunakan beberapa sistem yang mereka gunakan itu sentiasa bertukar dan maju dari hari ke hari. Apabila saya membuat pengambil pekerja Tuan Yang di-Pertua ke universiti yang mengadakan teknikal-teknikal industri ini, pelajar-pelajar yang belajar *technical design and all that*, dengan izin mereka tidak sampai ke tahap itu.

Apakah apabila TPPA datang kesediaan sama ada pusat-pusat latihan teknikal ini dinaikkan tarafnya bagi menjamin bahawa pekerja kita diberi keutamaan. Memanglah kita ada kawalan, tetapi persediaan kita bagaimana. Kalau dia terus mengatakan bahawa mereka terpaksa membawa masuk orang luar kerana pekerja kita tidak mempunyai kemahiran, kita tidak ada pilihan lain melainkan membenarkannya. Jadi kita mestilah memberi satu peruntukan yang baik kepada institusi-institusi kelahiran.

Saya dilaporkan oleh beberapa kilang perabot Tuan Yang di-Pertua, ada IKM ini dahulu ada kursus-kursus perabot. Akan tetapi sekarang kursus-kursus perabot ini diarahkan ditutup kerana dikatakan penyertaan kurang. Saya rasa ini satu pendekatan yang agak tidak tepat. Kita di Malaysia ini masih banyak kilang-kilang membuat perabot. Akan tetapi mereka terpaksa mengambil, kilang saya sendiri terpaksa mengambil mereka dari Myanmar, terpaksa mengambil dari Nepal untuk memenuhi kuota-kuota ini kerana tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi.

So, kita kena lakukan sesuatu. Bagaimana kita mengiklankan menarik minat anak-anak kita ini supaya mereka berminat masuk ke industri-industri perabot ini.

Begitu juga dengan perhotelan. Saya Tuan Yang di-Pertua sudah beberapa kali saya sudah bilang soal menyediakan pekerjaan di hotel. Saya rasa agak tidak selesa kalau kita melihat bahawa hotel-hotel kita dipenuhi oleh pekerja-pekerja asing ini, kenapa? Saya sudah cakap banyak kali cakap Tuan Yang di-Pertua, memberi cadangan, kaji adakah kerana *staggered hours*, dengan izin, menjadikan mereka tidak berminat. Adakah tawaran gaji menjadikan mereka tidak berminat? Soal kerja saya rasa tidak mungkin kerana bekerja dalam *air-cond* dan tempat tertutup. Pasti selesa. Akan tetapi kenapa anak-anak muda kiat tidak berminat? Satu kajian khusus mestilah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi melihat bagaimana dan kenapa anak-anak ini tidak minat menyertai bidang-bidang perhotelan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya juga ingin membawa satu isu di mana soal kemahiran yang ketara di antara profesional asing dan tempatan sehingga terdapat keperluan mendesak untuk membawa masuk mereka. Dahulu, saya ingat dahulu kita kalau setakat akauntan ini semua Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bawa masuk dari luar. Sekarang kita banyak bawa masuk juga dengan kebenaran imigresen, tidak menyalahi undang-undang. Melalui proses yang ada. Akan tetapi apabila dengan TPPA ini, bagaimana persediaan kita untuk teknikal-teknikal profesional di tahap tinggi. Ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Kemahiran berbahasa akan digunakan sebagai alasan. Jadi apa persediaan kita untuk menyediakan anak-anak kita ini, budak-budak yang akhir universiti *degree* ini dia keluar dari *engineering* dan sebagainya boleh berbahasa Inggeris dengan mahir dan ia tidak menjadi alasan untuk syarikat-syarikat tersebut membawa masuk pekerja-pekerja dari negara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini baru di peringkat cadangan daripada pihak CUEPACS untuk menaikkan umur persaraan penjawat awam dari 60 tahun kepada 62 tahun. Saya mohonlah pihak kerajaan, janganlah mempertimbangkan perkara ini lagi kerana keadaan ini sungguh tidak sesuai. Sudah 62 tahun itu, minta maaf cakaplah, kalau kita terus menerus bagi yang ada ini sambung kerja, sambung kerja bila budak-budak baru keluar ini hendak kerja? Kat mana hendak cari kekosongan? Kekosongan tidak akan dapat berlaku.

Jadi janganlah dipersetujui. Yang perlu dijaga bukan- mohon minta maaf banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua. Kalau cakap saya ini ada yang menyebabkan beberapa pihak terasa hati. Yang perlu dijaga adalah semua rakyat. Bukan sahaja segelintir rakyat yang ada di Jabatan kerajaan di bawah pentadbiran CUEPACS sahaja. Ini kerana apabila keadaan ini berlaku, anak-anak muda yang habis belajar mereka tidak dapat peluang. Hendak pergi swasta, kadang-kadang swasta pun ada juga dia mengikut apa sahaja kerajaan sediakan. Umur ini pun dia pergi ikut juga.

Jadi saya cubalah di laman sosial sendiri bertanya pendapat, tidak sampai dua jam Tuan Yang di-Pertua banyak *feedback* yang saya dapat mereka tidak bersetuju dengan kenaikan umur dari 60 kepada 62 tahun. Lagipun elok-eloklah kalau orang kerajaan ini terutamanya apabila sudah sampai umur...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [Bangun]

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Ya sila.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya mendengar hujah bahas daripada Yang Berhormat Pasir Gudang tadi berkaitan dengan cadangan CUEPACS hendak tambah umur 60 kepada 62. Saya hendak minta pandangan dari Yang Berhormat Pasir Gudang, kita tahu anak-anak muda di luar sana ramai yang sebenarnya tidak puas hati dengan permintaan ini dan sebenarnya sebelum ini apabila umur persaraan itu dinaikkan dari 55 kepada 58 naik kepada 60 pun mereka menentang sebenarnya.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Pasir Gudang kalau kita minta kerajaan melihat semula faktor umur persaraan ini supaya diturunkan terus. Jangan ambil 60 sebab ada sesetengah kes ini mereka yang bersara pada umur 60 ini mereka mengatakan mereka pun tidak larat sebenarnya hendak buat kerja ini.

Akan tetapi, sebab ada peluang persaraan sampai 60, jadi mereka terus bekerja. Jadi peluang itu sebenarnya tertutup untuk orang-orang muda bekerja. Apa pandangan Yang Berhormat Pasir Gudang?

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga minit lagi Yang Berhormat Pasir Gudang.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya responsnya masukkan dalam ucapan saya jugalah apa juga cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi. Memanglah sepatutnya dikaji balik semula kepada 55 kerana pertama, dia menutup banyak peluang untuk pekerja baru, untuk mereka yang keluar dari universiti untuk mendapatkan pekerjaan. Nombor dua Tuan Yang di-Pertua, dia juga menutup peluang-peluang kenaikan pangkat ramai orang.

Jadi apabila keadaan ini berlaku, orang akan selesa. Yang patut pencen duduk rumah jaga cucu ke duduk beramal ke pergilah buat, *happy family*. Kalau selama ini sudah bekerja ada mereka menggunakannya *because of benefit*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kerajaan mengkaji semula untuk kepentingan ramai, kepentingan anak-anak muda ini. Kita kena kaji balik perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir saya kira Tuan Yang di-Pertua perlindungan insurans. Penyakit tiga serangkai dan macam-macam penyakit Tuan Yang di-Pertua makin banyak.

■1530

Saya pernah mengutarakan perkara ini supaya melalui kerajaan diadakan satu nasional insurans bagi rakyat boleh membeli kerana insurans yang ada ini, yang disediakan oleh pembeli-pembeli insurans agak mahal premiumnya. Akan tetapi kalau pihak kerajaan boleh menggabungkan mereka, mengeluarkan satu bentuk premium yang agak munasabah, kita boleh menggalakkan pekerja-pekerja, orang-orang awam untuk menabung melalui insurans kerana hospital yang ada ini sudah tidak muat dan terpaksa ke hospital swasta.

Apabila hospital swasta, kosnya terlampau tinggi. Ini pun hendak kena tengok Tuan Yang di-Pertua, *just because* dengan izin, ada insurans, *charges* hospital naik yang bukan-bukan. Dia caj *miscellaneous* tetapi nanti ia ada juga pakai *gauze* sekeping pun boleh jadi sampai RM5, jadi perkara ini juga perlu diteliti supaya kos yang disebabkan oleh insurans kepada hospital-hospital swasta dikaji semula.

Terakhir, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, tadi saya kata yang terakhir tetapi sebenarnya ada lagi satu, laluan kereta api penumpang. Sekarang di Pasir Gudang Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian Pengangkutan melihat keadaan trafik yang sangat *heavy*, sangat berat, lalu dengan lori dengan kereta. Satu hari tidak kurang daripada 50,000 orang pengguna jalan raya, sudah ada laluan untuk kargo ke Pasir Gudang kereta api, saya mohon dipertimbangkan supaya diadakan juga laluan kereta api untuk *passenger* supaya dapat mengurangkan trafik, kemudahannya sudah ada di beberapa buah tempat, bolehlah telah dibincangkan dengan teliti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ada masa seminit lagi untuk KWSP ini, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mendapat SMS, mereka meminta supaya saya sampaikan- sekarang kita berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana prihatin, kerana kesempitan mungkin pendapatan dan sebagainya, dicadangkan EPF dikurangkan daripada 11 peratus kepada 8 peratus daripada pihak pekerja sendiri. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, telah dikurangkan sebanyak 3 peratus tetapi yang menjadi masalahnya ramai pekerja tidak berpuas hati dia kurangkan 3 peratus. Sepatutnya yang hendak mengekalkan itu tidak payahlah isi borang, ini yang mengekalkan kena isi borang, yang tidak hendak kekal itu dia tidak payah isi borang, terbalik.

Secara majoriti kalau setakat EPF, mereka tidak mahu dikurangkan kerana inilah simpanan hari tua, apa kata kerajaan memperlihatkan bahawa ada *portion* entah 1 peratus ditanggung oleh kerajaan dalam bentuk BR1M yang diberikan ini dibagikan kepada pekerja-pekerja ini melalui sumbangan kepada KWSP supaya mereka dapat menyimpan dengan lebih baik. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak atas peluang yang diberikan kepada saya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya dengan ini menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rantau Panjang.

3.33 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat daripada Titah Baginda Tuanku mengharapkan kesinambungan pentadbiran negara untuk merealisasikan matlamat negara maju, berpendapatan tinggi bukan hanya semata-mata bersandar kepada pencapaian ekonomi semata-mata tetapi turut mengutamakan kesejahteraan rakyat. Kita melihat hari ini rata-rata di seluruh negara rakyat mengeluh dalam keadaan kehidupan yang semakin tertekan.

Kos hidup yang semakin tinggi, pendapatan yang semakin rendah dengan cukai GST termasuk juga dengan kos tambang yang semakin mahal, tarif elektrik yang semakin mahal termasuk kos sewa rumah dan kos kesihatan yang semakin mahal, semua itu adalah menjadi tekanan.

Bagi rakyat di luar bandar berdepan dengan kos harga getah yang semakin rendah termasuk juga kelapa sawit. Ini juga menekankan lagi kehidupan rakyat. Bayangkan dengan pendapatan tidak sampai RM10 purata sehari pendapatan rakyat hasil daripada penoreh getah, macam mana mereka hendak meneruskan kehidupan, menyara kehidupan anak-anak mereka, kos ikan pun tidak lepas, gula sekilo pun tidak selesai, bayangkan macam mana mereka menyara persekolahan anak-anak? Jadi saya ingin bertanya dengan masa hanya ada tempoh empat tahun lagi untuk kita mencapai matlamat Wawasan 2020 yang menjadi *target* kerajaan untuk menuju negara maju berpendapatan tinggi, hanya ada empat tahun sahaja lagi dengan keadaan kehidupan rakyat yang semakin tertekan, apakah ini dapat melahirkan, merealisasikan sebagaimana kehendak Tuanku untuk melahirkan kehidupan yang sejahtera.

Saya mengambil satu peringatan Allah dalam al-Quran dengan izin Tuan Yang di-Pertua... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Bermaksud, "*Dan Kami menjadikan mereka sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami dan Kami wahyukan kepada mereka agar berbuat kebaikan, melaksanakan solat dan menunaikan zakat dan hanya kepada Kami mereka menyembah*". Ini merupakan satu ingatan Allah kepada mereka yang menjadi pemimpin termasuk kita semua dan pemimpin-pemimpin di negara ini. Kepimpinan sebenarnya adalah satu ibadah tetapi kalau tidak kena cara, ia akan membawa kita ke neraka. Ingat peringatan Allah, antara golongan pertama yang akan dihumban ke neraka adalah pemimpin yang zalim.

Jadi kalau pemimpin tidak menunaikan amanah, tanggungjawabnya kepada rakyat, apa lagi dengan suasana yang ada dalam negara kita, memalukan kita bukan sahaja dalam negara kita tetapi di seluruh dunia, kita rasa malu dengan pelbagai skandal dan isu yang sedang melanda. Apa yang disebutkan tentang derma RM2.6 bilion? Dua soalan saya juga dalam Dewan ini ditolak berkaitan dengan isu RM2.6 bilion. Isu berkaitan dengan 1MDB dan pelbagai skandal, saya kira terlalu banyak yang sudah menggores perasaan rakyat. Bagaimanakah rakyat hendak memberikan keyakinan kepada kepimpinan yang ada pada hari ini? Ingat kepimpinan bukan sahaja untuk negara kita hari ini tetapi pemimpin akan disoal oleh Allah SWT sampai ke akhirat.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana langkah-langkah kerajaan dalam memastikan, realisasikan apa yang dikehendaki Tuanku untuk melahirkan masyarakat dan rakyat yang sejahtera. Sejauh mana perkara ini dilaksanakan oleh kerajaan? Sejauh manakah langkah berjimat cermat yang telah dilaksanakan terutama dalam menghadapi kegawatan ekonomi hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, saranan Tuanku juga kita menyanjung tinggi sebagaimana keprihatinan Tuanku terhadap nasib mangsa-mangsa banjir. Saya mengambil kesempatan ini bagi rakyat negeri Kelantan seluruhnya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak sama ada NGO, individu, penderma, kerajaan, parti politik yang telah memberikan sumbangan membantu mangsa banjir di Kelantan.

Akan tetapi persoalannya hari ini, walaupun tahun ini kita tidak berdepan dengan banjir sebagaimana yang diramalkan, *alhamdulillah* tetapi sampai hari ini rumah kekal mangsa banjir yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan sampai hari ini belum selesai.

Sebagaimana yang kita tahu rumah yang musnah akibat banjir keseluruhannya 1,671 buah dan yang dijanjikan akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah 1,036 buah dan selebihnya akan dibina oleh kerajaan negeri. Sehingga kini apa yang kita tengok ialah daripada Kerajaan Persekutuan, rumah yang siap dengan rekod yang ada dalam kerajaan Kelantan hanya 256 buah iaitu kemajuannya hanya 24 peratus, masih 780 buah rumah kekal banjir yang dijanjikan oleh Kerajaan Pusat belum dibina.

Kerajaan berjanji hendak menyelesaikan Mac tahun 2016, selesai semuanya tetapi sekarang sudah masuk pertengahan Mac. Janji sebelum Ramadan tahun lepas, sekarang sudah beberapa bulan lagi hendak masuk Ramadan yang seterusnya. Jadi saya berharap perkara ini diselesaikan dan saya mahu perkara ini dijamin oleh kerajaan bilakah- supaya mangsa-mangsa banjir ini tidak terus berada di rumah transit yang tidak selesa sampai hari ini.

Saya inginkan penjelasan juga tentang rumah PPR di Gua Musang. Dua tahun yang lalu kita dimaklumkan rumah ini telah siap dibina dengan 1,000 unit, mempunyai 10 buah blok sedangkan tidak diberi penempatan sehingga ke hari ini. Pihak kerajaan negeri pernah memohon 38 buah keluarga mangsa banjir supaya ditempatkan di rumah PPR Gua Musang tetapi tidak dipertimbangkan. Jadi soalnya kenapa kah projek ini dibazirkan seperti projek-projek gajah putih sedangkan ini adalah keperluan rakyat yang sedang memerlukan tempat tinggal tetapi kenapa dilewatkan sampai bertahun, sehingga saya dimaklumkan banyak yang sudah rosak kerana lama tetapi tidak dihuni.

■1540

Jadi saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang soal keselamatan dan kita tengok dalam ucapan Titah Tuanku menyentuh tentang soal keselamatan negara termasuk juga keperluan keselamatan di sempadan. Saya sebagai kawasan yang tinggal bersempadan dengan negara Thailand, isu keselamatan adalah isu yang sangat penting. Jadi soalnya di sini saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian kenapa Menteri Besar negeri Kelantan sampai hari ini, Kelantan sudah 25 tahun diperintah oleh Kerajaan PAS sampai hari ini Menteri Besar negeri Kelantan tidak pernah dilantik menjadi pengerusi kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri JKKN.

Apakah perkara ini juga berlaku di negeri-negeri lain. Saya ingin satu senarai setiap negeri yang ada di dalam negara kita siapakah pengerusi JKKN dalam negeri masing-masing. Apakah alasan yang dibuat oleh kerajaan sedangkan isu ini adalah isu yang sangat penting. Sedangkan Kelantan juga negeri yang dipilih oleh rakyat secara demokrasi, kalau kerajaan hari ini betul-betul menghormati demokrasi sepatutnya memberi hak kepercayaan kepada pilihan rakyat.

Begitu juga pewujudan JPP Jabatan Pembangunan Persekutuan yang disalurkan peruntukan pembangunan untuk Kelantan melalui JPP. Kenapa tidak *direct* kepada kerajaan negeri. Jadi apakah ini menunjukkan bagaimana seolah-olah kerajaan hari ini tidak mengiktiraf sistem demokrasi yang dipilih oleh rakyat. Jadi saya ingin penjelasan perkara ini dan senarai lengkap mengikut setiap negeri, siapakah pengerusi Jawatankuasa JKKN di seluruh negara.

Saya ingin juga menyentuh tentang keselamatan sempadan iaitu baru-baru ini berlaku tembakan dan sepengetahuan saya di sempadan Rantau Panjang dengan Thailand ini banyak isu berkaitan dengan pembunuhan ataupun tembakan bersenjata yang akhir-akhir ini adalah seorang guru ditembak di perairan ataupun di tepi Sungai Golok. Jadi saya ingin tahu apakah isu dan sejauh mana kawalan keselamatan hari ini sebab ini mengancam nyawa rakyat dan sejauh mana perkara ini diberi tindakan dan diberi perhatian dan apakah penyelesaian kepada suasana yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga meminta penjelasan berkaitan dengan ICP atau permit untuk kenderaan asing masuk ke negara kita. Terlalu banyak berlaku pelanggaran berkaitan dengan permit ICP ini yang menyebabkan kenderaan-kenderaan asing mengambil kesempatan menggunakan permit ini untuk menjalankan operasi mengangkut penumpang-penumpang dari Thailand khususnya ke dalam negara kita.

Jadi soalnya, kalau dia datang untuk melancong untuk aktiviti keluarga kita, okey kita menggalakkan pelancongan dan sebagainya. Akan tetapi, apabila sudah berlaku setiap hari lebih daripada 40 kenderaan contoh di pintu masuk Rantau Panjang, 40 waktu sehari menggunakan pengangkutan ini beroperasi hingga tidak ada ruang untuk rakyat tempatan mendapat limpahan daripada kemasukan pelancong daripada luar.

Kalau nelayan bagaimana pencerobohan nelayan asing, kerajaan menggunakan kuasa, anggota marin kita membanteras penceroboh di bahagian pantai yang mengambil kesempatan dalam operasi nelayan kita, kenapa dalam isu berkaitan dengan isu kemasukan pelancong ini kita tidak banteras bagaimana ulat-ulat daripada mereka, kenderaan kereta sewa daripada negara lain ini mengambil kesempatan sehingga mereka yang beroperasi sebagai pemandu kereta sewa sehingga tidak ada peluang untuk mendapat penumpang.

Saya turun beberapa kali ke padang dan saya *interview* dan tanya sendiri kepada pemandu-pemandu kereta sewa. Saya cukup sedih Tuan Yang di-Pertua ada di kalangan mereka yang mengatakan kami dari pagi sampai petang seringgit pun tidak dapat. Bayangkan mereka hendak bayar sewa kereta, hendak bayar permit hendak bayar itu, ini dan bayaran persekolahan anak-anak mereka terpaksa mencari pendapatan lain dalam keadaan yang cukup payah apa lagi dengan harga getah yang rendah.

Jadi saya mewakili suara rakyat meminta sekiranya kita tidak ada undang-undang untuk menangkap penyalahgunaan ICP ini kita batalkan sebab ini kuasa kerajaan kita. Kalau kita tidak hendak batalkan, kena gubal, kena buat enakmen bagaimana untuk menyekat penyalahgunaan ICP ini supaya maruah rakyat negara kita terpelihara. Janganlah ibarat kera di hutan disusukan, rakyat kita sendiri mati kelaparan.

Itulah adalah satu perbandingan supaya rakyat prihatin saya kita sudah berpuluh kali saya utarakan isu ini Dewan ini tetapi tidak ada tindakan. Sepatutnya selepas dua kilometer daripada sempadan, pihak SPAD atau pihak JPJ sepatutnya *check* di mana sebenarnya, kenapa mereka sedangkan kenderaan yang sama, nombor yang sama berulang kali. Kenapa perkara ini tidak boleh disiasat dan paling saya bimbang sekiranya berlaku rasuah dan penyalahgunaan wang dalam isu ini membawa kepada kegagalan pengawalan kita. Ini paling saya bimbang sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga tentang tebatan banjir. Tebatan banjir ini sudah berpuluh kali saya ulang dalam Dewan. Bayangkan dalam keadaan negara kita sebelum ini tidak ada banjir tapi di kawasan saya sudah dua kali banjir terutama kampung-kampung yang di tepi sungai yang mudah banjir. Lebih daripada lapan buah kampung yang mudah banjir.

Jadi saya harap, pihak kerajaan pertimbangkan segera tebatan banjir di Rantau Panjang. Kalau tidak mampu hendak buat keseluruhan, pilih kampung-kampung yang kritikal. Bayangkan dalam keadaan baru-baru ini di awal bulan Januari baru-baru ini di saat orang lain tidak ada banjir kawasan saya berminggu-minggu berada dalam air di mana lapan kampung ini kebun-kebun getah mereka juga berada dalam air, pupus pendapatan sumber pendapatan mereka.

Jadi sepatutnya tebatan untuk meninggikan tebing di kawasan-kawasan kritikal didahulukan ataupun diutamakan kalau bajet kita bertahan supaya sekurang-kurangnya membantu golongan-golongan masyarakat yang mudah terdedah dengan banjir tidak terkesan akibat limpahan air Sungai Golok.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan juga iaitu berkaitan dengan isu wanita. Di mana kita melihat Tuanku dalam Titah mengharap ruang dan peluang yang disediakan yang begitu baik untuk wanita terlibat dalam pasaran kerja dan pelbagai bidang untuk kita sama-sama membangunkan negara. Saya menjunjung kasih di atas Titah Tunku. Apa yang saya hendak sebut di sini sejauh mana kejayaan sistem sokongan yang telah disediakan oleh kementerian untuk membantu pekerja-pekerja wanita di seluruh negara. Adakah mencukupi tempat-tempat asuhan kanak-kanak terutama tempat asuhan kanak-kanak yang selamat.

Isu yang kritikal hari ini, Tuan Yang di-Pertua ialah tempat asuhan kanak-kanak yang meragukan ibu-ibu yang bekerja. Ramai ibu yang berhenti bekerja kerana tidak yakin dengan pusat asuhan, banyak kes yang meninggal, yang sakit dan sebagainya hasil daripada patah tangan dan sebagainya kerana di tempat asuhan ini.

Jadi sebab itulah sejauh mana kerajaan merangka strategi untuk menangani isu ini begitu juga saya ingin penjelasan berkaitan dengan penyalahgunaan iaitu eksploitasi wanita yang cukup menyentuh hati kami wanita yang berlaku dalam negara.

Terkini, pada Mac yang lalu di mana satu iklan yang telah dikeluarkan oleh *Firefly* di mana mengeluarkan iklan potongan tiket penerbangan dengan potongan 50 peratus dengan diletakkan gambar wanita, punggung pramugari pakai skirt. Ini dijadikan bahan iklan, bayangkan kalau perkara ini berlaku kalau Ahli-ahli Berhormat kalau anak kita ataupun isteri kita dijadikan bahan iklan- apa perasaan kita.

Jadi bayangkan mereka menggunakan maruah wanita untuk menjadi bahan iklan. Cukup menyentuh hati kami, jadi saya harap pihak kementerian memberhentikan semua, melarang, mengeluar iklan bentuk iklan mengeksploitasi wanita dalam apa bentuk sekalipun sama ada guna ruang punggung, ruang kaki, muka kah, apakah yang menyebabkan kita rasa wanita ini seolah-olah jadi alat dagangan dalam negara kita.

Begitu juga saya menyentuh berkenaan, tersentuh berkaitan dengan isu kadar penceraian yang semakin tinggi dalam negara. Sebelum ini bagaimana dalam media mendedahkan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mendedahkan iaitu satu fenomena yang cukup menyentuh hati kita di mana purata kadar penceraian dalam negara kita purata bercerai bawah pada lima tahun. Terutamanya pasangan-pasangan baru, kes yang saya kira ini merupakan satu keruntuhan institusi kekeluargaan dalam negara.

■1550

Jadi, bayangkan apabila berlaku penceraian, anak-anak yang menjadi mangsa dan apabila berlakunya penceraian, banyak lagi masalah sosial lain yang akan berlaku. Jadi saya harap, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, apakah puncanya berlaku demikian dan apakah penyelesaian yang telah dibuat oleh pihak kerajaan? Kita dapati dalam negara kita, 6.9 peratus pekerja-pekerja wanita dalam negara kita bekerja berjauhan daripada suami. Saya mengharapkan supaya pihak kementerian bekerjasama dengan semua kementerian lain memastikan polisi mesra keluarga dalam menetapkan tempat kerja kepada terutama pasangan yang berkahwin.

Ini penting untuk kebahagiaan keluarga sebab kita tidak mahu berlaku perkara yang tidak diingini. Termasuk juga yang membimbangkan, yang baru didedahkan oleh pihak Menteri dalam Dewan kita ialah isu keganasan rumah tangga. Bayangkan dalam tahun 2016 sahaja, dalam tempoh hanya lebih kurang dua bulan, masuk tiga bulan, yang ketiga bulan Mac, dah lebih 400 kes keganasan rumah tangga berlaku. Jadi, ini adalah satu perkara yang malang dan apabila berlaku keganasan, sudah tentu membawa kepada penceraian dan sebagainya.

Begitu juga dengan apa yang didedahkan sebelum ini di Dewan ini, 18,000 orang anak luar nikah yang lahir melalui hospital kerajaan. Setahun, 2015. Tahun 2015, 18,000 orang anak luar nikah lahir melalui hospital, ini belum lagi dikira yang lahir dalam tandas kah, dalam semak, tak kira lagi. Bayangkan apa jadi pada negara kita dan paling malang ibu yang melahirkan purata umur antara 13 hingga 17 tahun. Saya ingin tahu penjelasan daripada kerajaan dengan situasi yang ada, apa penyelesaian kerajaan? Apakah program-program yang dibuat oleh kerajaan, terutama mendidik belia kita, remaja kita hari ini.

Kita hendak lahirkan dalam keluarga kita, dalam keadaan keluarga kita yang *mawaddah*. Kalau boleh kita hendak lahirkan dalam masyarakat kita, kita kena letakkan polisi, satu keluarga satu tahfiz. Kita tidak mahu dalam negara kita, satu keluarga satu penagih dadah. Jadi, kalau perkara ini tidak dilaksanakan, terutama pendidikan agama diterapkan sungguh-sungguh dalam keluarga, saya tidak hairan satu masa kita akan berdepan dengan isu kritikal. Setiap keluarga ada penagih dadah. Yang kita hendak lahir dalam keluarga kita, setiap keluarga adanya sekurang-kurangnya, kalau orang Islam, ada yang hafal *Al-Quran*. Hafiz *Al-Quran*.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tiga minit, *masya-Allah*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkaitan dengan inisiatif untuk mendaulatkan Islam sebagai agama Persekutuan. Jadi sejauh mana, saya ingin tahu pelaksanaan untuk membawa pindaan Akta 355 ke Parlimen. Jadi, saya ingin penjelasan daripada kerajaan untuk kita menaiktarafkan Mahkamah Syariah ini setaraf dengan kehendak syariah Islam. Begitu juga saya ingin minta penjelasan kenapakah sampai hari ini, walaupun berkali-kali kami telah kemukakan soalan berkaitan dengan royalti tetapi sampai hari ini tidak mendapat perhatian oleh pihak kerajaan.

Akan tetapi kenapa di Terengganu, Sabah, Sarawak tidak perlu melalui proses mahkamah tetapi royalti dibayar kepada negeri-negeri berkenaan. Sedangkan semuanya telah menandatangani perjanjian dan Akta Pembangunan Petroleum (Pindaan) 1975. Jadi, saya ingin tahu kenapa perkara ini dan apa alasan yang dibuat oleh kerajaan sehingga sampai hari ini kami terus merayu tetapi tidak dilayan oleh kerajaan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan transformasi Parlimen. Saya mengambil kesempatan ini supaya pihak kerajaan memberi peruntukan khas yang diperuntukkan kepada semua Ahli Parlimen. Kalau Ahli Parlimen BN mendapat peruntukan khas untuk mereka berkhidmat kepada rakyat. Kenapa kami tidak diberikan peruntukan? Kami juga hendak menggunakan peruntukan untuk rakyat Malaysia. Mereka juga membayar cukai dan mereka juga memberikan sumbangan kepada pendapatan negara. Jadi, saya harap perkara ini dipertimbangkan oleh kerajaan supaya berlakunya keadilan, *insya-Allah*. Jadi, dengan kerana masa tidak mengizinkan Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Rompin.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Lipis.

Tuan Yang di-Pertua: Lipis? Okey, sila Yang Berhormat Lipis.

3.55 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillaahir Rahmaanri Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut serta berbahas Titah Diraja yang lalu. Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah perkenan Nya, maka saya dapat turut serta dalam perbahasan ini yang mana dalam perbahasan ini saya juga ingin menyentuh soal berhadapan dengan berbagai-bagai perkara yang telah dilontarkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong yang lalu.

Ketika ini pelbagai cabaran daripada segi aspek ekonomi, kejatuhan nilai mata wang, permasalahan politik. Akan tetapi dalam soal ini, saya di kesempatan ini ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan selaku Yang Berhormat Perdana Menteri kerana dapat mentadbir perjalanan negara yang begitu baik sekali. Sebab saya katakan sedemikian rupa, dalam sedang negara kita mengalami krisis ekonomi, yang dihadapi krisis satu dunia, kebanyakan dunia terpaksa menghadapi krisis ekonomi dalam masa sekarang ini.

Akan tetapi Malaysia mampu dalam pertumbuhan keluaran dalam negara (KDNK) masih lagi dapat bertahan sebanyak empat ke lima peratus pada tahun 2016. Ini semua terjadi disebabkan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari Pekan yang kita semua tahu mempunyai perwatakan yang cukup berwibawa, mempunyai perwatakan orang yang cukup baik, orang yang sentiasa berada dalam keadaan *cool*, dengan izin. Maknanya, beliau boleh menghadapi apa jua situasi yang dihadapi dengan dalam keadaan yang begitu tenang sekali, dalam suasana politik, ekonomi sebagainya pada masa sekarang ini. Kita berharap supaya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Lipis, boleh sikit? Boleh?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Baru *intro* daa...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, ini nak puji Perdana Menteri, nak sama-sama sokong lah ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Itu *intro. Itu intro*. Nanti saya bagi. Selepas saya ke depan sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit, sikit sahaja. Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Lipis, sebelum itu, kalau nak *jack* Perdana Menteri pun agak-agaklah kan. Sebab macam hendak *jack* kereta, hendak keluarkan tayarlah, kalau *jack* tinggi sangat nanti kereta terbalik pula. Jadi, kita harap boleh berhati-hati sedikitlah ya. Cuma saya hendak tanyalah, setuju tak kalau katakan sebagai Ahli Parlimen BN, kena puji BN. Akan tetapi kita hendak supaya integriti *Prime Minister* terus dikekalkan dengan dia mesti menyaman mana berita-berita yang boleh menjatuhkan kredibiliti dan juga imej dia, integriti dia. Betul tak, setuju tidak? Kena saman. Kalau tidak, orang tak rasa dia tak ada integriti sebab tidak berani hendak pertahankan imej dia.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat 'Serdang'. Yang Berhormat 'Serdang' boleh berbahas nanti.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sepang!

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Eh, Sepang. Minta maaf Yang Berhormat Sepang. Nanti Yang Berhormat Sepang boleh berbahas dalam hal ini. Saya percaya sebagaimana yang dikatakan oleh rakan saya, walaupun Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pergi kepada hujah saya, disebabkan oleh Yang Berhormat Sepang bertanya walaupun saya bukan sebagai seorang Menteri. Akan tetapi walau bagaimanapun, serba sedikit pengalaman yang kita ada sebagai ahli politik, semua yang dalam Dewan yang mulia ini adalah ahli politik.

Baru-baru ini, rakan saya kalau tidak silap saya dari Bagan Serai, ada menyatakan soal surat khabar. Saya rasa itulah jawapan daripada Yang Berhormat Bagan Serai yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sepang juga bertanya kalau tidak silap saya. Sudah dijawab oleh rakan saya dari Bagan Serai. Kadang-kadang surat khabar ini kita saman buang masa Tuan Yang di-Pertua. Kita buang masa. Nak pula Perdana Menteri, nak turun naik, nak pergi WSJ, turun naik, turun naik. Entah bila selesai, di luar negara pula. Jadi, ini masalah yang timbul. Kenapakah kita perlu nak menyusahkan diri kita? Baik kita mendiamkan diri. Ada masa, mendiamkan diri itu lebih baik daripada kita menggembar-gemburkan soal sedemikian rupa. Itu soalnya.

Saya bukan nak sampai *jack* terbalik kereta tetapi ini hakikat. Hakikat Perdana Menteri kita adalah Perdana Menteri yang cukup *cool*. Saya sering bercakap pada kawan-kawan, kalau kitalah jadi pemikiran seperti Perdana Menteri ini, saya rasa dah lama tumbang. Dengan pelbagai serangan, dengan Deklarasi Rakyat dan sebagainya, seramai 58 orang tokoh-tokoh lama, tokoh-tokoh pembangkang. Akan tetapi saya rasa ini semua tidak dapat menyelesaikan masalah kerana kita dah beberapa kali mengatakan bahawasanya kalau Perdana Menteri ini tidak elok di kaca mata kita, biarkan sahaja.

■1600

Biarkan saja sebab kalau tidak elok, maka mereka akan boleh menang. Akan tetapi atas desakan ini berertinya pihak mereka tidak merasakan *confident* yang akan boleh menang pilihan raya akan datang disebabkan kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sendiri. Sebab itu mereka menggunakan Deklarasi Rakyat untuk menjatuhkan Perdana Menteri. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sudah tukar, Datuk Seri Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sudah tukar.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Sekarang Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya baru mula berhujah seminit saja Tuan Yang di-Pertua. Ada lagi 19 minit sebab bertukar Tuan Yang di-Pertua maka baru seminitlah di depan Tuan Yang di-Pertua yang ada.

Kita dapat merasakan dalam soal Dasar Transformasi yang dibuat oleh Yang Amat Perdana Menteri sendiri. Diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 2010. Memperlihatkan perkembangan yang cukup yang baik sekali, cukup positif sekali dalam perkembangan tersebut sehinggalah kita boleh menjangkakan pengurangan pengangguran dan sebagainya yang dibuat oleh dasar tersebut sekali gus menambah baik kualiti hidup rakyat untuk memastikan menjelang tahun 2020.

Itu harapan kita untuk mendapati sifar pengangguran umpamanya. Sebab itu kita mewujudkan berbagai-bagai perkara. Menurut Laporan Daya Saing Global 2015-2016, diumumkan oleh Forum Ekonomi Dunia, Malaysia tersenarai di tangga 18 dari segi mentadbir ekonomi dengan baik sekali. Ia terbaik di dalam Asia yang dibentangkan oleh WEF tersebut. Dalam aspek prestasi daya saing, Malaysia terus mendahului ekonomi-ekonomi utama, didorong oleh perkongsian kukuh awam, swasta dan sebagainya. Membantu kerajaan memperkukuhkan ekonomi yang baik sekali. Maka kita berada dalam keadaan situasi yang cukup kukuh dari segi ekonomi.

Sebab itu apabila pihak di seberang sana memperkatakan ekonomi ini kurang baik, saya menjangkakan tidak. Saya terfikir hari semalam sewaktu dalam perjalanan untuk ke Kuala Lumpur, saya tengok plat kereta di mana untuk Wilayah sahaja lebih kurang pertukaran nombor kereta sebanyak 20,000 sebulan. Makna saya hendak menggambarkan bahawa ekonomi kita cukup baik dengan perkembangan pendaftaran kereta tersebut.

Walau rakan saya tadi dari Pasir Gudang ada mengatakan isu kebangkrapan, tetapi itu mungkin segelintir. Akan tetapi dalam soal ini perkembangan menurut perkara tersebut adalah merupakan menggambarkan ekonomi yang baik dan saya ada bercakap dengan seorang rakan saya, seorang peguam. Beliau mengatakan berbeza pada tahun 1997 di mana kebangkrapan berlaku setiap hari.

Setiap hari beliau menyaman dan terpaksa menyaman kerana kebangkrapan tersebut. Akan tetapi kepada ekonomi sekarang, dalam keadaan situasi ekonomi sekarang, dia kata pada saya tidak ada kes menyaman atas kebangkrapan. Maka berertinya kita masih dapat menguasai ekonomi dengan baik begitu sekali. Sebab itu saya katakan, sering saya katakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Segambut bangun.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya sekejap.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: ...Bahawasanya...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Soalan singkat, fasal kereta.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Silakan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Lipis, kalau bilangan kereta di jalan raya, di lebuhraya adalah satu gambaran ekonomi yang bagus. Kalau begitu, bagaimana dengan Jakarta, Manila, Bangkok. Mereka *traffic jam* lebih teruk dari Malaysia. Adakah ekonomi negara mereka adalah lebih baik dari Malaysia?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kita Malaysia mempunyai 30 juta penduduk. Di Indonesia mempunyai 300 juta penduduk.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Lagi majulah. Betul?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya hendak bagi tahu penduduk dahulu. Tidak bolehlah masuk kepada jumlah kereta dulu. Kita hanya 10 peratus saja daripada kepadatan penduduk Indonesia. Kalau separuh dari Indonesia menggunakan kenderaan, dia ada 150 juta kenderaan kalau seorang satu. Kalau satu keluarga mempunyai 10 buah macam orang Malaysia, sudah pasti mempunyai berjumlah mungkin hampir 1 bilion kereta, kenderaan jika dibandingkan Malaysia dalam kepadatan penduduk tersebut. Ini saya rasa tidak menjadi masalah langsung untuk kita memikirkan soal Jakarta dan Malaysia perbandingan soal *jam* tersebut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Akui lah contoh yang salah. Betul?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya tidak akui sebab saya sudah beritahu 300 juta penduduk dengan 30 juta penduduk. Saya rasa *simple* matematik yang saya terangkan ini. Kalau kita tengok China mempunyai 1.2 bilion, lagi *jam*. India mempunyai hampir 600 juta, lagi *jam*. Semua tempat yang kepadatan penduduk sudah pasti *jam*. Akan tetapi saya persoalkan dalam soal pergerakan nombor kereta itu iaitu 20,000 sebulan hanya Wilayah sahaja. Itu menandakan salah satu tanda aras yang cukup baik dari segi perkembangan ekonomi.

Mungkin kita dapat rasai, bukan semua segelintir orang senang dan semua orang susah. Sebab itu saya hendak berbalik kepada soal isu komoditi. Walaupun Yang Berhormat Gerik baru keluar dari pintu sekarang, ada bercakap soal harga komoditi tetapi saya hendak menyentuh juga soal komoditi sebab ini salah satu kenapa kita perlu bantu dari segi pekebun-pekebun kecil.

Umpamanya pengusaha-pengusaha kebun getah. Kita sekarang sudah duduk tempat keenam dari segi mengusahakan ladang-ladang getah. Dari segi tersebut tetapi masih ramai saya percaya dalam Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini mempunyai ramai lagi penoreh-penoreh getah yang perlu kita lihat untuk menjana ekonomi. Sebab itu saya sebutkan soal kereta di Wilayah. Saya tidak sebut soal nombor kereta di Kuala Lipis. Sebab dia sudah pasti jauh perbezaan dari segi ekonomi tersebut. Sebab saya kata sedemikian rupa, apakah bentuk yang harus kita bantu kepada pengusaha-pengusaha kecil seperti pekebun-pekebun getah ini.

Sebab itu saya menyokong rakan dari Gerik menyatakan mestilah melaksanakan beberapa agenda penting. Kalau nelayan kita boleh bagi sebanyak RM200, mungkin kita pihak kerajaan boleh memikirkan juga kepada pengusaha-pengusaha, pekebun getah ini, bagaimana untuk kita menyalurkan peruntukan ini, bagaimana kita hendak meletakkan harga-harga tertentu. Saya percaya LGM umpamanya Lembaga Getah Malaysia sudah pastilah mempunyai data-data yang penting untuk memastikan pekebun-pekebun ini.

Dalam soal ini saya mencadangkan supaya juga daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek. Saya nampak beliau mempunyai, berwibawa menjalankan kerja dengan baik dari segi pertanian itu sendiri, membangunkan orang-orang pertanian, menghasilkan pekebun-pekebun yang baik. Maka dari segi soal ini saya menyarankan dan mengesyorkan supaya kita dapat menyegerakan peruntukan yang telah diluluskan kepada FAMA baru-baru ini termasuklah untuk program yang kita umumkan dalam pengubahsuaian bajet yang lalu sebab saya nampak salah satu usaha untuk menggerakkan kepada petani-petani ini dilakukan begitu baik sekali oleh pihak FAMA itu sendiri.

Sebab itu saya mengesyorkan supaya petani-petani mestilah dididik dengan minda yang lebih baik, minda yang positif, dapat memainkan peranan memastikan produk yang dikeluarkan segar, berkualiti, baik sebagaimana sekarang ini telah dipasarkan di Putrajaya dengan kadar harga yang begitu menawan, baik. Saya tengok diserbu untuk membeli barangan-barangan pertanian ini untuk dijadikan kehidupan harian. Jadi saya hendak mengesyorkan supaya mestilah pihak pertanian melalui FAMA umpamanya ataupun agensi-agensi lain supaya mewujudkan kursus jangka pendek untuk bagi mereka menambahkan pendapatan tersebut.

Perlu kita fokus kepada jenis-jenis tertentu seperti agro makanan seperti sayur, buah-buahan, bunga-bunga ataupun produk industri dan sebagainya yang boleh memastikan menjadi pekerjaan kedua kepada penoreh-penoreh getah ini.

■1610

Sebab itu saya sebenarnya saya menyokong yang ada dua kerja tetapi orang dalam *Facebook* marah kepada menteri MITI kerana cakap tidak ada masa bila dua kerja. Kadang-kadang kita menoreh getah habis pukul 11, kita boleh pula berkebun dengan berkebun kita boleh mengusahakan berbagai-bagai tanaman, kita boleh jual kepada pasar-pasar tani dan mungkin saya mencadangkan supaya setiap daerah mestilah wujud pusat pengumpulan dari FAMA itu sendiri supaya setiap petani yang mempunyai hasil boleh terus dijual kepada pihak FAMA dan FAMA ini boleh menghasilkan hasil-hasil tersebut kepada contoh yang saya katakan seperti di Putrajaya itu sendiri.

Sebab itu, saya menyokong penuh Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) iaitu melalui dengan TPPA ini saya percaya usaha yang dilakukan oleh menteri MITI kita akan mendapat usaha yang baik sebab dari segi hasil daripada orang kampung hasil getah ini boleh dijadikan pelbagai-bagai produk yang boleh kita usahakan melalui pengilang-pengilang besar umpamanya sarung tangan pemeriksaan perubatan dan pembedahan dunia dengan mengeluarkan 1,120 bilion unit setahun kilang kita.

Maka ini adalah salah satu yang boleh kita eksport melalui perjanjian TPPA kita ini supaya industri ini akan dapat berkembang dan ia akan menjamin kestabilan harga komoditi getah kita itu sendiri sebab kita dapat menguasai 63 peratus dari pengeluaran segmen sarung tangan kepada dunia ini sendiri. Sebab itu saya katakan amat penting kadang-kadang ada ketika kita bercakap kita nak dapat kepastian saya sendiri pun sering menyoal kepada Menteri MITI. Saya menyoal berbagai-bagai perkara sebab saya hendak dapatkan kepastian adakah ini memberi keuntungan kepada kita. Saya melihat TPPA ini mempunyai satu kejayaan sebagai salah satu tanda kejayaan tidak ada langsung protes ataupun gerakan untuk mengadakan demonstrasi tentang TPPA ini. Tahiah kepada Menteri MITI kerana telah berjaya membawa kejayaan TPPA ini dapat ditandatangani baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi melihat keseluruhan kita berasa amat bangga dan saya mencadangkan juga di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya mewujudkan banyak kawasan agropolitan di dalam setiap kawasan-kawasan Parlimen. Jangan tinggalkan kawasan Parlimen saya sudah. Jadi saya cadangkan supaya agropolitan ini diwujudkan di banyak kawasan parlimen kerana ini salah satu yang dapat menjana ekonomi kepada orang kampung. Kita melihat kejayaan agropolitan, tahiah juga kepada Menteri KKW yang berani yang banyak mewujudkan banyak perkara yang boleh mewujudkan kedai-kedai *gadget* umpamanya, maka ada satu persaingan yang khusus yang boleh menjadi persaingan sihat yang tidak kepada yang hanya dikuasai oleh pihak-pihak tertentu sahaja.

Saya mencadangkan supaya beliau meneruskan usaha-usaha tersebut banyak perkara yang boleh beliau usahakan lagi umpamanya kalau kita lihat kedai barangan-barangan *hardware* masih belum lagi diwujudkan seperti diwujudkan oleh KKW sebelum ini. Kita boleh wujudkan lagi kedai KKW seperti sedemikian rupa. Oleh yang demikian, supaya projek ini projek-projek yang saya katakan sedemikian rupa boleh dapat dilaksanakan khususnya dalam kawasan saya yang masih dalam ekonomi yang rendah tetapi walau bagaimanapun kami tetap berusaha untuk memastikan industri-industri kecil ini dapat diwujudkan di dalam kawasan-kawasan kami itu.

Saya hendak beralih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih sedikit kepada sistem pendidikan umpamanya, sistem pendidikan merupakan asas penting bagi membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang baik. Malaysia merupakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk di mana setiap dasar yang dilaksanakan dengan keperluan masyarakat. Dasar pendidikan sana janganlah diubah-ubah apabila bertukar menteri sebab untuk menunjukkan sesuatu dasar itu bukan makan masa yang pendek. Kalau dasar pendidikan umpamanya untuk mendapat kebaikan dari segi dasar pendidikan ini bukanlah perkara yang mudah yang kita ubah-ubahkan dasar sehinggakan menjadi dasar tersebut sukar difahami dan sukar untuk mereka meneruskan dasar-dasar tersebut.

Terlalu banyak perubahan dan kadangkala penambahan pembaikan dengan terlalu banyak aplikasi dan sebagainya mendatangkan masalah terutamanya kepada guru-guru. Aplikasi *online* yang tidak di selaras secara *total* umpamanya yang boleh memberi lebih kesian kepada murid-murid yg menjadi bahan kaji atas dasar tersebut. Sekarang sudah tiada UPSR, esok tiada PMR. Kemudian tiada berbagai-bagai lagi akan menjadi menyukarkan murid-murid kita sendiri dan menyebabkan ibu bapa sendiri pun tidak tahu ke arah mana pendidikan itu hendak dibawa.

Saya ada seperkara lagi saya hendak menyentuh juga tentang mesej dan suara-suara graduan daripada IPTA yang sering saya tengok mereka menamakan guru duka lara yang mana mereka sudah bertahun-tahun tidak dapat dipanggil temu duga. Jadi saya mengharap supaya guru-guru duka lara ini bilakah kementerian akan memanggil mereka. Ada yang mencecah hampir dua tahun. Jadi sebab itu mereka namakan mereka sebagai 'guru duka lara' yang tidak dapat diselesaikan masalah mereka yang mungkin ada penyelesaian tetapi bilakah penyelesaian itu.

Kadang-kala kita melihat dari segi perguruan ini amat penting sekali. Sebab itu saya katakan sedemikian rupa supaya dapat perkara ini disegerakan dalam hal itu. Sehingga kini masyarakat Malaysia pada andaian saya dari segi pendidikan seolah-olah terpisah. Seolah terpisah saya katakan sedemikian rupa kalau dahulu zaman saya, saya masih ingat mungkin zaman Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini kita mempunyai sekolah yang berbagai-bagai kaum dalam satu sekolah. Saya berada dalam Sekolah Rendah Clifford, Sekolah Menengah Clifford. Saya belajar bersama Cina dan India dan sebagai kita boleh bertukar fikiran, kita boleh belajar Matematik bersama, kita boleh belajar Bahasa Inggeris bersama, tetapi sekarang ini kita tidak dapat menikmati sedemikian rupa.

Baru-baru ini saya pergi ke Sekolah Rendah Clifford untuk merasmikan program Persatuan Ibu Bapa dan Guru, serba sedikit kita beri bantuan. Saya pergi juga merasmikan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa, saya bagi juga bantuan serba sedikit. Saya melihat lebih kurang hampir 100 peratus Sekolah Rendah Clifford adalah anak-anak murid Melayu dan hanya beberapa orang murid-murid India dan Cina kosong. Saya pergi Sekolah Menengah Chung Hwa lebih kurang 70 peratus adalah pelajar Cina dan 10 peratus ke 15 peratus Melayu dan selebihnya India. Bermakna ada sedikit percampuran di Sekolah Chung Hwa tersebut.

Jadi saya hendak beritahu kepada Kementerian Pelajaran Malaysia bagaimanakah kita hendak mewujudkan supaya seperti dahulu, seperti yang saya katakan sedemikian rupa kita dapat menikmati kasih dan sayang antara kaum. Sekarang kita dapat mengenali antara satu sama lain. Jadi saya mengharapkan supaya Kementerian Pelajaran supaya dapat memikirkan dari segi keharmonian tersebut supaya sistem pendidikan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi saya bermohon kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua supaya dalam Titah Yang di-Pertuan Agong ini yang sebagaimana dibentangkan yang lalu supaya kita dapat menikmati kebaikan di dalam negara kita ini.

Janganlah sesekali kadang-kadang kita hendak menyampaikan agenda yang tersirat hanya untuk kepentingan seseorang seperti Deklarasi Rakyat ini. Saya percaya rakyat tidak menerima deklarasi ini kerana 58 orang sahaja yang *sign* deklarasi ini. Jadi kita hentikan, kita berjumpa di suatu masa yang dinamakan pilihan raya yang ke-14.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran yang saya menggunakan masa genap-genap 20 minit. Yang Berhormat Kapar sudah bangun, maka berilah laluan kepada kapar melalui keputusan Tuan Yang di-Pertua sendiri. *Wabillahitaufik* saya mohon menyokong Titah Yang di-Pertuan Agong. *Wabillahitaufik wal hidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Selamat petang, *vannakam* dan salam reformasi saya mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan penghargaan saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut membahas Titah Diraja 2016.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak sebut anak muda Yang terhormat?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Masih muda, sama kita Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Selalu cakap anak muda.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ada dekat tengah-tengah Tuan Yang di-Pertua.

■1620

Saya bercadang untuk membawa beberapa isu ke perhatian Dewan yang mulia ini supaya kita bersama-sama menghayati dan memperhalusi rintihan dan teguran masyarakat biasa. Pertama adalah harga barang naik, kos sara hidup meningkat, taraf hidup menurun. Rakyat Malaysia semakin hari semakin dibelenggu dengan mimpi ngeri memikirkan mengenai harga barang yang naik dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Ini adalah situasi yang sentiasa dibincangkan tetapi isu yang sentiasa diaibkan ialah impaknya.

Impaknya ialah taraf dan kualiti kehidupan semakin menurun dan merosot. Mangsa kepada fenomena ini adalah golongan berpendapatan rendah dan sederhana dan juga yang mempunyai pendapatan tetap. Tambahan kepada ini Tuan Yang di-Pertua, pengurangan subsidi dan juga pelaksanaan *dracula* yang menghisap darah rakyat dengan nama GST menambahkan keperitan dan penderitaan rakyat.

Saya juga mendapati bahawa kebanyakan rakyat Malaysia dibelenggu dengan hutang. Kini semakin ramai belia dan anak muda seperti saya mufliis gara-gara menanggung beban hutang yang serius seperti kad kredit, pinjaman kenderaan, pinjaman perumahan dan pinjaman peribadi tetapi saya belum lagi mufliis Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan mufliis, nanti pilihan raya kecil Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Habis. Amat mengejutkan ialah kadar anak muda dari rakyat Malaysia yang diisytiharkan sebagai mufliis akibat daripada kos sara hidup yang semakin tinggi menyebabkan kebanyakan rakyat tertekan dan tidak dapat menguruskan kewangan yang baik dan akhirnya hutang piutang tidak dapat dibayar dan menyebabkan seseorang menjadi mufliis.

Tuan Yang di-Pertua, secara purata setiap hari dianggarkan terdapat 14 orang diisytiharkan mufliis atau *bankrupt* di negara ini. Maka, saya menuntut Kerajaan Barisan Nasional untuk memperincikan statistik terkini untuk menunjukkan bilangan rakyat Malaysia yang menjadi mufliis untuk tahun 2013, 2014 dan 2015 mengikut pecahan umur di antara 18 tahun hingga 30 tahun dan 31 tahun hingga 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah masalah jualan arak murahan, *cheap liquor*. Pada 26 November 2015 saya telah membangkitkan isu penjualan arak murahan secara berleluasa. Saya telah meluahkan kebimbangan saya apabila saya mendedahkan bahawa pelajar sekolah turut terlibat dalam gejala ini.

Saya juga telah memberi maklumat kepada Kerajaan Barisan Nasional bahawa arak murahan ini telah merentasi sempadan agama dan kaum. Kini pelajar sekolah, remaja dan dewasa membeli arak murahan dan minum secara terbuka. Situasi ini bertambah teruk apabila arak ini diminum di kawasan-kawasan terbuka seperti kawasan perumahan dan taman permainan. Pelajar sekolah juga membawa ke sekolah. Gejala ini juga menjadi punca kepada pelbagai masalah seperti menggugat keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia, kemalangan jalan raya, gengsterisme, keretakan kebahagiaan rumah tangga, institusi keluarga yang terancam dan macam-macam lagi.

Saya telah menyoal setiap kementerian daripada Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam sesi Parlimen yang lepas. Namun begitu, saya tidak nampak sebarang inisiatif daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang memeritkan dan menyedihkan ini mengusik jiwa saya dan memaksa diri saya untuk melakukan sesuatu. Untuk tujuan rekod, saya tidak menghisap rokok mahupun minum arak tetapi Tuan Yang di-Pertua hari ini saya membawa beberapa contoh *sample*, begini cepat kita boleh dapat... [Menunjukkan beberapa contoh botol arak] Ini dipanggil sebagai 'ginseng orang tua'... [Berucap dalam bahasa Cina]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, Seputeh apa makna itu?

Tuan manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Banyak sangat Tuan Yang di-Pertua. Tengok ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Oh! Banyak botol di dalam Dewan. Jangan buka sana Yang Berhormat ya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya tidak buka Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bagi, ada sebab saya buat ini, saya letak dekat sini, menunjukkan betapa mudahnya boleh dibeli. Macam-macam warna ada. [Menunjukkan beberapa contoh botol arak] Ini cap tiga kucing. Cap tiga kucing pun ada Tuan Yang di-Pertua. Ini cap kapak. Minyak kapak kita boleh terima tetapi ini cap kapak.

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ini bukan promosi. Dengarlah dahulu. Ini Taisong, harga RM5.80.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *Cheap liquor* atau arak murahan. Ini ada lagi satu... *[Disampuk]* GST saya tidak tahu, itu saya tidak kira. Ditulis dalam bahasa yang saya tidak faham. Tuan Yang di-Pertua, bagaimana arak murahan ini dijual secara terbuka dan terlalu senang untuk dibeli. Yang Berhormat Lenggong dengar baik-baik. Tujuan saya membawa *sample* ke Dewan ini adalah untuk saya menyerahkan kepada Kementerian Kesihatan untuk memeriksa dan analisa isi kandungan dan elemen yang wujud dalam *sample* ini. Satu laporan tentang betapa bahayanya arak murahan ini wajib dikeluarkan. Maka saya mendesak Kementerian Kesihatan untuk mengeluarkan dan membentangkan hasil laporan kepada Parlimen sebelum selesai sesi Parlimen ini. Sebentar lagi saya akan serahkan kepada mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu ketiga, penyelewengan dana RM2 juta yang diperuntukkan untuk peniaga kecil, masyarakat India. Tuan Yang di-Pertua, saya bersama Setiausaha Agung Keadilan merangkap Ahli Parlimen Pandan telah mendedahkan bagaimana peruntukan RM2 juta dana awam yang diperuntukkan kepada peniaga kecil India telah disalahgunakan apabila dana awam kerajaan ini tidak sampai kepada masyarakat India. Sebaliknya digunakan untuk membiayai kempen Pilihanraya Umum Ketiga Belas, Barisan Nasional.

Dalam PRU Ke-13 lalu, Barisan Nasional menggunakan badan-badan bukan kerajaan dan yayasan untuk berkempen mendapatkan undi dari kumpulan tertentu. Salah satu daripada kempen seperti itu dikenali sebagai sahabat BN yang digerakkan oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia atau juga dikenali sebagai *Malaysia Associated Indian Chamber of Commerce and Industry* atau MAICCI.

Justeru itu, saya selaku Ahli Parlimen telah membuat satu laporan polis pada 25 Februari 2016 di IPD Dang Wangi Kuala Lumpur. Nombor *report*, Dang Wangi 005054/16. Laporan saya berdasarkan dana rakyat RM2 juta yang diberikan kepada MAICCI dan dana ini telah digunakan untuk membiayai kempen pilihan raya umum Barisan Nasional. Dana awam ini digunakan sebagai derma pilihan raya kepada MAICCI. Saya melaporkan laporan polis ini supaya polis siasat di bawah seksyen 405 Kanun Keseksaan kerana wujud elemen-elemen pecah amanah kepada tiga individu iaitu:

- (i) Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak selaku Menteri Kewangan yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada kelulusan peruntukan geran sebanyak RM2 juta kepada MAICCI;
- (ii) Tan Sri Kent Eswaran atau juga dikenali sebagai Kenneth Eswaran selaku Presiden MAICCI yang telah mendapatkan dana awam daripada Kementerian Kewangan yang kemudiannya tidak digunakan bagi tujuan seperti yang tercatat di dalam perlembagaan atau piagam MAICCI sebaliknya untuk kempen politik Barisan Nasional; dan
- (iii) Datuk M. Davendran yang telah menggunakan kedudukan beliau sebagai Setiausaha Kehormat MAICCI untuk menggunakan dana ini untuk mendapatkan keuntungan kepada beliau sendiri.

Saya juga telah memanjangkan beberapa dokumen sebagai bukti bahawa wujudnya elemen-elemen penyelewengan dan penyalahgunaan dana awam untuk kempen politik Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, surat Kementerian Kewangan bertarikh 23 April 2013 kepada Tan Sri Kenneth Eswaran mengesahkan bahawa Perbendaharaan telah menyalurkan geran RM2 juta kepada MAICCI. Malah, Tan Sri Kenneth Eswaran sendiri mengesahkan menerima geran RM2 juta ini daripada Kerajaan Persekutuan yang kemudiannya dibelanjakan bagi membiayai perbelanjaan kempen Barisan Nasional yang dikehendaki oleh MAICCI melalui minit mesyuarat MAICCI bertarikh 11 Mei 2013. Izinkan saya membaca beberapa petikan minit mesyuarat tersebut:

- “1.2. *The president thanked all state chambers for their support and cooperation to ensure Barisan Nasional Government is back to power in federal level and states other than Selangor, Penang and Kelantan;*
- 1.3. *He said that, MAICCI had operated four operation rooms, MAICCI sahabat Barisan Nasional in four states, mainly Johor, Malacca, Selangor and Penang; and*
- 1.4. *The president also said that it managed to obtain RM2.5 million donation for election purposes.” Donation, Tuan Yang di-Pertua.*

Tuan Yang di-Pertua, RM2 juta daripada RM2.5 juta yang dimaksudkan adalah melalui geran daripada Kementerian Kewangan. Daripada RM2 juta ini perbelanjaan dikhaskan kepada kempen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan jenama “Nambike”. Dengan izin, saya bacakan beberapa *payment* yang telah dilakukan.

- “(i) *Payment for printing of CD complete with on cover and CD plastic and insertion RM500,000;*
- (ii) *Payment to Impak Demarga Sdn. Bhd. for custom-made round polo t-shirt RM420, 000.”*

■1630

Payment to Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional Pahang RM50,000. Duit yang sepatutnya disalurkan kepada peniaga-peniaga kecil India digunakan dengan bukti untuk kempen politik Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya penyelewengan dana awam rakyat dengan menyalahgunakan nama masyarakat India adalah amalan biasa Kerajaan Barisan Nasional. Saya melahirkan rasa kesal kerana nama masyarakat India dan peniaga kecil India sentiasa digunakan untuk menyeleweng wang rakyat. Sedangkan peruntukan ini sebenarnya tidak sampai kepada masyarakat India. Justeru itu saya menuntut penjelasan-penjelasan berikut:

- (i) saya mendesak supaya Kementerian Kewangan mengesahkan dengan segera bahawa surat kewangan bertarikh 23 April 2013 yang menunjukkan RM2 juta dana rakyat yang telah diserahkan kepada Tan Sri Kenneth Eswaran adalah dokumen yang sah;
- (ii) berapakah jumlah dana daripada Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) yang telah disalurkan kepada masyarakat India mengikut pecahan tahunan untuk tahun 2011, tahun 2012, tahun 2013, tahun 2014 dan tahun 2015;
- (iii) namakan sekolah-sekolah yang telah menerima peruntukan RM100 juta daripada Kerajaan Persekutuan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil pada tahun 2014 dan jumlah yang diperoleh oleh setiap sekolah;
- (iv) berapakah jumlah peruntukan mengikut pecahan tahunan untuk tahun 2012, tahun 2013, tahun 2014 dan tahun 2015 yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk sekretariat khas untuk memperkasakan usahawan India ataupun dikenali sebagai SEED. Berapa ramaikah usahawan kaum India yang telah dilahirkan oleh SEED sehingga hari ini?
- (v) berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Unit Khas Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) dan kepada siapa dan bagaimana dana ini akan atau telah diagihkan?
- (vi) mengikut laporan media masa juga di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak saya difahamkan bahawa lebih daripada 2,600 badan bukan kerajaan (NGO) India telah menerima peruntukan sejak tahun 2009 sehingga tahun 2014 yang berjumlah RM125 juta daripada Kerajaan Persekutuan.

Saya tiada masalah sekiranya dana ini diperuntukkan dan digunakan untuk pembangunan masyarakat India. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada NGO dan kerajaan yang terlibat. Akan tetapi saya juga berhak menyoal sekiranya wujud beberapa soalan yang berlegar-legar tanpa jawapan yang konkrit. Maka saya memerlukan jawapan bertulis daripada kementerian menyatakan kesemua nama 2,600 NGO yang telah memperoleh dana awam ini bagaimana jumlah peruntukan tersebut dibelanjakan untuk masyarakat India. Apakah program yang mereka telah laksanakan? Berapakah jumlah peruntukan yang diterima oleh setiap NGO?

Tuan Yang di-Pertua saya masuk ke huraian keempat. Ini berkenaan dengan kes derma RM50,000 lawan kes derma RM2.6 bilion. Mahkamah Rayuan pada 4 Mac 2016 telah menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dua sebatan ke atas Tuan Haji Yahya Shari, Timbalan Setiausaha Agung Keadilan dan Ketua Cabang Keadilan Tanjong Karang, atas pertuduhan di bawah Seksyen 420, Kanun Keseksaan iaitu menipu dan mempengaruhi pemberian secara tidak jujur. Beliau ditahan berhubung derma RM50,000 yang diberikan oleh Datuk Abdul Karim Munisar kepada Sekretariat Penganjuran 100 Hari Pakatan Rakyat dalam tahun 2008. Tuduhan-tuduhan terhadap beliau ialah seksyen 471 Kanun Keseksaan berkaitan dengan Tuan Haji Yahya Shari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kes...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sudah selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah selesai Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Semua sudah selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Appeal* semua habis.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Semua selesai sekarang dia dalam penjara. Tuan Haji Yahya Shari dituduh menggunakan satu dokumen resolusi pembukaan *aircond* yang diketahui palsu untuk membuka akaun parti di Maybank Sunway. Kedua Seksyen 420 Kanun Keseksaan di mana Tuan Haji Yahya Shari dituduh memperdayakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kes bukan di Mahkamah Agung?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tidak ada tidak ada, mahkamah terakhir adalah Mahkamah Rayuan. Memperdayakan, Tuan Yang di-Pertua kacaulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, cuma kepastian Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Boleh, boleh, boleh. Saya akan memastikan sebelum saya membawa hujah-hujah sebegini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua boleh mempercayakan saya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat pun bagi tahu dengan saya ini.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Boleh, boleh dia boleh tambah nanti. So kita ada dua seksyen 471 dan seksyen 420. Seksyen 420 adalah berkaitan dengan mengatakan bahawa Tuan Haji Yahya Shari dituduh memperdayakan Datuk Karim Munisar untuk menyerahkan RM50,000 kepada akaun parti. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi fakta bagaimana setiap kali rayuan telah dilakukan untuk kes ini.

Saya mula dengan Seksyen 471. Di Mahkamah Sesyen, Tuan Haji Yahya Shari ini dibebaskan tanpa perlu dipanggil untuk membela diri dalam kata lain *no prima facie case* tetapi Peguam Negara merayu. Di Mahkamah Tinggi pula untuk seksyen 471 Tuan Haji Yahya Shari diperintah untuk membela diri di Mahkamah Seksyen bermaksud kes ini dihantar balik, dipulang balik ke Mahkamah Sesyen. So, apabila pulang balik kepada Mahkamah Sesyen semasa kes dengar semula dan setelah Tuan Haji Yahya Shari ini membela diri Mahkamah Sesyen sekali lagi memutuskan bahawa Tuan Haji Yahya Shari tidak bersalah tetapi Peguam Negara merayu lagi.

Di Mahkamah Tinggi pula sekali lagi kes rayuan pendakwa raya ditolak. Bermaksud Tuan Haji Yahya Shari bebas tetapi sayang seribu kali sayang Peguam Negara merayu sekali lagi ke Mahkamah Rayuan. Bermaksud ada tiga kali rayuan telah dilakukan. Berbanding, saya masuk ke seksyen 420 dahulu nanti saya akan sambung balik dengan Seksyen 471.

Untuk seksyen 420 di Mahkamah Sesyen Tuan Haji Yahya Shari telah membela diri dan telah dibebaskan tetapi seperti biasa Peguam Negara merayu. Di Mahkamah Tinggi Tuan Haji Yahya Shari diputuskan bersalah kerana memperdayakan penderma dan menjatuhkan hukuman dua tahun penjara dan dua kali sebatan. Ini pula Tuan Haji Yahya sendiri merayu ke Mahkamah Rayuan.

Kini terdapat dua kes rayuan di Mahkamah Rayuan. Keputusan terakhir untuk kedua-dua kes ini adalah untuk kes 471 dokumen palsu Tuan Haji Yahya Shari dibebaskan. Manakala untuk kes 420 Tuan Haji Yahya Shari didapati telah memperdayakan penderma tadi untuk menyerahkan RM50,000.

Tuan Yang di-Pertua terdapat perbezaan ketara di antara kes derma RM50,000 Tuan Haji Yahya Shari dengan kes RM2.6 bilion Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apakah perbezaan-perbezaan unik di antara kedua-dua kes ini?

- (i) derma RM50,000 Tuan Haji Yahya Shari penderma dikenal pasti dan telah memberi keterangan dalam mahkamah bahawa beliau menderma dengan rela hati. Manakala dalam kes RM2.6 bilion sehingga hari ini kita tidak pasti siapakah pendermanya;
- (ii) dalam kes Tuan Haji Yahya Shari derma RM50,000 dimasukkan ke dalam akaun parti, Parti Keadilan Rakyat. Manakala RM2.6 bilion dimasukkan ke dalam akaun peribadi;
- (iii) derma RM50,000 Tuan Haji Yahya Shari. Tujuan derma dikenal pasti dan dibelanjakan bagi tujuan tersebut manakala RM2.6 bilion setakat hari ini tujuan derma tersebut dan bagaimana ia dibelanjakan samar-samar dan belum dikenal pasti; dan
- (iv) derma RM50,000 Tuan Haji Yahya Shari satu sen pun dari derma itu tidak dibelanjakan oleh Tuan Haji Yahya Shari secara peribadi. Manakala RM2.6 bilion setakat hari ini adakah derma tersebut digunakan secara peribadi masih samar-samar dan belum dikenal pasti.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk mengulangi hujah-hujah peguam bela Manjeet Singh Dhillon yang mengutarakan bahawa betapa ironinya. Di mana seorang pemimpin politik menerima duit daripada sumber yang tidak didedahkan ke dalam akaun peribadi secara rahsia. Sebahagian telah digunakan untuk tujuan yang tidak jelas, tidak pernah diaudit dan akhirnya sebahagian dipulangkan secara mencurigakan. Peguam Negara memutuskan tiada kesalahan yang dilakukan.

Sedangkan di pihak satu lagi sumbernya diketahui masuk ke dalam akaun parti, penerimaan dimaklumkan dalam mesyuarat. Belum sempat digunakan walau sesen pun dan diaudit oleh juruaudit bertauliah dan setiap sen masih ada dalam akaun. Peguam Negara memutuskan untuk merayu setiap kali keputusan apabila Tuan Haji Yahya Shari dibebaskan. Saya mewakili majoriti rakyat Malaysia menuntut Kerajaan Barisan Nasional menjelaskan:

- (i) kenapa Peguam Negara mempunyai kecenderungan dan pendekatan yang berbeza terhadap kedua-dua kes RM50,000 dan RM2.6 bilion yang melibatkan derma;

■1640

- (ii) mengapa dalam kes RM50,000 AG bertindak secara agresif untuk merayu setiap kali, manakala dalam kes RM2.6 bilion pula AG bertindak secara defensif?
- (iii) RM2.6 bilion merupakan 52 ribu kali ganda lebih besar kesalahannya daripada RM50,000 dan mengapa tindakan AG tidak seragam dengan jumlah wang yang terlibat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya celah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa dah habis Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Boleh saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua, ini saya terpaksa sebut, setiap kali saya bawa isu ini saya minta beberapa minit tanpa gangguan. Ini adalah isu kesihatan yang melanda ayahanda Datuk Seri Anwar Ibrahim yang kini semakin teruk dan amat membimbangkan. Beliau dinafikan akses kepada rawatan yang amat diperlukan. Kezaliman yang dikenakan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim berterusan. Datuk Seri Anwar Ibrahim memerlukan penilaian dan rawatan lebih lanjut berkaitan beberapa isu kesihatan, termasuk tekanan darah yang tidak menentu, ketumbuhan 4 sentimeter di buah pinggang yang memerlukan *CT scan*, gastritis yang memerlukan diet tanpa gluten dan otot bahu yang koyak serta artritis kronik yang memerlukan fisioterapi intensif.

Dr. Ng Yu Men dari UMMC sebenarnya telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Oktober 2015. Manakala Dr. Chan Kin Yuen dari Gleneagles Kuala Lumpur memberikan pendapat beliau berdasarkan kepada *scan* dan dokumen perubatan yang diberikan kepada beliau walaupun beliau tidak memeriksa Datuk Seri Anwar Ibrahim secara fizikal. Kedua-dua doktor pakar ini mengatakan bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim memerlukan dua hingga tiga kali fisioterapi dalam masa seminggu secara intensif. Akan tetapi rata-ratanya *Deputy DG of Health*, Dato' Jahendran Sinnadurai yang merupakan ketua doktor *panelist* kepada kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan fisioterapi ini dilakukan secara intensif.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya telah berbahas di dalam Dewan yang mulia ini untuk menukar Dato' Jahendran daripada *panelist* yang menjaga kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Timbalan Perdana Menteri bersetuju dan mengatakan bahawa sekiranya ada permintaan daripada keluarga dan pesakit sendiri, ia boleh diselaraskan. Menteri Kesihatan pula pada sesi yang lama, apabila saya menanyakan soalan ini, beliau duduk tanpa menjawab soalan saya.

Jadi, persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan Persekutuan gelisah dan takut untuk menukar Dato' Jahendran? Mengapa permintaan seorang pesakit dan keluarga pesakit tidak diberi keutamaan? Adakah wujud tangan-tangan ajaib di sebalik Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan untuk meneruskan khidmat Dr. Jahendran? Saya menuntut penjelasan daripada kedua-dua kementerian untuk menerangkan mengapa Dr. Jahendran tidak boleh diganti dengan doktor pakar yang dipercayai oleh pesakit dan keluarga pesakit?

Tuan Yang di-Pertua, saya akan rumuskan wacana saya dengan menekankan bahawa hanya ada seorang insan yang boleh menyelamatkan Malaysia daripada segala kepincangan, kemelutan, konspirasi, skandal dan penderitaan yang sedang dialami... *[Tepuk]* Tanpa ragu, insan yang boleh menyelamatkan Malaysia adalah Datuk Seri Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim merupakan simbol, lambang dan model pemimpin yang berwawasan, mempunyai keberanian untuk sanggup mengambil risiko, termasuk mengorbankan kebebasan jasadnya demi memperjuangkan dan membela hak rakyat, menegakkan keadilan dan menentang kezaliman dan kekejaman pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kemerdekaan dari tahun 1957, Perdana Menteri kita ialah seorang daripada bangsa Melayu. Hakikatnya kami masyarakat India, Cina dan etnik-etnik lain menghargai dan menyanjung Perlembagaan Persekutuan dan menerima seorang Melayu sebagai Perdana Menteri. Dalam PRU Ke-14 yang akan datang juga, tiada Cina atau India yang bermimpi untuk menjadi Perdana Menteri.

Akan tetapi negara memerlukan dan mendahagakan seorang Perdana Menteri Melayu yang mempunyai kredibiliti, karisma, komited, memerintah berlandaskan panduan agama dan meluhurkan prinsip perjuangan reformasi, menegakkan keadilan dan kebenaran, menghormati Perlembagaan Persekutuan, menyanjung kedaulatan undang-undang dan menyelami kebajikan dan kehidupan rakyat. Seorang Melayu yang mempunyai martabat, maruah dan integriti untuk memimpin dan Melayu yang saya nampak ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim... *[Tepuk]*

Salam reformasi, *nandiri, vanakkam, thank you.*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Fuh, dahsyat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bangun-bangun, ya Yang Berhormat Sepanggar.

4.45 ptg.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya. Petang ini kurang sihat, *slow* sikit.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas ruang dan peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Hari ini saya mengambil kesempatan untuk membahaskan agar suara rakyat Sepanggar dapat disampaikan dalam Dewan yang mulia ini.

Sesungguhnya Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong memperlihatkan kepada kita betapa kasih sayangnya Baginda kepada rakyat dengan menyentuh pelbagai aspek yang meliputi sosial, ekonomi, politik dan kerajaan. Sebagai rakyat yang mendaulatkan kedudukan Baginda, saya mendukung penuh titah yang disampaikan. Sesungguhnya Baginda amat bimbang dengan perkembangan politik negara mutakhir ini yang dilihat sudah melampaui batas dan norma-norma politik negara. Buktinya Ketua Kerajaan difitnah, diserang, diaibkan malah dimomok-momokkan seolah-olah setiap pelan perancangan kerajaan salah dan membebankan rakyat.

Realitinya tahap ekonomi negara terus berkembang kukuh pada kadar 4 peratus hingga 5 peratus walaupun berlaku kelembapan ekonomi dunia. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain, prestasi perkembangan ekonomi negara jauh lebih memberangsangkan. Kejatuhan harga komoditi seperti minyak, getah, minyak sawit bukanlah disebabkan oleh Kerajaan Barisan Nasional ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi ia lebih daripada disebabkan oleh isu fenomena global.

Alhamdulillah dalam sesi yang lepas, Yang Amat Berhormat Pekan menjawab soalan yang diberikan dengan memaklumkan bahawa kedudukan Ringgit Malaysia semakin kukuh dan harga minyak kini mengimbang kepada USD41 *per barrel*. Selain itu, prestasi Pelan Transformasi Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan kini berjaya melonjakkan angka penarafan dan mencapai sasaran, malahan berada di landasan yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, mutakhir ini negara dikejutkan oleh tindakan mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengetuai kumpulan Deklarasi Rakyat yang bermotifkan untuk menjatuhkan Perdana Menteri. Saya percaya Yang Amat Berhormat Tun yang pernah menerajui kerajaan selama 22 tahun faham tentang prosedur serta peraturan sekiranya ingin menukar Perdana Menteri. Salurannya ialah harus melalui parti yang mendapat suara majoriti di dalam Parlimen. Kedudukan Ketua Negara tidak wajar dibawa dan diadili melalui *street justice*, dengan izin, seperti demonstrasi Bersih atau gerakan reformasi tajaan pembangkang.

Ini kerana Kerajaan Barisan Nasional ditubuhkan dan dipilih oleh majoriti rakyat melalui pilihan raya. Pada pendapat saya, sekiranya marah kepada kerajaan dan tidak berpuas hati dengan kerajaan, maka bolehlah mereka bekerja keras untuk menggantikan kerajaan dalam pilihan raya yang akan datang. Masa itu tunjukkanlah kekuatan dan buktikan kemampuan untuk menang majoriti dalam pilihan raya yang akan datang.

Suka saya menyatakan di sini, sehingga saat ini, sehingga saat saya berhujah ini, kedudukan Yang Amat Berhormat Pekan di dalam parti keramat UMNO masih amat kukuh, kuat, malahan bertambah padu dengan tindakan yang dibuat oleh Tun Dr. Mahathir. Justeru itu, Deklarasi Rakyat hanyalah gonjang-ganjing politik, *'ibarat parang kurang sepuhnya'*, tumpul kata orang Sabah. Sedangkan Dato' Sri Najib kini kebal dan tak lut senjata, dijaga, disayangi, disenangi oleh majoriti rakyat, *the silent majority*. Bagi saya slogan 'Selamatkan Malaysia' sebenarnya hanyalah bentuk cetusan perasaan yang kecewa selain bertujuan mengalihkan pandangan rakyat serta menutup kegagalan memfitnah dalam isu 1MDB dan RM2.6 bilion.

■1650

Oleh hal yang demikian, saya mewakili rakyat Sepanggar mendukung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar gimik-gimik politik yang mengelirukan rakyat ini dihentikan serta-merta kerana kecenderungan rakyat kini lebih memikirkan permasalahan seperti kos sara hidup yang tinggi dan semakin melambung sedangkan jumlah pendapatan masih tidak bertambah.

Menurut Penolong Pengarah SPRM, Datuk Mustafa, kos sara hidup tinggi adalah antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya kes rasuah. Mesti pun begitu, saya bersetuju dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kerajaan perlu menangani masalah kos sara hidup rakyat yang tinggi dan membebankan. Saya amat bimbang dengan rakyat Sepanggar yang amnya yang hidup dalam kawasan bandar di mana segala-galanya memerlukan wang. Harga getah turun, pasaran hasil pertanian merudum, pendapatan penjaja dan peniaga pasar malam berkurangan disebabkan kuasa membeli rakyat sudah hilang. Apa yang menghairankan, harga air mineral lebih mahal berbanding harga minyak pada hari ini namun harga barang tetap tidak turun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Shah Alam, sekejap ya saya habiskan yang ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Saya akan bagi. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan kawasan. Justeru, saya ingin mengangkat permasalahan rakyat Sepanggar ke dalam Dewan yang mulia ini untuk mendapat perhatian dan tindakan daripada kerajaan. Saya ingin mengingatkan diri saya dan kerajaan bahawa kita hanya mempunyai lebih kurang 26 bulan sahaja untuk mengotakan segala janji kepada rakyat sebelum kita dihakimi pada PRU Ke-14 kelak.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Kerajaan Barisan Nasional yang telah merealisasikan impian rakyat Sepanggar dengan membina jalan luar bandar seperti Jalan Kokol Poring-Poring sepanjang 28 kilometer, Jalan Balang Baru, Jalan Pulutan Kolungsi dan Jalan UMS-Timbago dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya ingin memohon agar pembinaan jalan-jalan berikut dapat disegerakan dan dilaksanakan pada tahun ini iaitu Jalan Telungan-Natai Tengkulan, Jalan Pulutan Nusiang, Jalan Kemalang Babagon Toki serta Jalan Timbago-UMS Sambungan.

Dalam hal ini, pihak JKR Sabah telah pun menyiapkan laporan dan telah pun diangkat kepada Kementerian Luar Bandar dan EPU manakala saya juga sering mengemukakan tentang masalah bekalan air bersih dalam Dewan ini. Saya telah dimaklumkan oleh Jabatan Air Negeri Sabah bahawa Kerajaan Pusat akan melaksanakan Projek Bekalan Air Luar Bandar bagi kawasan Kokol Poring-Poring.

Jika maklumat yang diperoleh ini benar, saya ucapkan jutaan terima kasih kerana isu ini saya sudah bangkitkan beberapa kali. Sepanjang musim kemarau ini, Tuan Yang di-Pertua, atas permintaan rakyat Sepanggar, saya telah membekalkan air bersih kepada penduduk kampung kerana sumber air graviti mulai kering dan sekali lagi saya mohon perkara ini dapat disegerakan.

Selain daripada itu, satu lagi masalah yang sering berlaku di Sepanggar ialah banjir kilat. Justeru, saya mengulangi permintaan saya melalui Dewan ini supaya disegerakan projek tebatan banjir limbungan Menggatal iaitu melibatkan dua sungai. Sungai Mensiang dan Sungai Rampaian yang dianggarkan menelan belanja sebanyak RM50 juta.

Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai peminjam TEKUN. Saya juga ingin membangkitkan satu isu yang sangat menyentuh perasaan rakyat Sabah khususnya di Parlimen Sepanggar mengenai pinjaman TEKUN. Kerajaan hendaklah berlaku adil kepada peminjam TEKUN Sepanggar yang menjadi mangsa kebakaran sejak dua tahun dahulu dan sehingga pada hari ini masih membayar hutang mereka. Saya teringat ketika saya menjadi Timbalan Pengerusi TEKUN dahulu.

Tahun 2012, berlaku banjir di Kedah dan Perlis. Apa yang berlaku, TEKUN *write-off* semua hutang yang ada yang dipinjam oleh rakyat Perlis dan rakyat negeri Kedah. Itu banjir, Tuan Yang di-Pertua. Ini kebakaran. Kalau banjir, rumah masih ada. Kalau kebakaran ini, semua harta hilang tetapi peminjam-peminjam TEKUN di Sepanggar masih lagi diminta untuk membayar.

Jadi saya mohon kementerian berkenaan untuk mengkaji khususnya Kementerian Kewangan dan *write-off* hutang-hutang mangsa kebakaran tersebut. Saya ingin memaklumkan di sini bahawa seramai 129 orang peminjam TEKUN Sepanggar yang terlibat dalam kebakaran masih terus membayar hutang mereka sedangkan mereka tidak mempunyai rumah dan tinggal seperti rumah-rumah reban ayam sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga mendapat maklum bahawa kontraktor-kontraktor yang kini sedang bekerja di Petronas Kimanis, 90 peratus datang daripada kontraktor bukan Sabah. Begitu juga subkontraktor-subkontraktor dan juga *supplier-supplier*nya sama ada kecil ataupun besar, semuanya datang daripada Semenanjung. Kontraktor-kontraktor bumiputera minta saya sampaikan supaya kerja-kerja subkontraktor itu berikanlah kepada syarikat-syarikat tempatan kerana mereka juga ingin terlibat sama untuk membangunkan industri petroleum di negeri Sabah. Kalau mereka tidak diberi kesempatan, tidak diberi peluang, bila agaknya rakyat Sabah ini mendapat pengalaman kerana pengalaman itu penting. Maka berikanlah peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan.

Seterusnya Kerajaan Pusat melalui LKIM pada RMKe-10 telah melaksanakan Program Membaiki Rumah sebanyak RM12,000 untuk sebuah rumah nelayan. Saya mohon dalam keadaan harga getah yang turun ini supaya pihak kementerian juga menimbang untuk membaiki rumah pekebun-pekebun kecil peladang terutama sekali di kawasan DUN Inanam yang kini tertekan akibat harga getah yang menurun tetapi rumah mereka tidak dapat bantuan apa-apa pun.

Ini mengenai generasi muda pula. Tuan Yang di-Pertua, saya terpanggil bersuara bagi pihak generasi muda yang menzahirkan kebimbangan mereka khususnya graduan yang menganggur. Generasi muda minta saya sampaikan isu pesara-pesara kerajaan yang menjadi pengerusi-pengerusi GLC. Ada yang sudah berpuluh-puluh tahun. Contohnya PNB dan TNB. Apa yang berlaku, ia merebak juga kepada pegawai-pegawai kerajaan seperti mana yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang sebelum ini iaitu mereka yang bersara ini dilanjutkan sehingga umur 62 tahun.

Ini menjadi satu fenomena baru kerana mereka yang menunggu giliran untuk naik pangkat tidak dapat dan tidak berpeluang sehinggalah mereka pencen di jawatan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, bilakah pegawai-pegawai muda ini dapat menggantikan, dapat pengalaman dan dapat kenaikan pangkat sekiranya ini satu budaya yang terus menerus diamalkan dalam negara kita.

Justeru, saya berpendapat cukup-cukuplah terutama sekali yang sudah berpuluh tahun menjadi *Chairman* PNB, TNB ini, mereka 20, 30 tahun dalam kerajaan. Apabila pencen, diserapkan pula kepada GLC. Kita menghargai tenaga fikiran dan kewibawaan mereka tetapi kalau kita tidak memberi peluang kepada generasi muda, bila lagi generasi muda dapat membuktikan keupayaan mereka.

Akhir sekali saya juga ingin membangkitkan masalah penjawat awam dari negeri Sabah yang bertukar di Semenanjung tetapi tidak mendapat elaun yang sama atau setimpal dengan apa yang diperoleh pegawai-pegawai Semenanjung dari sini ke negeri Sabah khususnya kakitangan Federal dan guru-guru. Mereka ingin saya sampaikan perkara ini sekali lagi. Saya ulang dalam Dewan ini.

Saya juga telah mendapat satu maklumat mengenai kes guru dari Sabah yang ditempatkan di SRJK Cina walhal beliau tidak pandai berbahasa Cina tetapi diminta mengajar dalam bahasa Inggeris di sekolah Cina. Jadi saya fikir ini satu praktis yang tidak praktikal dan saya minta supaya kementerian mengkaji perkara ini.

■1700

Seperkara lagi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai status perjawatan Pembantu Guru N17 di negeri Sabah.

Adakah pihak kementerian berhajat untuk meneruskan perjawatan PSH di negeri Sabah kerana ia dilihat mampu meringankan kerja-kerja guru dan mampu memberikan lebih fokus kepada pembelajaran di bilik darjah. Yang Berhormat Shah Alam masih bangun?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam di belakang, Yang Berhormat [*Ketawa*] Dijemput untuk mencelah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Fasal dia sudah janji. Saya tertarik dengan ucapan tadi yang menyebut fasal masalah air bersih dan bagaimana masalah air bersih ini tidak selesai sehingga ke hari ini setelah kita mencapai kemerdekaan sekian lama sehingga Ahli Parlimen terpaksa bekalkan air mineral. Pada masa yang sama saya mendengar juga tentang rungutan kenaikan harga barang.

Saya hairan sebenarnya dengan sikap Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Sebelum ini saya dengar Ahli Parlimen Lipis yang bangga dengan jumlah kereta, nombor kereta yang sebanyak 20,000 lalu apa sebenarnya mesej Barisan Nasional ini. Ekonominya baikkah, tidak baik kah, ada masalah kah, tidak ada masalah kah. Sekejap kata ada masalah, sekejap kata tidak ada masalah lalu saya pun tidak tahu bagi pandangan Yang Berhormat Sepanggar, tidakkah wajar adakah ia wajar setelah hampir 60 hampir 60 tahun mencapai kemerdekaan masalah yang *basic* seperti air pun tidak dapat diselesaikan.

Adakah ia satu perkara yang wajar apabila kita menimbulkan bantahan dan kritikan dan kita gerakkan rakyat untuk menuntut perubahan oleh sebab kegagalan Barisan Nasional. Tiba-tiba dikatakan satu sandiwara politik sedangkan kegagalan itu jelas dan nyata. Saya bagi pihak warga Shah Alam yang memilih saya dan menghantar saya ke sini yang mana air bersih Shah Alam, *alhamdulillah* selesai. Soal penebatan banjir pun *alhamdulillah*, Shah Alam hampir selesai. Hospital pun sudah selesai walaupun makan masa lapan tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya. Saya hendak menyerulah Yang Berhormat Sepanggar. Kerahkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional daripada Sabah itu. Beranikan diri sertai Deklarasi Rakyat selamatkan Malaysia... [*Tepuk*] Janganlah lepas 60 tahun masih lagi datang tiap-tiap tahun, datang ke Parlimen dok air, air, air, banjir, banjir, banjir. Jalan, jalan, jalan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepanggar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Jalan, jalan, jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah itu Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sampai bila ini Yang Berhormat Sepanggar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih, saya mahu *response*.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong pun bangun, Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepanggar, jangan bimbanglah dengan apa Yang Berhormat Shah Alam sebut. Sebab hospital yang disebut itulah Kerajaan Barisan Nasional buat bukan Pakatan Rakyat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Lapan tahun, lapan tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *[Ketawa]* Yang Berhormat Shah Alam tidak boleh begitu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Nanti sekejap, dia hanya boleh dan mampu menjerit sahaja, yang buatnya Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bab banjirnya- duduklah Yang Berhormat Shah Alam sekejap.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita boleh buat dengan lebih murah dan lebih cepat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Duduk, duduk, duduklah dahulu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Memanglah kerajaan sahaja yang boleh buat. Apa punya hujah ini Yang Berhormat Lenggong? Kita mempertikaikan kemampuan, keberkesanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *floor* Yang Berhormat Sepanggar sekarang ini, Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Duduk. Duduk. Ini *floor* sayalah. Sekarang duduk.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, saya tahu tetapi saya hendak masuk juga.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tidak ada, tidak faham. Tidak faham undang-undang. Jadi Yang Berhormat Sepanggar jangan bimbang semua perkara yang disebut tadi adalah usaha Kerajaan Barisan Nasional sebab itu deklarasi yang dibuat itu sebenarnya omong kosong sahaja. Soal pembangunan ini sebab rekod yang boleh dan nampak sejak dahulu dia bercakap sahaja, buat tidak ada. Yang buat dan laksana Barisan Nasional. So, rakyat jangan terpengaruh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sepanggar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Hanya satu kerajaan memanglah kerajaan sahaja yang boleh buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Sepanggar janganlah ikut logik yang ditunjukkan, tidak logik.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, masukkan ucapan Yang Berhormat Lenggong itu sebahagian daripada ucapan saya dan sebagai *response* kepada Yang Berhormat Shah Alam...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Masukkan ucapan tidak logik ini apalah *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: ...Tidak dibina dalam masa satu hari. Begitu juga masalah-masalah di negeri Sabah khususnya di kawasan Sepanggar. Soal air ini untuk makluman Dewan yang mulia ini kawasan yang saya maksudkan ini ialah kawasan DUN Inanam di mana kawasannya berbukit tinggi dan sebelum ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Wakil rakyat dari mana Yang Berhormat. Yang Berhormat, wakil rakyat dari parti mana Inanam itu.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Sebelum ini pembangkang. Sekarang pun wakil rakyat dia PKR. Jadi saya ingin menjelaskan di sini bahawa sebelum...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi di Shah Alam bukit pun dapat air sahaja. Dia soal bukitkah, tidak ada bukitkah itu bukan alasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini sudah 60 tahun merdeka Yang Berhormat Sepanggar. Cukuplah.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Dengar penjelasan saya dahulu, okey.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]* Bukit Mertajam pun ada air. *[Ketawa]*

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Pada masa dahulu kawasan hutan masih lagi belum diterokai, maka air semula jadi itu sumbernya begitu banyak tetapi apabila kawasan sekarang pesat membangun, ada sekolah, ada jalan raya, ada bekalan elektrik jadi orang kampung terfikir mereka mahukan bekalan air bersih pula pada masa ini. Sebelum ini wakil rakyat pembangkang tidak menyuarakannya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Oh, selama ini tidak ada air bersih pun tidak apa, air kotor pun tidak apa. Inilah masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, cukuplah Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Sebelum ini minum air terawat jugalah di bawah bekalan Jabatan Air...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, selepas ini jangan jemput Yang Berhormat Shah Alam untuk mencelah, Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sudah habis masa, Yang Berhormat.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pun *respond* kepada Yang Berhormat Shah Alam dan dengan ini saya menyokong ucapan Titah Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lanang.

5.07 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada Yang Berhormat Lanang untuk turut serta membahas ucapan Titah Diraja. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu pun dalam Dewan, Yang Berhormat.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: *[Ketawa]* ...Saya banyak menerima aduan bahawa ibu tunggal serta bapa tunggal yang sepatutnya menerima bayaran BR1M RM1,000 atau RM800, namun amaun yang diluluskan hanyalah RM400 sahaja iaitu dari kategori isi rumah mereka ditukar kepada kategori individu bersamaan kategori bujang. Saya difahamkan bahawa alasan yang diberi oleh kerajaan untuk membayar sebahagian daripada amaun yang telah dijanjikan adalah ibu tunggal atau bapa tunggal ini tidak mengemukakan sijil kematian atau perceraian pada Disember 2015.

Saya ingin mempertikaikan polisi baru kerajaan yang sentiasa bertukar bahawa dalam proses verifikasi, bukankah data JPN dapat mengesan status perkahwinan mana-mana warganegara sama ada mereka ini bujang atau sudah berkahwin atau berstatus janda, balu atau duda. Jika ya, mengapa masih perlu Sijil Kematian atau Sijil Perceraian daripada pemohon. Jika tidak, mengapa pula. Sebenarnya ramai ibu tunggal serta bapa tunggal telah diberi kelulusan kelayakan menerima bayaran BR1M selama tiga atau empat tahun berturut-turut. Jadi mengapa kerajaan masih perlu menetapkan syarat ini yang jelas menyusahkan golongan ini.

Apabila permohonan atau kemas kini dibuat secara *online*, tiada ada apa-apa *pop-up window* atau notis perhatian yang keluar sebagai peringatan agar pemohon kemukakan Sijil Kematian atau perceraian. Akan tetapi apabila pemohon mengisi borang BR1M *online*, *pop-up window* akan muncul untuk memperingati pemohon untuk lampirkan bersamaan salinan sijil kelahiran apabila mengisi bahagian tanggungan. Tambahan pula dimaklumkan tiada pun mana-mana pejabat kerajaan yang minta Sijil Kematian atau perceraian apabila pemohon sendiri menghantar borang ke pejabat LHDN.

Ada juga kes sesetengah pemohon yang telah pun mengemukakan Sijil Kematian atau Sijil Perceraian pada tahun 2014 ataupun sebelum ini tetapi mereka mahu kemukakan tahun ini. Adakah ini membuktikan bahawa kerajaan tidak pandai mengurus maklumat pemohon dengan baik? Dengan menggunakan sistem yang leceh sebegini, yang susah adalah rakyat yang perlu menghantar dokumen semula tahun demi tahun. Bukan rakyat sahaja malah pegawai agensi-agensi kerajaan juga yang terpaksa mengembalikan rayuan BR1M ini.

Saya ingin tanya adakah ini juga bermakna permohonan sebelum ini diuruskan secara tidak serius dan tidak cekap memandangkan sudah beberapa tahun rakyat telah menerima BR1M tetapi tidak lulus untuk tahun ini atau adakah ini berlaku kerana kerajaan ingin mengurangkan pemberian BR1M yang mungkin membebankan kerajaan disebabkan ekonomi yang tidak baik baru-baru ini.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Kewangan memperoleh maklumat daripada eKasih dan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberi bantuan BR1M kepada mereka yang layak secara automatik tanpa menyusahkan mereka untuk beratur panjang memohon BR1M di Pejabat LHDN terutama sekali yang terpaksa berulang-alik dari kawasan pedalaman. Adakah ini adil bagi golongan warga emas dan golongan yang sudah pun sarat dengan kehidupan yang begitu susah?

Tuan Yang di-Pertua, ramai anak muda Sarawak bekerja dalam bidang minyak dan gas terutamanya anak muda Dayak. Akibat kejatuhan harga minyak, kami menjangkakan ramai akan dibuang kerja daripada sektor minyak dan gas. Malah, ramai daripada kalangan mereka sudah pun diberhentikan kerja. Sama juga halnya di dalam sektor kewangan di mana kita turut menjangkakan ramai akan dibuang kerja ekoran kejatuhan ekonomi. Mereka semua mempunyai tanggungjawab kewangan untuk membayar pinjaman rumah dan kenderaan.

Apakah rancangan kerajaan untuk membantu mereka yang dibuang kerja daripada segenap sektor di Sarawak? Adakah kerajaan hanya akan membiarkan mereka membela nasib masing-masing dan membiarkan kenderaan mereka ditarik dan rumah mereka dilelong?

Saya mencadangkan supaya kerajaan mengarahkan sektor perbankan supaya mengambil langkah-langkah yang perlu terutama dengan berhenti mengenakan faedah ke atas pinjaman yang diberikan kepada mereka yang telah diberhentikan kerja serta mengurangkan jumlah pembayaran bulanan. Saya juga mencadangkan supaya suatu dana khas dapat diperuntukkan untuk tujuan latihan semula dan bantuan bagi menolong pekerja-pekerja yang dibuang untuk mendapatkan pekerjaan baru.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1963 ketika Sarawak bersetuju untuk bersekutu membentuk Malaysia, telah menjadi wawasan para pendahulu supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang adil dan semua orang setara. Sarawak adalah rakan kongsi setara antara tiga wilayah yang membentuk Malaysia iaitu *an equal partner*. Selepas 53 tahun, Sarawak kini dianggap sebagai salah satu daripada 13 negeri di Malaysia.

Malah Perlembagaan Persekutuan telah dipinda bagi mengurangkan status Sarawak daripada salah satu daripada tiga wilayah yang membentuk Malaysia menjadi hanya salah satu daripada 13 negeri yang membentuk Malaysia. Tahap pembangunan infrastruktur di Sarawak pun terkebelakang, sekurang-kurangnya 20 tahun berbanding Semenanjung Malaysia.

Berbanding menjadi rakan kongsi setara dengan Semenanjung Malaysia, Sarawak kini menjadi sebuah jajahan Putrajaya. Dengan layanan yang sangat tidak adil terhadap Sarawak dan melihatkan keadaan Semenanjung yang menyedihkan di mana Perdana Menteri terlibat dalam skandal demi skandal, nilai Ringgit yang menjunam dan pengenalan cukai GST, ketegangan kaum yang semakin memuncak, dasar pendidikan yang sentiasa berubah dan keadaan negara yang tidak mempunyai hala tuju, kini terdapat desakan daripada rakyat Sarawak supaya autonomi dikembalikan kepada Sarawak dalam beberapa perkara. Kami mahu menguruskan hal ehwal kami sendiri.

Pada bulan Januari tahun ini, Ketua Menteri Sarawak telah bertemu dengan Perdana Menteri dan mendakwa beliau telah berjaya mendapatkan penundaan kuasa autonomi kepada negeri dalam 13 perkara. Namun setelah diteliti, kuasa dalam 13 perkara ini hanyalah kuasa-kuasa pentadbiran dan bukanlah autonomi yang dituntut oleh rakyat Sarawak. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sibuti pada minggu lepas adalah autonomi pentadbiran dan Yang Berhormat Sibuti nampaknya sudah cukup gembira dengan autonomi ini. Terdapat perbezaan yang sangat besar antara autonomi dan autonomi pentadbiran.

Bagi autonomi sebenar, kerajaan negeri sepatutnya mempunyai dana dan kuasa untuk merancang dasar-dasarnya sendiri manakala bagi autonomi pentadbiran, dasar masih ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan yang mengawal kewangan dan kerajaan negeri hanya berkuasa menentukan bagaimana untuk melaksanakan dasar-dasar yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Saya ingin menegaskan, kami rakyat Sarawak mahukan autonomi dalam erti kata yang sebenar, bukan autonomi pentadbiran. Untuk autonomi sebenar, kerajaan negeri mestilah terlebih dahulu mempunyai kuasa untuk mengutip hasil cukai. Justeru, pihak DAP telah mencadangkan perkara-perkara berikut, pertama, kembalikan kepada Kerajaan Negeri Sarawak:

- (i) sebanyak 20 peratus royalti minyak dan gas sebagai pampasan sebagai ganti hak minyak dan gas; dan
- (ii) 50 peratus daripada semua hasil cukai termasuk cukai pendapatan dan GST yang dihasilkan dan dikutip di Sarawak.

Kedua, menyemak semula Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan bagi menurunkan kuasa-kuasa berkaitan pendidikan, kesihatan dan keselamatan dalam negeri kepada Sarawak. Khususnya dalam hal pendidikan, kami mahu hak untuk merangka sendiri sukatan pelajaran serta mengembalikan sekolah-sekolah mubaligh dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar supaya ibu bapa mempunyai pilihan sama ada untuk menghantar anak mereka ke sekolah dengan medium bahasa Malaysia, English ataupun Cina. Harus ditekankan juga bahawa tanpa hak untuk mengutip cukai tidak boleh wujud sebarang autonomi bagi negeri Sarawak. Paling kuat pun hanyalah ilusi autonomi dan itulah yang didapatkan oleh Ketua Menteri Sarawak daripada Perdana Menteri pada Januari 2016.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada bulan Mei 2014 DUN Sarawak telah meluluskan usul yang memberi mandat kepada kerajaan negeri untuk menuntut kenaikan royalti minyak Sarawak sebagai ganti hak minyak dan gas daripada 5 peratus kepada 20 peratus. Usul ini menerima sokongan sebulat suara daripada kedua-dua pihak dalam DUN.

Malangnya, selepas 22 bulan masih tidak ada apa-apa hasil. Malah kerajaan negeri nampaknya sedang mengundur daripada tuntutan tersebut dan tidak mendapat sebarang kemajuan. Apa yang dahulunya merupakan keutamaan dalam agenda Ketua Menteri Sarawak, kini telah menjadi perkara akhir dalam senarai tuntutan. Ini hanya menunjukkan bahawa Kerajaan BN tidak mempunyai kerelaan untuk menunaikan tuntutan 20 peratus royalti minyak untuk Sarawak.

Ketua Menteri Sarawak kini menggunakan alasan kejatuhan harga minyak dunia bagi menyembunyikan kegagalannya mendapat royalti minyak 20 peratus untuk negeri Sarawak. Semua orang tahu bahawa inilah masa terbaik untuk Sarawak mendapatkan royalti 20 peratus kerana:

- (i) memandangkan harga minyak rendah, jumlah yang terlibat dalam peningkatan daripada kadar 5 peratus kepada 20 peratus tidaklah sebanyak yang perlu dibayar jika harga minyak berada pada kadar USD100;

- (ii) Kerajaan Persekutuan baru sahaja mendapat durian runtuh ekoran pelaksanaan GST pada tahun 2015;
- (iii) bilangan Ahli Parlimen Barisan Nasional 25 orang memegang kunci Kerajaan Persekutuan. Ini adalah apa yang dipanggil posisi *kingmaker*, kehendak rakyat Sarawak sepatutnya diberi keutamaan oleh Perdana Menteri; dan
- (iv) Pilihan Raya Sarawak tidak lama sahaja lagi dan Yang Berhormat Pekan memerlukan kemenangan yang lebih besar bagi BN Sarawak bagi memperkukuh kedudukannya sebagai Perdana Menteri.

Walaupun dengan keadaan yang begitu baik, Kerajaan Persekutuan masih tidak mahu memberi royalti 20 peratus kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Justeru, nampaknya tidak ada harapan untuk mendapatkan 20 peratus itu daripada BN. Demi Sarawak, sekali lagi saya menyeru 25 Ahli Parlimen BN Sarawak untuk menarik diri daripada BN pimpinan UMNO, gunakan kedudukan sebagai *kingmaker* dan dapatkan 20 peratus royalti minyak untuk negeri Sarawak... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kementerian berkenaan harga tiket penerbangan yang terlampau mahal semasa musim perayaan terutama Tahun Baru Cina, Aidilfitri, Hari Gawai dan Krismas. Isu ini telah dibawa ke Dewan yang mulia ini beberapa kali tetapi tiada apa-apa yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu rakyat menghadapi peningkatan harga tiket yang begitu tinggi yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan. Harga tiket penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sibu memuncak setinggi RM1,049 sehalu sahaja pada masa *peak season* iaitu Tahun Baru Cina pada bulan Februari tahun ini. Ini harga *AirAsia* yang kononnya antara syarikat penerbangan yang menawarkan harga yang rendah. Jangan pula harga MAS Airlines.

Berbanding dengan Kuala Lumpur ke Bintulu atau Kuala Lumpur ke Miri ataupun Kuala Lumpur ke Kuching, harga tiket Kuala Lumpur ke Sibu dan Sibu ke Kuala Lumpur adalah yang paling tinggi. Rakyat dari Bintangor, Sarikei, Kapit dan sebagainya perlu berhenti di Sibu untuk balik ke kawasan masing-masing. Oleh itu, adalah tidak munasabah untuk membebankan rakyat dengan harga tiket penerbangan yang terlampau tinggi terutama pada perayaan Tahun Baru Cina. Apakah yang dapat dilakukan oleh kerajaan dalam isu ini?

Saya berharap pihak kerajaan dapat mengehadkan harga maksimum tiket penerbangan terutama pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina, Chingay, Hari Gawai, Hari Raya, Krismas dan sebagainya supaya ia tidak membebankan rakyat yang ingin balik ke kampung masing-masing. Kalau tidak dapat mengehadkan harga maksimum tiket penerbangan, saya ingin tahu apakah pendekatan kerajaan dalam isu ini kerana situasi ini seakan-akan kerajaan tidak dapat apa-apa kawalan ke atas monopoli penetapan harga tiket penerbangan oleh syarikat-syarikat penerbangan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu *special task force* telah diwujudkan oleh JPN pada 1 Januari 2016 untuk menyelesaikan masalah tiada kad pengenalan terutama di kalangan rakyat di kawasan pedalaman Sarawak. Dimaklumkan bahawa terdapat tidak kurang daripada 2,000 kes dan ada yang belum diselesaikan sejak 25 tahun yang lalu.

■1720

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya satu *task force* telah diwujudkan pada tahun 2008 untuk mengendalikan masalah ini. Saya ingin tahu mengapakah *task force* yang wujud sejak 2008 digantikan dengan *task force* baru ini? Adakah ini menunjukkan kegagalan *task force* yang sedia ada sejak 2008, adakah *task force* yang baru ini dianggotai dengan tenaga kerja yang baru dan berapakah kes yang telah diselesaikan oleh *task force* yang lama dan apakah beza antara *task force* yang lama dan *task force* yang diwujudkan baru-baru ini.

Saya difahamkan bahawa kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan atau *stateless children* yang miskin tidak dapat memohon bantuan kebajikan dan perlu menanggung bayaran yang tinggi untuk pendidikan. Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya anak-anak yang belum mendapat kewarganegaraan ini dapat diberikan pendidikan percuma supaya golongan ini tidak akan menyumbang kepada masalah sosial kelak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Ketua Menteri Sarawak sekali lagi memberikan pengiktirafan kepada sijil UEC dengan syarat pemohon tersebut mendapat kredit dalam BM dalam SPM. Adakah Kementerian Pendidikan membenarkan pelajar UEC menduduki satu mata pelajaran sahaja atau *single subject* dalam peperiksaan SPM iaitu Bahasa Melayu sahaja? Setahu saya, pelajar-pelajar tidak dibenarkan mengambil ujian bagi satu mata pelajaran sahaja dalam peperiksaan SPM. Apakah pendirian Kementerian Pendidikan dalam pengiktirafan sijil UEC yang diumumkan oleh Ketua Menteri Sarawak sejak tahun lepas. Adakah Kerajaan Persekutuan akan menimbang semula pendiriannya terhadap peperiksaan UEC supaya Kerajaan Persekutuan juga turut mengiktiraf sijil UEC ini.

Tuan Yang di-Pertua, SMS yang mempromosikan *Live Casino* atau Kasino Perjudian telah banyak diterima oleh semua rakyat Malaysia secara rambang. Saya rasa semua ahli Yang Berhormat di sini pernah menerima SMS yang mempromosikan judi melalui talian telefon. Saya ingin tahu apakah tindakan atau langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian Dalam Negeri dalam menangani masalah ini. Pada masa yang sama saya juga ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil oleh SKMM serta berapakah aduan yang telah diterima oleh kedua-dua kementerian sejak tahun 2015 sehingga sekarang berhubung dengan perjudian *online* ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah yang telah saya bantangkan tadi, sekali lagi saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri tentang masalah perjudian mesin kuda di Sibu dan seluruh Sarawak. Perjudian Mesin Kuda telah menular semula dan masih sangat berleluasa walaupun serbuan demi serbuan telah dilancarkan oleh pihak polis. Saya ingin mencadangkan supaya lebih banyak serbuan dijalankan untuk memastikan gejala buruk ini dapat dibanteras secepat mungkin dan jika boleh sepenuhnya.

Seterusnya saya ingin membangkitkan satu isu yang perlu diambil serius oleh Kementerian Kesihatan. Saya telah pun membangkitkan isu ini pada tahun lepas dalam perbahasan Bajet 2016 iaitu semakin banyak Pusat Akademik Aestetik di Malaysia yang mengadakan kursus untuk mengajar orang ramai untuk suntikan *Botox*, *Dermal Fillers*, vitamin C dan sebagainya. Mereka juga mengajar bagaimana untuk memberikan suntikan intravena atau *intravenous injection*, yang kebiasaannya hanya boleh dilakukan oleh mana-mana orang yang telah menjalani latihan yang intensif di bawah penyelenggaraan pegawai kesihatan.

Tinjauan juga telah mendapati banyak salon kecantikan atau *beauty saloon* menjual bahan-bahan untuk disuntik ke dalam badan atau menjual ubatan-ubatan yang tidak didaftar di bawah MAL. Saya ingin tahu apakah tindakan yang telah diambil dan akan diambil oleh Kementerian Kesihatan sejak tahun lepas dan sama ada Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan SKMM untuk menangkap mereka yang terlibat melalui pendaftaran *online* kerana mereka sering membuat publisiti di *Facebook*, *WeChat*, *WhatsApp* dan sebagainya. Itu sahaja ucapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

5.24 ptg

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan serta menjunjung kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Yang di-Pertuan Agong. Izinkan saya di dalam ucapan menjunjung kasih Titah Yang di-Pertuan ini menyentuh beberapa perkara penting berhubung dengan usaha memerangi memperdagangkan manusia, memartabatkan pendidikan negara, potensi agromakanan, memajukan luar bandar, memartabatkan Islam, menangani kenaikan kos sara hidup, pengubahsuaian Bajet 2016, merancakkan sektor pelancongan dan transformasi Parlimen dan memartabatkan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam Titah Baginda tekah menyentuh berhubung langkah kerajaan mempertingkatkan usaha membanteras memperdagangkan manusia yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan membantu memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai isu memperdagangkan manusia.

Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa tahap kedudukan *tier level* berdasarkan laporan tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat mengenai memperdagangkan manusia ataupun *Trafficking in Persons Report* adalah penting dari segi hubungan negara ini dari segi politik dan ekonomi negara Amerika Syarikat dan hubungan antarabangsa.

Oleh sebab kedudukan *tier level* ini akan mencerminkan reputasi negara ini dari segi komitmen kerajaan dalam mencegah dan menghalang *prevention and competition*, dengan izin, memperdagang manusia termasuklah dari segi kawalan keselamatan sepadan negara keberkesanan undang-undang sedia ada dan industri pelancongan serta mempengaruhi hubungan dua hala dan bilateral dengan pelabur. Malaysia pernah dituduh mengamalkan pemburuan paksa kanak-kanak dan menggunakan buruh ladang dari aktiviti pemerdagangan manusia menyebabkan terdapat negara Eropah yang memboikot minyak kelapa sawit Malaysia.

Amerika Syarikat juga tidak akan memberikan bantuan kemanusiaan dan perdagangan serta TPPA dengan negara yang mempunyai tahap *tier level* tiga ini. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh tentang Kementerian Pendidikan. Dalam bidang Pendidikan, Tuanku telah menyentuh berhubung Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013/2025 yang kini melangkah ke gelombang kedua bermula dari 2016 hingga 2020. Berhubung dengan pendidikan ini, pertama saya ingin menyentuh berhubung dengan keputusan peperiksaan 2015 iaitu peperiksaan Tingkatan 3 ataupun PT3, Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia STPM dan Sijil Pelajaran Malaysia SPM yang telah diumumkan baru-baru ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelajar, guru-guru dan ibu bapa yang telah memastikan kejayaan cemerlang dalam Pentaksiran Tingkatan 3 ataupun PT3 tahun 2015. Seramai 465,674 calon telah mengambil peperiksaan PT3 di seluruh negara dan kebanyakan sekolah merekodkan gred purata ataupun GPS yang lebih baik berbanding keputusan pertama pelaksanaan pada tahun 2014.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia 2015 yang meningkat dari segi purata nilai gred keseluruhannya PNGK kepada 2.65 berbanding 2.62 pada tahun 2014 daripada 2.57 pada tahun 2013. Peratus calon STPM 2015 yang mendapat PNGK 3.50 ke atas juga meningkat kepada 11.22 peratus ataupun 4711 calon berbanding 10 peratus atau 4285 tahun 2014. Keputusan sebegini memberikan peluang yang lebih baik kepada pelajar-pelajar untuk memohon memasuki universiti dalam dan luar negara. Keputusan STPM tahun 2015 yang cemerlang ini adalah hasil daripada Program Transformasi Tingkatan 6 yang diusahakan Kementerian Pendidikan.

Saya berharap Program Transformasi Tingkatan 6 akan terus diperkasakan. Bagaimanapun agak mendukacitakan bagi keputusan peperiksaan SPM tahun 2015 yang menunjukkan penurunan berdasarkan gred purata nasional kepada 5.15 berbanding 5.08 pada tahun 2014 dan 4.93 pada tahun 2013. Bilangan calon yang mendapat keputusan cemerlang A+, A dan A- turut menurun daripada 13,970 - 2013 dan 11,289 - 2014 kepada 9,721 pada tahun 2015.

■1730

Penurunan keputusan SPM ini agak membimbangkan kerana ianya merupakan penurunan selama dua tahun berturut-turut. Saya tidak dapat menerima alasan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia sewaktu mengumumkan keputusan SPM 2015 bahawa keputusan ini masih berada dalam julat yang dibenarkan dan tidak membabitkan perubahan yang ketara. Oleh kerana hakikatnya telah menurun daripada segi keputusan SPM ini bagi dua tahun berturut-turut. Sekiranya dibuat perbandingan keputusan SPM 2013 dan 2015, bilangan calon yang mendapat keputusan cemerlang A+, A dan A- menurun seramai 4,249 calon.

Ini bukanlah jumlah yang kecil dan pihak Kementerian Pendidikan tidak wajar memandang ringan kerana jumlah tersebut adalah jumlah pengurangan modal insan cemerlang negara. Bilangan calon yang menduduki SPM setiap tahun juga turut meningkat, maka keputusan SPM sepatutnya pun turut meningkat dan bukan terus menurun selama dua tahun berturut-turut. Malah berdasarkan gred purata JPMP bagi SPM 2015, 34 mata pelajaran daripada 73 mata pelajaran menurun, manakala satu pelajaran mengekalkan prestasinya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan. Pertama, apakah punca penurunan keputusan SPM selama dua tahun berturut-turut berdasarkan gred purata nasional kepada 5.15 peratus pada tahun 2015 dan 5.08 peratus pada tahun 2014 berbanding 4.93 peratus pada tahun 2013? Begitu juga penurunan jumlah calon yang memperoleh gred cemerlang, gred A+, A dan A- kepada 9,721 pada tahun 2015 daripada 11,289 pada tahun 2014 dan 13,970 pada tahun 2013. Jumlah ini menurun 2.38 peratus daripada calon yang menduduki peperiksaan berbanding 2.63 peratus pada tahun 2014.

Kedua, apakah langkah, perancangan dan strategi kerajaan untuk memperbaiki dan meningkatkan keputusan peperiksaan PT3, SPM dan STPM di masa hadapan supaya lebih cemerlang? Berhubung dengan pendidikan ini juga, saya ingin menyentuh berhubung dengan pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional ataupun TVET bagi melahirkan modal insan bagi memenuhi keperluan industri negara. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah merangka Pelan Pendidikan Pembangunan Negara pada tahun 2015 - 2025 bagi melahirkan graduan diploma berprestasi tinggi (TVET) yang perlu dicapai 10 tahun lagi.

Saya difahamkan sebanyak 38 ribu tempat disediakan untuk kemasukan ke politeknik premier, politeknik konvensional dan politeknik metro tahun 2015. Mengikut bidang ekonomi utama negara (NKEA), negara memerlukan 1.5 juta tenaga kerja dalam bidang TVET pada tahun 2020 nanti apabila negara mencapai negara maju. Oleh itu, pengajian di politeknik-politeknik perlu diperkasakan. Bukan sahaja mampu untuk menyumbang 330 ribu daripada 680 ribu graduan peringkat diploma yang bakal bekerja di bidang ini menjelang tahun 2020 tetapi juga memastikan graduan ini mempunyai kemahiran dan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan industri.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mendapat penjelasan. Pertama, apakah langkah dan strategi kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan bagi memperkasakan pengajian TVET di politeknik-politeknik ini bagi melahirkan graduan yang bukan sahaja berkemahiran dan berkualiti tetapi juga modal insan yang holistik untuk bersaing di alam pekerjaan, termasuk merangkumi aspek keusahawanan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Kedua, apakah kerajaan mahu mempertingkatkan kemudahan politeknik-politeknik, terutamanya kemudahan asrama yang begitu mendesak, khususnya kepada pelajar-pelajar Politeknik Sultan Idris Shah, Sabak Bernam.

Ketiga, berkaitan tentang Kementerian Pengajian Tinggi. Tuanku turut menyentuh berhubung dengan program Fakulti Kedua Pegawai Eksekutif yang dilaksanakan di bawah PPM Pendidikan Tinggi 2015 hingga 2025 untuk melahirkan modal insan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Berhubung dengan kebolehpasaran graduan ini, saya mengalu-alukan langkah Kementerian Pengajian Tinggi yang mencadangkan memperkenalkan program dua tahun universiti dan dua tahun industri ataupun 2U2I di beberapa universiti di dalam beberapa bidang pengajian.

Saya ingin mendapat penjelasan universiti dan bidang pengajian yang dicadangkan untuk dijalankan di bawah program 2U2I ini dan bagaimanakah program ini dijalankan serta adakah pelajar ini mendapat elaun ataupun gaji semasa menjalani latihan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan objektif dan matlamat program 2U2I ini serta sasaran yang dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Baginda Tuanku dalam titahnya menyentuh berhubung dengan sektor pertanian, khususnya potensi agromakanan melalui Dasar Agromakanan Negara pada tahun 2011 – 2020 bagi meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan memperkenalkan dasar agromakanan negara mulai tahun 2011 lalu dengan objektif untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi, menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mapan dan seterusnya meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.

Saya ingin menyentuh tentang pengeluaran beras negara. Unjuran pengeluaran padi beras bagi 2016 – 2020 adalah 1 peratus tetapi unjuran permintaan adalah 1.5 peratus bagi tempoh yang sama. Oleh itu, adalah dijangkakan negara akan mengalami kekurangan bekalan sara diri sebanyak 0.5 peratus. Pengeluaran beras tempatan perlu dipertingkatkan bagi memastikan bekalan beras negara mencukupi memandangkan hanya 7 peratus sahaja daripada pengeluaran beras dunia didagangkan, menyebabkan harga beras cenderung mengalami turun naik.

Dasar Agromakanan Negara menasaskan pengeluaran beras ditingkatkan daripada 4 tan metrik sehektar pada tahun 2010 kepada lima tan metrik sehektar pada tahun 2020. Selain itu, kerajaan juga menasaskan intensiti penanaman akan ditingkatkan daripada 142 peratus pada tahun 2010 kepada 157 peratus tahun 2020 atau purata kekerapan penanaman daripada 1.4 dua kali setahun 2010 kepada 1.57 kali setahun 2020.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai sejauh manakah sasaran-sasaran ini telah tercapai setelah enam tahun pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara. Apakah langkah dan strategi kerajaan bagi memajukan dan membangunkan lagi industri padi dan beras negara melalui dasar agromakanan ini untuk meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara bagi memenuhi keperluan sendiri dan mengurangkan kebergantungan negara kepada beras luar negara.

Berhubung dengan pertanian, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan industri kelapa yang mempunyai prospek yang cerah berdasarkan permintaan terhadap pelbagai produk hiliran berasaskan kelapa seperti kelapa parut, kelapa parut kering, minyak kelapa, kerisik, santan, nata de coco, jeli dan serbuk santan. Selain itu, permintaan yang meningkat terhadap produk bernilai tinggi seperti minyak kelapa dara dan produk sampingan kelapa.

Walaupun pengeluaran kelapa negara dijangkakan meningkat daripada 530 ribu tan metrik pada tahun 2010 kepada 1.2 juta tan metrik pada tahun 2020 iaitu pertumbuhan 8.7 peratus setahun, namun pengeluaran kelapa di kawasan Parlimen Sabak Bernam dan Sungai Besar terus mengalami penurunan memandangkan kawasan kelapa tua dan kesukaran mendapatkan pekerja untuk mengeluarkan kelapa biji.

■1740

Terdapat banyak kawasan ataupun kebun kelapa di Sabak Bernam dan Sungai Besar yang sudah tua menghasilkan buah kelapa yang sangat kurang. Sehubungan dengan itu, hasil buah kelapa juga tidak dikeluarkan kerana ketiadaan tenaga kerja untuk mengeluarkan hasil kelapa kerana tuan punya kawasan kelapa kebanyakannya sudah tua. Ini menyebabkan kawasan kelapa tidak ekonomik untuk diusahakan.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan untuk mempergiatkan semula pemulihan kelapa ini supaya dapat mengeluarkan hasil dan menjana pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil serta seterusnya memajukan industri tanaman kelapa negara ini? Saya juga ingin mencadangkan agar pekebun-pekebun kecil ini diberikan bantuan sebagaimana nelayan, penoreh getah dan pesawah padi memandangkan hasil pendapatan dari kelapa yang semakin berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut menyentuh berhubung komitmen kerajaan untuk terus meningkatkan kualiti rakyat di luar bandar, termasuklah Program Transformasi Luar Bandar yang berpaksikan keperluan dan kehendak rakyat. Rancangan Malaysia Kesepuluh pada tahun 2011 dan 2015 telah berjaya menggubal Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar daripada Model Baru Ekonomi Luar Bandar pada tahun 2010 dan seterusnya Program Transformasi Luar Bandar pada tahun 2012.

Bagi penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di luar bandar, kerajaan telah menubuhkan Pusat Transformasi Luar Bandar dan Mini RTC dan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, bilangan RTC, Mini RTC dan Mobil CTC yang telah diwujudkan seluruh negara dan sejauh manakah yang telah memberi manfaat kepada penduduk luar bandar?

Seterusnya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang terus memberikan keutamaan kepada mempertingkatkan *inclusivity* pembangunan luar bandar selaras dengan perkembangan ke arah pencapaian negara maju yang *inclusive* dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat luar bandar. Merangsang aktiviti ekonomi penjanaan asas luar bandar.

Saya juga memuji kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tahun 2016 hingga tahun 2020 yang telah mengguna pakai pendekatan, "*serampang dua mata*" bagi membangunkan masyarakat luar bandar. Pertama, penambahbaikan program sedia ada untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Kedua, memperkukuhkan dan menyelaraskan mekanisme pelaksanaan antara agensi yang berkaitan.

Walaupun populasi penduduk luar bandar dijangka merosot daripada 25.7 peratus pada tahun 2015 kepada 22.8 peratus pada tahun 2020, namun transformasi luar bandar wajar diteruskan daripada segi ekonomi, pembangunan modal insan, menaiktarafkan infrastruktur dan sistem penyampaian. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, langkah dan inisiatif untuk membangunkan 200 buah koperasi di kampung dan mewujudkan *profile* 17,900 buah kampung seluruh negara yang komprehensif melalui sistem *profile* kampung peringkat nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan tentang cadangan dan sasaran membina dan membaik pulih 47,000 buah rumah di kawasan luar bandar. Saya memohon agar kerajaan memberi peruntukan bagi membina dan membaik pulih rumah di kawasan Parlimen Sabak Bernam memandangkan banyak rumah di kawasan Parlimen Sabak Bernam ini yang sudah uzur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan penubuhan jawatankuasa kecil menangani kos sara hidup yang ditubuhkan oleh KPDNKK bagi mengenal pasti berbagai isu dan masalah bebanan hidup yang dihadapi semua peringkat masyarakat. Termasuklah pelajar dan mereka yang tergolong dalam kumpulan B10 telah menghubungi saya mencadangkan keperluan untuk mekanisme baharu bagi mendidik pengguna, termasuk perancangan lebih jelas mengenai indeks harga pengguna.

Selain itu, saya mencadangkan agar ilmu penggunaan dimulakan di peringkat sekolah dan keperluan menambah kad siswa sedia ada. Dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut menyentuh berhubung dengan kejayaan Malaysia diiktiraf sebagai salah satu destinasi pelancongan Islam dan langkah kerajaan untuk merencanakan lagi industri pelancongan domestik. Saya amat bersetuju agar kerajaan, khususnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memajukan lagi pakej pelancongan yang berasaskan asas semula jadi dan industri pelancongan negara.

Sehubungan ini, saya ingin memohon kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk memajukan kawasan Pantai Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam di kawasan Parlimen Sabak Bernam. Pantai Bagan Nakhoda Omar juga merupakan pantai riadah rekreasi keluarga. Pembangunan ini adalah untuk menjaga pelbagai warisan sekitar dan perlunya dibangunkan chalet dan sebagainya.

Akhirnya, Tuanku juga turut menyentuh berhubung dengan usaha transformasi Parlimen. Sebagai Ahli Dewan Rakyat, saya amat mengalu-alukan cadangan transformasi Parlimen kerana saya ingin yakin ia akan memperkasakan lagi institusi Parlimen sebagai sebuah institusi perundangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin menyentuh pentadbiran agama Islam peringkat daerah, khususnya di negeri Selangor. Pada masa ini terdapat sembilan buah Pejabat Agama Islam Daerah di Selangor yang terbahagi kepada dua iaitu yang ditadbir oleh Pegawai Tadbir. Saya mengharapkan bahawa semua ini, tanggungjawab dan tugas Pegawai Tadbir ini akan tidak membebankan. Sebagai contoh, Kadi Kuala Selangor juga bertanggungjawab untuk Tanjong Karang dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku di akhir Titah mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menyayangi negara, menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi, mempertahankan dan melindungi saranan Tuanku bermaksud sebagai Ahli Yang Berhormat sepatutnya jujur dalam menjalankan tugas, tidak memburuk-burukkan negara sama ada di dalam mahupun di luar negara. Apatah lagi cubaan untuk menumbangkan kerajaan melalui jalan ke belakang dan mencabuli sistem demokrasi negara ini. Kerakusan untuk mendapatkan kuasa dan berkuasa akhirnya bukan sahaja merosakkan kestabilan negara dari segi ekonomi.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru semua umat Islam supaya bersatu dan mengetepikan perbezaan fahaman politik tetapi sewajarnya mementingkan daripada segi akidah, ibadah, akhlak dan syariah Islam demi mempertahankan Islam.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri yang telah menguruskan negara ini dengan terbaik dan membawa negara ini ke atas landasan yang tepat untuk memajukan negara.

Maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Namun, saya yakin keputusan kerajaan ini, hari ini akan terus berjaya untuk meneruskan agenda kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Oleh kerana kerajaan hari ini bukan sahaja kerajaan yang bertanggungjawab tetapi melaksanakan tanggungjawab. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

5.48 ptg.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih beri saya, wakil rakyat Wangsa Maju ambil bahagian di perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebelum saya sentuh beberapa perkara yang saya sudah sediakan, saya hendak beri komen dua perkara. Saya sendiri rasa sedih dengar Datuk Seri Anwar Ibrahim masih ada di dalam penjara. Sebagai doktor perubatan, kita dapat laporan dia tidak sihat dan bahu kirinya sakit.

Walaupun ada dua orang *independent assessor* dari pakar ortopedik tetapi peluang untuk buat fisioterapi di hospital sudah dihadkan. Kedua, walaupun Datuk Seri Anwar Ibrahim masih menghadapi baki 16 kes di mahkamah, *lawyers* beliau hanya beri satu jam seminggu, jumlah jam untuk bincang 16 buah kes. Sampai satu tahap, Datuk Seri Anwar Ibrahim terpaksa mewakili sendiri di mahkamah. Ketiga, kita semua pun tahu Datuk Seri Anwar Ibrahim suka baca buku.

■1750

Akan tetapi malangnya kita dengar Datuk Seri Anwar tidak boleh menggunakan fasiliti-fasiliti perpustakaan di Sungai Buloh. Hari raya yang lepas, saya ada peluang meminta wakil rakyat dari Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah. Bagaimana Datuk Seri, hari raya? Dia kata, dia jawab hari raya yang pertama tidak boleh melawat Datuk Seri Anwar. Hari kedua pun tidak boleh. Hari ketiga boleh tetapi terhad 15 minit. Inilah keadaan Barisan Nasional.

Nombor dua, tentang kes Tuan Haji Yahaya Sahri yang sekarang ada di Penjara Kajang. Tadi Yang Berhormat Kapar sudah sentuh ini dan saya tidak perlu ulang keadaan-keadaan Yahaya Sahri secara teknikal.

Nombor dua, 1MDB. Saya ingatkan kpd Ahli-ahli yang terhormat dari UMNO, wakil rakyat Pekan ialah Perdana Menteri Malaysia bukan Perdana Menteri UMNO. Sebab apa, sekarang kita ada satu keadaan yang belum dihadapi Malaysia. Banyak berita buruk tentang imej Malaysia. Bukan sahaja dari *Wall Street Journal*, baru-baru ini saya balik dari Melbourne, tiap-tiap hari surat khabar dari Melbourne pun sentuh perkara ini termasuk CNN, BBC, Al-Jazeera, CCTV dari China dan sebagainya.

Saya nak sentuh dua perkara yang jelas tentang 1MDB. Nombor satu, 1MDB ialah, minta izin, *sovereign wealth fund*. Kawan saya kata dan dia pakar ekonomi, tidak ada negara lain di seluruh dunia pinjam wang guna *sovereign wealth fund*. Saya sebut sekali lagi, tidak ada negara di dunia mula *sovereign wealth fund* dengan wang pinjaman.

Nombor dua, segelintir wang 1MDB, bahasa ketiga, simpan di Cayman Islands. Saya hendak sentuh, minta izin, satu perkara bahasa Kantonis ialah [*Berbahasa Kantonis*]. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, wang yang tidak boleh nampak di matahari. Wang ini yang disimpan di Cayman Islands, majoriti wang yang guna fasiliti-fasiliti Cayman Islands adalah seperti *Italian* punya mafia, wang-wang dari dadah dan sebagainya. So, lain negara yang memang bereputasi, tidak pernah guna, simpan wang di Cayman Islands.

Minggu lalu, kita dengar ucapan dari Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai. Saya duduk sini setengah jam mendengar ucapan beliau. Dia kata Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak Menteri Kewangan yang terbaik di Malaysia dan kalau pinjam wang lebih baik untuk negara kita. Akan tetapi apa yang saya dengar, dua hari lalu ialah pelik. Kalau negara kita sangat baik dan banyak wang, apa sebab lif-lif di *language institute*, ataupun *specialist training institute* di Jalan Pantai Baharu.

Lif sudah rosak empat bulan, ini perkara kecil. Lif ini, bangunan bertingkat, lapan tingkat tidak boleh dibaiki. Terpaksa pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, tiap-tiap hari menggunakan tangga sampai lapan tingkat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lif pun sakit ya?

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Lif pun sakit sebab memerlukan *heart transplant*. Patut kita menjadi kerajaan *transplant*, lebih baik. Ini perkara kecil pun tidak boleh beres. Bagaimana? So, saya minta penjelasan dari Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan.

Public Accounts Committee Parliament. Tuan Yang di-Pertua, di antara tahun 2004 dan 2008, saya ada peluang menjadi ahli *Public Accounts Committee* di Parlimen Malaysia. Saya pun pelik dengan siasatan 1MDB, segelintir telah masuk OSA, mana boleh. Tak pernah dengar. Sebab hakikatnya, *Public Accounts Committee* ialah *Parliament in miniature*. Guna *recording*, bukan sahaja *recording*, guna *video tape*. Semua prosiding *Public Accounts Committee* terbuka. Apa rasionalnya *proceedings* 1MDB segelintir masuk OSA? Saya minta penjelasan daripada menteri-menteri yang menjaga Parlimen.

Lagi pun satu prosiding Parlimen, Akta NSC atau *National Security Council* bahas di Parlimen ini bulan Disember 2015. Walaupun *debate* hebat tetapi pandangan pembangkang ialah kawasan keselamatan terjejas hak Agong Malaysia. Walaupun pihak kerajaan tidak dengar, terpaksa mulanya di Parlimen, selepas ini bagi pada Dewan Negara tetapi baru-baru ini, kita dengar Majlis Raja-raja tidak berpuas hati dan minta pihak kerajaan Barisan Nasional buat beberapa pindaan yang sesuai. So, saya harap pihak Barisan Nasional ambil perhatian komen-komen ini.

Sumber manusia Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kita dengar beberapa laporan dan kita pun sangat keliru. Ada satu ketika kita dengar, ada satu jumlah besar sebanyak 1.5 juta orang warga Bangladesh nak import kepada Malaysia. Saya minta, betul atau tidak sebab kita baca laporan Menteri Sumber Manusia Malaysia tanda tangan MOU di Bangladesh. Selepas itu, sampai masa, Timbalan Perdana Menteri bekukan MOU yang ditandatangani di Bangladesh. Saya minta penjelasan daripada Menteri Sumber Manusia dan juga Menteri Dalam Negeri yang menjaga imigresen sama ada betul atau tidak. Sebab alasan ialah warganegara Malaysia tidak mahu bekerja dengan 3D itu- *dirty* dan *dangerous*.

Saya sebut, bukan, ini tidak betul. Ramai warganegara sekarang kurang pendapatan dan minat dengan kerja-kerja 3D. Akhir sekali, saya hendak sentuh sedikit tentang perkara selamatkan Malaysia ini. Tidak kira duduk di bangku pembangkang atau di hadapan, Malaysia sudah sampai satu tahap yang begitu teruk. *Malaysia's economy* pun teruk. Nilai Ringgit Malaysia pun jatuh. Inflasi pun sudah naik. Langsung ekonomi negara kita, warganegara Malaysia pun tidak percaya, tak kira warganegara dari lain negara.

■1800

Pinjaman Kerajaan Malaysia sudah satu tahap yang begitu buruk. Kalau kira *off-budget loan*, Malaysia *technically* sudah lama bankrap. So, saya sendiri mengalu-alukan inisiatif baru ini, bukan sahaja dari parti politik, dari NGO-NGO yang semua kasihkan negara kita. Akan tetapi, apa yang penting bukan sahaja tukar Perdana Menteri tetapi Perdana Menteri patutnya tukar melalui cara demokratik tetapi institusi yang sudah terjejas mesti diubah seperti MACC, AG, SPR, polis dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tanah Merah.

6.01 ptg.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya *Insyah-Allah* tidak lama, ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Titah yang disampaikan oleh Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan persidangan Dewan yang mulia ini pada minggu lalu seharusnya dijadikan peringatan kepada seluruh Ahli Yang Berhormat khususnya dan semua ahli politik amnya. Hakikatnya apa yang dipertegaskan oleh Seri Paduka berkaitan mainan politik untuk kepentingan sempit sudah lama berlanjutan. Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tepat masanya kerana sejak 2013 lagi arena politik negara tidak pernah sunyi dengan mainan politik yang tidak berkesudahan yang ditunjukkan oleh sesetengah pihak khususnya pihak pembangkang.

Sepatutnya sebagai pemimpin, ahli politik dan parti yang bertanggungjawab, berpolitik biarlah ada masanya. Kita boleh berpolitik apabila tiba musim pilihan raya tapi malangnya apa yang sering kita saksikan wujudnya satu sikap mahu berpolitik sepanjang masa. Tidak ada satu isu pun yang akan terlepas daripada dipolitikkan dengan tujuan meraih keuntungan untuk pihak tertentu. Hakikatnya dalam soal pengurusan dan pentadbiran negara tidak salah mana-mana pihak memberi pandangan.

Sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan dasar terbuka sudah pasti setiap pandangan dan kritikan akan diterima secara positif demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Akan tetapi, malangnya yang sering kita saksikan, banyak isu yang dibangkitkan oleh pakatan pembangkang lebih bertujuan untuk memburuk-burukkan kerajaan. Ada sesetengahnya sudah sampai pada tahap memfitnah. Dalam isu Tabung Haji contohnya, tidak habis-habis pelbagai perkara persoalan yang dibangkitkan dengan tujuan mewujudkan keraguan rakyat khususnya umat Islam terhadap agensi tersebut.

Walaupun sesetengah fakta yang dibentangkan separuh masak ataupun tidak benar sama sekali namun ia bukanlah pengiraan utama bagi sesetengah pihak. Bagaimana saya berharap, Tabung Haji tidak akan tergugat dengan agenda sesetengah pihak yang bertujuan memburuk-burukkan agenda berkenaan. Jasa Tabung Haji amat besar pada umat Islam, dari semasa ke semasa Tabung Haji mencapai kemajuan memberangsangkan terutamanya dari segi pelaburan.

Sehubungan dengan itu, saya percaya dan yakin pihak pengurusan Tabung haji dan turut disertai oleh Ahli Parlimen Baling dan Ahli Parlimen Jerai tidak akan melatah dengan serangan bertali arus yang dilancarkan oleh mana-mana pihak. Agenda Tabung Haji jauh lebih besar daripada melayan dakwaan yang kita tahu semata-mata bermotifkan politik. Sememangnya dari semasa ke semasa apa sahaja isu dipolitikkan sehinggakan Titah Seri Paduka didakwa oleh pihak pembangkang sebagai ucapan kerajaan dan Perdana Menteri. Perlu difahami ketidakstabilan politik tidak akan menguntungkan sesiapa sama ada kerajaan mahupun pembangkang. Jangan biarkan kita berada dalam posisi, *'Menang sorak kampung tergadai'*. Sepatutnya semua pihak berganding bahu bagi membangunkan negara dan menyejahterakan rakyat. Bukannya mencari ruang meraih keuntungan politik semata-mata.

Ketika ini dunia sedang menghadapi cabaran ekonomi dunia yang maha hebat. Malaysia juga tidak terlepas daripada terkena tempasnya. Oleh itu, adalah wajar jika Ahli-ahli Parlimen dan ahli politik, tidak kira sama ada pembangkang mahupun kerajaan bekerjasama bagi mempertahankan kedudukan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun usaha untuk memperkukuhkan ekonomi dan mengekalkan kestabilan politik negara akan menjadi sia-sia jika ada dalam kalangan kita terus mahu melakukan tindakan-tindakan yang boleh menggugat perpaduan kaum dan agama di negara ini.

Oleh sebab itulah, saya merasa kesal kerana dalam kes-kes melibatkan keputusan Mahkamah Syariah masih ada pihak-pihak yang seolah-olah tidak mahu menghormatinya. Mereka mempertikaikan keputusan yang dibuat tanpa mengira sensitif umat Islam. Tidak kiralah sama ada kita suka atau tidak, gembira ataupun kecewa dan sebarang keputusan mahkamah kita perlu menerimanya berasaskan kepada pegangan kedaulatan undang-undang.

Saya berpendapat jika perbuatan mempertikaikan keputusan Mahkamah Syariah tidak dihentikan ia mampu mengundang petaka kepada perpaduan agama di negara ini. Oleh itu, saya mengesah pihak berkuasa supaya tidak memandang ringan perbuatan sedemikian. Tindakan yang tegas perlu diambil ke atas mana-mana juga pihak atau individu yang cuba bertindak demikian. Kemuliaan mahkamah harus terus dipertahankan termasuklah juga Mahkamah Syariah. Mahkamah itu tidak harus dibiarkan terus dikecam atau dikritik apabila membuat keputusan.

Kalaulah tindakan menghina mahkamah boleh dikenakan dalam kes-kes melibatkan Mahkamah Sivil, kenapakah tindakan yang sama tidak boleh dikenakan kepada mereka yang melakukan perbuatan menghina Mahkamah Syariah? Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kabinet...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Mahkamah Syariah...

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, sahabat Yang Berhormat Sepang, silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Tanah Merah. Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tanah Merah tadi bercakap tentang Mahkamah Syariah itu tapi malangnya tidak memberikan spesifik kes. Jadi susah kita hendak sokong, tidak sokong pun susah. Saya rasa kalau kita hendak bagi satu *statement* begitu biarlah ada contoh-contoh kes. Dalam kes yang saya rasa mungkin dirujuk itu ialah kes yang melibatkan pertembungan antara pasangan yang bukan Islam dengan Islam. Akan tetapi, perkara itu kita janganlah ambil satu kesimpulan mereka itu mempertikai keputusan Mahkamah Syariah sebab ada isu-isu konflik bidang kuasa yang sampai sekarang tidak *resolved*.

Jadi, janganlah kita hendak jadi juara dalam keadaan kita tidak memahami apakah *subject matter* nya dan kita bukan *part of the solution*. Kita *part of the problem*. Jadi saya harap kalau hendak bercakap perkara ini mesti menguasai subjek itu, jangan buat satu lontaran umum yang menyebabkan nanti orang keliru lagi dan hasrat untuk kita mewujudkan perpaduan kaum, perpaduan agama makin susah. Jadi minta kalau boleh bagi contoh apa kesnya.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih, rakan bijaksana saya, Yang Berhormat daripada Sepang. Saya akui antara isu seperti perebutan kanak-kanak merupakan satu isu yang sensitif. Walau bagaimanapun, saya fikir biarlah benda sudah dibangkitkan di Parlimen. Kita serahkan pada pihak berkuasa tapi saya akui itu antara isu yang sensitif dan menyentuh hati semua pihak, sama ada Islam dan bukan Islam...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan buat *statement* tadi. Cara Yang Berhormat Tanah Merah cakap tadi seolah-olah ada orang mempertikaikan keputusan Mahkamah Syariah begitu. Saya rasa tidak adil, walaupun katakan orang bukan Islam, kita kena adil... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Jangan kerana kebencian kepada kaum menyebabkan berlaku tidak adil, berlaku adil kerana itu paling dekat kepada takwa.

Jadi jangan kerana kita tengok orang bukan Islam pertikaikan satu benda terus kita kata mereka ini tidak hormat Mahkamah Syariah. Saya percaya rakyat negara-negara ini mereka menerima kewujudan mahkamah yang berbeza, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tapi yang mereka hendak ialah supaya satu penyelesaian tuntas yang dapat dihasilkan oleh kerajaan. Itu yang kerajaan kena buat, bukan tuduh sahaja.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Okey, baiklah. Itu pandangan Yang Berhormat Sepang. Saya menghormati pandangan Yang Berhormat Sepang. Terima kasih, boleh saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kabinet khususnya Kementerian Dalam Negeri di bawah kepimpinan Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang menetapkan kerajaan tidak akan mengambil pekerja asing yang berkuat kuasa serta-merta seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Sabtu lalu. Ia boleh dianggap satu keputusan yang tepat dan kena pada masanya ketika kebanjiran warga asing menimbulkan perasaan tidak senang dalam kalangan rakyat di negara ini.

Oleh itu, saya menggesa Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen dan Polis Diraja melancarkan operasi bersepadu bagi memburu pendatang asing tanpa izin atau PATI yang berada di negara ini. Kebanjiran pekerja asing dan PATI tidak boleh dibiarkan berlaku kerana ia mendatang pelbagai masalah sosial kepada negara.

Justeru itu, saya menyokong penuh ketegasan kerajaan untuk mengenakan hukuman sebat terhadap mana-mana majikan, agen yang melindungi pekerja asing tanpa izin. Perbuatan mereka yang sanggup mengajikan pekerja seumpama itu boleh mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara. Kita memahami keluhan dan keresahan sesetengah majikan dalam sektor pekerjaan 3D dengan izin, *dirty*, *difficult* dan *dangerous* atau kotor, sukar dan bahaya berhubung kekurangan tenaga kerja jika sekatan dilakukan kepada pengambilan pekerja asing. Bagaimanapun, kepentingan negara harus diutamakan.

■1810

Dalam mengatasi masalah ini, saya mencadangkan satu kajian dilakukan khususnya daripada segi upah dan gaji serta faedah lain yang boleh ditawarkan bagi menarik warga tempatan menyertai sektor 3D tersebut. Langkah itu bukan sesuatu yang mustahil dilakukan seandainya majikan-majikan bersedia melakukan perubahan dengan tujuan menggunakan tenaga kerja warga tempatan dalam sektor berkenaan. Dalam masa yang sama, saya berharap kerajaan akan konsisten dalam soal pengambilan pekerja asing ini dan tidak akan tunduk dengan desakan mana-mana pihak yang mahu pembekuan pengambilan pekerja itu dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini *alhamdulillah* kita bersyukur kerana kerajaan di bawah teraju Barisan Nasional telah berupaya melakukan beberapa pengubahsuaian dan langkah yang telah menyelamatkan ekonomi negara. Pengubahsuaian Bajet 2016 dan sebelum itu pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan telah berjaya meletakkan ekonomi negara dalam kedudukan selamat. Bagaimanapun, kita tidak boleh merasa selesa ini memandangkan rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah tetap memerlukan pembelaan daripada kerajaan. Mereka mahu kerajaan terus melakukan tindakan-tindakan yang boleh mengurangkan kos sara hidup mereka. Begitu juga dengan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, mereka mahukan kerajaan terus melaksanakan pelbagai projek dan kemudahan yang mampu menambahkan pendapatan ekonomi mereka.

Dalam memperkatakan soal membela rakyat ini, ingin saya menegaskan dan tumpuan saranan saya ialah kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan kerana tiga kementerian inilah yang dianggap mampu memperjuangkan dan membela nadi denyut rakyat sama ada di bandar mahupun di desa. Bagi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya menggesa supaya lebih banyak projek kemudahan rakyat dilaksanakan ini kerana apabila kemudahan seumpama itu sudah sempurna, ia akan mampu membantu mereka meningkatkan ekonomi. Ia termasuklah projek membaiki jalan, memasang lampu jalan dan membaiki rumah rosak.

Selain itu turut harus diberikan perhatian ialah bagaimana kementerian boleh membantu menangani kesempitan hidup yang dialami oleh penoreh-penoreh getah berikutan kejatuhan harga getah. Saya ingin mencadangkan supaya satu kajian terperinci dijalankan bagi mengetahui sejauh manakah kesannya kepada kehidupan penoreh berikutan kejatuhan harga komoditi tersebut. Melalui cara itu ia akan dapat membantu kerajaan membantu penoreh dengan lebih berkesan dan bukannya terhad sekadar elaun sara RM50 sebulan sahaja.

Bagi KPDNKK pula, sementara saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas kejayaan pasukan penguat kuasa kementerian membanteras beberapa kegiatan penyelewengan bahan subsidi seperti diesel dan Gas Petroleum Cecair (LPG), namun saya berpendapat ia masih belum mencukupi sebaliknya penguatkuasaan perlu dipertingkatkan termasuklah memastikan syarikat-syarikat yang terlibat dalam kegiatan haram itu dikenakan hukuman seberat-beratnya termasuklah lesen mereka digantung. Saya menyatakan perkara ini kerana terdapat dakwaan bahawa ada syarikat yang telah diserbu kerana menyeleweng bahan bersubsidi tetapi masih dibenarkan beroperasi sehinggalah serbuan kali kedua dilakukan seperti mana terjadi di Perak baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan dan ketirisan bahan bersubsidi bukanlah perkara yang harus dipandang remeh kerana ia melibatkan kehilangan hasil negara berbilion-bilion ringgit dan ini sekali gus menyebabkan jumlah subsidi kepada barang keperluan rakyat akan berkurang kerana ini sudah tentu membebankan rakyat. Saya percaya dan yakin jika ketirisan dapat dielakkan atau dihapuskan melalui penguatkuasaan KPDNKK sudah pasti penarikan atau pengurangan subsidi kepada barang-barang keperluan rakyat tidak akan berlaku. Pada masa yang sama, saya juga menggesa KPDNKK untuk berunding dengan peniaga-peniaga untuk menurunkan harga jualan mereka bersesuaian dengan penurunan harga bahan bakar. Sebelum ini alasan yang mereka berikan harga barangan terpaksa dinaikkan kerana harga barang bakar meningkat tetapi sekarang kita lihat harga bahan bakar sudah turun, oleh itu tidak ada alasan untuk mereka tidak menurunkan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menjunjung tinggi Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mahu cubaan segelintir pihak memainkan sentimen perkauman serta menyalahgunakan media sosial untuk menyebarkan kandungan berbau hasutan, fitnah dan fahaman ekstremisme dikekang. Dalam soal ini, saya menggesa Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memainkan peranan lebih aktif untuk memantau media sosial yang menyiarkan komen-komen jelik yang boleh menjejaskan perpaduan antara kaum di negara ini.

Turut perlu diberikan perhatian ialah bagaimana biadabnya sesetengah portal berita pro pembangkang yang menyiarkan komen-komen pembaca berhubung sesuatu berita yang ada kalanya bukan sahaja menghina pemimpin tetapi juga alim ulama'. Perbuatan seumpama ini jika dibiarkan akan mencetuskan ketegangan dalam kalangan orang lain. Begitu juga komen-komen dalam *Facebook* yang bertujuan menyakitkan hati kaum ataupun agama lain. Semua perbuatan tidak bertamadun ini perlu dihentikan dan dikenakan tindakan setegas-tegasnya. Namun begitu, sama ada ia akan berjaya atau tidak segala-galanya bergantung kepada sejauh manakah SKMM mampu memainkan peranan sebagai badan pengawas nombor satu kepada media-media sosial.

Tuan Yang di-Pertua, turut mendapat perhatian saya ialah berhubung ancaman keselamatan khususnya melibatkan puak militan IS negara Islam. Tahniah diucapkan kepada Polis Diraja Malaysia kerana berjaya menahan individu-individu yang terlibat menyokong puak militan tersebut. Akan tetapi ia masih belum mencukupi sebaliknya usaha harus dipergiatkan untuk menghalang doktrin IS daripada terus mempengaruhi rakyat negara ini khususnya dengan memberikan tafsiran songsang berhubung istilah jihad. Saya mencadangkan dalam memberikan pemahaman kepada rakyat khususnya generasi muda yang beragama Islam, sesi penerangan di sekolah dan universiti perlu diadakan dan ini akan membolehkan pihak berkuasa memberikan pemahaman kepada generasi tersebut betapa bahayanya ancaman IS dan apa erti jihad sebenarnya di sisi Islam.

Akhir sekali saya ingin menggulung perbincangan ini dengan menyeru semua Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman dan ideologi politik untuk turut sama-sama membangunkan negara ini. Marilah kita suburkan demokrasi dengan berpolitik secara berhemah dan bukannya berteraskan kepada matlamat menghalalkan cara. Sebagai ahli-ahli politik yang bertanggungjawab, kita sepatutnya berpolitik hanya ketika musim pilihan raya, apabila pilihan raya berakhir di mana rakyat sudah membuat keputusan, maka itu adalah waktu untuk berbakti kepada rakyat pula.

Pada masa yang sama, saya ingin mengakhiri perbahasan ini untuk melontar persoalan kenapakah pakatan pembangkang begitu ghairah mahukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meletakkan jawatan? Selama ini berbagai-bagai tuduhan mereka lemparkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mereka juga menganggap negara semakin teruk di bawah kepimpinan beliau.

Daripada segi politik, kalaulah betul apa yang didakwa sudah tentulah pembangkang akan membiarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus berkhidmat kerana ini akan memberikan peluang yang baik kepada mereka untuk menubuhkan kerajaan dalam pilihan raya umum yang akan datang tetapi senario yang sebaliknya berlaku apabila pembangkang mahukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berundur. Gesaan dan desakan itu membuktikan hakikat sebenarnya pembangkang takut dengan kewibawaan beliau apatah lagi segala tohmahan yang dilemparkan bak orang Kelantan kata, tidak menjadi kudis, gatal kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau terus tenang melaksanakan amanah yang diberikan dalam usaha membela nasib rakyat dan membawa negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Oleh itu, bagi saya seruan dan desakan pembangkang yang mahukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berundur sebenarnya membuktikan mereka semakin mufliis mencari modal bagi menjatuhkan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih, Tanah Merah menyokong titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

6.18 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mulakan dengan satu topik yang kita tahu mengenai penukaran agama dan di mana satu di antara pihak itu pergi ke mahkamah syariah atau satu pergi ke mahkamah sivil di mana menimbulkan banyak isu. Perkara ini telah dibangkitkan pada tahun 2009 di mana pada masa itu kerajaan telah memberikan arahan dan satu *committee* telah ditubuhkan.

The first committee on conversion yang diketuai oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon pada masa itu. Selepas itu walaupun *committee* tersebut sepatutnya membuat satu pandangan dan syor-syor yang terkini mengenai penukaran agama dan apakah akibat serta apa yang perlu diatasi oleh anak-anak yang berumur *minors* kurang daripada 18 tahun tetapi pada tahun 2009 tidak ada apa-apa arahan selain satu arahan di mana pandangan *committee* Kabinet adalah bahawa anak dari mereka yang dilahirkan sepatutnya dibesarkan dengan agama yang mereka ada sebelum penukaran agama.

■1820

Akan tetapi itu tidak ada apa-apa realisasi, tidak ada makna kerana itu bukan satu undang-undang tetapi satu pandangan *committee* tersebut. Selepas itu pada tahun 2013, lagi satu *committee* yang kedua ditubuhkan. Kali ini tiga Yang Berhormat Menteri menjadi anggota di *committee* tersebut untuk mencari jalan untuk menyelesaikan perkara ini. Akan tetapi tidak ada apa-apa penyelesaian. Selepas itu pada tahun ini, Januari 2015 kerajaan menubuhkan satu lagi *committee*, *committee* yang ketiga di mana 5 Yang Berhormat Menteri menjadi anggota *committee* tersebut dan *the terms of reference* adalah yang sama dari *committee* yang pertama, *committee* yang kedua dan *committee* yang ketiga.

Akan tetapi tidak ada lagi apa-apa yang baru yang kita dapat tahu. Minggu dulu dalam satu jawapan yang diberi semasa dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan dan lain-lain Ahli Parlimen, Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa perundangan-perundangan yang perlu dikemas kini mengenai perkara ini tidak perlu pada masa sekarang tetapi berpandangan bahawa tidak ada keperluan mengubah Artikel 121, *Federal Constitution*. Akan tetapi yang mustahak dalam hal ini adalah yang saya timbulkan adalah seksyen 51, Akta Perkahwinan dan Perceraian. Di mana kita perlu memperketatkan, membawa peranan dan arahan atau pandangan yang sangat senang, jelas supaya mahkamah dapat memberi arahan, dapat memberi penghakiman yang kena kepada situasi tersebut.

Macam kes Indra Gandhi dan kes Deepa dari- di mana wujudnya bila satu dari antara suami isteri menukar agama dan tanpa pengetahuan isteri, tanpa pengetahuan anak-anak mereka yang kurang daripada umur 18 tahun, telah menukar agama dan menjadi masalah yang rumit.

Akan tetapi yang perlu kita fikir Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu kes atau satu dua kes sahaja di negara ini. Saya difahamkan ada beribu-ribu kes. Di pejabat saya sendiri ada beberapa kes tetapi kita tidak membawa kes ke Mahkamah Sivil kerana memakan masa dan juga sangat banyak wang untuk melitigasi perkara itu.

Akan tetapi yang perlu diambil perhatian dan yang perlu inisiatif oleh kerajaan adalah membawa rang undang-undang seperti yang telah dijanjikan oleh kerajaan. Bukan baru, tahun dulu, tahun 2009, tahun ini. Bila Puan Indra Gandhi datang ke Parlimen pada 28 hari bulan, berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri-menteri. Yang Berhormat Menteri-menteri yang memberi aku janji bahawa pada bulan Mac, perundangan-perundangan yang berkaitan, kemas kini kan perkara ini akan dibawa ke Parlimen. Hingga hari ini tidak ada apa-apa *consultancy*, tidak ada apa-apa rang undang-undang dibawa. Saya telah memberitahu sebelum ini bahawa kita perlu *all party conference* untuk mengatasi masalah ini kerana ini adalah satu masalah yang sensitif. Akan tetapi kita perlu realistik bahawa kita perlu mencari jalan kerana ini adalah satu perkara yang boleh kita mencari jalan untuk menyelesaikan kes. Hari itu pula...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Rompin bangun.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya.

Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]: Setuju tidak kalau saya katakan satu rang undang-undang harus digubal. Mana-mana kes pertelingkahan keluarga berhubung agama ataupun harta dirujuk kepada Tribunal Keluarga sama ada dibawa kepada kes sivil ataupun Mahkamah Syariah. Kes-kes ini hendaklah dirujuk kepada Tribunal Keluarga untuk menyelesaikannya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Rompin, bukan setakat- itu kalau undang-undang itu ada *very clear*, tidak ada masalah. Masalah sekarang adalah undang-undang yang sedia ada macam Seksyen 51, Akta Perundangan Kahwin dan Cerai. *It is not clear*. Itu sebab kita ada masalah yang sedang berjalan dalam beberapa tahun, *not new*. Bila saya membawa perkara ini pada tahun 2009, itulah masalah yang saya bangkitkan. Kerajaan telah memberi aku janji tetapi hingga sekarang tidak menyelesaikan perkara itu. Okey, kalau hendak rujuk kepada Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil, tidak menyelesaikan perkara tersebut.

Apa yang perlu diselesaikan adalah bila ada satu undang-undang yang *very clear*, spesifik, di mana tidak akan merumitkan mana-mana keluarga. Itu yang menjadi masalah. Yang kita hadapi adalah bila seseorang menukar agama dan membawa perkara itu ke satu macam Mahkamah Syariah dan sebagainya, merumitkan perkara itu lagi.

Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]: Ya, saya terangkan tadi. Makna, kalau siapa-siapa bawa kes itu ke Mahkamah Syariah ataupun Mahkamah Sivil berhubung dengan perkara ini, digubal oleh undang-undang supaya dirujuk kepada Tribunal Keluarga untuk menyelesaikannya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tribunal Keluarga, kita sudah ada Tribunal Keluarga sekarang.

Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]: Tidak ada, tidak ada lagi.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita ada *Reconciliation Tribunal* dalam untuk orang-orang bukan Islam. *That is a joke*.

Dato' Hassan bin Arifin [Rompin]: Ini termaktub dua-dua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Rompin, *I'm a lawyer. I'm just talking to you lah. May be I don't with respect, due respect*. Bukan, saya kata dari tahun 1982, *Reconciliation Tribunal* ada.

That is a joke kerana kita yang kita *copycat* dari UK, dari England untuk menyesuaikan perkara itu, *it doesn't work*. Ia menjadi perkara yang rumit adalah bila undang-undang itu kabur *or it's not so clear*. Saya telah menentukan sekysen 51 *in particular*. Kalau kita kemas kinikan perkara itu. Kerajaan sendiri mengaku ada kita perlu, bukan saja undang-undang tersebut. Ada beberapa undang-undang yang berkaitan. Akan tetapi soalan saya adalah kenapa walaupun kerajaan memberi aku janji di Parlimen dan di luar Parlimen, menubuhkan 3 *committee* sehingga sekarang, melengah-lengahkan, tidak membawa rang undang-undang tersebut. *That is the issue* dalam perkara yang saya ingin bangkitkan.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua adalah dalam kes Vivian di mana hari itu dirujuk oleh Yang Berhormat Batang Sadong. Siapa beri arahan kepada Peguam Negara? Apakah polisi yang perlu diikuti oleh Peguam Negara? Polisi yang ditentukan oleh Kabinet. *So, what did the Cabinet say?* Kabinet telah memberi arahan bahawa kes-kes sedemikian patut berada di Mahkamah Sivil. *Very clear. That is the instruction of the principle* tetapi bila Peguam Negara datang ke mahkamah, *they argue against this*. Tidak masuk akal. *What kind of Attorney General Chambers we have?* Apa arahan Kabinet, tidak ikut arahan Kabinet. Arahan Kabinet adalah *simple* sahaja. *Follow, just* ikut apa yang diarahkan oleh Kabinet.

Kabinet kata semua kes-kes sedemikian, di mana pertukaran agama, di mana perkahwinan dibuat secara sivil patut diselesaikan di Mahkamah Sivil. *That is the instruction of the Cabinet, that is the instruction in 2009* hingga sekarang. Akan tetapi *Attorney General Chambers* bila datang ke mahkamah dia *argue* untuk Mahkamah Syariah. Tidak masuk akal. *Who's the client, who's the boss? Who is the lawyer and who's the client? Attorney General Chambers is higher than the Cabinet? True* lah, ini 'Malaysia boleh'. *This is 'yes Minister'. Civil servants, public- this Little Napoleans is controlling the Cabinet. The Cabinet is dumb and deaf*. Patut ikut memberi arahan kepada *Attorney General Chambers, you* buat ini, *no. Civil servants have taken power. They decide, they came and argue in court*. Yang beza dari apa yang keputusan polisi kerajaan. Mana boleh.

Saya harap Yang Berhormat Batang Sadong akan memberi jawapan yang spesifik mengenai perkara ini. Oleh kerana saya keliru, saya satu di antara beberapa kes yang saya buat sebagai *pro-bono* dalam kes ini. Di mana saya nampak ada kekeliruan, di mana satu pandangan Kabinet adalah 'A' dan 'B' tetapi Peguam Negara mari sana kata yang beza lawan C dan D. Ini sangat- saya rasa telah menggilakan, telah merumitkan perkara ini.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Ipoh Barat, hendak tanya sikit.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Cepat, tidak ada masa.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ya, cepat ya. Yang Berhormat Ipoh Barat, adakah Yang Berhormat Ipoh Barat tadi berkata kena bagi arahan, bagi arahan. Saya hendak tanya pendapat, hendak minta pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat, adakah AG mempunyai kuasa terhadap Mahkamah Syariah? Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Tanah Merah, *you* boleh tanya itu kepada AG. Saya tidak perlu jawab. Saya bukan AG, saya bukan AG lagilah. Akan tetapi pandangan saya mengenai kekeliruan AG *is very clear*. Kalau saya Kabinet, saya bagi arahan, Kabinet perlu- AG perlu ambil tindakan sedemikian.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Ya, sebab tadi saya tanya Yang Berhormat Ipoh Barat sebab Yang Berhormat Ipoh Barat tadi bila Yang Berhormat Rompin tanya...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan, *AG is a Federal matter*.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Jadi, itu bermakna kita pakar undang-undang.

■1830

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No*, untuk *Federal matter*. *State* adalah *state legal advisor*. *Syariah Court is a state matter. It is inferior court*. Dia ada sistem dia sedemikian. *It's a Federal Court* berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengalihkan ke perkara yang lain. Ini juga berkaitan dengan Yang Berhormat Batang Sadong, di mana *Civil Law Act*, di mana satu pindaan undang-undang telah dibuat pada tahun 1984. Di mana jika kemalangan jalan raya, maksimum yang boleh dituntut oleh seseorang yang membawa kes ke mahkamah adalah had umurnya adalah had 55. Lebih kurang 70 peratus Ahli-ahli Parlimen kalau dapat cedera di kemalangan jalan raya tidak boleh *claim*. Mengenai pendapatan dan sedemikian.

Ini menjadi satu sekatan yang tidak masuk akal langsung. Oleh kerana nombor satu, pada tahun 1984 dan sekarang lebih kurang 30 tahun selepas itu, situasi telah berbeza iaitu *retirement age*, persaraan telah berubah. Masa itu umur 55, sekarang telah dinaikkan kepada umur 60 tahun. Untuk hakim-hakim 68 tahun. Untuk Ahli Politik tidak ada umur, *no maximum age*. Akan tetapi ramai di antara masyarakat negara bekerja hingga berumur 70 tahun, 80 tahun. Akan tetapi kerana Akta Sivil ini yang mengehendkan untuk mendapatkan pampasan pekerjaan kehilangan pendapatan atau *bereavement* atau sedemikian. Ini semua dihadkan sehingga 55 tahun.

Saya berharap, perkara ini saya telah beritahu beberapa kali. Saya harap undang-undang ini dibawa supaya *it should be more relevant up to the time* sekarang, pada masa sekarang, di mana *retirement age* sepatutnya 60 tahun sekurang-kurangnya atau untuk kehilangan pendapatan sehingga sekurang-kurangnya berumur 70 tahun. Ini kerana ramai di antara rakyat Malaysia bekerja hingga berumur 70 tahun, 75 tahun. Akan tetapi kalau mendapat kemalangan, dia tidak boleh membawa kes tetapi dihadkan sehingga 55 tahun.

Ini tidak rasional, tidak justifikasi dan saya rasa AG Chambers perlu mengambil tindakan supaya meminda undang-undang tersebut di bawah. Saya harap Yang Berhormat Batang Sadong dapat mengambil perhatian dalam perkara ini. Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai *International Criminal Court* dan *Arms Trade Treaty*, di mana pada tahun 2010 dan dua tahun dahulu, *Arms Trade Treaty* telah ditandatangani oleh kerajaan. Mengenai *International Criminal Court* di mana pada tahun 2010 Kabinet memberi kebenaran supaya kita menjadi anggota dan ratifikasi dijalankan.

Arms Trade Treaty, kita telah menandatangani tetapi kita belum ratifikasikan *treaty* tersebut. Saya hendak tahu apakah terkini mengenai perkara tersebut kerana *we became a laughing stock* Tuan Yang di-Pertua, kerana kita pergi ke Bangsa-Bangsa Bersatu mengatakan bahawa kita perlu menubuhkan satu tribunal untuk menyiasat apa terjadi kepada MH17.

Ini satu tipu helah kerana kalau kita menjadi anggota ATT atau kita menjadi anggota (ICC) *International Criminal Court*, satu tribunal yang ada *experience* yang boleh menjalankan tugas mereka untuk menolong negara tetapi kita tidak menggunakan saluran tersebut tetapi mencari jalan yang lain untuk pergi ke Bangsa-Bangsa Bersatu. Bila kita tahu bahawa Russia akan veto kerana berperang dalaman di Ukraine. Ini semua kita tahu tetapi kenapa kerajaan tidak ada hasrat untuk menggunakan sistem yang kita sedia ada, *International Criminal Court*.

Satu lagi adalah Tuan Yang di-Pertua, saya telah menulis satu surat kepada Timbalan Menteri Luar Negara pada 23 Disember. Ini adalah mengenai saya sebagai Setiausaha bagi *Parliamentarians for Global Action Malaysia*, di mana saya telah memohon agar apakah proses mengimplementasikan mengenai *the enforcement of the Convention on the Prohibition of the Development, Production and Stockpiling of Bacteriological (Biological) and Toxin Weapons and on their Destruction (BWC)*.

Pada tahun 1972 ini dimulakan, Malaysia telah menandatangani pada tahun 1972 dan telah meratifikasikan pada September 1991. Beberapa undang-undang telah dipinda supaya kita mengikut konvensi-konvensi dan *treaty* tersebut. Akan tetapi perkara yang berkaitan adalah apakah yang kita telah pastikan bahawa, dengan izin, saya baca, *“however and with much publicized recent concerns and speculations about the non-state actors including terrorist organization such as ISIS acquiring or who may already have acquired biological weapons capacity, many countries are now urgently reviewing their statutes vis-à-vis this treaty in particular:*

- (i) *to identify existing legislation it has on its statute books is adequate or needs to be updated in light of the fact that much of this legislation was enacted some time ago.*

- (ii) *to establish with existing implementing legislation is in fact been adequately enforced and closely related if sufficient resources are being made available to ensure adequate enforcement.*"

Jadi, pada hakikatnya saya hendak tahu apakah tindakan yang telah diambil? Apakah yang terkini mengenai perkara tersebut dan adakah kita telah berkompromi dengan kehendak *treaty* tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara mengenai ini adalah kepada Yang Berhormat Batang Sadong juga, mengenai penghapusan hukuman mati mandatori. Di mana pada 17 November 2015, Yang Berhormat Menteri telah menghadiri satu *round table* di Parlimen, di mana *Parliamentarians for Global Action* telah mengadakan *round table* mengenai penghapusan mandatori *death penalty*. Di mana kerajaan bersetuju bahawa akan membawa rang undang-undang tersebut pada sesi ini.

Akan tetapi lagi satu janji yang dibuat oleh kerajaan tidak lagi dipenuhi, belum lagi dibuat walaupun aku janji ini telah dibuat kepada negara-negara lain yang wakil rakyat mereka hadir pada 17 November di Parlimen kita. Pada masa itu kita dapat tahu bahawa hanya Malaysia adalah satu di antara *special species* dalam perkara ini, di mana hanya lebih kurang 30 ke 37 negara di dunia yang masih ada undang-undang *mandatory death penalty* yang tidak memberi kuasa kepada hakim, *discretionary power to impose death penalty*.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Parlimen hari ini telah berhujah mengenai kerajaan berniat membawa 1.5 juta orang Bangladesh ke negara ini. Walaupun saya suka mempercayai bahawa kerajaan telah membatalkan permintaan tersebut tetapi semalam dan beberapa tempat di mana negara kita dapat tahu ramai lagi, ratus-ratus orang Bangla masih datang ke negara ini untuk bekerja. Saya difahamkan ini adalah kebenaran yang telah diberi oleh kementerian dan sebagainya.

Akan tetapi itu pada dasarnya dan hakikatnya menunjukkan kita membenarkan membawa pekerja-pekerja asing, bukan niat untuk menolong ekonomi tetapi satu perniagaan. *We all know*. Saya lagi ingat lima tahun dahulu bila saya tanya soalan tersebut, di mana kita ada *outsourcing companies*, lebih kurang 260 *companies* yang telah dibenarkan membawa pekerja-pekerja asing.

Ramai di antara *outsourcing company* ini adalah berkaitan, adalah kroni-kroni ahli-ahli politik yang ada kena mengena. *It's all licensing* untuk cari makan. Ini adalah satu perkara yang kita patut ambil tindakan. Saya hendak tahu supaya apakah dalam proses kerajaan sekarang, *they kick the ball to the other side*, memberitahu kepada *trade union* dan sebagainya, '*Sekarang you cari pekerja supaya rakyat Malaysia boleh mengambil kerja-kerja 3D dan sebagainya*'.

Akan tetapi hakikatnya adalah ini. Kalau bayaran lumayan seperti di Australia dan New Zealand, kita tidak ada pekerja asing membuat 3D punya *job*. Kenapa di sana tidak ada? Oleh kerana senang, kalau bayaran gaji yang lumayan, yang munasabah, *immediately, automatically attract this good working force to join*. Akan tetapi di negara ini gajinya sangat kurang, sangat rendah, tidak memberi galakan kepada masyarakat untuk bekerja di tempat-tempat tersebut.

■1840

Ini adalah satu cara kerajaan perlu mencari jalan kenapa kalau di negeri Pulau Pinang *starting phase* RM1,500. Kalau di tempat lain macam di Kerajaan Persekutuan adalah dicadangkan RM1,100 dan banyak di tempat-tempat lain adalah RM900. *All these mechanism* gaji yang berbeza tetapi tidak ada fokus kepada pekerja-pekerja untuk benda yang melindungi mereka.

Berkaitan dengan ini adalah *retrenchment fund*. Sekarang kita menghadapi sistem ekonomi yang sangat serius di mana ramai di antara pekerja-pekerja mungkin hilang kerja ataupun mungkin tidak dapat kerja. Adakah kerajaan apa yang dipastikan? Adakah sistem *revolving fund on their retrenchment benefit, unemployment benefit* dan sebagainya akan menolong untuk mengatasi masalah yang remeh yang mungkin dihadapi oleh pekerja-pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya boleh gulung.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, saya juga ada cadang bahawa kita sekarang ada lebih kurang 500,000 orang pelarian dari luar negara yang sedia ada di negara ini. Saya harap mereka boleh diberi satu peluang untuk diambil, diserap dalam sistem pekerjaan, memberi permit kepada mereka supaya mereka boleh dapat kerja. Sekarang mereka tidak dibenarkan, tidak diberi permit, tidak diberi peluang untuk mencari pekerjaan untuk berbelanja dan menjaga anak-anak mereka. Saya rasa jangan kita mengambil pekerja lain, pekerja di luar negara tetapi memberi peluang kepada pihak pelarian, *refugees* dan sebagainya. Apakah pandangan kerajaan supaya kita menyelesaikan terutamanya *once and for all*?

Lagi satu adalah Tuan Yang di-Pertua mengenai *Special Implementation Task Force* yang dimulakan dari tahun 2010. Di mana hakikatnya adalah Kabinet telah memulakan Perdana Menteri pada masa itu adalah untuk menolong *specifically* masyarakat India. Akan tetapi kerap kali bila kita membawa isu tersebut, kita rasa pada akar umbinya tidak ada satu sistem untuk menolong, untuk mengatasi masalah yang rumit yang dihadapi oleh masyarakat India terutamanya dalam mendapat kerja dan sebagainya. Apa yang dibuat setakat ini? Apakah rancangan terkini dan untuk *short term* dan *long term*?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Ia mengenai orang asal. Di kawasan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri di mana saya telah mendapat telefon untuk membawa perkara itu hari ini. Ramai di antara orang asal menghadapi masalah yang rumit di beberapa kawasan. Di kawasan saya cuma ada satu orang sahaja, di Malaysia ada lebih kurang 600,000. Masalah mereka satu di antara ialah untuk menyesuaikan dengan sosial ekonomi serta situasi. Kita ada masalah tetapi mereka menghadapi masalah yang lebih teruk. *They are the force in the country*. Kita perlu memberi, mencari jalan bukan sahaja menolong mereka tetapi lebih daripada menolong mereka. Satu di antara caranya adalah di Jabatan Orang Asal di mana kita perlu adakan dari atas ke bawah semua pekerja patut adalah dari orang asal sendiri, pertama.

Kedua, Hari Orang Asal. Perkara yang saya bangkitkan beberapa kali perkara itu di Parlimen ini tetapi hingga sekarang kerajaan tidak belum menentukan apakah tarikh untuk menyambut Hari Orang Asal. Mereka tanya. Bila saya pergi ke kawasan Yang Berhormat mereka tanya kepada saya, adakah Yang Berhormat boleh membangkitkan perkara ini supaya- mereka ingat Timbalan Tuan Yang di-Pertua membawa perubahan kepada perkara tersebut. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Tuan Yang di-Pertua boleh memberitahu kepada mereka bahawa ini adalah keadaan situasi yang abnormal di negara ini. Walaupun Timbalan Tuan Yang di-Pertua sedang mendengar cerita ini tetapi hanya kerajaan dapat membuat perubahan dan sebagainya.

Akhir untuk penukaran agama dan masalah yang sangat rumit dihadapi oleh orang asal di mana mereka terpaksa menukar agama atau masalah-masalah berkaitan dengan ini. Adakah jabatan tersebut mengambil tahu? Adakah jabatan tersebut mengambil tahu untuk mengatasi masalah tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat. Sudah lebih lima minit.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sekeping tanah di Sekolah St. Filipina di Ipoh. Di mana sekolah ini adalah satu di antara sekolah yang terunggul di negeri Perak di mana *the second girls' school, Tamil girls' school* dalam negara ini. Tanah itu lebih kurang 1.5 ekar tidak ada tempat untuk padang dan sebagainya. Sekolah tersebut telah memohon lebih dari 30 tahun, tiba-tiba 10 tahun dahulu kerajaan negeri telah memberi tanah itu kepada Yayasan Perak. Saya harap Kementerian dapat menolong supaya memberi arahan kepada kerajaan negeri, memberi tanah tersebut kepada sekolah supaya menggunakan sebagai satu tempat padang dan sebagainya.

Untuk Parlimen sendiri, saya menyambut baik baru-baru ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah memberitahu bahawa ada beberapa perubahan-perubahan akan jadi di Parlimen. Akan tetapi itu pada pandangan saya tidak cukup. Kita perlu dan saya harap Kabinet akan memberi kebenaran meng*approve* supaya kita ada *committee* untuk beberapa jawatankuasa-jawatankuasa supaya dapat meneliti dan memperhalusi undang-undang yang perlu dibawa kepada Dewan. Ini kerana situasi yang kita ada adalah *second chamber* dan lain-lain adalah, itu adalah satu yang bagus yang saya rasa satu transformasi yang sangat material, yang sangat dinamik.

Akan tetapi yang lebih adalah *committee system* saya harap kerajaan akan fikir, bersetuju bahawa *committee system* yang sedia ada di Indonesia dan di negara-negara lain sangat relevan, yang boleh membawa lebih *first world Parliament*, sistem yang sangat baik. Terima kasih. *Nandri*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi wanita Yang Berhormat Jerantut boleh? Ya sila Yang Berhormat Kota Samarahan. Yang Berhormat Jerantut lepas ini ada peluang. Terima kasih.

6.46 ptg.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Semoga Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang terus melimpahkan rahmat dan mawaddahnya kepada Seri Paduka Baginda dan juga negara kita yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin hendak bahaskan pada petang yang berbahagia ini ialah berkaitan dengan kos sara hidup. Tahun ini dan tahun-tahun akan datang adalah amat mencabar sekali terutamanya dari segi pengurusan kewangan dan juga kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat. Ini realiti yang kita perlu hadapi bukan sahaja di negara kita tetapi juga seluruh dunia. Jadi apakah tindakan dan apakah pilihan kita dalam menghadapi situasi seperti ini? Kita menyedari kerajaan kita amat prihatin berkaitan dalam usaha kita mengurangkan kos sara hidup rakyat pada masa ini. Pelbagai inisiatif telah diambil kerajaan dalam usaha mengatasi dan mengurangkan kos sara hidup ini. Dalam Bajet 2016 baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut mengumumkan pelbagai insentif khas kepada golongan B40 yang terus kepada golongan sasaran berkenaan.

Saya hendak mengucapkan terima kasih, tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengumumkan kenaikan gaji minimum bagi sektor kerajaan RM1,200 dan RM920 bagi sektor swasta dan Sabah dan Sarawak, Labuan dan RM1,000 bagi sektor swasta di Semenanjung Malaysia. Namun begitu persoalan bagi saya, kenapa tidak kadar minimum ini diselaraskan memandangkan kos kehidupan baik di Semenanjung, di Sarawak, di Sabah, di Labuan hampir sama. Kalau di peringkat pegawai kerajaan, kita boleh samakan kenapa tidak di peringkat sektor swasta. Malah dalam sesetengah keadaan kita mendapati kos harga barangan di Sabah, Sarawak dan Labuan lebih tinggi berbanding di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah prihatin kerajaan dalam mengurangkan kos sara hidup telah banyak telah ditampilkan.

■1850

Malah baru-baru ini Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil langkah berani dalam usaha membantu meringankan beban rakyat khususnya luar bandar. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita Tok Nan, dia suka nama dia disebut Tok Nan telah membuat pelbagai inisiatif. Antaranya ialah pertama, yang benar-benar menyentuh perasaan rakyat ialah mengurangkan tarif elektrik. Bil-bil yang kurang daripada RM20 tidak dikenakan sebarang caj. Begitu juga dengan sektor-sektor perkhidmatan dan juga sektor pembangunan dalam perniagaan.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita juga telah menyeragamkan semua kos perkhidmatan feri sebab feri di Sarawak masih merupakan jalan penghubung yang banyak, yang utama. Dia telah menyeragamkan kos feri menjadi RM1 yang mana sebelum ini mengikut *locality* amat berbeza kadar iaitu RM1, RM5, RM20 dan ada yang mencecah RM50. Bagi meringankan beban rakyat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita telah pun mengumumkan dan melaksanakan penyeragaman kos penggunaan feri ini.

Begitu juga kita lihat prihatinnya kerajaan kepada rakyat di Sarawak ialah penghapusan tol. Tidak ada lagi jambatan dikenakan tol termasuk tol di jambatan Lanang. Tol Lanang pun kita dah hapuskan. Ini adalah suatu usaha yang amat baik sebab jalan perhubungan melalui jambatan merupakan satu cara perhubungan yang amat penting yang melibatkan ekonomi penduduk.

Seterusnya, kalau kita lihat langkah lain yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita bagi meringankan beban rakyat ialah tidak mengenakan GST kepada perkhidmatan-perkhidmatan di bawah majlis berkuasa tempatan. Yang ini Tuan Yang di-Pertua, telah banyak memberi peluang ataupun banyak memberi ruang kepada rakyat Sarawak khususnya di luar bandar dalam mendapatkan perkhidmatan yang terbaik dalam kos yang lebih murah di Sarawak.

Begitu juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak prihatin dengan penerima-penerima bantuan kebajikan masyarakat. Jabatan Kebajikan telah menghulurkan bantuan kebajikan berdasarkan kriteria-kriteria penerima dan Kerajaan Negeri Sarawak telah pun menambah RM50 kepada setiap penerima bantuan kebajikan masyarakat. Tujuannya bagi memastikan kuasa beli, memastikan pengurusan kewangan masyarakat miskin khususnya yang kurang berkemampuan dapat dilaksanakan sebaik yang mungkin.

Begitu juga dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat Sarawak dalam memiliki perumahan. Kerajaan Negeri Sarawak juga dengan begitu berani sekali telah menyediakan satu plan rumah mampu milik yang boleh dimiliki oleh rakyat Sarawak dengan harga yang berpatutan. Perkara ini bukan sahaja dah diumumkan tetapi telah dilaksanakan di seluruh negeri Sarawak. Jadi ini merupakan salah satu contoh yang telah kita dapat lihat bagaimana kerajaan kita amat prihatin dalam usaha membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah juga kepada Kerajaan Persekutuan kerana dalam usaha kita membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat, telah menubuhkan satu jawatankuasa khas di peringkat Kabinet dalam melihat, menangani isu-isu kenaikan harga barangan dan sebagainya. Cuma saya ingin bertanya, sejauh manakah jawatankuasa ini dapat mengambil tindakan ataupun membuat formula yang sesuai untuk dilaksanakan bagi menangani isu-isu kenaikan harga barangan di peringkat akar umbi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup ini, saya mencadangkan agar kerajaan dapat mempromosikan produk dan hasil masyarakat tempatan secara lebih meluas, agar dapat membantu memasarkan barangan tempatan dan seterusnya meningkatkan pendapatan. Begitu juga saya menyarankan agar kerajaan mewujudkan lebih banyak lagi *rural premium outlet* (RPO) yang mana *outlet* perniagaan dan ruang-ruang penjualan produk-produk luar bandar dilaksanakan di kawasan kuasa beli tinggi bagi meningkatkan kebolehpasaran pasaran produk-produk luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bincangkan di sini ialah bencana banjir. Kita tahu bencana banjir ini merupakan satu musibah. Kalau di negara kita, setiap tahun kita menghadapi. Baru-baru ini, awal tahun ini Kerajaan Negeri Sarawak telah menghadapi banjir besar yang mana melibatkan beberapa bahagian terutamanya bahagian Kuching dan Sri Aman termasuklah kawasan saya Samarahan. Kita melihat bencana banjir ini telah menyebabkan banyak kerosakan, banyak menyebabkan kesukaran kepada mangsa-mangsa banjir. Hampir 10,000 mangsa banjir yang terdiri daripada 3,000 keluarga yang terlibat kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, bandar Kuching tidak terkecuali daripada menghadapi banjir kali ini. Bukan sahaja melibatkan kampung-kampung, malah dalam bandar itu sendiri. Ini disebabkan oleh limpahan hujan yang tinggi, maksudnya turun hujan yang tinggi melebihi daripada 200ml. Begitu juga kenaikan paras air laut dan sungai. Ini telah menyebabkan bukan sahaja kediaman tetapi pusat-pusat perniagaan, gedung-gedung perniagaan, hotel dan sebagainya terlibat. Saya amat berbangga sekali dan hendak mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kepimpinan Barisan Nasional, baik Persekutuan dan negeri terutama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang hadir ke kawasan meninjau bersama-sama dengan mangsa banjir sejak hari pertama lagi.

Atas keprihatinan beliau juga, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita telah mengarahkan Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli membuat satu penyelidikan khusus berkaitan dengan banjir di Bandar Kuching dan menyarankan program atau projek tebatan banjir Kuching dipercepatkan dan dilaksanakan dengan seberapa segera. Kita dimaklumkan projek ini telah diluluskan di dalam RMKe-11 dan apa yang kita inginkan, projek ini disegerakan supaya musibah banjir ini dapat kita tangani dan rakyat kita dapat dilindungi dengan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada kejadian banjir di kawasan saya. Banjir di kawasan saya melibatkan lebih 10 buah pusat pemindahan yang melibatkan ribuan mangsa dan kita melihat kesukaran yang dihadapi oleh mangsa-mangsa banjir itu. Kita mendapati sebab utama banjir adalah disebabkan bukan sahaja hujan yang lebat tetapi penyelenggaraan sungai dan juga ban-ban yang tidak sekata. Saya mencadangkan kepada Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli untuk menyelenggarakan sungai-sungai dan ban-ban kerana kawasan saya ini hidup dalam lingkungan ban. Penyelenggaraan sungai dan ban ini dilakukan secara berkala bagi mengelakkan keadaan air melimpah dan juga banjir. Antara sungai-sungai yang saya nampak perlu diberi penekanan seperti Sungai Turong, Sungai Samarahan, Sungai Endap, Sungai Entingan, Sungai Moyan dan banyak lagi sungai yang terdapat di Samarahan.

■1900

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar turun padang bersama saya dan telah meluluskan beberapa projek tebatan banjir ataupun projek-projek banjir di kawasan saya yang melibatkan hakisan, yang melibatkan tanah runtuh dan juga penyelenggaraan sungai terutama sekali di kawasan Tanjung Bundong Fasa 3, Kampung Tambirat, Pintu air serpan dan juga di perumahan Uni-Garden dan SK Jalan Muara Tuang. Kita lihat dan kita minta perkara ini disegerakan dan kita mohon juga kelulusan baru untuk hakisan Sungai Entingan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon kepada kementerian yang bertanggungjawab berkaitan dengan jawatankuasa bencana banjir untuk memperlengkap dan mensiapsiagakan keperluan peralatan penyelamatan di kawasan-kawasan yang mudah dilanda banjir khususnya di kawasan Samarahan, Kuching, Sri Aman dan sebagainya. Kita mendapati kekurangan infrastruktur seperti bot, enjin, jentolak dan sebagainya. Kita perlu disiap siagakan bagi memastikan usaha-usaha menyelamatkan, pusat pengurusan banjir dapat diselenggara dan diuruskan dengan baik. Begitu juga saya memohon kepada pihak kementerian ataupun jabatan yang bertanggungjawab untuk memperkemaskan pusat-pusat pemindahan banjir.

Di kawasan saya, majoriti pusat pemindahan banjir ialah sekolah dan kebanyakannya sekolah ini dalam keadaan yang uzur. Tidak mempunyai kesempurnaan dari sudut bangunan. Begitu juga kelengkapan seperti tandas dan sebagainya. Oleh itu saya memohon agar Kementerian Pendidikan dan juga agensi berkaitan melihat dan memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah yang dijadikan pusat pemindahan banjir bagi memastikan kemudahan-kemudahan ini diperolehi dengan baik dan sempurna dan memudahkan mangsa-mangsa banjir berkenaan terutama sekali di SK Kampung Endap sebab Kampung Endap ini merupakan kampung yang tiap-tiap tahun menghadapi banjir kerana ia berada di kawasan tanah mendap.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak mohon kepada kerajaan untuk melihat kepada kesan banjir berkenaan kepada ekonomi penduduk kampung khususnya di luar bandar. Saya merayu kepada jabatan kerajaan khususnya Jabatan Pertanian kerana untuk melihat kawasan-kawasan pertanian yang rosak teruk di Kota Samarahan. Pada masa banjir ini, padi sedang masak jernih, tetapi bila banjir semuanya habis. Jadi kita berharap kementerian yang berkaitan dapat melihat dan menilai bantuan-bantuan yang boleh diberikan kepada mereka bagi meringankan beban dan sara hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara yang saya hendak utarakan adalah pembangunan luar bandar. Sebagaimana dalam Titah Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong, Baginda telah menekankan bahawa pentingnya program membandarkan luar bandar yang merupakan agenda baru yang sangat positif bagi tujuan pembangunan supaya dapat berjalan seiring antara bandar dan luar bandar. Agenda ini merupakan satu perubahan yang radikal yang perlu disegerakan. Ini membolehkan pembangunan ekonomi luar bandar terus mampan dalam jangka panjang dan dinikmati oleh setiap penduduk dan membolehkan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi terutamanya pembangunan luar bandar bagi kawasan Sabah, Sarawak dan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, keseriusan pembangunan luar bandar menjadi fokus utama Kerajaan Negeri Sarawak dan kita perlu sokongan padu, komitmen bersama daripada Kerajaan Persekutuan. Baru-baru ini bagi meningkatkan pembangunan luar bandar di Sarawak yang jauh ketinggalan, kerajaan negeri telah mengambil banyak inisiatif. Antaranya, pertama, meningkatkan jumlah Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam usaha kita mempercepatkan pembangunan, mempercepatkan agihan-agihan projek pembangunan di kawasan tersebut. Kita telah tingkatkan jumlah kawasan DUN daripada 71 kepada 82 DUN.

Begitu juga untuk meningkatkan pengurusan pentadbiran pembangunan luar bandar, kerajaan negeri telah memperkenalkan sembilan buah daerah baru, satu bahagian baru dan enam buah daerah kecil. Ini bertujuan untuk memfokus dan meningkatkan pembangunan luar bandar, meningkatkan kualiti kehidupan yang selama ini kurang dinikmati oleh penduduk luar bandar. Bahagian baharu ialah bahagian Serian. Sembilan daerah baru ialah Daerah Subis, Beluru, Tanjung Manis, Pusa, Kabung, Tebedu, Telang Usan, Sebauh dan Bukit Mabong. Enam daerah kecil ialah Siburan, Bario, Tinjar, Long Bedian, Mulu, dan Nanga Budu. Ini merupakan satu langkah bagaimana kita hendak meningkatkan dan memfokuskan lagi pembangunan luar bandar.

Begitu juga kerajaan negeri juga telah pun memperuntukkan lebih RM500 juta untuk meningkatkan pembangunan luar bandar, khususnya meningkatkan infrastruktur luar bandar melalui dalam Bajet 2016, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mencadangkan kepada Dewan Undangan Negeri untuk meluluskan lebih RM500 juta untuk kemudahan pembangunan luar bandar tetapi tidak disetujui oleh pihak pembangkang. Ini...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Itu sangkaan jahat. Itu sangkaan jahat. Kami bukan tidak setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Minta izin, Yang Berhormat.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Tuan Yang di-Pertua, ini realiti. Ini realiti. Permohonan bajet lebih RM500 juta oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam sidang Dewan Undangan Negeri tidak dipersetujui dan dibantah oleh pihak pembangkang. Ini menimbulkan satu pertanyaan kepada diri saya. Apakah fokus dan sasaran utama kumpulan ataupun pihak pembangkang dalam usaha kita membangunkan rakyat dan masyarakat khususnya di kawasan di negeri Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan, Yang Berhormat.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, selain daripada itu kita memohon kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan lagi peruntukan-peruntukan membantu Kerajaan Negeri Sarawak meningkatkan kualiti pembangunan luar bandar. Terima kasih kepada Jalan *Pan Borneo* yang telah dan sedang dilaksanakan. Begitu juga kita mengharapkan Kerajaan Persekutuan meluluskan pembinaan *coastal road* atau jalan pesisir pantai dan juga jambatan-jambatan yang panjang bagi menghubungkan jalan-jalan berkenaan.

Kita mengharapkan Kementerian Pendidikan melihat dan memberi *priority* untuk menyelenggarakan dan membina baru sekolah-sekolah di luar bandar. Kita mohon kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk meningkatkan ataupun membina lebih banyak menara-menara telekomunikasi bagi memudahkan perhubungan komunikasi rakyat Sarawak. Begitu juga kita mohon kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk meningkatkan projek jalan kampung, pembinaan UTC, jalan luar bandar. Begitu juga program-program rakyat termiskin bagi kawasan luar bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan bekalan air, bekalan elektrik dan sebagainya. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, memang selama ini kita memperjuangkan infrastruktur seperti bekalan air, bekalan elektrik untuk penduduk-penduduk di kawasan kita tetapi jumlah ini belumlah mencukupi dan perlu kita tingkatkan disebabkan peningkatan pembangunan kawasan baru yang makin bertambah di Sarawak.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Tuan Yang di-Pertua, saya dikatakan kena habis, bukan? *Last* sekali, *last* sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya, ya.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: *Last* sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kerajaan bagi sedekah sahaja untuk infrastruktur Sarawak.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Akhir sekali, saya ingin...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya ingin tanya. Penjelasan boleh? Sedekah pun puas hati...

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyokong perkara yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Sibuti iaitu berkaitan dengan Kerajaan Negeri Sarawak akan tetap memperjuangkan royalti 20 peratus .

■1910

Kita tidak bersetuju dengan *statement* yang dikeluarkan Yang Berhormat Bandar Kuching. Cuma pada masa ini *mood* kita, maksudnya suasana permohonan kita dilembutkan sedikit tetapi akan diperjuangkan sampai dapat.

Bak kata pantun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita semua dengar...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sampai bila, sampai bila?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: ...Semua dengar pantun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita:

*Nyiur gading puncak mahligai,
Ketupat juga berisi inti,
Hancur daging tulang berkecai,
Belum ku dapat belum ku berhenti.*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ya, ubah Sarawak, ubah! Sarawak ubah.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Ini janji, ini janji Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk memperjuangkan royalti minyak 20 peratus. Untuk makluman Dewan semua, sebenarnya usaha Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bukannya gagal. Bukannya gagal, kita masih melanjutkan dan apa yang penting selain daripada royalti ini, pihak Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah berjaya mendapat beberapa program-program yang dapat memacu pembangunan luar bandar, yang melibatkan Petronas.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tidak payah minta sedekah, Pakatan perintah terus bagi 20 peratus.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Pertama sekali, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah berjaya mendapat kontrak RM2.1 bilion setahun untuk syarikat-syarikat Sarawak daripada Petronas. Kedua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri Sarawak juga berjaya mendapat Program Tanggungjawab Sosial Korporat Petronas berjumlah RM10 juta setahun. Ketiga, selain daripada royalti minyak, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita telah berjaya mendapat dana pendidikan Petronas untuk pendidikan dan latihan sekolah teknikal di kawasan Sarawak bernilai RM420 juta dalam tempoh 5 tahun.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Tuan Yang di-Pertua pun terpegun, senyum sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya senyum sebab masa, Yang Berhormat.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Ini antara kejayaan-kejayaan yang telah diperolehi walaupun permohonan 20 peratus belum dapat tetapi tetap akan diperjuangkan.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Ini kempen, ini kempen ini.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Begitu juga dari sudut autonomi, Yang Berhormat Lanang tadi maklumkan usaha Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sia-sia, cuma dapat autonomi dari sudut pentadbiran. Itu salah sama sekali. Kita hendak dapat sesuatu bukan hendak kaut terus... [*Dewan riu*] Kita kena fasa berfasa, baru orang dapat pertimbangkan.

Dalam Mesyuarat Pertama, dalam perbincangan yang pertama, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita telah membawa autonomi untuk tiga belas perkara. Tiga belas perkara berkaitan dengan pentadbiran dan tanpa banyak kerenah telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan fasa kedua akan menyusul untuk royalti, untuk perundangan, untuk pengagihan pendapatan dan sebagainya, akan menyusul. Ini usaha Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sarawak untuk rakyat Sarawak yang akan kita perjuangkan sehingga dapat bagi kebajikan rakyat-rakyat di Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat habiskan.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Memandangkan masa tidak ada, saya ucapkan terima kasih dan dengan itu saya mohon menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

7.13 mlm.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang untuk berbahas. Tuan Yang di-Pertua, sudah tidak ada *chance* untuk berbahas, jadi Pengerusi sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dengar berbahas, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Dengar berbahas ya. Oleh sebab itu saya bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, menyokong sangatlah permohonan wakil Beluran memohon supaya Pejabat Pendaftaran dibuka di kawasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah dapat ya, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Akan tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hari ini KDN telah luluskan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang bergerak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bergerak tiga kali sebulan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kita hendak yang tetap itu, fasal Beluran besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu permulaan yang baik, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Bak kata Yang Berhormat Kota Samarahan, berfasa ya, berfasa.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tahniahlah dapat pejabat bergerak. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus berbahas mengenai ucapan Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian sidang dan baginda menyebut supaya kita kurangkan berpolitik. Kalau orang berniaga disuruh kurang berniaga, macam manalah agaknya? Jadi, saranan yang bagus. Kita berpolitik yang dimaksudkan mungkin *destructive politics*, dengan izin, tetapi saya merasakan bahawa Yang di-Pertuan Agong menunjukan kepada Parti UMNO supaya kurangkan politik, memecat Menteri Besar, memecat Timbalan Perdana Menteri, memecat ahli. Oleh sebab kalau dalam urusan parti pembangkang ini saya yakin Tuanku kita tidak berapa risau sangat tetapi dalam kerajaan.

Jadi, saya harap perkara ini tidak berterusan. Akan tetapi kalau tugas kita sebagai orang politik ini adalah *check and balance*, dengan izin, maka kalau itu dianggap sebagai berpolitik, maka kita tidak dapat hendak elakkan. Oleh sebab kita harus menegur mana-mana kekurangan berlaku di dalam kerajaan kita. Kalau tidak, tidak adalah peranan kita sebagai parti pembangkang.

Keduanya, Tuanku menyebut supaya kita tidak menjatuhkan imej kita di luar negara, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa ini amat penting kerana contohnya dua, tiga hari lepas, *or was it yesterday?* Apabila pemberita daripada Australia ditahan. Tidak perlu pembangkang membisingkannya, satu dunia sudah tahu. Satu dunia melihat tingkah laku kita amat tidak bertamadun. Tentulah ada cara bagi kita untuk mengendalikan pemberita-pemberita dan jurugambar. Akan tetapi dengan menahan kemudian kemungkinan didakwa kerana mereka tidak dibenarkan meninggalkan negara ini sehingga hari Rabu kerana mungkin pendakwaan belum dilakukan, ianya menimbulkan imej yang sangat berat bagi negara kita.

Ini bukan masalah pembangkang, bukan pembangkang yang pergi ke luar negara menjaja tentang masalah kita ini. Bukan kita yang meminta Peguam Negara di Switzerland untuk menyasat mengenai 1MDB, kehilangan wang 1MDB. Ini semua berlaku kerana berita ini mudah di dapat, dapat dikesan oleh surat khabar asing. *Wall Street Journal* misalnya, boleh mengesan perkara ini.

Jadi, yang lebih penting ialah bagaimana kita hendak menangani masalah yang timbul akibat daripada peristiwa kehilangan wang, hutang yang banyak dan sebagainya, syarikat 1MDB, itu yang penting. Siasatan mesti telus, mesti *transparent*, PAC mesti segera melaksanakan tanggungjawabnya untuk mencari jawapan kepada pelbagai persoalan. Itu yang akan dapat meredakan atau menaikkan semula imej kita, bukan dengan menghentam pembangkang, kononnya kitalah yang membawa masalah kepada negara kita. Masalah ekonomi, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyentuh tentang isu Petronas. Syarikat dalam *Fortune 500*, satu syarikat yang besar dengan kakitangannya berjumlah 51,000 yang dikhabarkan akan membuang 1,000 orang. Ini berita yang keluar di dalam beberapa siaran akhbar pada 3 Mac yang lalu. Saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan, apakah benar 1,000 ini hendak dibuang daripada jumlah 51,000?

Jadi, 1,000 daripada 51,000 ini tidaklah terlalu *significant number*nya bagi kita, dari segi statistiknya. Akan tetapi bagi 1,000 orang yang akan dibuang ini adalah satu trauma, satu bencana besar kepada mereka. Tuanku dalam ucapannya mengatakan negara kita tidak mengalami bencana sepanjang tahun lepas, *alhamdulillah*.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [Bangun]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Akan tetapi bencana-bencana lain, banjir di Sarawak berterusan dibangkitkan, bencana kehilangan kerja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Taiping bangun, Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat boleh minta penjelasan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, boleh, boleh.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai. Merujuk kepada bencana yang dirujuk oleh Yang Berhormat Kuala Krai berkenaan dengan Petronas. Petroleum merupakan sumber pendapatan utama kerajaan kita sejak tahun 1974 di bawah Akta Petroleum.

Hanya seorang individu sahaja mempunyai akses penuh kepada akaun Petronas. Oleh kerana tidak ada ketelusan, maka ia terbuka kepada penyelewengan.

■1920

Setujukah Yang Berhormat Kuala Krai, mengikut maklumat yang saya terima, Petronas sebenarnya bukan sahaja GLC, ia adalah *government owned company* (GOC) *not government-linked company* (GLC). Semua hasil minyak adalah milik kerajaan iaitu milik rakyat dan Petronas telah menyumbang lebih kurang RM800 bilion royalti minyak dan cukai kepada kerajaan tetapi kini mengalami masalah kewangan dan terpaksa buang pekerjaanya 1,000 dibawahkan. Adakah Yang Berhormat Kuala Krai setuju supaya untuk merawat penyakit kronik rasuah ini, Akta Petroleum 1974 harus dipinda pada sesi akan datang supaya Parlimen tahu kedudukan kewangan sebenar syarikat nasional petroleum ini? Setujukah Yang Berhormat Kuala Krai? Sekian, terima kasih.

Seorang Ahli: Setuju!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Taiping, tidak ada jalan lain melainkan kita pinda supaya kita dapat mengikut terus dengan *transparent* apa yang berlaku, supaya tidaklah kuasa ini diletakkan di tangan satu orang. Kita amat bersetuju. Kalau boleh dalam sidang ini juga dipinda... [Tepuk].

Tuan Yang di-Pertua, jadi soalan saya mengenai isu pembuangan pekerja ini, siapa yang dibuang daripada 1,000 orang ini yang dikatakan boleh menjimatkan perbelanjaan operasi sebanyak sepuluh peratus? Ertinya ini jawatan yang besar ini. Seramai 1,000 orang yang hendak dibuang kerana ia hanya 1,000 daripada 51,000 orang tetapi penjimatannya besar. Siapakah mereka ini? Adakah mereka ini di kalangan kakitangan yang muda-muda ataupun yang telah lama? Ini kerana kalau bercakap tentang *voluntary separation scheme* (VSS) ini, kalau kakitangan yang muda-muda ini diminta berhenti, mungkin pampasannya rendah. Bagaimana mereka hendak meneruskan kerjaya sedangkan syarikat-syarikat minyak seluruh dunia pun mengalami masalah yang sama. Tentu mereka tidak akan dapat gantian kerja di dalam bidang yang sama.

Jadi saya merasakan, kalau kita boleh menyimpan 50,000 daripada 51,000 orang pekerja, eloklah jangan dibuang 1,000 orang, biarkan mereka terus berada dan walaupun ada penyusunan, jangan sampai dibuang kerana kita tahu harga minyak ini boleh turun atau naik dan boleh naik lebih tinggi lagi. Jadi bila naik lebih tinggi nanti mungkin Petronas akan mengambil pekerja semula. Jadi apakah tidak boleh ada suatu cara untuk menyimpan mereka ini di dalam syarikat dan diberikan satu suasana tetapi tidak dibuang kerja. Mungkin diberikan cutikah ataupun bonus yang dikurangkan.

Jadi saya sangat tidak bersetuju kalau syarikat yang dikaitkan dengan kerajaan, GLCkah atau GOckah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Taiping tadi mula menunjukkan usaha-usaha ke arah pembuangan ini. Ini pasti akan ditiru oleh banyak GLC yang lain, percayalah. Kalau satu syarikat kita diamkan dengan usaha membuang pekerja ini, GLC yang lain akan mengambil jalan mudah untuk memperbaiki kedudukan kewangan mereka dengan membuang pekerja.

Soalan yang seterusnya kepada Petronas, kerana diumumkan juga dalam kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Petronas, mereka akan memberhentikan atau menangguhkan beberapa usaha yang besar. Saya dengar antara projek besar Petronas ini ialah membina dua buah kapal ataupun *floating* LNG di Busan, Korea. Satu kapal saya dimaklumkan yang pertama yang kecil sedikit sudah hampir siap. Ia hendak *decommission* kan, malah minggu lepas Presiden Petronas katanya telah ke sana, ke Busan untuk memberi nama kepada kapal tersebut. Kita pun tidak tahu apa namanya, saya pun tidak tahulah mungkin nama telah diumumkan. Kapal yang kedua yang dua kali lebih besar yang dijangka siap dalam masa dua tahun akan datang ini ditangguhkan, khabarnya.

Pertama tadi mungkin siap dan mungkin dapat *decommission* pada bulan Mei ini tetapi satu lagi ditangguhkan. Jadi saya hendak bertanya, apakah Petronas tidak boleh meneruskan usaha yang besar ini kerana ini akan membantu usaha-usaha atau industri gas di Sarawak kerana *floating* LNG ini dikatakan akan dibawa ke Bintulu dan memudahkan usaha untuk menapis dan juga mengeksport gas ini. Tidakkah boleh ia diusahakan supaya pembinaan ini diteruskan dengan mengurangkan perbelanjaan, contohnya penajaan F1, penajaan kumpulan *Mercedes* misalnya yang diumumkan di dalam kenyataan tersebut tidak akan disentuh.

Jadi ini saya rasa kerana Malaysia merupakan sebuah negara peneraju dalam pembinaan *floating* LNG ini. Jadi sudah tentu kita hendakkan ia berjaya dan mula ditarik ke Bintulu untuk memulakan usaha mereka secepat mungkin. Itu berkenaan dengan Petronas.

Seterusnya, Tuanku juga ada menyebut, baginda berpuas hati dengan undang-undang keselamatan yang diluluskan di dalam sidang ini beberapa ketika yang lalu. Cuma saya berkeyakinan Tuanku tidak mahu menyebut di antara undang-undang keselamatan tersebut adalah Undang-undang MKN yang kita luluskan dalam sesi yang lalu. Ini kerana pihak Majlis Raja-Raja telah meminta supaya undang-undang ini diteliti semula. Kita telah berbahas panjang.

Jadi saya harap kerajaan mengambil saranan daripada Majlis Raja-Raja ini untuk meneliti semula. Ini kerana perbahasan kita dahulu bertumpu kepada penampakan kuasa kepada seorang Perdana Menteri dalam mengisytiharkan kecemasan ataupun *emergency*, dengan izin di dalam negara kita. Jadi ini sudah tentu menimbulkan tanda tanya di kalangan Majlis Raja-Raja. Apakah ini suatu usaha untuk mengumpul kuasa di tangan seorang Perdana Menteri di samping mengambil kuasa-kuasa yang ada kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi saya harap ucapan Baginda itu diteliti dan tidak diambil mudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai harga komoditi. Yang Berhormat Kuala Krai merupakan kawasan torehan getah antara yang besar di negeri Kelantan dan juga di negara kita seluruhnya. Harga getah turun naik. Dua hari lepas saya di Sik, Kedah, juga satu daerah pengeluaran getah dengan harganya cukup rendah RM2 sekilo, boleh naik 20 sen dan boleh turun 20 sen. Jadi ini sudah tentu membebankan rakyat. Tidak ada satu jaminan pendapatan yang tetap. Kerajaan ada memperuntukkan subsidi melalui Lembaga Getah Malaysia. Saya dimaklumkan, subsidi ini diberikan kepada tuan punya kebun dan tidak dikongsi dengan penoreh-penoreh getah yang mungkin bekerja dengan mereka. Akan tetapi jumlahnya adalah kecil.

Apa yang dituntut oleh penoreh getah ini Tuan Yang di-Pertua, ialah satu harga lantai. Ertinya, ia bukan sekadar menambah pendapatan, ia menjamin suatu pendapatan yang *stable* dan jumlah yang diminta, dipohon atau dituntut oleh penoreh getah ini ialah RM3.50 sekilo. Ini bukan satu tuntunan yang terlalu berat bagi sebuah kerajaan yang mendakwa mengambil berat tentang masalah rakyatnya. Ini kerana bagi- macam di Kuala Krai, purata pekebun kecil getah ada tanah seluas enam ekar.

Saya sudah bertanya kepada mereka, apakah jumlah pendapatan sebulan dengan enam ekar. Enam ekar ini besar Tuan Yang di-Pertua. satu jumlah tanah yang besar tetapi pendapatan mereka dikatakan sebelum dibahagikan dengan penoreh getah ialah antara RM1,500 hingga RM2,000 sebulan. Jadi kalau dibahagi 50 peratus kepada penoreh getah, mereka hanya berpendapatan antara RM750 dan RM1,000 dalam keadaan suasana hari ini. Ini dengan harga getah beku iaitu sekitar RM2.30 hingga RM2.50 sekilo. Tentulah ini rendah bagi rakyat negara kita.

Oleh sebab itu saya agak kecewa apabila Yang Berhormat Bagan Serai pada perbahasan beliau mengambil contoh menggambarkan bahawa rakyat Malaysia yang berada dalam keadaan selesa. Jalan *jammed* itu tandanya negaranya maju. *Airport* atau lapangan terbang di Terengganu katanya yang penuh dengan penumpang-penumpang yang pergi ke umrah itu sebagai gambaran atau ukuran bagi beliau bahawa rakyat berada dalam keadaan selesa.

■1930

Itu amat mengelirukan Tuan Yang di-Pertua kerana kadang-kadang yang pergi umrah ini orang itulah yang pergi berulang kali kerana berkemampuan.

[*Ada gangguan bunyi*]

Risau saya ya, Parlimen kita ini takut dicerobohi. Ia tidak menggambarkan keselesaan rakyat. Jadi saya meminta kerajaan memberikan perhatian kepada kelompok petani. Saya yakin penoreh-penoreh getah di Kuala Krai ini bukan termasuk dalam golongan yang bersesak-sesak di jalan raya bukan golongan yang bersesak-sesak di lapangan terbang menunggu giliran pergi ke Makkah menunaikan umrah. Mereka menjalani kehidupan *day-by-day*. Kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Jadi saya berharap saranan supaya harga lantai ini diberikan kepada penoreh getah ini dapat dipertimbangkan semula oleh kerajaan.

Termasuk juga dalam kos sara hidup seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain, Yang Berhormat Kota Samarahan ada menyebut. Kita juga semakin melihat orang-orang kampung, petani, penoreh getah sudah bercakap tentang GST Tuan Yang di-Pertua walaupun mereka tidak melihat dalam bil-bil, dalam resit-resit kerana mereka membeli *cash* begitu. Akan tetapi bagi mereka resit tidak penting, kesannya terhadap kehidupan mereka, harga barang yang naik ini yang penting. Jadi kita sekali lagi menuntut Tuan Yang di-Pertua supaya diberikan kajian semula keperluan GST ini dan dibatalkan. Ini akan memberikan kelegaan kepada rakyat walaupun kerajaan akan mengatakan GST ini adalah inovasi yang terbaik kerajaan untuk menambah pendapatan.

Tengok, apabila harga minyak jatuh, maka GST ini menjadi penyelamat. Saya rasa dalam pemikiran asal, kerajaan merangka ataupun mewajibkan GST ini tidak masuk kiraan dia harga minyak jatuh ke tahap USD30. Mereka berkeyakinan ia untuk mengambil alih subsidi-subsidi bahan bakar contohnya, subsidi bahan makanan yang lain itu daripada GST di samping *off second* kepada pembatalan cukai SST. Akan tetapi nampaknya hari ini kerajaan tanpa segan dan malu menganggap ia sebagai suatu kreativiti yang luar jangka yang tidak dapat menyelamatkan negara.

Rakyat pelbagai peringkat, yang kaya, yang miskin. Kita tahu *base B40* ini besar. Jadi kalau *base 40* yang besar inilah yang menyumbang kepada GST walaupun jumlahnya tentulah mungkin kecil sedikit daripada kumpulan yang tinggi B20. Ertinya negara kita diselamatkan oleh B40. Jadi amat pelik kerana kita menjangkakan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dengan keupayaan pentadbiran dan kewangan yang mantap. Mereka memelihara kumpulan B40 dengan pelbagai cara. Kita sebut masalah perumahan, masalah bekalan air. Ini *hopeful* untuk B40 tetapi nampaknya B40 inilah yang menyelamatkan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sudah habis ya. Jadi saya harap ia ditimbang semula.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Minta laluan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sik bangun Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Siapa dia? Ya, sila-sila. Doktor kena bagi doktorlah.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Yang Berhormat Kuala Krai, saya di luar tadi saya ada terdengar bahawa Yang Berhormat Kuala Krai ada menyebut pergi Sik dua tiga hari lepas untuk buat demo bagi harga getah naik. Yang Berhormat Kuala Krai tahu tidak Yang Berhormat Kuala Krai AMANAH buat demo di Sik itu berapa orang datang?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Saya ada lagi, tidak habis lagi nanti kejam. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat saya cari gambar ini, ini ada buktinya. Tidak sampai 50 orang pun yang datang untuk buat demo supaya harga getah itu naik. Yang Berhormat tahu, orang-orang Sik tidak percaya untuk menaikkan harga getah dan untuk kebajikan rakyat dengan cara demo jalanan. Hari ini harga getah naik RM2.30 ataupun RM2.20, harga getah *rubber cup lump*. Harga getah ini naik bukan sebab demo.

Demo baru buat tiga hari lepas, sebenarnya harga getah naik disebabkan oleh mesyuarat daripada negara-negara pengeluar getah tiga empat pengeluar getah dalam ASEAN pada 25 Disember tahun lepas. Dia ambil masa dua, tiga bulan untuk harga ini naik. Yang Berhormat jangan anggap buat demo dua, tiga hari lepas menyebabkan harga getah naik. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut pun demo tadi menyebabkan harga getah naik. Ini salah sangka. Kalau turun hari itu 2,000 Yang Berhormat Sik, saya rasa kerajaan celik mata. Jadi sepatutnya Yang Berhormat sokong bagi keluar ramai-ramai baru ada kesan. Ini 50 orang, itu yang sedar. Yang tidak sedar itu kita hendak buat macam mana.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Boleh minta celah lagi?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kita dalam pembangkang ini kita bagi ceramah bagi pihak seluruh rakyat. Kalau ramai *alhamdulillah*, kalau tidak ramai kita akan teruskan. Jadi kesannya dalam dua bulan lagi naik lagi 20 sen macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya pergi berceramah, saya tidak pergi berdemo. Itu untuk makluman Yang Berhormat Sik. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menutup dengan menyentuh sedikit mengenai reformasi Dewan Rakyat yang kita hendak bawa ini. Saya harap ia dapat memberikan ruang perbincangan yang lebih luas kepada kita dan saya menganggap sebagai seperti yang disebut Yang Berhormat Kota Samarahan ini fasa-fasa. Mungkin kita akan *improve* lagi pada masa akan datang supaya membolehkan pihak *Backbencher* dan pihak pembangkang untuk membawa rang undang-undang lebih *possible* berbanding dengan hari ini. Hendak bawa rang undang-undang pun payah, hendak buat usul jatuhkan Perdana Menteri pun payah.

Akan tetapi kita akan ikhtiarlah deklarasi rakyat itu penting. Walaupun tadi Yang Berhormat Tanah Merah kata sepatutnya pembangkang biarlah Perdana Menteri sampai habis *term* dia. Itu sudah tentu Tuan Yang di-Pertua tetapi kita jangan *selfish*. Kita ada dua tahun lagi hendak *election*.

Dua tahun lagi dengan Perdana Menteri yang sama banyak perkara yang boleh berlaku walaupun akhirnya pembangkang menang kerana dia masih ada pada tarikh pilihan raya, tetapi *what about the two-year period while waiting for the election*, dengan izin. Yang ini yang kritikal. *We cannot be selfish*. Kita mesti cuba redakan suasana dan orang kata tukar Perdana Menteri belum tentu akan berlaku perubahan. Paling tidak perubahannya ialah tukar Perdana Menteri. Jadi Deklarasi Rakyat ini adalah satu tindakan yang paling menyayangi rakyat yang dapat mampu kita perjuangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Jerantut.

7.37 mlm.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan penghargaan terima kasih kerana turut memberi peluang kepada saya untuk bersama dalam membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perasmian Dewan Rakyat pada 7 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Baginda telah mencangkupi pelbagai sektor yang berkaitan dengan kerajaan dan rakyat mengenai suasana dalam negara. Antaranya ialah melibatkan kesan kenaikan kos sara hidup, keselamatan, pembangunan mampan, ekonomi dan juga tidak ketinggalan suasana politik negara. Ini membuktikan keprihatinan Baginda yang amat tinggi dalam soal-soal mengenai dengan denyut nadi kehidupan rakyat seluruh negara.

Umumnya mengetahui negara kita merupakan lubuk emas dalam mengejar mencari kemudahan hidup sejak dahulu sehinggalah sekarang. Kalau dahulu negara kita dikenali sebagai Semenanjung Emas di mana kehadiran penduduk dari pelbagai luar negara untuk mencari sumber rezeki. Akan tetapi sehingga kini keadaan itu masih lagi berterusan. Kita mengetahui bahawa negara kita didatangi oleh pendatang, sama ada pendatang tanpa izin ataupun pendatang izin. Sesi menunjukkan sehingga kini hampir ada 6.7 juta pendatang asing termasuk 2.1 juta yang dikatakan datang secara sah. Ini membuktikan kemudahan dalam negara kita memang tersedia untuk mencari sumber pendapatan bagi memenuhi kelangsungan hidup.

■1940

Walau bagaimanapun, keadaan terakhir ini berlaku kesan kenaikan kos sara hidup yang menghimpit sebahagian besar daripada rakyat kita. Tidak siapa pun yang boleh menafikan bahawa kesan daripada kenaikan kos sara hidup ini menyebabkan kuasa beli rakyat kita semakin berkurangan. Harga barangan keperluan didapati melampaui keadaan harga biasa. Tidak terkecuali barang-barang keperluan seperti barangan makanan yang menjadi sumber utama kepada penduduk kita.

Kalau kita bertanya mengapakan ini terjadi? Jawapan paling mudah yang boleh kita katakan, kita boleh sahaja menyalahkan kepada kerajaan yang gagal mengawal kenaikan harga ini tetapi kalau kita merenung lebih dalam, keadaan ini menuntut kebersamaan kita semua dalam mengatasi kesan kenaikan harga ini. Kalau kita menganalisis pasaran, melihat kepada keadaan semasa pasaran, sudah pastilah setiap harga barangan yang ditentukan di pasaran ini banyak bergantung pada penawaran dan juga permintaan. Umumnya mengetahui sekiranya berlaku lambakan barangan di pasaran, sudah pastilah harganya tidak akan naik ataupun harganya tidak akan melambung tinggi.

Begitu juga sesuatu barangan itu kalau tidak menjadi permintaan, tidak menjadi permintaan yang tinggi maka harganya juga turut menurun. Jadi untuk mengatasi ini, kalau kita melihat daripada segi pengeluaran beras negara sahaja pun, kita hanya mampu berada mengeluarkan pada tahap 70 peratus daripada keperluan negara. Ini bermakna masih ada lagi ruang yang kita terpaksa mengimport bahan makanan utama ini. Sudah pastilah kekurangan ini menunjukkan kelebihan kepada permintaan.

Dengan secara automatiknya, harga akan meningkat. Selain daripada itu, kita juga mengetahui bahawa kegiatan mengambil untung secara berlebihan kerana keadaan pasaran yang memerlukan barangan itu juga turut menjadi sumber kepada kenaikan harga barang. Di sinilah pada hemat saya memerlukan sikap pengguna yang bijak yang seharusnya menggunakan kuasa beli mereka supaya peniaga-peniaga yang mengambil jalan mudah untuk membina keuntungan atau mengaut keuntungan yang banyak ini dapat kita kawal. Jadi pengguna seharusnya bijak dalam menentukan apakah, di manakah, bagaimanakah kita hendak menggunakan kuasa beli kita.

Selain daripada itu, harga barangan juga ditentukan oleh tabiat kita berbelanja. Sebahagian besar daripada rakyat Malaysia mungkin tidak begitu terkesan daripada segi perbelanjaan kerana mereka mempunyai kemampuan yang bersaiz besar untuk memiliki apa sahaja barangan yang diperlukan. Jadi kuasa beli ini sekali lagi akan juga menyebabkan harga di pasaran begitu tinggi.

Tabiat berbelanja yang menuntut kita melihat semula kaedah perbelanjaan sama ada kita membeli barangan itu pada tahap kita perlu atau kita mahu. Mungkin sebahagian daripada kita kurang mempunyai disiplin dalam membeli barangan. Kita beli apa sahaja yang kita mahu walaupun daripada segi keperluannya kurang perlu. Jadi kalau kita boleh mendisiplinkan pengguna, boleh mendisiplinkan daripada segi sikap ataupun tabiat berbelanja ini, sedikit sebanyak ianya akan dapat mengurangkan kesan kenaikan harga yang semakin meningkat.

Seperkara lagi pada hemat saya ialah budaya berhutang. Kalau kita melihat rakyat Malaysia jumlah berhutangnya makin meningkat terutama kepada golongan muda yang ingin menjaga status kehidupan mereka. Mungkin dalam mengejar status kehidupan ini, mereka terlupa kerana kemudahan berhutang yang tersedia luas di pasaran. Mungkin kita mengharapkan agar kerajaan akan lebih mengetatkan lagi kaedah-kaedah berbelanja yang menggunakan secara berhutang ini. Di samping itu, akhir-akhir ini negara dikejutkan pula dengan kejatuhan ringgit, yang ini juga turut menambah kesan kepada kenaikan harga barangan di pasaran.

Umumnya mengetahui kejatuhan nilai ringgit ini bukanlah disebabkan oleh kelemahan pengurusan kerajaan semata-mata tetapi ia banyak disokong, banyak disebabkan oleh kejatuhan harga minyak. Umum mengetahui trend kejatuhan harga minyak ini bermula sejak 2014 yang lalu. Ia telah menunjukkan trend penurunan dan sehingga kini kita mengetahui bahawa kejatuhan harga minyak ini telah pun mencapai angka 70 peratus nilai di bawah harga pasaran satu ketika dahulu.

Apabila berlakunya kesan kejatuhan ini, ia sudah pastilah memberi kesan kepada negara kita daripada segi sumber pendapatannya kerana kita mengetahui antara sumber utama pendapatan kita adalah daripada petroleum.

Dengan kejatuhan harga minyak ini, nilai ringgit kita turut terkesan, kerana apa? Kerana negara-negara yang terlibat dengan penurunan harga ini bukan sahaja negara kita tetapi negara-negara pengeluar minyak lain turut mengalami kesan kejatuhan nilai mata wang mereka masing-masing.

Kita melihat negara-negara seperti Rusia, Brazil, Mexico, Kanada dan Norway turut terkesan dengan penurunan harga minyak ini melainkan negara-negara pengeluar yang menambat nilai mata wang mereka kepada mata wang Dolar Amerika iaitu negara-negara pengeluar seperti negara UAE, Qatar, Bahrain, Oman dan Kuwait. Negara-negara ini menambat nilai mata wang mereka kepada Dolar. Jadi walaupun kejatuhan harga minyak berlaku di peringkat pasaran tetapi nilai mata wang mereka oleh kerana mereka mengikat kepada Dolar, jadi kesannya tidaklah seteruk sebagaimana negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan ke bawah Duli Tuanku juga menyentuh tentang kesisuan Baginda terhadap keperluan bekalan makanan negara. Ini membuktikan keprihatinan Baginda yang begitu tinggi terhadap sumber makanan negara. Saya mengharapkan agar usaha menambah bekalan makanan secara yang lebih agresif perlu disegerakan. Misalnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kita mengetahui sekarang ini terdapat tanah terbiar yang begitu luas yang berada di seluruh negara ini.

Dalam keadaan pasaran yang lembap, dalam keadaan keperluan makanan negara bertambah, maka kita boleh memanfaatkan tanah terbiar yang begitu luas ini. Persoalannya ialah kuasa untuk pengurusan tanah ini terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ada berlaku pertindihan daripada segi pelaksanaannya yang mungkin ada cadangan daripada pihak pusat tetapi apabila di peringkat pelaksanaan, ia sedikit terlewat ataupun terhalang kerana beberapa isu yang berkaitan dengan kuasa negeri.

Jadi kita mengharapkan agar kerajaan melalui Jabatan Pertanian Negeri dan juga daerah dapat mencari jalan supaya tanah-tanah yang terbiar ini yang ada di seluruh negara ini dapat kita memanfaatkan secara berterusan dan secara lebih tersusun berdasarkan kepada keperluan-keperluan makanan yang sangat diperlukan di pasaran ini. Misalnya tadi dalam soal jawab daripada pagi tadi, Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyatakan keperluan makanan yang berasaskan kepada makanan haiwan yang kita import daripada luar negara sedangkan makanan ini adalah merupakan makanan yang biasa.

■1950

Contohnya seperti jagung Tuan Yang di-Pertua, makanan ternakan yang boleh ditanam dalam negara kita. Jadi adalah agak mudah bagi saya untuk kita melaksanakan, mengajak rakyat untuk memanfaatkan tanah-tanah terbiar ini dengan dibantu oleh agensi-agensinya kerajaan secara serius untuk kita laksanakan bagi mengawal jumlah import makanan ternakan yang kita import dari luar negara.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Jerantut minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis bangun.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Okey, sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya mohon minta pandangan daripada Yang Berhormat Jerantut terdapat juga banyak tanah kerajaan negeri yang diberikan kepada Kerajaan Pusat. Kalau di tempat saya sendiri, kalau diambil kira, mungkin mencecah sehingga ribuan ekar tetapi dibiarkan sahaja, tidak dibuat apa-apa. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Jerantut? Adakah sepatutnya Kerajaan Pusat ini menyerahkan kembali kepada kerajaan negeri untuk diuruskan tanah yang begitu luas sekali?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Soalan cepumas, cantik!

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Kuala Langat tak ada agaknya tanah seperti begini. Terima kasih kerana memang akui ada tanah-tanah yang telah diperuntukkan untuk jabatan ataupun kementerian-kementerian tertentu di bawah JKPTG yang tidak dibangunkan setelah beberapa lama.

Maka, wajar pada ketika ini Yang Berhormat Lipis, pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian ataupun jabatan-jabatan tertentu melepaskan semula ataupun memberikan kebenaran bersyarat kepada mana-mana pihak untuk tanah-tanah yang terbiar begitu lama ini kita bangunkan bagi meningkatkan penghasilan pertanian di kawasan masing-masing ataupun di kawasan yang terlibat dan di samping itu memberikan peluang kepada golongan belia yang ingin bergiat aktif secara bersungguh-sungguh dalam bidang pertanian ini.

Kita mengharapkan agar agensi ataupun jabatan-jabatan kerajaan perlu mengorak langkah dengan lebih cepat, dengan lebih tepat supaya tanah terbiar seperti mana yang kata oleh Yang Berhormat Lipis tadi kita dapat bantu kepada golongan-golongan belia yang serius untuk bersama-sama dalam bidang pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda ialah mengenai dengan keselamatan negara. Semua kita ini merasa bersyukur dengan adanya kemantapan sistem keselamatan kita yang telah dijaga oleh pihak-pihak berkuasa keselamatan termasuk tentera dan polis menyebabkan kita mampu hidup selesa, kita mampu bernafas lega, kita mampu menjalankan aktiviti tanpa sebarang masalah. Kalau kita melihat rakan-rakan di negeri-negeri, negara-negara yang berhampiran dengan kita misalnya, di Thailand, di Filipina ada sahaja peristiwa yang menghambat kesesakan dari segi keselamatan negara. Akan tetapi, *Alhamdulillah*, di negara kita tidak berlaku. Sekalung penghargaan dan terima kasih kita berikan kepada pihak berkuasa keselamatan.

Langkah-langkah keselamatan khas diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengekang jenayah rentas sempadan dan juga isu-isu yang berkaitan dengan IS, sepatutnya kita tidak ada kompromi dari segi pelaksanaannya. Kita tidak rela mana-mana pihak yang cuba bersekongkol dalam isu-isu berkaitan dengan keselamatan ini. Kita juga tidak boleh bertolak ansur dengan sebarang cubaan yang mengaitkan ketenteraman yang menggugat ketenteraman dan keselamatan negara.

Kepada kerajaan, lakukanlah apa sahaja yang baik demi keselamatan rakyat. Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit bertanya mengenai dengan kemudahan yang ada pada pihak APMM. Kita mengetahui bahawa agensi ini merupakan cantuman daripada pelbagai agensi pada ketika penubuhannya dulu dan kelengkapan yang ada pada mereka hanyalah diberi oleh agensi-agensi yang terlibat.

Jadi saya ingin mengetahui bagaimanakah kemudahan peralatan yang diguna pakai oleh agensi ini. Berapa umur kapal-kapal yang mereka ada? Kalau untuk mengawasi perairan negara terutamanya di Sabah dan Sarawak yang begitu luas, sudah pastilah memerlukan sistem peralatan seperti kapal, bot, kelengkapan-kelengkapan yang canggih.

Jadi kita ingin bertanya, kalaulah usia kapal-kapal kita ini telah melangkaui usia yang sepatutnya, maka sudah sampai masanya kerajaan kita melihat semula dari segi keperluan ini. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri boleh memberikan jawapannya, berapa peratuskah daripada kapal-kapal yang telah berusia ini yang masih boleh kita gunakan dan adakah kerajaan berhasrat untuk menambah keperluan-keperluan ini sesuai dengan keperluan semasa yang ada pada masa kini.

Langkah penjimatan yang dilakukan oleh kerajaan tidak dapat dielakkan pada pendapat saya. Walau bagaimanapun, isu-isu penjimatan yang dilakukan oleh pihak kerajaan seharusnya tidak terlalu membebankan kepada mana-mana agensi atau pun kementerian yang terlibat.

Bantuan-bantuan secara khusus berkaitan dengan keperluan rakyat terbanyak khususnya bagi mereka yang berada dalam kumpulan B40 ke bawah misalnya, peruntukan bantuan pendidikan tidak seharusnya kerajaan mengetepikan peruntukan ini. Biarlah bagi saya, peruntukan-peruntukan pembangunan yang kurang memberi impaknya kita tahan seketika.

Kita tangguh seketika dari segi pembangunannya tetapi bantuan-bantuan secara langsung yang berkaitan dengan kemudahan pendidikan rakyat yang sememangnya telah disalurkan melalui agensi-agensi kerajaan seperti MARA wajar diteruskan dan disegerakan agar anak-anak kita yang berada di institusi ataupun di pusat-pusat pengajian tinggi yang sedang mengikuti pengajian mereka tidak mengalami kerisauan dan keresahan tentang masa depan mereka dalam mengejar segulung ijazah.

Juga saya harapkan kepada kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar dan Wilayah, sekiranya bantuan tanam semula yang sentiasa diberi kepada rakyat ataupun kepada pekebun-pekebun kecil itu walaupun hendak ditangguhkan sementara janganlah melibatkan kepada mereka yang telah pun menjalankan tanam semula sebelum Belanjawan 2016 kerana kita bimbang, kalau ini dilaksanakan, kerana langkah penjimatan sudah pastilah usaha-usaha petani ini mungkin terbantut. Jadi, kita mengharapkan agar kerajaan dapat meneruskan bantuan yang telah dijalankan sebelum ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang disentuh, saya ingin sedikit sahaja dah iaitu mengenai contoh pembangunan mampan. Pembangunan mampan ini apa yang saya maksudkan ialah pembangunan yang kita jalankan tanpa mengorbankan aspek alam sekitar.

Kita berharap kita menyokong pembangunan tetapi dalam masa yang sama pembangunan itu hendaklah mengambil kira aspek-aspek alam sekitar terutamanya di kawasan-kawasan sensitif seperti kawasan tadahan air, kawasan taman negeri mahupun kawasan Taman Negara.

Kita bimbang kalau sekiranya pembangunan kita utamakan tetapi dalam masa yang sama keadaan alam sekitar kita ketepikan, kita bimbang contoh-contoh apabila kita tidak menghormati alam sekitar, peristiwa yang berlaku di Cameron Highlands pada tahun 2014 akan mengulangi kita. Jadi janganlah kita biarkan alam mengajar kita dalam menguruskan alam.

Selamatkanlah alam kita dengan kaedah pembangunan mampan. Sebagai contoh, di Jerantut Pahang, kita ada Hutan Hujan Tropika yang berumur 130 juta tahun yang merupakan satu kawasan Taman Negara yang terkenal bukan sahaja dalam negara tetapi di seluruh dunia. Kehadiran pelancong yang datang kerana hendak melihat kelainan yang ada di hutan ini. Kalau hutan ini beransur-ansur kita musnahkan, apalah yang ada pada kita? Pembangunan lain boleh kita jalankan. Pembangunan lain boleh orang tiru tetapi pembangunan Hutan Hujan yang berusia 130 juta tahun ini tidak mampu negara lain untuk meniru apatah lagi memotong kita.

■2000

Bangunan tinggi boleh kita buat. Hari ini menjadi sejarah, tertinggi di dunia tetapi mungkin esok negara lain akan potong. Hutan hujan yang ada di negara kita tidak mampu dipotong, dipintas atau ditiru oleh orang lain. Jagalah khazanah ini untuk warisan turun-temurun kita dan sekali gus ia akan menggalakkan lagi sektor pelancongan yang ada di negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kenapa tiga orang bangun ini? Nama sudah ada.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kuala Langat, Kuala Langat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

8.00 mlm.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan terima kasih kerana beri peluang untuk bersama membahaskan atas titah yang mulia Tuanku, menjunjung kasih semasa pembukaan yang berlaku baru-baru ini. Saya ingin menyinggung isu beberapa isu yang saya kira amat penting.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan pembekuan 1.5 juta orang pekerja asing yang dipastikan tidak diambil baru tetapi digunakan pekerja dalaman. Ini harus diberi pujian kerana keberanian ini memberikan satu isyarat bahawa kekusaran rakyat pada waktu ini telah didengari dan diberikan penegasan bahawa tidak diambil pekerja asing 1.5 juta itu.

Akan tetapi kita nak maklumkan juga MTUC dengan begitu tegas mengatakan bahawa satu siasatan diraja perlu dilakukan kerana apa, kerana ia melibatkan jutaan orang pekerja asing yang tidak berdokumen ini perlu disiasat dari mana mereka datang dan bagaimana mereka berada di sini dan bagaimana lambakan ini menjadi isu yang bertahun-tahun hinggalah 6P pun tidak dapat menyelesaikan masalah yang sepatutnya diselesaikan dalam kita telah pun membelanjakan jutaan ringgit. Saya anggap ianya gagal dan keperluan itu wajib disegerakan supaya mereka yang bertanggungjawab yang menjadi perhambaan secara moden yang mengambil pekerja asing secara tidak berdokumen ini dihadapkan ke mahkamah dan mereka perlu diambil tindakan.

Ini juga disebabkan oleh beberapa sektor yang terlibat secara langsung yang seperti mana yang Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa kategori 3D sahaja yang ada kelayakan untuk diambil pekerja asing ini iaitu *dirty, dangerous and difficult*. Namun masalah sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke sektor perkhidmatan, ia sudah pun menunjukkan bahawa mana satu yang betul, sebab sektor itu memerlukan kerja yang saya kira *skill of communication*, dengan izin.

Namun, kalau kita pergi ke hotel-hotel, lima bintang, enam bintang, empat bintang, tiga bintang, yang bintang-bintang itu semuanya dipelopori oleh pekerja asing. Ini akan memberikan kita isyarat bahawa beberapa sektor lagi yang perbuatan sebagai contoh, yang dibuat dalam iklan, 'Pekerja Diperlukan'. Akan tetapi apabila kita hendak pergi *interview* atau temu duga, pekerjaan sudah penuh. Jadi bila kosong, dia minta kementerian untuk mendapatkan pekerja asing. Ini juga harus dipantau dan Kementerian Sumber Manusia bersama dengan KDN perlu mengambil langkah yang tegas untuk memastikan pekerja tempatan ini tidak dipinggirkan atau dinafikan hak mereka.

Kedua, saya ingin merakamkan bagi pihak CUEPACS, sebagai pemangku presiden, kita nak cakap pada keseluruhan pekerja, Presiden MTUC, hoh dahsyat! Tuan Yang di-Pertua. Jangan main-main. Jangan main-main ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dahsyat atau pun hebat?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia nak cerita, pemangku presiden.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Kurang sikit, kurang lebih. Jangan kacau, 20 minit sahaja yang saya ada. *Contract of service*, saya dimaklumkan dan membaca berita dua hari yang lalu apabila Setiausaha Agung, Datuk Lok Yim Pheng memberikan saranan supaya pekerja *contract of service* ini *diconfirmkan*. Saya bercakap berkali-kali perkara ini, berulang-ulang kali saya bercakap dengan tegas mengatakan bahawa kita tidak boleh membiarkan seorang pekerja...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Lenggong? *No, no no*. Yang Berhormat Lenggong tak payah. Yang Berhormat Lenggong tak payah. Nanti kita cakap di luar dengan teh tarik sahaja.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau nak bagi boleh.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya tegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, orang bekerja tujuh, lapan tahun masih lagi kontrak, kemudian skala gaji yang sama, faedah tidak ada, kepentingan diri dan masa depan amat tergugat. Bila-bila masa boleh dibuang kerja. Tiap-tiap tahun *renew, renew* kontrak. Tiba-tiba, satu malapetaka, Pekeliling telah keluar mengatakan *contract of service* ini akan dibatalkan. Tuan Yang di-Pertua, manusiawilah kita sedikit. Ada perasaan manusialah kita sedikit, puluhan ribu ini datangnya dari mana? Bukan dari Indonesia atau Bangladesh.

Mereka adalah warganegara Malaysia. Anak-anak ini, tanah air mereka. Mengapa mereka diperlakukan sebegini rupa? Apakah mereka ini standardnya kelas tiga tetapi pada masa yang sama pekerjaan itu sebenarnya diperlukan sebab itu mereka bekerja tujuh, lapan tahun.

Termasuk pendidik-pendidik, termasuk penjawat-penjawat awam dan mereka ini kita tidak boleh nafikan hak mereka dan mereka juga ada tanggungjawab anak, isteri, perumahan dan bermacam-macam.

Apakah dengan berbuat demikian kita berasa cukup puas? Dengan berbuat demikian, kita berasa cukup enak tidur malam dibuai mimpi sedangkan mereka ini hidup tidak tentu hari, tak tentu masa bila mereka akan dibuang. Saya ingin menyatakan dengan tegas bahawa kami, dalam kelompok kepimpinan pekerja tidak akan mengizinkan perkara ini berlaku. Saya minta kementerian, penjawat awam supaya mereka ini dikontrak, lima, enam tahun, saya sudah beritahu berkali-kali, *confirmkanlah* mereka. Jangan aniaya hidup, nanti Allah akan balakan balik kepada mereka yang berhati busuk ini.

Tuan Yang di-Pertua, nombor tiga. Pembuangan pekerja ketika ekonomi merudum di beban dengan GST. Ketahuilah oleh umum, puluhan ribu orang pekerja telah dibuang kerja dalam episod ekonomi negara yang merudum ini. Ini disokong oleh dokumen-dokumen dalam pembentangan yang telah diberi maklum oleh Kementerian Sumber Manusia dalam rekod yang tercatat dan yang tidak tercatat.

Dalam proses ini, saya ingin mengulangi Kuala Krai dalam hujahnya itu, sebagai contoh Petronas. Petronas ini saya memetik kata-kata sahabat saya, Ahli Parlimen yang tidak diberitahu namanya. Nanti takut dia kata, dia pula *part of this argument*, dengan izin. Dia kata, Petronas ratusan bilion Tuan Yang di-Pertua, menyumbang, anak itu telah menyumbang kepada mak bapanya, ratusan bilion tiap-tiap tahun. Fuh, dahsyat, memang dahsyat. Lepas itu, tatkala anak itu memberi sedikit wang, pada tahun 2015, kita mengambil langkah untuk membuang 1,000 daripada 51,000 orang. Apakah ini tidak zalim? Dalam proses yang lalu, anak menyumbang ratusan bilion. Apabila tahun 2015, sedikit diberikan atas kemampuannya itu tindakan diambil dengan pembuangan 1,000 orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat. Jika perkara telah dibahas oleh ahli yang lain...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tidak boleh dibahaskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh dibahaskan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Saya ulangi perbahasan mereka sebelum ini. Saya tegaskan sebelum ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh dibahas, Yang Berhormat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ini adalah penting untuk kita nilai semula atas tindakan yang berlaku sebab ia berbeza dengan MAS. Kalau kita kata MAS boleh buat, buang 6,000, ya, tetapi Petronas ini memberi sumbangan yang keterlaluan luar biasanya tetapi jangan bersikap zalim. Mereka yang berada di luar sana dalam Petronas Tuan Yang di-Pertua, bila hendak *apply loan* pun menjadi satu kesukaran dan tak boleh, tidak dilayan oleh pihak-pihak bank. Ini namanya celaka haram jadah!

Sebab apabila mereka dalam keadaan selesa, kita ambil sebagai satu alternatif yang baik. Apabila mereka dalam keadaan kesusahan, kita tekan mereka lagi dan kita tidak mengiktiraf mereka. Ini bank-bank pun kena beri amaran, Tuan Yang di-Pertua. Menteri kena mainkan peranan, jangan menganiyai mereka ini, mereka adalah kelompok yang memberi penyumbang utama kepada negara.

Begitu juga dengan perkilangan. Apabila berlaku sahaja penurunan ekonomi, maka pekerja-pekerja dengan tekanan GST ini, puluhan ribu mereka telah pun dibuang kerja, Tuan Yang di-Pertua, puluhan ribu. Kita ambil lagi pekerja asing yang untuk mengimbangi pekerjaan yang diperlukan dalam perbuatan sebagai contoh, ini juga satu amaran yang tegas bahawa, "*anak di rumah mati kelaparan, kera di hutan disusukan*".

■2010

Ini yang berlaku. Apa yang kita hendak tegaskan bahawa sektor-sektor ini yang dimonopoli oleh pekerja asing khususnya pembuatan dan juga perkhidmatan ini, saya minta saya merayu bahawa mereka, pekerja-pekerja tempatan diberikan keutamaan. Ini amat perlu kerana waktu ini dengan tegas mengatakan bahawa pekerja tempatan walaupun dalam Akta Kerja 1955 seksyen 60M, mengatakan bahawa haram kita memecat pekerja tempatan dan menggantikan dengan pekerja asing, saya mahu kementerian bersikap tegas hukum majikan-majikan yang biadab yang menindakkan hak pekerja-pekerja tempatan.

Keempat, gaji minimum. Saya telah maklumkan sebelum ini dan surat saya telah hantarkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ada jawapan kepada surat itu mengatakan gaji minimum ini tidak boleh dinaikkan hanya sekadar RM1,000 di Semenanjung, seperti mana Kota Samarahan cakap tadi RM1,200 penjawat awam, RM920 pekerja Sabah dan Sarawak. Saya ulangi apa yang Kota Samarahan cakap dan tegaskan bahawa bagaimana kita hendak mengawal selia pekerja asing ini.

Saya mencadangkan bagi pihak pekerja-pekerja negara ini supaya gaji minimum itu dinaikkan, diselaraskan kalau penjawat awam RM1,200, kenapalah pula bezanya pekerja-pekerja swasta. Apa malangnya nasib pekerja-pekerja Sabah dan Sarawak. Apa bezanya mereka dengan Semenanjung ini namanya sistem "kunta kinte". Ini tidak adil dan tidak boleh diperlakukan begitu.

Mereka juga perlukan saraan kos hidup yang seimbang dan mereka juga seperti mana yang lain mengharapkan hidup yang selesa. Dalam keadaan kos sara hidup yang meningkat pada waktu ini Tuan Yang di-Pertua, apakah RM920 ini memadai dan mencukupi mereka dalam satu keluarga. Sudahlah kos sara hidup naik kena GST lagi, gaji minimum pun RM920 hendak makan apa Tuan Yang di-Pertua, dahsyat!

Hidup ini penuh dengan tekanan dan kesengsaraan satu demi satu bebanan yang mereka tanggung. Maka demikian, rumusnya mengawal, memberikan kenaikan kos sara hidup, memastikan pekerja asing itu tidak berlambak dalam negara. Cara penyelesaiannya ialah menaikkan gaji minimum itu kepada *standardized* RM1,500 atau sekurang-kurangnya paling buruk pun kalau penjawat awam RM1,200 semua RM1,200 tidak ada beza, tidak ada anak tiri, anak sendiri, tidak ada, anak angkat tidak ada. Semua anak sama rata sama sahaja.

Maka yang demikian, saya mencadangkan kepada Kementerian Kewangan supaya kaji semula dengan serius supaya mereka mendapat hak yang saksama tanpa ada diskriminasi antara kawasan-kawasan Semenanjung, pejabat awam, Sabah dan Sarawak. Ini adalah rintihan suara akar umbi yang sering kita dengar rintihan mereka juga kita tidak boleh dikompromikan diketepikan oleh mana-mana pihak. Itu jelas, dahsyat itulah ceritanya.

Kelima, EPF. Saya dengan tegas kita akan hantar satu petisyen bantahan terhadap Kementerian Kewangan berdasarkan kepada EPF dipotong daripada 11 peratus ke 8 peratus. Ini menjadi satu pertanyaan dan persoalan. Walaupun 3 peratus itu dianggap tidaklah begitu banyak tetapi pengakhir kepada episod 3 peratus ini walaupun dua tahun tetapi kita tidak bersetuju. MTUC dengan tegas mengatakan bahawa kita tidak bersetuju kerana ini akan mengurangkan longgokan akhir kumpulan wang simpanan masa depan yang lebih baik daripada apa yang dicadangkan ini.

Kalau hendak diberikan peningkatan tambahan, boleh suruh majikan tambah kepada 12 peratus tambahlah 15 peratus. Itu kita tidak ada bantahan, kita sokong lagi. Akan tetapi, untuk potongan 11 peratus ke 8 peratus ini kita menentang dan menegaskan bahawa janganlah kita bagi gula-gula yang akhirnya akan membawa penyakit kepada pekerja-pekerja yang menimbulkan kencing manis dan sebagainya.

Ini tidak boleh berlaku dalam episod untuk kita merencanakan perbelanjaan pekerja dalam negara ini dengan mengurangkan simpanan mereka dengan membenarkan mereka berbelanja untuk memastikan bahawa kos sara hidup itu akan mendapat keselesaan tetapi masa depan mereka tergugat dan juga agak sedikit berkurang daripada yang sepatutnya mereka dapat. Kerana ini adalah pelan ataupun perancangan masa depan yang saya rasa perlu juga diberikan perhatian. Saya ada lima minit lagi, lima minit enam minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merumuskan dalam lawatan saya ke beberapa negeri sebab apa yang saya dapat semua negeri-negeri itu ada setinggan. Setinggan ini menjadi satu igauan buruk 30 tahun, 40 tahun tidak kira mana mereka berada di Perlis sampailah kepada Sabah dan Sarawak termasuk negeri-negeri yang berada di Semenanjung seluruhnya. Setinggan ini amat sensitif dan hak itu tidak boleh dipertahankan.

Maka yang demikian, saya ingin menyeru kepada Kementerian Luar Bandar untuk melihat bagaimana untuk mencari resolusi yang membantu untuk penyelesaian dalam aspek untuk memastikan bahawa setinggan-setinggan ini dapat diberikan hak seperti geran yang *permanent at least*, sekurang-kurangnya mereka ini dapat memberikan masa depan yang selesa. Rumah sebagai contoh boleh dicagarkan kepada bank dan membesarkan rumah boleh menampung anak keluarga yang lain. Ini juga akan memberikan keselesaan pada mereka dalam membentuk ataupun memberikan perhatian yang lebih baik dan lebih selesa dalam penghidupan harian mereka.

Ini saya cadangkan. Baru-baru ini saya pergi saya minta maaf Pasir Gudang. Saya pergi ke Pasir Putih baru-baru ini untuk jadikan contoh 30-40 tahun duduk masih lagi tidak dapat geran dan saya menyeru kepada semua negeri-negeri, kementerian untuk bantu bagaimana mungkin kita boleh memberikan mereka keselesaan tetapi mereka duduk dalam rumah setinggan. Saya minta setinggan-setinggan seluruh negara bantulah mereka yang memerlukan bantuan ini untuk diberikan hak mereka kalau mereka hidup, kalau mereka duduk di situ lebih daripada 14 tahun maka berikanlah mereka geran untuk diusahakan. Mereka akan dapat hidup selesa dan memberikan penghidupan yang lebih bermakna untuk mereka.

Akhir sekali isu yang saya hendak bangkitkan ialah berkaitan dengan pengisytiharan Kumpulan Kerja Penahanan Arbitrari Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu yang mengiktiraf Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai mangsa tahanan politik. Datuk Seri Anwar Ibrahim juga merupakan tahanan politik yang dipenjarakan secara arbitrari, yang memenjarakan dan dilakukan tanpa bersandar bukti yang kukuh. Kumpulan ini telah sebulat suara mendapati Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan secara haram dan melanggar undang-undang antarabangsa melalui pendapat No.22/2015.

Pemenjaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah arbitrari dan mengambil kira semua hal dalam kes ini kumpulan kerja ini berpendapat bahawa jalan yang membentuk keadaan ini adalah untuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan serta-merta dan memastikan hak-hak politik beliau yang dirampas oleh sebab pemenjaraan beliau ini dikembalikan segera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dua minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebelah sini Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dua sebelah sini pun tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Parit. Tidakkah dua sekali. Tunggu nanti ada *Second Chamber*, boleh Yang Berhormat.

8.19 m.m.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut berbahas bagi menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyampaikan Titah yang penuh bermakna di Dewan yang mulia ini. Titah Tuanku itu merangkumi banyak perkara meliputi pelbagai usaha kerajaan dalam memajukan negara di samping menyentuh beberapa perkara yang perlu dimanfaatkan, dimantapkan demi kesejahteraan, keharmonian dan keselamatan rakyat jelata.

■2020

Sesungguhnya apa yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu perlu diberikan perhatian yang khusus dan sewajarnya kerana tempoh untuk kita mencapai Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi hanya tinggal empat tahun sahaja. Dalam tempoh masa yang singkat itu lebih banyak cabaran yang dialami negara terutama sekali dalam iklim ekonomi global yang tidak menentu dan tahap keselamatan yang semakin meruncing.

Tuan Yang di-Pertua, isu utama yang saya hendak bawa pada hari ini ialah berhubung dengan ancaman ekstremisme dan ajaran sesat yang saban hari menjadi tumpuan dan perbualan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Saya mengerti bahawa ancaman ekstremisme yang disulami dengan pelbagai ajaran sesat telah menjadi virus yang semakin menyerap ke dalam masyarakat. Jika tidak dibendung dengan segera akan memporak-perandakan negara, bangsa dan agama. Saya berkata demikian kerana dewasa ini ramai rakyat kita telah terpengaruh dengan fahaman ekstremisme yang disebarkan oleh pelbagai media khususnya media sosial dan internet.

Laporan Polis Diraja Malaysia menyatakan seramai 72 orang rakyat kita terutamanya golongan belia telah terlibat dengan kumpulan militan Daish di negara Syria dan Iraq. Kononnya dengan menyertai kumpulan ekstremis ini, mereka yang terpengaruh itu berpendapat bahawa mereka telah melakukan jihad di sisi Islam dan bakal ditempatkan di syurga sekiranya mereka mati syahid kerana perjuangan mereka itu.

Hakikatnya tidak benar kerana Islam tidak membenarkan seorang yang beragama Islam membunuh orang yang tidak berdosa walaupun ia seorang kafir. Semakin hari semakin ramai rakyat negara ini yang mudah terpengaruh kepada diayah puak ekstremis ini khususnya daripada kumpulan militan Daish dan beberapa kumpulan pelampau Islam yang lain. Puncanya kerana rakyat yang mudah terpengaruh kepada ideologi ekstremis tidak mempunyai fahaman ajaran Islam yang sebenar sehingga mudah ditipu oleh ajaran songsang ideologi ekstremis ini. Selain daripada itu, penyelewengan yang dilakukan oleh kumpulan ajaran sesat juga boleh bertukar menjadi ancaman militan yang berupaya menggugat keselamatan negara. Difahamkan sebanyak 56 buah kumpulan ajaran sesat bergerak aktif dalam negara kita dan sesuatu harus diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

Malangnya dalam membendung gejala ajaran sesat ini, pihak PDRM tidak mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada sesuatu ajaran sesat itu sesat ataupun tidak kerana ia terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan pihak berkuasa agama negeri-negeri. Saya berharap perkara ini dapat diselesaikan.

Kumpulan ajaran sesat kebiasaannya bermula dengan penekanan terhadap aktiviti pengisian amalan keagamaan dan kerohanian terhadap anggotanya dan mula berubah selepas meraih sokongan dan pengaruh. Apakah kumpulan ini akan mula menjadi taksub sehingga mula mempraktikkan konsep serta semangat jihad serta syahid yang terpesong. Sebagai contoh menyerang atau memusnahkan tempat ibadat agama lain, mengaku mereka tentera Allah dan mengkafirkan serta menghalalkan darah sesama Islam untuk dibunuh.

Selain itu negara berhadapan dengan ancaman penyebaran ajaran sesat dan ideologi ekstremis yang amat serius melalui penggunaan Internet dan media sosial. Penggunaan Internet tanpa batas dan sempadan telah mampu digunakan oleh pendakwah ajaran sesat yang ekstremis kepada lapisan umat Islam tanpa mengira umur dan jantina. Ledakan media baru ini dikenal pasti antara punca berlakunya krisis dalam masyarakat dan peredaran maklumat dari pelbagai saluran media masa, tidak berautoriti menyebabkan sesetengah isu mudah diputar-belitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Justeru saya menyarankan kepada kerajaan khususnya kementerian dan agensi terlibat supaya memberikan komitmen dan tindakan yang lebih tegas terhadap ancaman yang ditimbulkan oleh kumpulan ekstremis dan ajaran sesat ini bagi memastikan kestabilan dan keselamatan negara tidak terganggu.

Namun yang paling penting sekali ialah memastikan semua orang Islam di Malaysia mengamalkan ajaran Islam yang sebenar berlandaskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Oleh itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri Dalam Negeri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri yang berkaitan tentang sejauh manakah tindakan bersepadu di antara pelbagai agensi seperti PDRM, JAKIM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah disusun bagi mengawal dan membendung ancaman ekstremis dan ajaran sesat ini. Saya juga ingin tahu apakah bentuk tindakan yang telah diambil.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu adakah berlaku percanggahan undang-undang agama antara peringkat Kerajaan Persekutuan dengan negeri sehingga menyukarkan usaha untuk membanteras penyebaran ideologi dan ajaran sesat. Jika ada, sudah adakah usaha oleh pihak terbabit untuk mengatasi masalah ini. Bagi menyekat penyebaran meluas diayah ekstremisme ini dan ajaran sesat, saya berharap kementerian dapat mempertingkatkan usaha dakwah melalui Internet seiring penggunaan media tradisional.

Hanya melalui kaedah ini pelbagai keperluan semasa umat Islam dapat disampaikan. Kerajaan perlu menggunakan segala sumber yang ada terutama sekali penggunaan Internet dan media sosial bagi memperjelaskan segala persoalan ini dan isu yang berkaitan dengan agama Islam agar umat Islam di negara ini tidak terpesong dan mudah terpengaruh dengan diayah ekstremis dan ajaran sesat.

Dalam perkara ini, pihak JAKIM dan jabatan agama Islam negeri-negeri hendaklah sentiasa bekerjasama dan berdamping rapat dengan PDRM bagi membendung penularan fahaman kumpulan ekstremis dan ajaran sesat ini. Hanya Jabatan Agama sahaja yang mampu memberikan maklumat yang jelas mengenai ajaran Islam yang sebenar di samping dapat mengenal pasti percubaan untuk menyalurkan ajaran dan ideologi yang salah. Dengan itu, saya mencadangkan sudah tiba masanya JAKIM dan jabatan agama negeri-negeri menubuhkan *cyber trooper* yang berfungsi khas untuk menentang penularan ajaran dan ideologi salah melalui aplikasi media sosial dan internet.

Saya juga bersetuju dengan cadangan untuk memantapkan *syllabus* pengajian agama Islam berteraskan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah di peringkat sekolah dan institut pengajian tinggi sebagai satu lagi cara untuk membendung penularan ideologi ekstremis dan ajaran sesat di kalangan umat Islam khususnya di kalangan pelajar dan belia. Saya percaya dan yakin, apabila jiwa dan iman seseorang itu diserapi dengan ajaran dan fahaman Islam yang sebenar, maka akan menjadi sukar dipengaruhi untuk melakukan perkara yang salah khususnya berbentuk ekstremis dan perkara yang terpesong daripada akidah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat, sambung esok 10 minit Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 15 Mac 2016.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.]